

**PERANAN PONDOK PESANTREN DALAM
PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI
KERINCI JAMBI INDONESIA**

NASRUN S

**PROGRAM PENGAJIAN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

**PERANAN PONDOK PESANTREN DALAM
PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI
KERINCI JAMBI INDONESIA**

NASRUN S

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA
PENGAJIAN ISLAM (SECARA PENYELIDIKA)**

**PROGRAM PENGAJIAN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Nasrun S (No. K.P/Pasport: R 364059)

No. Pendaftaran/Matrik : IGC 080003

Nama Ijazah : Sarjana Pendidikan Islam

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Peranan Pondok Pesantren dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Kerinci Jambi Indonesia

Bidang Penyelidikan : Institusi Pendidikan Islam

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh : 2/12/2013

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh : 5/12/2013

Nama : Puan Norhayati HJ Hamzah
Jawatan : Pensyarah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam

ABSTRAK

Pondok pesantren adalah lembaga pendidikan agama Islam yang wujud serta diiktiraf oleh masyarakat di Indonesia yang berperanan dalam mengembangkan pengetahuan Islam di Indonesia. Maka kajian ini menganalisis sejarah perkembangan Pondok Pesantren di Kerinci, Jambi, Indonesia, kurikulum dan peranannya dalam pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan metode kualitatif yang mengabungkan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi, historis, temu bual dan observasi telah digunakan manakala metode induktif dan deduktif telah digunakan bagi menganalisis data. Berikut merupakan perumusan masalah bagi kajian ini; Bagaimanakah perkembangan pondok pesantren di Indonesia amnya dan di Kerinci Negeri Jambi khususnya? Apakah ciri-ciri dan bentuk kurikulum pondok pesantren di Indonesia dan di Kerinci Jambi? dan Apakah peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci, Jambi dalam pendidikan Islam seperti peranan dalam pembelajaran Al-Qur'an dan tafsir, bahasa Arab, kaligrafi, dan aktiviti-aktiviti kepada masyarakat. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa pondok pesantren di Kerinci telah berkembang dengan pesat dari awal penubuhannya sehingga sekarang dan menggunakan sistem pendidikan madrasah yang mengabungkan kurikulum pendidikan Islam dan kurikulum pendidikan umum. Selain itu, pondok pesantren telah memainkan peranan utama dalam pendidikan Islam dalam melahirkan para hafizul Qur'an, para pendakwah, ahli kaligrafi yang mahir, para pemimpin dalam masyarakat serta mahir dalam berbahasa Arab. Kesimpulannya, pendidikan yang ditawarkan oleh pondok pesantren telah memberi peluang kepada masyarakat Islam di Kerinci untuk menimba ilmu tentang Islam dan mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Selain itu, untuk lebih jelas mengenai pondok pesantren di Kerinci, banyak perkara yang masih boleh dikaji secara mendalam seperti bagaimana implementasi kurikulum umum dalam

pendidikan pondok pesantren, bagaimana peningkatan pengetahuan Islam pada masyarakat Kerinci, dan sebagainya.

ABSTRACT

Pondok Pesantren is an institution of Islamic education that existed and recognized by the society in Indonesia that played a role in spreading the knowledge of Islam in Indonesia. Therefore, this research analyzed the history of the development of *Pondok Pesantren* in Kerinci, Jambi Indonesia, its curriculum and role in Islamic education. This research utilized the qualitative method that combined library and field research. In collecting data, the method of documentation, historical, interview and observation were used while the methods of inductive and deductive were applied in the data analyzing. Following are the statement of problems of this study; How was the history of the development of *Pondok Pesantren* in Indonesia generally and specifically in Kerinci, Jambi Indonesia, What were the characteristics and curriculum of *Pondok Pesantren* in Indonesia and Kerinci, Jambi and what were the roles of *Pondok Pesantren* in the district of Kerinci, Jambi in Islamic education such as the role in teaching al-Qur'an and *tafsir*, Arabic language, calligraphy and activities to the societies? Findings of this research show that *Pondok Pesantren* in Kerinci have developed rapidly since their establishment until present and have been using the *madrasah* system of education that combines the curriculum of Islamic education and general education. Besides that, *Pondok Pesantren* in Kerinci have played major roles in Islamic education in term of producing pupil that were memorizer of Qur'an and expert in Arabic language, *da'i* (Muslim Preacher), expert calligrapher, leaders of the society, *etc.* In short, education offered by the *Pondok Pesantren* had given an opportunity to the Muslims in Kerinci to gain knowledge on Islam and to apply it in their lives. In addition, to understand clearly on *Pondok Pesantren* in Kerinci, a lot of things can still be studied in depth such as how was the implementation of the general curriculum in the education of *Pondok Pesantren*, how was the growth of Islamic knowledge to the society of Kerinci and others.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan kurnia-Nya kepada kita semua, salawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. yang telah membawa sinar Islam dan iman ke atas umat manusia seluruhnya serta mendidik manusia dari kejahilan ke alam yang penuh peradaban.

Tekad dan usaha yang bersungguh-sungguh akhirnya membolehkan saya menyelesaikan disertasi ini yang bertajuk ***“Peranan Pondok Pesantren dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Kerinci Jambi Indonesia”***. Adapun tujuan penulisan ini adalah untuk memenuhi keperluan bagi ijazah Sarjana Usuluddin (secara disertasi) di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Saya dalam kesempatan ini ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya dan yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Puan Norhayati Binti Hj. Hamzah yang tidak pernah jemu dan bersusah payah meluangkan masa dalam memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang membina dan arahan sangat bermanfaat sepanjang penyelidikan bagi meningkatkan kualiti disertasi ini.

Penulis juga ingin mendedikasikan ucapan terima kasih buat semua pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam amnya, dan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam khasnya. Penghargaan buat Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam iaitu Dr. Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, Dr. Mohd. Roslan Mohd. Nor, Prof. Dr. Tatiana Desinova, Pn. Soffihaidar Baharudin dan Pn. Suzana Binti Muhammad Zain .

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pejabat kerajaan perbandaran Distrik Kerinci, tokoh masyarakat, pimpinan-pimpinan pesantren, para ustaz, alumni santri dan

santri yang telah memberikan kerjasama yang sewajarnya dalam membantu saya menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada ayahanda Sai Bin Domanah dan bonda Zaimah Binti Rosli tercinta yang telah banyak memberi sokongan, isteri tercinta Umi Salamah Spd. Binti Ishak Husain SPdI. dan ananda tersayang Muhammad Adif Farurrahman Bin Nasrun, yang telah banyak memberikan semangat dan dorongan, paman Ustaz Lukman Paduko yang telah memberikan bantuan dan sokongan kepada dalam menamatkan pengajian dari aspek material dan moral. Begitu juga kepada seluruh ahli keluarga penulis yang selalu memberikan dorongan dan masukkan sepanjang pengajian ini.

Juga sekalung ucapan penghargaan kepada rekan-rekan penulis antaranya, Muhammad Faizin, Yusuf Bin Abdullah, Azhari Baharudin dan Ustaz Hj. Faizal Anas yang selalu berkongsi ide dan pandangan yang membina dalam memantapkan disertasi ini. Jasa kalian semua tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata, hanya doa yang mampu penulis panjatkan kehadirat Allah Rabbi Izza'ti bagi membalas jasa-jasa dan pergorbanan kalian.

30 November 2013

PROGRAM PENGAJIAN ISLAM

Nasrun Sai

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

Koto Sekilan Ambai

UNIVERSITI MALAYA

Kecamatan Sitinjau Laut

KUALA LUMPUR

Kabupaten Kerinci

Jambi – Indonesia 37171.

SENARAI KEPENDEKAN

ABRI	: Angakatan Bersenjata Republik Indonesia
ADUN	: Ahli Dewan Undangan Negeri
Abd	: Abdullah
Amd	: Ahli Madia
Bil.	: Bilangan
BOS	: Bantuan Operasional Sekolah
BPS	: Badan Pusat Statistik
BT	: Bujur Timur
C.V.	: Citra Varma
Cet.	: Cetakan
Depag	: Depertemen Agama
D2	: Diploma Dua
Dr.	: Doktor
Dra.	: Doktoranda
Drs.	: Doktoranus
DPRD	: Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
Dll.	: Dan Lain-lain
EBTANAS	: Evaluasi Belajar Tahap Akhir Nasional

Ed.	: Edisi
et al.	: <i>et alii</i> (and others)
Fak.	: Fakultas
H.	: Haji
Hj.	: Hajjah
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri.
<i>Ibid.</i>	: <i>Ibidem</i>
IKIP	: Institut Keguruan Ilmu Pendidikan
IPA	: Ilmu Pengetahuan Alam
I,r	: Insinyur
IPS	: Ilmu Pengetahuan Sosial
IPTA	: Institut Pengajian Tinggi Agama
KH	: Kiai Haji
Kec.	: Kecamatan
Kades	: Kepala Desa
Kemenag	: Kementerian Agama
Km	: Kilometer
L	: Lelaki
LKIS	: Lembaga Kajian Islam Sosial

LP3ES	: Lembaga Penelitian Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial
LU	: Lintang Utara
LS	: Lintang Selatan
Lc	: Licence
M	: Masihi
MAN	: Madrasah Aliyah Negeri
MAS	: Madrasah Aliyah Negeri
MIN	: Madrasah Ibtida'iyah Negeri
MIS	: Madrasah Ibtida'iyah Swasta
MTs	: Madrasah Tsanawiyah
MTsN	: Madrasah Tsanawiyah Negeri
MTsS	: Madrasah Tsanawiyah Swasta
MTK	: Matematika
MPd	: Magister Pendidikan
MPdI	: Magister Pendidikan Islam
NEM	: Nilai Ebtanas Murni
NICA	: Netherland Indies Civil Administration
O	: Nomor
PAI	: Pendidikan Agama Islam

PGAN	: Pendidikan Guru Agama Negeri
PGSD	: Pendidikan Guru Sekolah Dasar P3M :
PNS	: Pegawai Negeri Sipil
Pjs	: Pejabat Sementara
PP	: Pondok Pesantren
PPKN	: Pendidikan Pancasila dan Kenegaraan
PT	: Perusahaan Terbatas
PTN	: Pabrik The Nasional
PTPTN	: Perusahaan Terbatas Pabrik Teh Nasional
Pontren	: Pondok Pesantren
P	: Perempuan
RI	: Republik Indonesia
S.A.W.	: Salallahu ‘Alaihi Wassallam
S.W.T.	: Subhanallahu Wa Ta‘ala
S.Ag	: Sarjana Agama
Sdn. Bhd.	: Sendirian Berhad
SD	: Sekolah Dasar
SE	: Sarjana Ekonomi
SH	: Sarjana Hukum

SKI	: Sejarah Kebudayaan Islam
SLTA	: Sekolah Lanjutan Tingkat Atas
SLTP	: Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama
SMP	: Sekolah Menengah Pertama
SMU	: Sekolah Menengah Umum
SMK	: Sekolah Menengah Kejuruan
SPd	: Sarjana Pendidikan
SPdI	: Sarjana Pendidikan Islam
STAIN	: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri
STIT	: Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah
STKIP	: Sekolah Tinggi Kejuruan Ilmu Pendidikan
S. Hum	: Sarjana Hukum
S 1	: Strata Satu
Terj.	: Terjemahan
TNKS	: Taman Nasional Kerinci Seblat
TU	: Tata Usaha
TK	: Tenaga Kerja
UAN	: Ujian Akhir Nasional
UU	: Undang-undang

UIN : Universitas Islam Negeri

UM : Universiti Malaya

UGM : Universitas Gajah Mada

Ush. : Ushuluddin

UNJA : Universitas Jambi

Vol. : *Volume*

PANDUAN TRANSLITERASI

1) Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ء	a, ’	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	s	م	m
ج	j	ض	d	ن	n
ح	h	ط	t	ه	h
خ	kh	ع	‘	و	w
د	d	غ	gh	ي	y
ذ	dh	ف	f	ة	h,t
ر	r				

2) Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
---	a	قت	<i>qanata</i>
---	i	سلم	<i>salima</i>
---	u	جعل	<i>Ju’ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا ، ئ	a	کبریٰ باب	bab, kubra
ي	i	وکیل	wakil
و	u	سورة	surah

3) Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
و --	aw	قول	qawl
ي --	ay	خیر	khayr
و --	uww	قوة	quwwah
ي --	iy, i	عربی	‘arabiyy/i

Sumber: Buku Panduan Penulisan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Edisi Ketiga, 2012.

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.1 : Jumlah Penduduk Daerah Negeri Jambi dari tahun 2000-2012
- Jadual 3.2 : Pembahagian Kecamatan, Desa/Kelurahan, Di Daerah Kerinci
- Jadual 3.3 : Luas kawasan Per-Kecamatan Daerah Kerinci Tahun 2012
- Jadual 3.4 : Nama-Nama Datuk Bandar Kerinci
- Jadual 3.5 : Data Jumlah Ustaz PP. Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai
- Jadual 3.6 : Sarana dan Prasarana di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai Tahun 2009
- Jadual 3.7 : Data Pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Dari Tahun Ditubuhkan (1982 -2012)
- Jadual 3.8 : Tenaga Guru Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tahun 2011-2012
- Jadual 3.9 : Senarai Wali Kelas Di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun Pelajaran 2011-2012
- Jadual 3.10 : Keadaan Tata Usaha Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun 2009-2012
- Jadual 3.11 : Jumlah Pelajar Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tingkat Tsanawiyah Tahun Pelajaran 2010-2012
- Jadual 3.12 : Jumlah Pelajar Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tingkat Aliyah Tahun Pelajaran 2010-2012
- Jadual 3.13 : Sarana dan Prasarana Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun 2009- 2012
- Jadual 3.14 : Data Tenaga Pengajar Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro tahun 2012
- Jadual 3.15 : Data Jumlah Pelajar Pondok Pesantren Raudlatul Ulum 2012

- Jadual 3.16 : Daftar Tenaga Pengajar Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun
Duri tahun 1433 H/2012 M
- Jadual 3.17 : Data Jumlah Santri Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri
Tahun 1433 H/2012 M
- Jadual 4.1 : Kurikulum Pondok Pesantren Ibtida'iyah (Sekolah Darjah)
- Jadual 4.2 : Kurikulum Pondok Pesantren Tingkatan Tsanawiyah II (Sekolah Tingkatan 1, 2 dan 3)
- Jadual 4.3 : Kurikulum Pondok Pesantren Tingkatan Aliyah (Tingkatan SPM)
- Jadual 4.4 : Analisis Kurikulum Pendidikan Umum di Pondok Pesantren di Kerinci
- Jadual 4.5 : Kurikulum Pendidikan Umum Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai
- Jadual 4.6 : Kurikulum Pendidikan Umum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun 2012
- Jadual 4.7 : Kurikulum Pendidikan Umum Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro Tahun 2012
- Jadual 4.8 : Kurikulum Pendidikan Umum Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri Tahun 2012
- Jadual 4.9 : Analisis Kurikulum Pendidikan Islam di Pondok Pesantren di Distrik Kerinci
- Jadual 4.10 : Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai
- Jadual 4.11 : Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup

- Jadual 4.12 : Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro
- Jadual 4.13 : Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri
- Jadual 4.14 : Analisis Kokurikulum Pondok Pesantren di Daerah Kerinci
- Jadual 4.15 : Kokurikulum Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai
- Jadual 4.16 : Kokurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun 2012
- Jadual 4.17 : Kokurikulum Pondok Pesantren Raudlatul Ulum
- Jadual 4.18 : Kokurikulum Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri Tahun 2012
- Jadual 5.1 : Peranan Pondok Pesantren di Daerah Kerinci dalam Pendidikan Formal
- Jadual 5.2 : Peranan Pondok Pesantren Dalam Pendidikan Non-Formal
(Aktiviti Pondok Pesantren Terhadap Masyarakat di Kerinci)

SENARAI RAJAH

- Rajah 2.I : Organisasi Pondok Pesantren Secara Umum
- Rajah 3.1 : Organisasi Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah
Ambai 2012
- Rajah 3.2 : Struktur Organisasi Pondok pesantren Nurul Haq Semurup tahun
2010- 2012
- Rajah 3.3 : Struktur Pengurusan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu
Aro tahun 2009-2012
- Rajah 3.4 : Pengurusan Yayasan Pendidikan Islam Raudlatul Ulum Kayu Aro
tahun 2012
- Rajah 3.5 : Organisasi Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri
- Rajah 4.1 : Pembahagian waktu aktiviti di Pondok Pesantren Daerah Kerinci

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Peta Negeri Jambi Indonesia
- Lampiran 2 : Peta Daerah Kerinci
- Lampiran 3 : Gambar- gambar berkenaan dengan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhhsaniyah Mukhtariyah Ambai
- Lampiran 4 : Gambar- gambar berkenaan dengan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup
- Lampiran 5 : Gambar- gambar berkenaan dengan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum
- Lampiran 6 : Gambar- gambar berkenaan dengan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI KEPENDEKAN	vii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
ISI KANDUNGAN	xx

BAB I

PENDAHULUAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	1
1.3	Perumusan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Pengertian Tajuk	7
1.7	Skop Kajian	10
1.8	Sorotan Literatur	11
1.9	Metodologi Kajian	17
1.9.1	Metode Analisis Dokumen/Dokumentasi	17
1.9.2	Kajian Perpustakaan	18
1.9.3	Metode Historis	19

1.9.4	Metode Pemerhatian (Observasi)	19
1.9.5	Metode Temu Bual	21
1.10	Metode Analisa Data	22
1.10.1	Metode Induktif	22
1.10.2	Metode Deduktif	23
1.10.3	Metode Komperatif	24
1.11	Sistematika Penulisan	24
1.12	Kesimpulan	25

BAB II

PONDOK PESANTREN DI INDONESIA: SEJARAH, CIRI DAN METODE PENDIDIKAN SECARA UMUM

2.1	Pendahuluan	27
2.2	Defenisi Pondok Pesantren	27
2.3	Ciri-ciri Pondok Pesantren	30
2.2.1	Ciri Fizikal Pondok Pesantren	30
2.2.2	Ciri Pendidikan dan Sosial Keagamaan	31
2.4	Sejarah Perkembangan Pondok Pesantren Di Indonesia	32
2.3.1	Sejarah Ringkas Pendidikan Islam	32
2.3.2	Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia	35
2.3.3	Sejarah Perkembangan Pondok Pesantren Setelah Kemerdekaan Republik Indonesia (1945 - 2012)	40
2.5	Pentadbiran Pondok Pesantren	45
2.5.1	Yayasan Pondok Pesantren	46
2.5.2	Kiai	46
2.5.3	Kaur dan Ustaz	47

2.5.4	Santri/pelajar	48
2.5.5	Wali Santri/Orang Tua Santri	49
2.6	Sistem Pergantian Kepemimpinan di Pondok Pesantren	50
2.7	Metode dan Sistem Pendidikan di Pondok Pesantren	51
2.7.1	Metode Pendidikan Di Pondok Pesantren	51
2.7.1 (a)	Metode <i>Sorogan</i>	52
2.7.1 (b)	Metode <i>Bandongan</i> Atau <i>Wetonan</i>	52
2.7.1 (c)	Metode <i>Musyawarah/ Bahsul Masa'il</i>	53
2.7.1 (d)	Metode Pengajian Pasaran	53
2.7.1 (e)	Metode Hafalan (<i>muhibah</i>)	53
2.7.1 (f)	Metode Demontrasi	54
2.8	Kesimpulan	54

BAB III

SEJARAH PONDOK PESANTREN DI KERINCI JAMBI INDONESIA

3.1	Pendahuluan	55
3.2	Latar Belakang Negeri Jambi	55
3.2.1	Sejarah Ringkas Asal Usul dan Pemerintahan di Jambi	59
3.2.2	Sejarah Ringkas Kedatangan Islam Di Jambi	62
3.3	Sejarah Ringkas Kerinci	64
3.3.1	Asal Usul dan Sejarah Kerinci	64
3.3.2	Kedudukan Dan Keadaan Geografi	65
3.3.3	Luas Kawasan	67
3.3.4	Sosial Budaya dan Masyarakat	67
3.2.4 (a)	Sistem Pemerintahan	68

	3.2.4 (b) Pendidikan	69
3.4	Sejarah Pondok Pesantren di Negeri Jambi	70
3.5	Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai Kabupaten Kerinci (1968 - 2013)	73
3.5.1	Carta Organisasi Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai	76
3.5.2	Prasarana Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai	78
3.5.3	Sumber Dana dan Usaha Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai	79
3.6	Sejarah Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup (1982- 2012)	80
3.6.1	Struktur Organisasi	83
3.6.2	Jumlah Guru, Tata Usaha dan Santri	84
3.6.2 (a)	Jumlah Guru	84
3.6.2 (b)	Jumlah Santri	88
3.6 .3	Sarana dan Prasarana	89
3.7	Sejarah Pondok Pesantren Raudlatul Ulum (1993 - 2012)	90
3.7.1	Prasarana Pondok Pesantren Raudlatul Ulum	92
3.7.2	Pentadbiran Pondok Pesantren Raudlatul Ulum	93
3.7.3	Sumber Dana dan Usaha Pondok Pesantren Raudlatul Ulum	95
3.7.4	Tenaga Pengajar dan Jumlah Santri	97
3.8	Sejarah Pondok Pesantren Darunnajah (1991- 2012)	98
3.8.1	Sistem Pentadbiran Pondok pesantren Darunnajah	100
3.8.2	Jumlah Guru dan Santri	100
3.8.3	Sarana dan Prasarana Pondok di Pesantren Darunnajah	101

3.8.4	Sumber Dana dan Usaha	102
3.9	Kesimpulan	103

BAB IV

KURIKULUM PONDOK PESANTREN DI KERINCI JAMBI INDONESIA

4.1	Pendahuluan	105
4.2	Definisi Kurikulum Pendidikan Islam	105
4.3	Sejarah Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam di Indonesia	109
4.4	Kurikulum Kurikulum Pendidikan Pondok Pesantren di Kerinci Jambi	115
4.4.1	Kurikulum Pendidikan Sekolah Umum di Pondok Pesantren di Kerinci	115
4.4.2	Kurikulum Pendidikan Umum di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai	118
4.4.3	Kurikulum Pendidikan Umum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup	120
4.4.4	Kurikulum Pendidikan Umum di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum	122
4.4.5	Kurikulum Pendidikan Umum di Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri	124
4.5	Kurikulum Pendidikan Islam di Pondok Pesantren di Daerah Kerinci	125
4.5.1	Kurikulum Pendidikan Islam di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai	128

4.5.2	Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup	130
4.5.3	Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Raudlatul Ulum	131
4.5.4	Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri	133
4.6	Kokurikulum di Pondok Pesantren Daerah Kerinci	135
4.6.1	Kokurikulum Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai	138
4.6.2	Kokurikulum Pendidikan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup	139
4.6.3	Kokurikulum Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro	141
4.6.4	Kokurikulum Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri	143
4.7	Pembahagian Waktu Aktiviti Pondok Pesantren di Kerinci	145
4.8	Kesimpulan	146

BAB V

PERANAN PONDOK PESANTREN DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI KERINCI JAMBI INDONESIA

5.1	Pendahuluan	147
5.2	Peranan Pondok Pesantren Di Kerinci dalam Pendidikan Formal	149
5.2.1	Peranan Dalam Mengajar Membaca al-Qur'an	151
5.2.2	Peranan Dalam Mengajarkan Bahasa Arab	153
5.2.3	Berperanan Dalam Mengajarkan Ilmu Tafsir dan	

	al-Qur'an	156
5.2.4	Berperanan Dalam Mengajarkan Seni Kaligrafi	158
5.2.5	Berperanan dalam mengajarkan kitab-kitab kuning	159
5.2.6	Peranan Dalam Bidang Melahirkan Para Da'i	161
5.2.7	Peranan Dalam Memimpin Masyarakat	162
5.3	Peranan dalam Menyalurkan Pendidikan Non-Formal Kepada Masyarakat	163
5.3.1	Mengadakan Pengajian Masjid Sekitar Pondok Pesantren	165
5.3.2	Pengajian Rutin di Rumah Pimpinan Pondok Pesantren	167
5.3.2 (a)	Pengajian di Rumah Pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai	167
5.3.2 (b)	Pengajian Di Rumah Pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup	169
5.3.3	Majlis Ta'lim	170
5.3.4	Remaja Masjid	177
5.3.5	Gotong Royong Bersama Masyarakat	180
5.3.6	Pondok Pesantren Jompo	183
5.4	Kesimpulan	185

BAB VI

KESIMPULAN

6.1	Kesimpulan	186
-----	------------	-----

6.2	Saranan-saranan	189
6.2.1	Saranan Bagi Pejabat Kerajaan Perbandaran Kerinci	190
6.2.2	Saranan Bagi Pondok Pesantren di Kerinci	191
6.3	Penutup	192
BIBLIOGRAFI		194
LAMPIRAN		

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Bab pertama merupakan bab pendahuluan yang menghuraikan latar belakang masalah berkaitan peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci, Jambi, Indonesia dalam perkembangan pendidikan Islam. Subtajuk utama yang akan dinyatakan ialah perumusan masalah, objektif kajian, skop dan kepentingan kajian. Selain itu, sorotan literatur dan metodologi kajian turut dianalisa secara terperinci bagi menentukan halatuju kajian ini agar mencapai objektif yang digariskan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan merupakan perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia kerana pendidikan membolehkan manusia mengenal Allah S.W.T. dan dapat membezakan perkara yang baik dan buruk. Pendidikan merupakan media yang paling sesuai untuk menyiapkan calon pemimpin bangsa di masa hadapan yang berwibawa dan berilmu pengetahuan.¹ Pendidikan juga merupakan asas dalam agama Islam selaras dengan wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. yang menekankan tentang kepentingan ilmu iaitu membaca. Firman Allah S.W.T. dalam surah Al- 'Alaq ayat 1 - 5 seperti berikut:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ حَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلَقٍ ۝ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝
الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَر ۝ عَلِمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Al- 'Alaq 96: 1-5

¹Abdurrahman Kasdi, "Rintisan Munawir Sjadjzali dan International Studies: Menembus Kebekuan Pendidikan Islam," *Jurnal Inovasi Perguruan Tinggi, Depertais Kemenag RI*, vol. 6, no. 2 (2003), 1.

Terjemahan: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhan mu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari segumpal darah beku, bacalah, dan Tuhan mu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.²

Pendidikan Islam diinternalisasikan dengan nilai-nilai keimanan baik secara individual maupun kolektif.³ Pendidikan terhasil sama ada secara rasmi atau tidak rasmi. Pendidikan formal terhasil melalui lembaga pendidikan seperti madrasah, sekolah dan universiti. Lembaga pendidikan tersebut berperanan dalam memastikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar hingga mampu melahirkan masyarakat yang berpengetahuan, berketerampilan, berbudi pekerti luhur serta menguatkan keperibadian dan memperkuatkan semangat kebangsaan.

Di Indonesia, terdapat dua buah institusi pendidikan iaitu institusi pendidikan umum dan institusi pendidikan keagamaan. Institusi pendidikan umum berfungsi memberi ilmu-ilmu keduniaan seperti ilmu alam, sejarah, ketatanegaraan dan lain-lain. Manakala institusi pendidikan agama memfokus kepada ilmu yang berkaitan dengan agama Islam seperti pembelajaran al-Qur'an, hadith, tauhid, fiqah dan lain-lain. Pendidikan di Indonesia dipertingkatkan selaras dengan cita-cita bangsa Indonesia untuk mencerdaskan kehidupan bangsa yang termaktub dalam pembukaan Undang-Undang Dasar 1945.⁴

Terdapat berbagai institusi keagamaan bercorak pendidikan Islam di Indonesia dari tingkat pendidikan rendah hingga ke tahap universiti, sama ada di bawah kerajaan

²Depertemen Agama Republik Indonesia, *al-Qur'an dan Terjemahannya* (Jakarta: Proyek Pengadaan Kitab Suci al-Qur'an, 1989), 1079.

³Hujair A. H. Sanaky, "Pendidikan Islam di Indonesia, Suatu Kajian Upaya Pemberdayaan," *Jurnal Pemikiran Alternatif Pendidikan*, vol. 13, no. 1, isu 15 (2008), 1.

⁴Undang-undang Dasar 1945 ialah merupakan peraturan perundang-undangan dalam negara Republik Indonesia yang merupakan hukum dasar pembentukan negara Republik Indonesia dalam bentuk tertulis yang berisi aturan-aturan negara yang harus ditaati, yang disahkan pada 18/08/1945, dengan keseluruhan naskah berisi pembukaan dan pasal-pasal perundang-undangan negara Republik Indonesia. Di dalam pembukaan undang-undang dasar 1945 terdapat lima dasar Negara Republik Indonesia yang disebut dengan bahasa sangsakerta PANCASILA iaitu lima dasar (Rukun Negara).

negeri maupun swasta yang telah lama bertapak di Indonesia. Antaranya, Madrasah Ibtida'iyah Negeri (MIN), Madrasah Ibtida'iyah Swasta (MIS), Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN), Madrasah Tsanawiyah Swasta (MTsS), Madrasah Aliyah Negeri (MAN), Pendidikan Guru Agama Negeri (PGAN), Madrasah Aliyah Swasta (MAS). Manakala di tahap universiti pula ialah Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Universitas Islam Negeri (UIN) dan Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN). Selain daripada institusi tersebut, terdapat juga pondok pesantren yang turut memberikan sumbangan dalam pengajian agama Islam. Pondok pesantren yang telah wujud sekian lama merupakan sekolah yang melaksanakan kurikulum pendidikan umum, agama dan kurikulum pendidikan tersendiri.

Pondok pesantren telah menjadi tempat pengajian agama Islam terawal sebelum kewujudan sekolah dan universiti. Tujuan utama penubuhan pondok pesantren ialah untuk menghasilkan tenaga-tenaga yang menguasai ilmu-ilmu Islam seperti ulama-ulama, guru agama dan kiai⁵ yang dapat memberikan sumbangan dalam bidang keagamaan kepada masyarakat Islam di Indonesia. Selain itu, tujuan pembelajaran di pondok pesantren bukan sekadar untuk menguasai ilmu-ilmu agama tetapi juga untuk membentuk pandangan hidup dan perilaku para pelajarnya agar mampu memainkan peranan dalam masyarakat setelah tamat pengajian di pesantren. Proses pembelajaran dan pengajaran di lingkungan pondok pesantren melibatkan para santri dan kiai. Sejarah perkembangan pondok pesantren di Indonesia menunjukkan kedudukan para Kiai dalam masyarakat Indonesia sebagai tempat rujukan bagi mendalami dan menyelesaikan permasalahan agama Islam. Harry J. Benda (1985) menyebutkan bahawa pesantren dalam kepemimpinan kiai sudah membentuk Islam di Indonesia

⁵Kiai adalah sebutan atau gelar bagi seorang ustaz besar umumnya di Indonesia yang mempunyai ilmu pengetahuan agama yang tinggi dan khasnya dipakai di daerah Kepulauan Jawa. Manakala di daerah lain seperti Sumatera Barat, kiai lebih di kenal dengan Abuya, di Aceh dikenali dengan sebutan teungku dan di daerah Nusa Tenggara Tengah seperti Sulewesi dikenali dengan nama tuan guru.

sejak zaman awal.⁶ Selaras dengan tujuan kewujudan pondok pesantren di Indonesia terdapat hubungan yang erat di antara pesantren di bawah pimpinan kiai dengan masyarakat Islam di Indonesia.

Selain kiai, santri (pelajar) di pondok pesantren merupakan salah satu kelompok yang sangat penting di kalangan umat Islam di Indonesia. Santri (pelajar) adalah gelaran bagi orang yang mendalami ajaran-ajaran Islam di sebuah lembaga-lembaga pendidikan Islam yang berasrama (pondok) di Indonesia.⁷ Pesantren dan masyarakat santri, dalam kepimpinan kiai, sudah membentuk Islam di Indonesia sejak zaman awal. Malah kesejahteraan Islam ala Indonesia adalah kesejahteraan memperbesarkan santri dan pengaruhnya terhadap kehidupan keagamaan, ekonomi sosial dan ekonomi di Indonesia.⁸ M. Yakub (1993) mengatakan pada umumnya hubungan lahir batin masyarakat sekitar pondok pesantren dengan warga pondok pesantren lebih bergema dan mesra jika dibandingkan dengan hubungan institusi pendidikan yang bersifat umum.⁹ Hubungan pesantren dengan masyarakat begitu akrab terutama melibatkan aktiviti keagamaan selaras dengan prinsip pendidikan di pondok pesantren yang bertujuan untuk menegakkan dan menyebarluaskan agama Islam.

Muhammad Yunus (1993) mengatakan hingga kini pondok pesantren kekal berperanan dan jelas kewujudannya di tengah-tengah masyarakat dan merupakan aset nasional yang sangat besar.¹⁰ Di antara pondok pesantren yang telah melahirkan para kiai terkenal di Indonesia antaranya seperti Pondok Pesantren Tebuireng yang ditubuhkan pada tahun 1899, Pondok Pesantren Moden Gontor pada 1926 dan sebagainya yang telah lama tertubuh di Indonesia.

⁶Harry J. Benda, *The Crescent and The Rising Sun* (The Hague and Bandung: Van Houve, 1985), 14.

⁷Nurcholis Madjid, *Kaki Langit Peradaban* (Jakarta: Paramadina, 1997), 52.

⁸Harry J. Benda, *The Crescent and The Rising Sun*, 14.

⁹M. Yakub, *Pondok Pesantren dan Pembangunan Masyarakat Desa* (Bandung : Angkasa, 1993), 62.

¹⁰Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* (Jakarta : Hidakarya Agung, 1993), 20. Lihat juga, Karel A. Steinbrink, *Pesantren, Madrassah, Sekolah* (Jakarta : LP3S, 1974), 15.

Latar belakang di atas menunjukan kepentingan pondok pesantren dan peranannya dalam mengembangkan ajaran dan dakwah Islam di kalangan masyarakat Indonesia. Malah produk dari pondok pesantren diharapkan menjadi teladan terhadap sikap dan perbuatan mereka kepada masyarakat. Kepercayaan, sikap-sikap dan nilai-nilai masyarakat pesantren, terutama cara saling mempengaruhi masyarakat luar pesantren dan anggapan bahawa pesantren sebagai *alternative ideal* membuatkan pesantren agak berbeza daripada masyarakat Indonesia pada umumnya dan juga umat Islam yang lebih luas. Oleh kerana pondok pesantren merupakan lembaga pendidikan Islam yang berperanan merealisasikan cita-cita umat Islam di Indonesia dalam melahirkan manusia yang berilmu dan beriman, maka kajian ini akan mengkaji sejarah perkembangan kurikulum dan peranan pondok pesantren di Indonesia dalam pendidikan Islam secara umum dan di Daerah Kerinci Negeri Jambi khususnya.

1.3 Perumusan Masalah

Adapun sub-sub permasalahan seperti berikut:

1. Bagaimanakah perkembangan pondok pesantren di Indonesia amnya dan di Kerinci Negeri Jambi khususnya?
2. Apakah ciri-ciri dan bentuk kurikulum pondok pesantren di Indonesia dan di Kerinci Negeri Jambi?
3. Apakah peranan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhasniah Mukhatriyah Ambai, pondok pesantren Nurul Haq Semurup, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro dan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbum Duri di Kerinci Jambi dalam pendidikan Islam seperti peranan dalam pembelajaran al-Qur'an dan tafsir, bahasa Arab, kaligrafi, dan aktiviti-aktiviti kepada masyarakat?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejarah perkembangan pondok pesantren dan peranannya dalam pendidikan Islam di Kerinci Jambi, penjelasan tujuan bagi penyelidikan ini sebagaimana berikut:

1. Membincangkan perkembangan pondok pesantren di Indonesia amnya dan khususnya di Kerinci, Negeri Jambi, Indonesia.
2. Menganalisa ciri-ciri pondok pesantren dan bentuk kurikulum yang dilaksanakan di pondok pesantren di Indonesia dan di Kerinci, Jambi.
3. Menganalisa peranan pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhatariyah Ambai, Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro dan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbum Duri dalam pendidikan Islam di Kerinci, Negeri Jambi, Indonesia.

1.5 Kepentingan Kajian

Adapun kepentingan kajian adalah seperti berikut:

1. Membuktikan bahawa pondok pesantren telah memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan Islam di Indonesia kerana melahirkan ramai golongan ulama seperti Prof. Dr. Hidayat Nur Wahid, mantan ketua Majlis Perwakilan Rakyat dari Pondok Pesantren Gontor, KH. Mohammad Ahmad Sahal Mahfudz adalah Ketua Majlis Ulama Indonesia sejak 2000 yang merupakan lulusan dari Pondok Pesantren Maslakul Huda, H Zainuddin Mz penceramah termuka di Indonesia dari Pondok Pesantren Darul Ma’arif, Ustad Muhammad Nur Maulana, yang

penceramah terkenal di Indonesia dari Pondok Pesantren An- Nahdah Makassar (lulusan tahun 1994).

2. Untuk menunjukkan peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci Jambi sebagai pusat pendidikan Islam dan pusat rujukan masyarakat berkaitan agama Islam.
3. Untuk menambah koleksi bahan tentang keempat-empat pondok pesantren yang berada di Daerah Kerinci, Negeri Jambi yang belum pernah dikaji secara terperinci sebelum ini.

1.6 Pengertian tajuk

Kajian ini bertajuk “*Peranan Pondok Pesantren Dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Kerinci Jambi Indonesia.*” Untuk lebih jelas pengertiannya adalah seperti berikut:

a. Peranan

Dalam kamus besar bahasa Indonesia, peranan adalah yang dimainkan oleh seseorang, tindakan yang dilakukan oleh seseorang dalam suatu peristiwa.¹¹ Peranan adalah fungsi yang dilakukan oleh orang, kelompok atau suatu institusi terhadap hala tuju program seseorang, kelompok atau institusi. Peranan ialah apabila seseorang, kelompok, dan lembaga melaksanakan hak-hak dan kewajipannya sesuai dengan status yang dimiliki. Dari sudut kajian ini, peranan merujuk kepada pondok pesantren yang merupakan suatu lembaga pendidikan agama Islam yang berperanan besar dalam merealisasikan tujuan umat terhadap peribadatannya dalam penganutan Islam. Dengan

¹¹Depertemen Pendidikan Nasional dan Pusat Bahasa, *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (Jakarta: Depertemen Pendidikan Nasional 2003), 1104. Lihat juga *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 2005), 1212.

erti kata lain, pondok pesantren menjadi institusi pendidikan yang sangat penting dalam mengajarkan pengetahuan agama Islam kepada masyarakat.

b. Pondok Pesantren

Pondok pesantren adalah suatu lembaga pendidikan agama Islam yang wujud serta diiktiraf oleh masyarakat sekitar, dengan sistem asrama di mana santri menerima pendidikan agama melalui sistem pengajian atau madrasah yang sepenuhnya berada di bawah kedaulatan dari *leadership* seorang atau beberapa orang kiai dengan ciri khas yang bersifat kepatuhan dan disegani santri dalam segala hal.¹²

Pondok pesantren juga merupakan lembaga pendidikan dan pengajaran agama Islam yang pada umumnya pendidikan dan pengajaran diberikan dengan kiai yang mengajarkan santri-santri dan dibantu oleh beberapa ustaz dengan kitab yang bertulis dengan bahasa arab manakala santri tinggal di dalam pondok/asrama dalam pesantren tersebut.¹³ Kesimpulan pondok pesantren ialah lembaga pendidikan yang tujuannya khusus bagi pembelajaran agama Islam dengan sistem asrama dengan kiai yang mengajar kepada santri.

c. Perkembangan

Perkembangan adalah perihal (proses dan sebagainya) berkembang menjadi maju atau membiak dalam pertumbuhan.¹⁴ Perkembangan dalam kontek kajian ini merujuk kepada sejarah perkembangan pondok pesantren di Kerinci khususnya. Iaitu dari sejarah penubuhan dan perkembangannya dari pelbagai sudut. Ini sangat penting kerana sejarah sebagai peristiwa masa lampau yang tidak hanya sekadar memberi informasi tentang terjadinya peristiwa itu, tetapi juga memberikan interpretasi yang

¹²Depertemen Agama Republik Indonesia, *Pembinaan Kelembagaan Agama Islam: Pedoman Penyelengaraan Unit Keterampilan Pondok Pesantren* (Jakarta : CV. Forum, 1985), 1.

¹³Marwan Saridjo et al., *Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia* (Jakarta : Darma Bakhti, 1980), 9.

¹⁴Kamus Dewan, 730.

terjadi dengan melihat hukum sebab akibat atas peristiwa tersebut.¹⁵ Sejarah di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka adalah peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa yang lampau, kisah, riwayat, tambo.¹⁶ Sejarah dari kontek kajian ini merujuk kepada sejarah pondok pesantren di Indonesia dan pada khasnya ialah sejarah perkembangan pondok pesantren di Kerinci, Negeri Jambi.

d. Pendidikan Islam

Pendidikan Islam merupakan pengetahuan mengenai ajaran Islam baik dalam bidang sejarah maupun dalam pengetahuan dunia dan akhirat. Pelbagai maksud diberikan kepada pendidikan Islam seperti menurut Hasan Langgulung (1991) yang menyatakan bahawa pendidikan Islam wujud dari perhubungan antara semangat yang berasal dari Al-Qur'an dengan pengetahuan-pengetahuan yang sudah wujud dari berbagai peradaban yang diwarisi oleh Islam dan diubah melalui kekuasaan spiritual untuk menjadi bentuknya yang baru.¹⁷ Ia juga merupakan bimbingan yang dilakukan oleh orang dewasa kepada terdidik dalam masa pertumbuhan agar ia memiliki keperibadian muslim.¹⁸

Pendidikan Islam juga merupakan penanaman akhlak mulia di dalam jiwa anak didik dalam masa pertumbuhannya dan menyirami dengan air petunjuk dan nasihat, untuk pengenalan dan pengakuan tempat-tempat yang benar demi segala sesuatu di dalam tatanan penciptaan sehingga membimbing arah pengalaman dan pengawasan akan tempat Tuhan yang tepat dalam tatanan wujud kebenaran.¹⁹

¹⁵Nourouzzaman Shiddiqie, *Pengantar Sejarah Muslim* (Yogyakarta: Nurcahaya 1983), 5.

¹⁶Kamus Dewan, 1411.

¹⁷Hasan Langgulung, *Asas-Asas Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1991), 31.

¹⁸Hajjah Nur Uhbiyati, *Ilmu Pendidikan Islam*, cet. ke-2 (Bandung: Pustaka Setia, 1995), 11.

¹⁹Abdul Halim Soebahar, *Wawasan Baru Pendidikan Islam* (Jakarta : Kalam Mulia, 2002), 10.

e. Kerinci, Jambi, Indonesia

Daerah Kerinci adalah salah satu bahagian daripada Negeri Jambi Indonesia. Kerinci ditetapkan sebagai daerah sejak awal berdirinya Negeri Jambi dengan pusat pemerintahan di Sungai Penuh. Pada tahun 2011, pusat pemerintahan telah berpindah ke Siulak.²⁰ Setelah Sungai Penuh di Jadikan sebuah Kota Madya (Bandar), Daerah Kerinci memiliki luas 4.200 km² terdiri atas 11 kecamatan (mukim).

Sedangkan suku kata Jambi adalah merupakan suatu provinsi atau negeri dari 33 negeri yang ada di Negara Kesatuan Republik Indonesia dan merupakan satu Kota Madya yang dijadikan sebagai pusat Bandar Negeri Jambi serta mempunyai sembilan bahagian Daerah (distrik) dan dua Kota Madya (bandar).

1.7 Skop Kajian

Sebelum kajian ini dijalankan agar tidak terkeluar dari tujuan dan tajuk yang telah dipaparkan, maka penulis terlebih dahulu membuat skop dan batasan masalah. Kajian ini hanya memfokuskan kepada peranan pondok pesantren dalam pendidikan Islam di Daerah Kerinci Jambi. Kajian ini juga dikhususkan pada sejarah perkembangan dan peranan dalam pendidikan Islam. Empat buah pondok pesantren di Distrik Kerinci Jambi telah dipilih sebagai sampel daripada 9 buah pondok pesantren bagi menyimpulkan peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci Jambi dalam pendidikan Islam. Keempat-empat buah pondok tersebut dipilih berdasarkan faktor bahawa pondok pesantren tersebut telah lama ditubuhkan di Kerinci dengan jumlah santri yang ramai serta masih aktif sehingga kini. Di samping itu, pondok-pondok pesantren tersebut mempunyai sejarah perkembangan dan peranan dalam pendidikan Islam. Keempat-empat pondok pesantren tersebut ialah seperti di bawah:

²⁰Dokumentasi Pemerintah Kabupaten Kerinci Dinas Pariwisata Dan Kebudayaan (2011-2012), 5.

1. Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai di Kampung Ambai, di Mukim Sintinjau Laut (1977).
2. Pondok Pesantren Nurul Haq Kampung Semurup di Mukim Air Hangat (1981).
3. Pondok Pesantren Raudlatul Ulum di Kampung Bedeng Delapan Mukim Gunung Tujuh (1993).
4. Pondok Pesantren Darrunnajah di Kampung Bumbun Duri Mukim Kayu Aro (1991).

Terpilihnya keempat-empat pondok pesantren di atas adalah bagi mewakili pondok pesantren di Daerah Kerinci Jambi untuk mengetahui sejarah, peranan, sistem pengajaran, kurikulum, dan lain-lain.

1.8 Sorotan Literatur

Kajian lepas atau sorotan literatur bermaksud bahan yang relevan dengan masalah kajian dalam bentuk buku, makalah, jurnal dan laporan pihak tertentu.²¹ Kajian ini memfokus tentang peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci, Negeri Jambi Indonesia dalam pendidikan Islam. Kajian lepas secara khusus tentang keempat-empat buah pondok pesantren yang menjadi subjek kajian ini tidak banyak diperolehi kerana pondok pesantren di Daerah Kerinci mula berkembang sekitar tahun 1970 setelah Indonesia mencapai kemerdekaan, namun terdapat beberapa kajian lepas yang boleh dijadikan sorotan bagi penyelidikan ini. Secara umumnya, kajian lepas bagi penyelidikan ini dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu:

²¹Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Petaling Jaya: Intel Multimedia dan Publication & Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 17.

1. Sejarah pondok pesantren di Indonesia.
2. Peranan pondok pesantren amnya dan khasnya di Daerah Kerinci Jambi Indonesia dalam pendidikan Islam.

Kumpulan pertama berkaitan dengan sejarah pondok pesantren di Indonesia, Marwan Saridjo (1980)²² menyatakan bahawa tarikh pertama penubuhan pondok pesantren di Indonesia tidak diketahui namun beliau lebih memfokus kajian tentang masuknya Islam ke Indonesia dengan zaman permulaan penyebaran agama Islam di Jawa yang dilakukan oleh para wali. Menurutnya perkembangan pondok pesantren di Indonesia telah mengalami banyak tantangan terutama ketika zaman penjajahan Belanda di bumi Indonesia, namun perkembangan tetap berjalan kerana institusi pendidikan ini telah wujud sebelum penjajahan dan telah diterima di tengah-tengah masyarakat. Buku ini merupakan rujukan utama dalam kajian penulis kerana ia memberi landasan awal tentang sejarah pondok pesantren di Indonesia secara keseluruhan walaupun kajian penulis lebih memfokus kepada pondok pesantren di Daerah Kerinci Jambi.

Murdan (2004)²³ melakukan kajian yang bertajuk *Pondok Pesantren Dalam Lintasan sejarah*, menerangkan sejarah perkembangan pondok pesantren di Indonesia sekitar tahun 1890-1945. Beliau berpendapat bahawa pondok pesantren di Indonesia ditubuhkan di sekitar abad yang XIII. Kajian ini hanya memfokus lintasan sejarah pondok pesantren pada tahun 1890-1945 sedangkan kajian penulis mencakupi perkembangan pondok pesantren pesantren di Indonesia dan khususnya di daerah Jambi. Adalah diharapkan penulis dapat melengkapkan lintas sejarah pondok pesantren yang telah dilakukan oleh Murdan.

²²Marwan Saridjo et al., *Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia* (Jakarta : Darma Bakhti, 1980).

²³Murdan, “Pondok Pesantren Dalam Lintasan sejarah” *Ittihad, Jurnal Kopertais Wilayah XI Kalimantan*, Vol. 2. No. 1 (2004): 33-45.

Martin Van Bruinessen (1995)²⁴ dalam karyanya *Kitab Kuning, Pesantren Dan Tarekat : Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*, telah membincangkan berbagai-bagai aspek kehidupan Islam di Indonesia dan secara khususnya membahas tentang kitab teks klasik (kitab kuning) yang dijadikan kitab utama dalam pesantren di Indonesia. Kitab kuning di Indonesia telah dipelajari sebelum wujudnya lembaga pendidikan pesantren. Kitab kuning menurut Bruinessen adalah kitab yang dipelajari di pesantren-pesantren yang terdiri dari teks yang bertulis dalam kertas kuning dan bertulisan Arab tanpa baris dan merupakan kitab pengantar di pesantren yang dipelajari secara hafalan. Kajian Bruinessen sangat berguna bagi kajian penulis terutama bagi meneliti pelaksanaan penggunaan kitab kuning di pondok pesantren sehingga kini.

Rahani (2012)²⁵ di dalam sebuah artikelnya bertajuk *Report on Multicultural Education in Pesantren*. telah membuat penelitian terhadap sebuah pondok pesantren di Yogyakarta Indonesia. Beliau melihat bahawa penerapan kurikulum pendidikan pondok pesantren menjadikan pelajar pondok pesantren sebagai pelajar *multicultural* di Indonesia. Beliau juga meninjau pondok pesantren dari segi perkembangan serta polisi pemerintah pada zaman orde lama dan zaman orde baru di Indonesia. Rahani juga membahas sepintas lalu tentang kurikulum yang tepat untuk diterapkan di pondok pesantren. Jurnal ini penulis jadikan rujukan tentang perkembangan dan kurikulum pondok pesantren di Indonesia setelah kemerdekaan Republik Indonesia.

Zamakhsyari Dhofier (1983)²⁶ dalam *Tradisi Pesantren Studi Tentang Pandangan Hidup Kiai* mengkhususkan tentang hubungan intelektual dan kekerabatan sesama kiai. Dalam kajian ini beliau juga mengatakan bahawa kiai di Indonesia

²⁴ Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat : Tradisi-tradisi Islam di Indonesia* (Bandung: Mizan, 1995).

²⁵Raihani, “Report on Multicultural Education In Pesantren,” *Jurnal of Comparative and International Education*, Vol. 42. Isu. 4 (2012): 586-605.

²⁶Zakmakhayari Dhofier, *Tradisi Pesantren, Study Tentang Pandangan Hidup Kiai* (Jakarta: LP3ES, 1983).

mempunyai kekerabatan yang kuat dan selalu membangun solidaritas dan kerjasama yang erat dengan mengembangkan jaringan aliansi perkahwinan, anak kiai yang satu akan dikahwinkan dengan anak kiai lainnya, juga selalu mengembangkan tradisi transmisi pengetahuan dan transmisi intelektual. Kajian beliau ini mengutamakan peranan kiai dalam memelihara dan mengembangkan faham Islam tradisional di Jawa. Kajian beliau ini penulis jadikan rujukan dalam kajian penulis.

Kumpulan kedua ialah tentang peranan pondok pesantren amnya dan khasnya di Distrik Kerinci dalam pendidikan Islam Sukurman Spd. (2007)²⁷ dalam kertas projeknya bertajuk *Implimentasi Kurikulum Pendidikan Matematika di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai* memfokus tentang kurikulum pendidikan matematik di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai yang berdasarkan pendidikan agama. Kertas projek ini walaupun berlainan dengan kajian penulis namun ia merupakan salah satu daripada kajian lepas yang berkaitan dengan salah satu pondok pesantren yang penulis ambil sebagai sampel iaitu Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai sebagai lokasi penelitian dalam sejarah dan peranannya.

Abdullah Ahmad (1996)²⁸ dalam kertas projeknya yang bertajuk *Peranan Majlis Ta'lim Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai Terhadap Pengetahuan Agama Pada Masyarakat Ambai*, menjelaskan tentang kehadiran sebuah organisasi Majlis Ta'lim pondok pesantren yang mempunyai aktiviti di Desa Ambai dan sekitarnya serta peranannya dalam pendidikan Islam pada masyarakat. Kajian ini hanya memfokuskan kepada Majlis Ta'lim yang merupakan salah satu peranan Pondok

²⁷Sukurman, "Implimentasi Kurikulum Pendidikan Matematika di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai." (Kertas Projek, Universiti Jambi, 2007).

²⁸Abdullah Ahmad, "Peranan Majlis Ta'lim Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai terhadap Pengetahuan Agama Pada Masyarakat Ambai." (Kertas Projek, Jurusan Ushuluddin, IAIN Sultan Taha Saifudin Jambi, 1996).

Pesantren Jamiatul Ikhsaniah Mukhtariyah Ambai dalam pendidikan Islam dan ini berbeza dengan kajian penulis yang mengkaji peranan pondok pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Ambai secara keseluruhan. Namun tulisan ini menjadi panduan kepada penulis dalam mengetahui peranan Majlis Ta’lim pondok pesantren terhadap masyarakat.

Muhammad Faishal (2012)²⁹ dalam disertasinya bertajuk *Pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlisin: Sejarah dan Peranan Terhadap Pendidikan Islam di Batu Bara (1997-2010) Sumatera Utara, Indonesia*, mengkaji sebuah pondok pesantren yang terletak di Batu Bara Sumatera Utara dan dapatan kajian menunjukkan bahawa pondok pesantren Wakaf Al- Mukhlisin telah memainkan peranan yang signifikan masyarakat Batu Bara. Kajian Faisal hampir sama dengan kajian penulis iaitu berkaitan peranan pondok pesantren dalam pendidikan Islam namun lokasinya adalah berbeza. Kajian hanya memfokus kepada sebuah pondok pesantren sahaja di Sumatera Utara manakala kajian penulis mengkhususkan kepada peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci Jambi yang melibatkan empat buah pesantren terpilih.

Muhammad Mustari (2011)³⁰ membincangkan kepentingan Peranan Pesantren dalam usaha memajukan sebuah masyarakat di Indonesia dan peranan pondok pesantren dalam membangun pendidikan di daerah Tasik Malaya di samping mengkaji tentang operasional serta pentadbiran pesantren. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian penulis yang mengkaji peranan-peranan dalam masyarakat dan perhubungan akrab di antara pesantren dan masyarakat sekitarnya dalam pelbagai aktiviti berkaitan pendidikan Islam.

²⁹Muhammad Faishal, “Pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlisin: Sejarah dan Peranannya Terhadap Pendidikan Islam di Batu Bara (1997-2010) Sumatera Utara Indonesia.” (Disertasi, Universiti Malaya, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, 2012).

³⁰Muhammad Mustari, Ph.D, *Peranan Pesantren Dalam Pembangunan Pendidikan Masyarakat Desa*. Cet. ke-2 (Yogyakarta : Multi Press, 2011).

Sri Haningsih (2008)³¹ dalam kajian ini yang bertajuk *Peran strategis pesantren, madrasah dan sekolah Islam di Indonesia*, menyatakan bahawa peranan pondok pesantren secara konvensionalnya adalah melakukan proses *transfer* ilmu agama Islam, mencetak kader-kader ulama dan mempertahankan tradisi dan tuntutan peranannya semakin menyeluruh pada masa kini. Pondok pesantren juga sangat dikagumi kerana mampu merubah perilaku masyarakat dan memotivasi masyarakat. Walaupun terdapat keluhan yang menyatakan bahawa pondok pesantren bersifat eksklusif, tertutup dengan masyarakat dan lingkungannya, namun amnya masyarakat sekitar pesantren mengalami perkembangan yang lebih baik dari sebelumnya.

A. Rafiq (2009)³² pula membuat kajian tentang peranan pesantren dalam pendidikan secara keseluruhan pada zaman sekarang, di dalam kajiannya yang bertajuk *Peran Pesantren Dalam Education for All di Era Globalisasi*, menyatakan bahawa pesantren walaupun merupakan lembaga sosial keagamaan, namun pada kenyataannya mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam pendidikan secara keseluruhan kerana pesantren mempunyai semangat dalam melakukan transformasi dan perubahan sosial seperti pesantren memenuhi dasar pendidikan manusia Indonesia, terjangkau bagi masyarakat luas dan sebagainya. Kajian ini penulis jadikan panduan dalam mengungkapkan peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci dalam pendidikan Islam walaupun tidak secara keseluruhan seperti kajian yang dilakukan oleh A. Rafiq ini tetapi kajian penulis hanya terfokus peranan pondok pesantren dalam pendidikan Islam sahaja.

Secara umumnya kajian-kajian terdahulu telah memberi dapatan yang berguna kepada penulis walaupun kebanyakan kajian lepas menerangkan sejarah dan peranan pondok pesantren secara umum. Manakalah kajian penulis pula terbatas pada sejarah

³¹Sri Haningsih, “Peran Strategis Pesantren, Madrasah dan sekolah Islam di Indonesia,” *Jurnal El-Tarawwi Jurnal Pendidikan Islam*, Vol. 1. No. 1 (2008): 27-39.

³²A. Rafiq Zainul Mun’im, “Peran Pesantren Dalam Education for All di Era Globalisasi,” *Jurnal Pendidikan Islam*, Vol. 1, No.1 (2009): 9-14.

dan peranan pondok pesantren terhadap pendidikan Islam di Daerah Kerinci, Negeri Jambi pada umumnya dan khasnya pondok pesantren yang ada di Daerah Kerinci dengan empat buah pondok pesantren yang dijadikan sampel kajian iaitu Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai, Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro dan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri.

1.9 Metodologi Kajian

Kajian ini secara khususnya merupakan penyelidikan kualitatif yang mengabungkan metode pengumpulan data yang berbentuk analisis dokumen atau dokumentasi, metode historis, temu bual dan pemerhatian bagi mendapatkan data-data berkaitan. Kajian ini dengan erti kata lain merupakan gabungan di antara kajian perpustakaan dengan kajian lapangan yang mendasari kaedah penyelidikan kualitatif. Berikut diuraikan secara terperinci metode-metode yang digunakan bagi kajian ini :

1.9.1 Metode Analisis Dokumen/Dokumentasi

Bodgan dan Bikken (1998) merujuk istilah dokumentasi sebagai bahan-bahan seperti fotograf, video, filem, memo, surat, diari, rekod khas klinikal serta memo dalam berbagai bentuk dan jenis-jenis yang boleh digunakan sebagai maklumat sokongan kepada temu bual dan pemerhatian.³³ Dokumentasi juga merujuk kepada berbagai bahan yang merupakan catatan penting yang belum diterbitkan secara mulus.³⁴ Selain itu dokumentasi juga merujuk kepada benda bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan.³⁵ Dari kontek penyelidikan ini, metode dokumentasi adalah metode

³³Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori dan Metode* (Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009),138.

³⁴Sutrisno Hadi, *Metodologi Research* (Yogyakarta: UGM, Fakultas Psikologi, 1984), 19.

³⁵Nugroho Natususanto, *Norma-norma Dasar Penelitian dan Penelitian Sejarah* (Jakarta: Pusat Sejarah ABRI, 1971), 43.

pengumpulan data untuk memperoleh data dari pondok-pondok pesantren, pemerintah daerah dan pemerintahan desa setempat.

Metode ini merupakan metode asas bagi mendapatkan data untuk bab 3 tentang sejarah perkembangan pondok pesantren di Negeri Jambi, bab 4 iaitu kurikulum pondok pesantren di Daerah Kerinci Jambi dan bab 5 berkaitan peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci Jambi dalam pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan pelbagai dokumen yang telah dikenal pasti bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan persoalan kajian serta menguatkan sumber dari temu bual dan pemerhatian. Antara dokumen yang digunakan ialah kurikulum pesantren-pesantren, senarai pelajar, aktiviti sekolah, surat rasmi, catatan peringatan pelajar, rekod pencapaian pelajar, jawatan-jawatan penting yang dipegang dan anugerah yang diterima. Rekod-rekod di atas diperolehi daripada institusi pondok pesantren di mana kajian dilakukan iaitu di pondok pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhatariyah Ambai, Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro dan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri di Daerah Kerinci, Negeri Jambi. Selain rekod awam di atas, dokumen peribadi juga digunakan seperti foto, yang boleh menceritakan tentang peristiwa yang signifikan berlaku di dalam kehidupan pelajar di pesantren.

1.9.2 Kajian Perpustakaan

Kaedah kajian perpustakaan digunakan bagi mendapatkan kebanyakannya sumber sekunder terdiri daripada bahan-bahan bertulis buku, jurnal, ensiklopedia dan buletin. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan data bagi bab 2 iaitu sejarah pondok pesantren di Indonesia dan bab 3 berkaitan sejarah perkembangan pondok pesantren di Distrik Kerinci Jambi. Beberapa buah perpustakaan telah digunakan bagi mendapatkan data-data iaitu Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya, dan tidak

ketinggalan beberapa buah perpustakaan di Indonesia iaitu Perpustakaan Umum Negeri Jambi, Perpustakaan Umum Daerah Kerinci dan Perpustakaan STAIN Kerinci. Antara bahan utama yang dijumpai di perpustakaan di Indonesia ialah desrtasi, skripsi (kertas projek), buku-buku serta jurnal.

1.9.3 Metode Historis

Memandang kajian ini merupakan suatu penelitian sejarah, maka metode historis telah digunakan. Metode historis ialah metode yang merupakan suatu kaedah untuk menentukan adanya pandangan yang tepat mengenai kejadian.³⁶ Ia juga merupakan suatu proses untuk menguji dan menganalisi secara kritis rekaan dan peninggalan masa lampau.³⁷ Menurut Louis Gottschalk, metode sejarah atau historis merupakan proses menguji dan menganalisis kesaksian sejarah guna menemukan data yang autentik dapat dipercaya, serta usaha sintesis atau data semacam itu menjadi kisah sejarah yang dapat dipercaya.³⁸ Metode ini digunakan dalam bab 2 dan 3 secara khususnya iaitu berkaitan sejarah pondok pesantren di Indonesia umumnya dan di Daerah Kerinci Jambi secara khusus. Keseluruhan data dikumpul secara heurestik dan kemudiannya dianalisa dan diinterpretasi. Data tentang sejarah pondok pesantren pada masa lalu dapat digunakan bagi menjelaskan kedaan masa kini sebagai ringkasan yang saling berhubungan dan tidak terputus.

1.9.4 Metode Pemerhatian (Observasi)

Observasi merupakan metode pengumpulan data dengan menggunakan pengamatan secara langsung terhadap sesuatu perkara yang dikaji, metode ini sangatlah

³⁶Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbit, FIB-IKIP, 1982), 52.

³⁷Nugroho Natosusanto, *Norma-norma Dasar*, 7.

³⁸Louis Gottschalk, *Understanding History : A Primer of Historical Method*, terj. Nugroho Natosusanto, ed. ke-2 (Jakarta: Yasasan Penerbit Universitas Indonesia, 1975), 19.

penting bagi mengukuhkan sesuatu maklumat atau fakta.³⁹ Sebagai salah satu metode ilmiah, observasi sering diertikan sebagai pengamatan dan catatan sebagai sistematik fenomena-fenomena yang diselidiki.⁴⁰ Menurut August Comte (1798-1857), pengasas sosiologi, dalam bidang sains kemasyarakatan, pemerhatian merupakan salah satu daripada metode teras, di samping kajian perbandingan, analisis pensejarahan dan eksperimen.⁴¹

Dalam kontek kajian ini, metode observasi digunakan oleh pengkaji bagi mengamati suasana pengajaran di pondok-pondok pesantren terpilih di Daerah Kerinci, Negeri Jambi. Berdasarkan pemerhatian, pengkaji akan mengambil nota lapangan iaitu berkaitan dengan apa yang diperhatikan. Metode ini dijalankan oleh pengkaji bersama dengan temu bual dan analisis dokumen dari keempat-empat pondok pesantren. Metode ini akan digabungkan dan dianalisa untuk menjelaskan dapatan yang diperolehi. Metode pemerhatian ini digunakan terutamanya bagi bab 5 iaitu untuk menjelaskan peranan pondok pesantren serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan pondok pesantren di Daerah Kerinci, Jambi dalam pendidikan Islam.

Metode observasi dijalankan oleh penulis sebanyak tiga kali lawatan dan setiap satu kali lawatan penulis merangkumi empat hari ini bererti observasi yang penulis laksanakan mencapai dua minggu pada setiap pondok pesantren. Pelaksanaan observasi berlaku di mana penulis mengamati keempat-empat pondok pesantren dan penulis buat catatan secara sistematik perkara-perkara yang penulis anggap penting, seperti melihat bentuk bangunan, tugu penubuhan, kegiatan-kegiatan pondok pesantren dan lain sebagainya. Setelah mendapatkan maklumat dari hasil pengamatan dan terkumpul secara rawak, penulis bahagikan maklumat kepada tiga bahagian, terpenting, penting

³⁹Winarno Surachmad , *Dasar dan Teknik Reseach Pengantar Metodologi Ilmiah* (Bandung: C.V Tarsito, 1970), 98.

⁴⁰Sutrisno, *Metodologi Reserach*, 32.

⁴¹Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan kepada Teori dan Metode*, 109.

dan tidak penting. Penganalisaan data dilakukan terhadap data yang perolehi dengan mengambil data yang terpenting untuk dimasukkan di dalam kajian.

1.9.5 Metode Temu Bual

Penyelidikan kualitatif sangat bergantung kepada metode temu bual dalam mendapatkan maklumat. Metode temu bual adalah suatu proses tanya jawab lisan di mana dua orang atau lebih berhadap-hadapan secara fizik yang satu dapat melihat muka yang lain dan mendengarkan langsung percakapannya.⁴² Ia bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan mengumpulkan keterangan tentang kehidupan manusia dalam masyarakat serta pendirian-pendirian mereka.⁴³ Data dari metode ini kemudiannya direkodkan dalam bentuk nota lapangan dan pita audio dan seterusnya proses transkripsi akan dilakukan ke atas rakaman temu bual bagi menganalisa data dan membahagikan data kepada kategori-kategori tertentu.

Penyelidikan ini mengaplikasikan temu bual berbentuk tidak berstruktur dan dijalankan secara individu dan berkumpulan. Temu bual secara individu melibatkan para pemimpin pondok pesantren seperti H Ahmad Mukhtar,⁴⁴ KH Darul Ulum,⁴⁵ Ustaz Drs. Sunarto,⁴⁶ dan Ustaz Suyono SpdI.⁴⁷ Terpilihnya pimpinan pondok

⁴²Sutrisno, *Metodologi Reserach*, 31.

⁴³Koentjaraningrat, *Metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: Gramadia, 1977), 129.

⁴⁴Abuya H. Ahmad Mukhtar merupakan pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai dari tahun 1977 hingga sekarang. Kemudian menemubual beberapa ustaz dan Alumni Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai seperti ustaz Lukman Paduko, ustaz Abu Tolhah, Abdul Muthalib, ustaz Syukurman Spd. dan beberapa alumni seperti Indra Widodo, mahasiswa pasca sarjana IAIN Imam Bonjol Padang dan Ahmad Zukri seorang tenaga pengajar di Sekolah Tahfis Al-Qur'an di Ampang Malaysia.

⁴⁵KH Darul Ulum merupakan Pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup dari tahun 1997 sehingga kini. Kemudian penulis juga menemu bual beberapa ustaz dan alumni dari Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup seperti Syafaruddin SE., Kepala Tata Usaha, H Abdul Qadir, ustaz pondok pesantren, Hajjah Hasanah, bendahari, Siti Zahrom anggota Majlis Ta'lim, Dr. Haryadi seorang ahli pengubatan serta penceramah alumni dari Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup.

⁴⁶Drs Sunarto merupakan pimpinan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum selama 20 tahun dari 1993 sehingga kini. Turut di temu bual ialah beberapa ustaz seperti ustaz Qorib, yang merupakan wakil timbalan pimpinan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum bahagian hubungan masyarakat.

⁴⁷Suyono SPdI, merupakan pimpinan Pondok Pesantren Darunnajah dari tahun ditubuhkan pondok pesantren Darunnajah iaitu 1991 hingga kini. Turut ditemu bual ialah beberapa orang ustaz seperti ustaz Maryarto dan sebagainya.

pesantren tersebut adalah kerana mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang sejarah perkembangan, kurikulum dan aktiviti pondok pesantren terpilih. Penulis juga menemu bual beberapa pejabat kerajaan daerah seperti ketua depertemen agama Daerah Kerinci dan tokoh masyarakat Daerah Kerinci dan lain-lain⁴⁸, kerana penulis ingin mengetahui peranan-peranan pondok pesantren yang terpilih terhadap masyarakat Kerinci. Manakala temu bual melibatkan para pelajar (santri) adalah dalam bentuk sumbang saran atau sesi pencambahan fikiran. Seramai 28 orang informen telah ditemu bual bagi mendapatkan data. Data-data daripada kedua-dua bentuk temu bual di atas akan dianalisa dan diinterpretasi dan digunakan bagi menjelaskan bab 5 iaitu peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci, Negeri Jambi dalam pendidikan Islam.

1.10 Metode Analisa Data

1.10.1 Metode Induktif

Selaras dengan sifat kajian ini yang berbentuk kualitatif, metode induktif secara umumnya telah digunakan bagi mengumpul dan menganalisa data. Metode induktif bermula dari faktor-faktor yang khusus peristiwa yang konkret kemudian dari faktor-faktor atau peristiwa yang khusus ditarik kesimpulan secara generalisasi yang mempunyai sifat umum.⁴⁹ Atau dengan kata lain induktif adalah proses mengorganisasikan fakta-fakta atau hasil pengamatan yang terpisah-pisah menjadi suatu rangkaian hubungan dan kesimpulan.⁵⁰

Di peringkat awal, penulis akan mengumpulkan pelbagai bentuk data yang diperolehi daripada sumber dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data tersebut akan

⁴⁸Pejabat-pejabat kerajaan dan tokoh-tokoh masyarakat seperti H Rasul Abidin, Ketua Majlis Ulama cabang Danau Kerinci, Daerah Kerinci, H Sukardi Sag. Kepala Depertemen Agama Daerah kerinci, Drs. Yarmalis, mantan Kepala Depertemen Agama Daerah Kerinci, dan Nasrun S Sos Ketua Mukim Setinjau Laut,dan tokoh-tokoh masyarakat, seperti Abuya Abdurrahman, Albahri Sag, Hamidi dan lain sebagainya.

⁴⁹Sutrisno, *Metodologi Reserach*, 31.

⁵⁰Saipudin Azwan, *Metode Penelitian* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1985), 40.

dianalisa dan disusun kepada kategori atau tema dan seterusnya dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah. Dapatan kajian dari metode induktif bagi kajian ini adalah dalam bentuk deskriptif yang tersusun dan kategori-kategori yang menerangkan data atau menjelaskan persoalan kajian. Metode induktif digunakan bagi bab 3, 4 dan 5 bagi kajian ini terutamanya bagi menjelaskan kurikulum dan peranan pondok pesantren dalam pendidikan Islam.

1.10.2 Metode Deduktif

Walaupun metode deduktif turut diaplikasikan dalam kajian ini, namun metode induktif tetap digunakan secara umum. Metode deduktif adalah suatu cara menganalisa data dan melakukan penulisan berdasarkan pola berpikir yang mencari pembuktian yang berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.⁵¹ Metode ini merupakan pola berpikir yang memerlukan bukti-bukti dari hal yang bersifat umum kepada dalil yang bersifat khusus.⁵² Dengan bahasa singkatnya iaitu menyimpulkan hubungan yang terjadi berdasarkan kesimpulan yang telah ada. Penulis akan mengumpulkan fakta dan maklumat yang umum, setelah itu penganalisaan dibuat ke atas maklumat tersebut sehingga memperolehi fakta yang lengkap dan diyakini. Metode ini digunakan dalam menganalisis data di bab 3 (sejarah pondok pesantren di Daerah Kerinci, Jambi Indonesia), bab 4 (kurikulum pondok pesantren di Daerah Kerinci Jambi) dan bab 5 (peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci Jambi dalam pendidikan Islam dengan mengkhususkan atau menerangkan secara terperinci ruang lingkup peranan melalui aktiviti yang dijalankan di pondok pesantren).

⁵¹Muhammad Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 275.

⁵²Imam Barnadib, *Arti dan Metode*, 52.

1.10.3 Metode Komperatif

Metode komperatif adalah suatu metode perbandingan di mana penulis mengambil suatu perbandingan antara satu dengan yang lain untuk mengetahui perbezaan dan persamaan dan dari perbandingan tersebut penulis membuat kesimpulan data dengan tepat dan benar memandangkan kajian ini melibatkan kajian ke atas empat buah pondok pesantren utama di Daerah Kerinci, Negeri Jambi. Data dan maklumat yang diperolehi adalah sangat banyak terutamanya tentang peranan pondok pesantren tersebut dalam pendidikan Islam seperti peranan dalam pengajaran Al-Qur'an, bahasa Arab, tafsir, kaligrafi dan lain sebagainya. Sehubungan itu, penulis akan membandingkan data yang diperolehi daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen bagi membuat satu kesimpulan umum tentang peranan pondok pesantren di Daerah Kerinci, Negeri Jambi Indonesia dalam pendidikan Islam.

1.11 Sistematika Penulisan

Sistematika penulisan dibahagikan kepada tiga bahagian dengan huraian garis besarnya sebagai berikut: pendahuluan, teks dan suplemen.

Bahagian pertama iaitu pendahuluan mengandungi halaman judul, abstrak, penghargaan, isi kandungan, senarai jadual, senarai kependekan, jadual transliterasi, dan senarai lampiran.

Bahagian kedua iaitu teks dibahagi kepada lima bab dan bab pertama merupakan bab pendahuluan yang mengandungi latar belakang masalah, perumusan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian literatur, metodologi kajian dan sistematika penulisan. Bab kedua pula memaparkan sejarah pondok pesantren di Indonesia, merangkumi metode pembelajaran di pondok pesantren, kurikulum dan ciri khas pondok pesantren secara umum.

Bab ketiga menghuraikan sejarah perkembangan pondok pesantren di daerah Daerah Kerinci Jambi dengan menghuraikan secara deskriptif empat buah pondok pesantren terpilih iaitu Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai, Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum dan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri dari sudut sejarah, sistem pentadbiran, pembiayaan dan aktiviti pondok pesantren tersebut.

Bab keempat menganalisis kurikulum pondok pesantren di Daerah Kerinci, Jambi Indonesia, memaparkan kurikulum keempat-empat buah pondok pesantren di Daerah Kerinci. Bab kelima memaparkan analisis data tentang peranan pondok pesantren yang terdapat di Daerah Kerinci Jambi dalam pendidikan Islam. Bab ini menjelaskan peranan-peranan yang telah dimainkan oleh pondok pesantren tersebut seperti peranan dalam pengajaran Al-Qur'an, ilmu tafsir, hadith, bahasa Arab, kaligrafi dan pemimpin masyarakat.

Bab keenam merupakan bab kesimpulan yang mengandungi saranan-saranan dari hasil kajian yang dijalankan. Bahagian ketiga iaitu suplemen mengandungi lampiran berkaitan peta dan gambar-gambar pondok pesantren di Daerah Kerinci Jambi.

1.12 Kesimpulan

Institusi pendidikan yang wujud di Indonesia terbahagi dalam dua bahagian iaitu institusi pendidikan umum seperti SD, SMP, SMA dan universiti manakala yang keduanya adalah institusi pendidikan keagamaan. Institusi pendidikan keagamaan ini pula tergolong dalam dua kumpulan iaitu yang berbentuk madrasah seperti MAN, MTs dan MAS, dan kumpulan kedua berbentuk non madrasah seperti pondok pesantren. Seiring dengan perkembangan zaman, pondok pesantren telah menyesuaikan sistem

pendidikannya dengan memasukkan sistem madrasah, sehingga pondok pesantren turut berperanan dalam pendidikan agama Islam di Indonesia. Sehubungan itu, penulis berpendapat bahawa peranan pondok pesantren dalam perkembangan pendidikan Islam di Kerinci, Jambi, Indonesia perlu diketengahkan atau diberikan perhatian. Ini bertujuan supaya masyarakat di Kerinci, Jambi khususnya dan masyarakat Islam secara umumnya mengetahui bahawa pondok pesantren telah memainkan peranan utama dalam perkembangan pendidikan Islam di Kerinci. Bagi mencapai tujuan tersebut, perkara asas utama iaitu perumusan masalah, objektif kajian, sorotan kajian dan metodologi penyelidikan telah dirangka bagi mencapai objektif yang telah digariskan.

BAB II

PONDOK PESANTREN DI INDONESIA: SEJARAH, CIRI DAN METODE PENDIDIKAN SECARA UMUM

2.1 Pendahuluan

Bab kedua akan menghuraikan secara umum pengertian pondok pesantren beserta dengan ciri-ciri pondok pesantren di Indonesia iaitu ciri fizikal bangunan, ciri pendidikan, sosial dan keagamaan. Selain itu, bab ini juga bertujuan untuk menjelaskan sejarah pondok pesantren di Indonesia, pentadbirannya serta metode-metode dan sistem pendidikan di pondok pesantren.

2.2 Definisi Pondok Pesantren

Pondok pesantren merupakan suatu institusi pendidikan di Indonesia yang bersifat keagamaan dan mempunyai ciri khas tersendiri. Perkataan pondok berasal dari kata *funduq* (bahasa Arab) yang bermakna bilik tidur, asrama atau wisma sederhana, kerana pondok memang sebagai tempat penampungan sederhana dari para pelajar (santri) yang jauh dari tempat asalnya.⁵³ Perkataan pesantren pula berasal dari kata *santri* yang diimbuhinya awalan *pe* dan akhiran *an* yang bererti menunjukkan tempat, maka makna adalah tempat para santri. Perkataan pesantren juga kadang kala dianggap sebagai kata majemuk, di dalam bahasa Sanskerta iaitu *sant* (manusia baik) dengan suku kata *tra* (suka menolong), sehingga kata pesantren merujuk kepada tempat pendidikan manusia baik-baik. Selain itu perkataan pesantren juga berasal dari kata “*santri*” yang bererti orang yang mencari pengetahuan Islam. Kesemua takrif-takrif tersebut merujuk kepada suatu tempat tinggal dan memperoleh ilmu pengetahuan.⁵⁴

⁵³Zakmakhayari Dhofier, *Tradisi Pesantren, Study Tentang Pandangan Hidup Kiai*, 18.

⁵⁴Sudjoko Prasodjo et al., *Profil Pesantren* (Jakarta: LP3ES, 1982), 61.

Kamus Besar Bahasa Indonesia mendefinisikan pondok sebagai sebuah bangunan madrasah dan asrama (tempat mengaji, belajar agama Islam).⁵⁵ Manakala kata pesantren adalah asrama tempat santri atau tempat murid-murid belajar mengaji.⁵⁶ Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, pondok adalah pondok madrasah dan asrama tempat mengaji (belajar agama dan lain-lain), perkataan pesantren pula bermaksud asrama tempat murid-murid belajar mengaji (membaca Qur'an dan lain-lain). Makna yang serupa juga dijumpai di dalam Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris, pondok adalah tempat menumpangkan pelajar,⁵⁷ sedangkan pesantren adalah sejenis asrama untuk murid-murid belajar mengaji.⁵⁸

Secara umumnya, terdapat banyak sekali pengertian pondok pesantren yang memberikan takrif-takrif dengan ungkapan yang bervariasi oleh para sarjana, tetapi pada prinsipnya mempunyai pengertian yang serupa antaranya seperti berikut:

- a) Marwan Saridjo et al. (1980) menyatakan bahwa pondok pesantren adalah lembaga pendidikan dan pengajaran agama Islam yang pada umumnya pendidikan dan pengajaran diberikan dengan cara kiai mengajarkan santri-santri dengan kitab yang tertulis dalam bahasa Arab sedangkan santri tinggal di dalam asrama/pondok dalam pesantren tersebut.⁵⁹

⁵⁵Depertemen Pendidikan Nasional dan Pusat Bahasa, *Kamus Besar*, 1123. Lihat juga *Kamus Dewan*, 1050.

⁵⁶*Ibid.*, 1106.

⁵⁷*Kamus Perwira Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris*, ed. ke-1 (Selangor: Penerbitan Daya Sdn. Bhd, 1998), 1117.

⁵⁸*Ibid.*, 1089.

⁵⁹Marwan Saridjo et al., *Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia* (Jakarta: Darma Bakhti, 1980), 9.

- b) Sadikun Sugihwaras (1979) menerangkan bahawa pondok adalah madrarah dan asrama tempat mengaji, belajar agama Islam, sedangkan pesantren adalah asrama tempat murid belajar mengaji.⁶⁰
- c) M. Arifin memberikan takrif pondok pesantren sebagai suatu lembaga pendidikan agama Islam yang tumbuh serta diakui masyarakat sekitar, dengan sistem asrama di mana santri menerima pendidikan agama melalui sistem pengajian atau madrasah yang sepenuh berada di bawah kedaulatan dari *leadership* (kepimpinan) seorang atau beberapa kiai dengan ciri khas yang bersifat kharismatis santri induk dalam segala hal.⁶¹
- d). Depertemen Agama Republik Indonesia menyatakan bahawa pondok pesantren adalah lembaga pendidikan Islam yang dilaksanakan dengan sistem asrama (pondok) dengan kiai yang mengajarkan agama kepada santri, dan masjid sebagai pusat lembaganya.⁶²
- e). Pondok pesantren adalah suatu lembaga pendidikan Islam tradisional yang mempelajari, memahami, menghayati, dan mengamalkan ajaran Islam dengan memberi penekanan pada pentingnya moralitas keagamaan sebagai pedoman perilaku sehari-hari.⁶³

Berdasarkan definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat persamaan maksud dan tujuan dari pondok pesantren, kesemuanya mengulas mengenai pendidikan dan pengajaran agama Islam dan dilakukan di suatu tempat berasrama.

⁶⁰Sadikun Sugih Waras, *Pondok Pesantren dan Pembangunan Pedesaan* (Jakarta: Dharma Bhakti, 1979), 59.

⁶¹M. Arifin, *Kapita Selekta Pendidikan (Umum dan Islam)* (Jakarta: Bumi Akasara, 1995), 341.

⁶²Depertemen Agama Republik Indonesia (1985), 1.

⁶³Sitatul Nur Aisyah, *Pesantren Mahasiswa: Pesantren Masa Depan dalam Menggagas Pesantren Masa Depan* (Yogyakarta: Qirtas, 2003), 250.

Kesimpulannya pondok pesantren adalah lembaga pendidikan yang tujuan pengajarannya dikhkususkan bagi mengajar pengetahuan agama Islam dengan sistem asrama dan kiai yang mengajar kepada santri dengan dibantu oleh para ustaz.

2.3 Ciri-ciri Pondok Pesantren

2.3.1 Ciri Fizikal Pondok Pesantren

Dari sudut fizikal bangunannya, pondok pesantren mempunyai ciri seperti yang dikemukakan oleh Depertemen Agama Republik Indonesia (2003) seperti berikut:

- a) Kiai sebagai pimpinan pondok pesantren.
- b) Santri yang bermukim di asrama dan belajar.
- c) Asrama sebagai tempat tinggal santri.
- d) pengajian sebagai bentuk pengajaran kiai.
- e) Masjid sebagai pusat pendidikan dan pusat kegiatan pondok pesantren.⁶⁴

Zamakhsyari Dhofier (1982) di dalam bukunya *Tradisi Pesantren, Studi Tentang Pandangan Hidup Kiai* mengemukakan lima pokok ciri pondok pesantren iaitu: pondok, masjid, pengajian kitab-kitab Islam klasik (kitab kuning), kiai dan santri.⁶⁵ Huraianya adalah seperti berikut:

- a) Pondok iaitu madrasah atau asrama tempat mengaji (belajar agama).⁶⁶

Pondok adalah tempat tinggal para santri baik secara bersama-sama dalam satu ruangan ataupun tinggal dengan sendiri, yang bermacam bentuk, ada yang berbentuk asrama dan ada yang seperti rumah kecil.

⁶⁴Depertemen Agama Republik Indonesia, *Pola Pembelajaran di Pondok Pesantren* (Jakarta: Direktorat Jenderal Kelembagaan Agama Islam, 2003), 40.

⁶⁵ Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi pesantren*, 45.

⁶⁶*Kamus Dewan*, 1050.

- b) Masjid iaitu bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain.⁶⁷ Masjid dijadikan tempat pusat bagi pengajaran pondok pesantren dan ia merupakan manifestasi universal dari sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh Rasulullah dan dilestarikan oleh kalangan pesantren.
- c) Pengajian kitab-kitab kuning (kitab klasik Islam) yang bertujuan untuk meningkatkan pendalaman dalam pengetahuan agama.
- d) Santri iaitu pelajar yang mengikuti pengajaran di pondok pesantren.
- e) Kiai dan ustaz, kiai iaitu gelaran bagi alim ulama Islam atau orang yang berpengetahuan tinggi dalam hal-hal agama Islam yang lazim dipakai di negara Indonesia dan khas daerah Jawa sementara ustaz iaitu guru agama.⁶⁸

Ciri-ciri pondok pesantren tersebut membezakan institusi pendidikan pondok pesantren dengan institusi pendidikan umum. Ciri khas itu juga telah meyumbang kepada kewujudan pondok pesantren sehingga kini di tengah-tengah masyarakat Indonesia dan menjadi wadah yang tepat untuk para pelajar menimba ilmu pendidikan agama Islam.

2.3.2 Ciri Pendidikan dan Sosial Keagamaan

Pondok pesantren adalah lembaga pendidikan yang mengajar para santri (pelajar) tentang pengetahuan agama Islam dan para santri tinggal di tempat mereka belajar. Adapun gambaran umum tentang ciri-ciri pondok pesantren atau karakteristiknya adalah amat penting untuk diketahui agar pengetahuan tentang pondok pesantren dapat difahami.⁶⁹ Pondok pesantren mempunyai ciri-ciri yang khas yang tidak dimiliki oleh institusi pendidikan lain di Indonesia. Ia merupakan akulturasi pendidikan Islam dengan budaya Indonesia yang majoriti rakyatnya merupakan

⁶⁷Ibid., 864.

⁶⁸Ibid., 1532.

⁶⁹Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren*, 44.

penganut agama Islam. Dalam kontek proses belajar dan mengajar, para santri mempunyai prospek pegangan iaitu “*Hablul Minnallah wa Hablul Minannas*” yang menjadi dasar pengajaran pendidikan di pondok pesantren. Selain itu dalam sistem pendidikan pondok pesantren, pengajarannya adalah lebih kepada pemahaman *tekstual* atau *harfiyah*.

Dari segi pendidikannya, pondok pesantren mempunyai ciri khas yang selalu ditanamkan kepada santri. Tatapan nilai utama dalam pendidikan pondok pesantren adalah kemampuan dalam melaksanakan prinsip ibadah dan kesederhanaan serta hubungan manusia dengan manusia. Sekiranya diamati secara mendalam suasana di pondok pesantren, maka terdapat ciri khas antaranya seperti berikut:

1. Kepatuhan santri terhadap Kiai (pendidikan disiplin yang kuat).
2. Hubungan persaudaraan yang kuat antara santri dan Kiai, dan di antara santri dengan santri.
3. Kehidupan yang sederhana dan hemat diterapkan di pondok pesantren.
4. Ukhwah Islamiyyah sangat ditonjolkan di dalam pondok pesantren.
5. Hubungan antara keluarga santri dengan pondok pesantren sangat akrab sekali.

2.4 Sejarah Perkembangan Pondok Pesantren di Indonesia

2.4.1 Sejarah Ringkas Pendidikan Islam

Pendidikan merupakan perkara vital bagi umat Islam. Pendidikan Islam telah bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W. ketika beliau menerima tugas Kerasulan dengan turunnya perintah dan petunjuk melalui surah yang pertama iaitu surah al-'Alaq, ayat 1-5. Pada zaman awal Islam Nabi Muhammad S.A.W. telah menjadikan rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam sebagai pusat pengajaran ilmu Islam yang dikenali

sebagai *Dar Al-Arqam*.⁷⁰ Usaha Rasulullah dalam mengembangkan pengetahuan Islam amatlah tinggi berdasarkan tindakan pertama yang diambil oleh Rasulullah di Quba ialah membina masjid untuk dijadikan institusi pendidikan, pentadbiran dan ibadat.⁷¹ Di Yathrib pula, pendidikan umum yang diberikan Rasulullah dilakukan melalui khutbah dan teladan.⁷²

Pendidikan Islam yang diberikan oleh Nabi Muhammad S.A.W. telah dilanjutkan oleh para Khulafa' al-Rasyidin iaitu Abu Bakar, 'Umar Bin al-Khattab, 'Uthman Bin 'Affan dan 'Ali Bin Abi Talib, mengikut acuan yang telah dirintis oleh baginda semasa hidupnya. Pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, pusat-pusat pendidikan Islam telah ditubuhkan di daerah-daerah kekuasaan Islam yang kemudiannya dikembangkan oleh para Tabi'in.⁷³ Pusat-pusat pendidikan Islam ini terdiri daripada rumah, masjid dan kutab untuk dijadikan tempat berlangsung pendidikan Islam. Objektif pengajaran pendidikan Islam di zaman Khulafa' al-Rasyidin adalah sama dengan objektif di zaman Rasulullah S.A.W. iaitu membentuk sahsiah Islamiyyah yang tulen⁷⁴ dan pengajaran yang diajari ialah Qur'an dan hadith.

Sejarah Islam menyaksikan pendidikan bermula dari rumah, masjid, dan kutab dan kemudiannya barulah wujud sekolah yang menjalar ke seluruh dunia selaras dengan penyebaran Islam.⁷⁵ Sebelum pendidikan dan pengajaran dilakukan dalam bentuk madrasah, pendidikan dan pengajaran Islam pada zaman awal Islam di Tanah Arab menurut A Salaby dilakukan di tempat-tempat seperti berikut:

⁷⁰Hasan Langgulung, *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 48.

⁷¹Zawawi Hj. Ahmad, *Sains Dalam Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 6.

⁷²*Ibid.*, 8.

⁷³Zuhairini et al. *Sejarah Pendidikan Islam*, ed. ke-1, cet. ke-7 (Jakarta: Bumi Aksara, 2004), 73.

⁷⁴Zawawi Hj. Ahmad, *Sains Dalam Pendidikan*, 1.

⁷⁵Hasan Langgulung, *Pengenalan Tamadun*, 53.

1. Kutab untuk belajar membaca dan menulis.
2. Kutab untuk mengajarkan al-Qur'an dan ilmu dasar lainnya.
3. Pendidikan dasar di istana-istana.
4. Toko-toko buku.
5. Rumah-rumah para ulama.
6. Balai-balai sastera.
7. Padang pasir.
8. Masjid-masjid.⁷⁶

Pendidikan Islam bertambah pesat seiring dengan perkembangan Islam di mana pada zaman kerajaan ‘Abbasiyyah (750 M-1258 M) telah ditubuhkan sebuah perpustakaan dikenali sebagai Bayt al-Hikmah di Baghdad pada abad ke 8 M.⁷⁷ Ia merupakan institusi yang dipertanggungjawabkan sebagai perpustakaan bagi mengumpul dan menyimpan kitab-kitab dari pelbagai bahasa dan di samping itu sebagai pusat penterjemahan pertama di dunia pada tahun 815 M.⁷⁸ Kemudian pada akhir abad ke- 10 M pula, penduduk-penduduk Naisabur menubuhan sebuah madrasah iaitu Al-Madrasah Al-Bhiqiyah yang merupakan institusi madrasah yang mula-mula

⁷⁶A. Salaby, *Sejarah Kebudayaan Islam*, terj. Mukhtar Yahya (Surabaya: Percetakan Salim Nahban, 1957), 1.

⁷⁷Fadzlullah Hj. Shuib, *Kecemerlangan Ilmu Dalam Sejarah dan Tamadun Islam Penginstitusian Ilmu di Zaman Abbasiyyah 750-1258* (Selangor: Pusat Pendidikan Islam Institut Teknologi Mara, 1995), 117.

⁷⁸Ahmad Zaki Ibrahim & Norhayati Haji Hamzah, "Sorotan Gerakan Penterjemahan dan Penerbitan Buku-buku Dalam Dawlah 'Abbasiyyah di Baghdad: Satu Analisa Iktibar Dari Sudut Institusi Penerbitan Semasa," *Jurnal Al-Tamaddun* 3 (2008), 9.

terbentuk di dunia Islam.⁷⁹ Madrasah ini didirikan oleh kerajaan Buwayhiyyah yang bermazhab Syi‘ah yang terkenal sebagai penaung ilmu.⁸⁰

Adapun madrasah yang paling terkenal dalam sejarah Islam adalah Madrasah Nizammiyah di Baghdad yang ditubuhkan pada tahun 457 H/1065 M oleh Kerajaan Seljuq dan dirasmikan pada 459 H/1067 M.⁸¹ Pendidikan Islam dalam bentuk madrasah ini secara rasmi dikenali setelah tertubuhnya sekolah-sekolah di kota penting dalam negara Islam sekitar tahun 485 H.⁸² Fadzlullah Hj. Shuib (1995) mengutip dari Al-Subki di dalam *Tabaqatnya* menyatakan bahawa sistem pendidikan madrasah ini kemudian ditubuhkan di kota-kota penting Islam seperti di Kota Baghdad, Balkh, Harat, Isfahan, Basrah, Merw, Amul dan Mawsil.⁸³ Pusat-pusat pendidikan tersebut kemudiannya tersebar di kota-kota besar lainnya, seperti di Kota Makkah dan Madinah, Basrah dan Kufa di wilayah ‘Iraq, Damsyik, Palestina dan di Kota Fustat di Mesir.⁸⁴ Kemudian pusat-pusat pendidikan tersebut tersebar ke wilayah Nusantara bersama dengan masuknya Islam ke Nusantara.

2.4.2 Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia

Sebelum penjajahan Belanda tidak dapat diketahui dengan jelas tentang sejarah pondok pesantren kerana kurangnya dokumentasi dan bukti-bukti yang menyatakan perkara tersebut. Berkaitan sejarah pondok pesantren di Indonesia, terdapat pendapat yang menyatakan bahawa pondok pesantren yang paling awal ditubuhkan adalah

⁷⁹Hasan Langgulung, *Pengenalan Tamadun*, 50. Lihat juga, A Salaby, *Sejarah Kebudayaan*, 46. Naisabur adalah sebuah kota kecil bahagian kota Khurasan yang terletak di negara Iran yang merupakan ibu kota pendidikan Islam pada abad pertengahan.

⁸⁰Fadzlullah Hj. Shuib, *Kecemerlangan Ilmu*, 129.

⁸¹George Makdisi, “Muslim Institutions of Learning in Eleventh - Century Baghdad,” *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, vol. 24, no. 1(1991), 1.

⁸²Usman Said, *Sumbangan Pendidikan Islam:Terhadap Pembentukan Kepribadian Indonesia* (Jakarta: Pustaka LP3S, 1999), 23.

⁸³Fadzlullah, *Kecemerlangan Ilmu*, 129.

⁸⁴Zuhairini et al., *Sejarah Pendidikan*, 73.

Pesantren Tegalsari Ponorogo tetapi tahun penubuhannya tidak dapat dipastikan.⁸⁵

Pendapat lain pula menyatakan bahawa pada abad ke-17 terdapat pesantren di Jawa yang ditubuhkan oleh Maulana Malik Ibrahim di Gresik pada tahun 1617.⁸⁶ Menurut H. Kafrawi pondok pesantren ditubuhkan di Pulau Jawa buat pertama kalinya di zaman walisongo (1404 M)⁸⁷ namun beliau tidak menyatakan tempat di mana pondok pesantren itu mula ditubuhkan.⁸⁸

Pondok pesantren telah berakar umbi di Indonesia dan diterima di kalangan masyarakat sebagai institusi pendidikan agama terawal sebelum kedatangan Belanda ke Indonesia pada awal abad ke 16. Pondok pesantren merupakan lembaga pendidikan tertua di Indonesia dan sebuah institusi pendidikan Islam yang berkembang pesat serta diakui oleh pemerintah Indonesia dan juga masyarakat sebagai suatu tempat pendidikan keagamaan. Malah, peranan pondok terhadap bangsa Indonesia sangatlah bernilai terutama dalam perkembangan Islam baik di masa penjajahan Belanda maupun setelah kemerdekaan Republik Indonesia.

Kedatangan Belanda ke Indonesia bermula pada tahun 1619 setelah Belanda berjaya memecahbelahkan kerajaan Mataram.⁸⁹ Penjajahan Belanda telah membawa kemajuan teknologi dan idealisme baru ke Indonesia dengan memperkenalkan pendidikan moden berbentuk formal dan metode pendidikan baru. Namun, kemajuan tersebut tidak memacu serta mendorong sistem pendidikan yang sedia ada di Indonesia

⁸⁵Niasato, "Sejarah peran dan perkembangan pesantren," laman sesawang dicapai 4 April 2011, <http://taimullah.wordpress.com/2010/02/13/sejarah-peran-dan-perkembangan-pesantren/>.

⁸⁶Sahal Mahfudz, *Pesantren Mancari Makna* (Jakarta: Pustaka Ciganjur, 1999), 174.

⁸⁷Wali Songo adalah berasal dari Bahasa Arab dan Bahasa Jawa, kata wali berasal dari Bahasa Arab yang bererti penguasa sedangkan songo berasal dari bahasa Jawa bererti Sembilan Walisongo bererti Sembilan orang penguasa. Wali songo atau Walisanga ialah sebuah perkumpulan ulama yang dikenal sebagai penyebar agama Islam di Tanah Jawa, anggota perkumpulan ini diberi gelaran sebagai Sunan yang sembilan. Mereka tinggal di tiga wilayah penting Pantai Utara Pulau Jawa, di Wilayah Jawa Timur iaitu di Daerah Surabaya, Gresik, Lamongan di Wilayah Jawa Tengah mereka tinggal di Daerah Demak, Kudus, Muria, kemudian mereka juga ada yang tinggal di Cirebon Jawa Barat. Kumpulan Wali Songo ditubuhkan oleh Sunan Maulana Malik Ibrahim pada tahun 1404 M dengan tujuan menyebarkan agama Islam pada rakyat umum dan pejabat-pejabat kerajaan pada saat itu.

⁸⁸H. Kafrawi, *Pembaharuan Sistem Pendidikan Pesantren* (Jakarta: Cemara Indah, 1978), 17.

⁸⁹Hanun Asrohah, *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia* (Jakarta: Logos, 1999), 39.

iaitu sistem pendidikan pondok pesantren. Malah, pada tahun 1830 pemerintah Belanda memperkuatkan tekanannya terhadap Islam dan pendidikan Islam,⁹⁰ seperti membinasakan pondok pesantren yang wujud pada zaman Sultan Agung Tirtayasa dan menyekat para mubaligh-mubaligh kerajaan yang diutus untuk mengajar pendidikan Islam di daerah-daerah kerajaan Banten.⁹¹

Di samping itu, pemerintahan Belanda juga telah membuat peraturan pendidikan yang membatasi dan merugikan pendidikan Islam secara berkala seperti berikut: *Pertama*, menjadikan sekolah-sekolah gereja sebagai sekolah pemerintah.⁹² *Kedua*, pada tahun 1882 kolonial Belanda mengistiharkan satu lagi peraturan yang mengatakan bahawa aktiviti-aktiviti keagamaan dan pendidikan Islam serta bagi guru-guru agama yang memberikan pengajaran harus mendapatkan kelulusan dari Kolonial Belanda.⁹³ *Ketiga*, peraturan pada tahun 1882 kembali ditekankan dan lebih diperketatkan bagi memberatkan pendidikan Islam Indonesia iaitu pada tahun 1925, para guru (ustaz) sama sekali tidak dibenarkan memberi pengajian kecuali mendapat kelulusan dari kolonial Belanda.⁹⁴ *Keempat*, pada tahun 1932, sekolah (madrasah) yang tidak mendapat lesen dari kolonial Belanda wajib ditutup. Peraturan ini disebut dengan *Wilde School Ordonantie* (Ordonansi Sekolah Liar).⁹⁵

Peraturan-peraturan di atas jelas menunjukkan bahawa Belanda tidak mendukung sistem pendidikan Islam di Indonesia pada masa itu. Namun pondok pesantren tetap meneruskan segala tradisi yang diwarisi secara turun temurun tanpa sebarang

⁹⁰Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren*, 41.

⁹¹Marwan Saridjo, *Sejarah Pondok Pesantren*, 41. Sultan Agung Tirtayasa adalah sultan yang berkuasa di Kesultanan Banten, Jawa Indonesia sekitar abad ke-17, iaitu dari tahun 1651 - 1683, Kesultanan Banten merupakan Kerajaan Islam di Pulau Jawa dan pada masa itu telah wujud institusi pendidikan Islam yang tersusun dan terlaksana dengan baik oleh kerajaan Banten. Kesultanan Banten juga banyak mengadakan penentangan terhadap penjajahan Belanda.

⁹²Aqib Suminto, *Politik Islam Hindia Belanda* (Jakarta: LP3ES, 1985), 51.

⁹³Zuhairini et al., *Sejarah Pendidikan Islam*, 148.

⁹⁴*Ibid.*, 149.

⁹⁵*Ibid.*, 150.

perubahan atau perbaikan yang bererti kecuali sekadar bertahan. Tekanan pihak belanda tidak menjadi penghalang kepada pondok pesantren untuk terus berkembang pesat di Indonesia terutama di daerah Pulau Jawa dan Pulau Sumatera. Buktiya, terdapat banyak pondok pesantren yang tumbuh di Indonesia semasa penjajahan Belanda dan bahkan semakin nampak *karakteristik* (ciri khas) pondok pesantren. Contohnya pondok pesantren Gontor yang ditubuhkan pada tahun 1926⁹⁶ dan Pondok Pesantren Tebuireng di Jombang Jawa Timur pada tahun 1899.⁹⁷ Kedua-dua pondok pesantren tersebut masih aktif sehingga kini.

Perkembangan pesat pondok pesantren telah menyebabkan Belanda merasa terancam. Akibatnya, Snouck Hungronje (1857-1936) seorang sarjana dari Belanda yang banyak menulis buku tentang pergolakan sejarah di Nusantara, telah memberikan saranan kepada pemerintah jajahan Belanda pada tahun 1890 agar membuka sekolah umum untuk mengimbangi pendidikan pondok pesantren. Sekolah umum tersebut dikhaskan hanya untuk orang yang *ningrat* (orang-orang bangsawan) dan *priyayi* (orang yang punya kedudukan) sahaja bertujuan untuk melahirkan kaum nasionalis sekular. Sebelumnya pada tahun 1831 ketika Van den Boss⁹⁸ menjadi Gabenor Jeneral di Jakarta, Belanda telah mengeluarkan polisi yang menyatakan bahawa sekolah-sekolah gereja adalah sebagai sekolah pemerintah.⁹⁹ Kemudiannya pada tahun 1870 Belanda membuka sekolah rakyat atau sekolah desa (nagari) yang lebih dikenali dengan *Volkschoolen* dengan masa belajar selama 3 tahun.¹⁰⁰ Akan tetapi sekolah ini tidak mendapat sokongan dari rakyat Indonesia yang majoriti beragama Islam kerana

⁹⁶“Pondok Pesantren Darussalam Gontor”, laman sesawang dicapai 23 Februari 2011, <http://gontor.ac.id/>.

⁹⁷“Sejarah Pondok Pesantren Tebuireng”, wikipidia bahasa Indonesia, ensiklopedia bebas, laman sesawang dicapai 23 Februari 2011, http://id.wikipedia.org/wiki/pondok_pesantren_tebuireng.

⁹⁸Johannes Van Den Bosch merupakan seorang Jeneral yang dilantik menjadi gabenor Hindia Timur Belanda untuk mengeksploitasi sumber yang masih di bawah kekuasaanya iaitu Indonesia pada tahun 1830. Beliau menubuhkan sekolah bagi para anak dan remaja Indonesia yang berstatus bangsawan dengan tujuan agar mereka akan menjadi pegawai Belanda.

⁹⁹Zuhairini et al., *Sejarah Pendidikan*, 148. Lihat juga, Aqib Suminto, *Politik Islam*, 51.

¹⁰⁰Azyumardi Azra, MA., *Pendidikan Islam: Tradisi dan Modernisasi Menuju Milinium Baru*, cet. ke-4 (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2002), 97.

mereka menganggap bahwa sekolah ini merupakan integral Belanda untuk menjadikan anak-anak Indonesia sebagai kaki-kaki Belanda.¹⁰¹

Usaha pihak Belanda membuka sekolah umum tersebut telah menimbulkan respon di kalangan Kiai iaitu dengan mendirikan madrasah-madrasah¹⁰² yang diadaptasi dari pendidikan madrasah yang terdapat di negera Arab. Madrasah di Indonesia mula ditubuhkan sekitar abad ke-20 dengan berdirinya madrasah-madarah yang bersifat formal.¹⁰³ Madrasah-madrasah tumbuh di wilayah-wilayah Indonesia untuk mengimbangi pendidikan formal yang telah dilaksanakan oleh pihak pemerintah jajahan Belanda untuk rakyat Indonesia. Antara mada rasah yang pertama ditubuhkan adalah Madrasah Mambaul Ulum (1905) di Solo Jawa Barat oleh R. Hadipati Sosrodiningrat, Madrasah Adabiyah di Sumatera Barat (1909) oleh Syeikh Abdullah Ahmad diikuti beberapa madrasah lainnya yang kebanyakan tertubuh di Wilayah Sumatera dan Jawa.¹⁰⁴

Kemasukan sistem madrasah ke dalam sistem pendidikan pondok pesantren yang sedia ada di Indonesia telah membawa kepada perkembangan pondok pesantren. Faktor ini telah membawa kepada perkembangan pondok pesantren yang semakin meluas. Pondok pesantren di wilayah-wilayah Indonesia semakin bertambah begitu juga dengan jumlah santri yang berlipat ganda. Menurut Marwan Saridjo (1980), dari zaman penjajahan hingga revolusi fisik pada tahun 1945, pondok pesantren banyak

¹⁰¹ *Ibid.*, 98.

¹⁰² Secara harfiah madrasah diertikan sebagai tempat belajar para pelajar, atau tempat untuk memberikan pelajaran. Madrasah di Indonesia merupakan sekolah umum tetapi lebih merujuk kepada sekolah yang mempelajari kurikulum pendidikan Islam. Perbezaan pesantren dan madrasah terletak pada sistem pembelajarannya, di pesantren tidak terdapat kurikulum pendidikan umum yang diajarkan sedangkan madrasah memberikan pelajaran dengan kurikulumnya adalah sebahagian kurikulum umum dan sebahagian kurikulum pengetahuan agama. Madrasah melaksanakan pendidikan secara formal sedangkan pondok pesantren dalam sistem pendidikannya lebih bersifat hafalan dan pengajian. Mengikut perkembangan zaman, pondok pesantren telah memasukkan sistem madrasah ke dalam sistem pendidikan pondok pesantren. Di dalam sistem pelajarannya, pelajar pondok pesantren disediakan asrama manakala pelajar madrasah sama seperti pelajar umum yang tidak mempunyai asrama bagi pelajar.

¹⁰³ Zuhairini et al., *Sejarah Pendidikan*, 192.

¹⁰⁴ *Ibid.*, 193-194.

memberikan *andil* (dukungan) dalam bidang pendidikan untuk memajukan dan mencerdaskan kehidupan rakyat Indonesia.¹⁰⁵ Kegiatan pondok pesantren dalam pendidikan Islam begitu dirasakan oleh masyarakat dalam berbagai-bagai hal seperti membuat kegiatan pengajian bagi masyarakat sekitar, remaja masjid dan lain-lain. Aktiviti-aktiviti tersebut telah menyebabkan masyarakat menilai bahawa pondok pesantren adalah tempat yang tepat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan keagamaan, sehingga pondok pesantren tetap berkembang dengan baik di Indonesia.

2.4.3 Sejarah Perkembangan Pondok Pesantren Setelah Kemerdekaan Republik Indonesia (1945 - 2012)

Di peringkat awal kemerdekaan Indonesia dari penjajahan Jepun, pondok pesantren turut berjuang dalam membantu merebut kemerdekaan dengan membentuk laskar Hizbulah pada akhir tahun 1944. Laskar Hizbulah pada awalnya berasal dari pesantren Nahdatul Ulama¹⁰⁶ tetapi kemudiannya menjadi milik rakyat Indonesia. Tujuan penubuhannya ialah mendidik laskar pemuda-pemuda muslim untuk turut berjuang memperebutkan kemerdekaan.¹⁰⁷

Kemudiannya setelah diproklamasikan kemerdekaan Republik Indonesia pada 17 Ogos 1945 dari penjajahan Jepun, para santri juga turut berjuang mempertahankan Kemerdekaan Republik Indonesia dari tangan penjajah Belanda yang kembali lagi ingin menguasai Indonesia setelah kedatangannya yang pertama pada tahun 1619-1942 dan menjajah Indonesia selama lebih kurang tiga setengah abad. Kedatangan kali kedua Belanda diwakili oleh *Netherland Indies Civil Administration* (NICA) dengan

¹⁰⁵Marwan Saridjo, *Sejarah Pondok Pesantren*, 7.

¹⁰⁶Pondok Pesantren Nahdatul Ulama adalah pondok pesantren yang mengikuti aliran-aliran atau ajaran-ajaran Nahdatul Ulama, kerana di Indonesia terdapat dua buah organisasi/aliran Islam yang besar iaitu Muhamadiyah dan Nahdatul Ulama.

¹⁰⁷Dr. Ahmad Syafii Maarif, *Islam dan Politik: Teori Belah Bambu, Masa Demokrasi Terpimpin 1959-1965* (Jakarta: Gema Insani, 1996), 21.

bersekutu bersama pasukan Inggeris. Selama lebih kurang empat tahun setengah terjadi pergolakan antara Belanda dan pejuang rakyat Indonesia. Akhirnya, Belanda mengaku kalah dengan menyerahkan kedaulatan sepenuhnya kepada pemerintah Republik Indonesia. Setelah penyerahan kedaulatan pada tanggal 27 Disember 1949 dari Negara Belanda kepada Negara Republik Indonesia, maka pemerintah Republik Indonesia telah mendorong pembangunan sekolah umum seluas-luasnya dan membuka secara meluas jabatan-jabatan dalam pentadbiran moden bagi bangsa Indonesia yang terdidik dalam sekolah-sekolah umum tersebut.

Dampaknya, kekuatan pesantren sebagai pusat pendidikan Islam di Indonesia telah merosot. Ini bererti jumlah anak-anak muda yang dahulunya tertarik kepada pendidikan di pesantren menurun dibandingkan dengan anak-anak muda yang ingin mengikuti pendidikan sekolah umum yang baru saja diperluaskan. Sekolah umum yang diperluaskan oleh pemerintah Republik Indonesia mempunyai persamaan ijazah yang diakui pemerintah Republik Indonesia agar pelajar untuk mengikuti pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi atau untuk mendapatkan pekerjaan. Pada sekolah umum dilakukan juga pendidikan-pendidikan keterampilan.¹⁰⁸ Hal inilah yang membuat merosotnya para anak-anak muda untuk mendapatkan pendidikan di pondok pesantren.

Akibatnya, banyak pesantren-pesantren kecil terpaksa ditutup disebabkan kekurangan santri.¹⁰⁹ Di sekitar tahun 1940, Depertemen Agama Republik Indonesia mula menyelenggara sekolah-sekolah agama yang lebih dikenal dengan sekolah madrasah dan kesannya banyak pesantren yang terpaksa ikut menyelenggara dan memasukkan sistem sekolah madrasah seperti yang dilaksanakan oleh Depertemen Agama di dalam sistem pondok pesantren.¹¹⁰ Walaupun telah dibentuknya sekolah

¹⁰⁸Pendidikan keterampilan adalah pendidikan yang bersifat kemahiran/kepandaian tertentu dalam bidang-bidang tertentu seperti menjahit, memasak, mengukir, melukis dan sebagainya.

¹⁰⁹*Ibid.*, 41.

¹¹⁰Marwan, *Sejarah Pondok Pesantren*, 59.

pendidikan Islam secara formal namun, kekuatan pendidikan Islam di Indonesia khasnya Daerah Jawa masih terletak pada pendidikan pondok pesantren.¹¹¹

Melihat kepada hambatan-hambatan yang dibuat oleh pihak Belanda pada masa penjajahan mahupun yang dibuat oleh pemerintah Republik Indonesia, dapat dibuat kesimpulan bahawa perkembangan dan pertumbuhan sistem pendidikan Islam terutamanya sistem pondok pesantren cukup perlahan, sangat terbatas dan melalui banyak hambatan. Namun, di sebalik pelbagai hambatan daripada pihak Belanda menyaksikan pertumbuhan pendidikan pesantren tetap memberansangkan. Ini menunjukan bahawa ternyata jiwa Islam tetap terpelihara dengan baik di Indonesia.¹¹²

Sehingga kini setelah hampir 68 tahun kemerdekaan Indonesia (1945 - 2012), jumlah pondok pesantren terus bertambah di setiap negeri di Indonesia. Pondok pesantren telah berkembang empat kali ganda dibandingkan pada tahun-tahun awal setelah kemerdekaan Indonesia. Muhammad Mustari (2011) berdasarkan petikan data Departemen Agama Republik Indonesia menyatakan bahawa pada tahun 1988/1989 di setiap provinsi di Indonesia kecuali Timor Timur telah ada institusi pesantren berjumlah 6 631¹¹³ dan pada tahun 2006 terdapat 16 015 buah pondok pesantren.¹¹⁴

Laporan Departemen Agama Republik Indonesia pada tahun 2007 mengenai keadaan pesantren di Indonesia menunjukkan bahawa sistem pendidikan pesantren di Indonesia tetap terpelihara, dikembangkan dan dihargai oleh masyarakat umat Islam di Indonesia. Kekuatan pondok pesantren terus bertahan walaupun pelbagai jenis pendidikan Islam formal dalam bentuk madrasah dan pada sekolah tingkat tinggi seperti Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri

¹¹¹Zamakhsyari, *Tradisi Pesantren*, 20.

¹¹²Sadikun, *Pondok Pesantren dan Pembangunan*, 108.

¹¹³ Muhammad Mustari Phd., *Peranan Pesantren Dalam Pembangunan Pendidikan Masyarakat Desa*, cet. ke-2 (Yogyakarta: Multi Press, 2011), 11.

¹¹⁴*Ibid.*, 12.

(STAIN) dan lain sebagainya telah berkembang selaras dengan kemerdekaan Indonesia.

Namun secara luas, kekuatan pendidikan Islam di Indonesia masih berada pada sistem pesantren.¹¹⁵ Oleh itu, pesantren dan madrasah dalam zaman kemerdekaan ini terus berjalan dan berkembang dalam memberikan sumbangsih pendidikan Islam kepada anak-anak dan pemuda-pemuda Indonesia.¹¹⁶

Menurut A. Rafiq Zainul Mun'im ada beberapa faktor yang menyebabkan pondok pesantren tetap berkembang dan bertahan di Indonesia sehingga kini adalah, *Pertama*, pesantren memenuhi pendidikan dasar manusia hidup di Indonesia. *Kedua*, pesantren mampu membanteras buta huruf sama dengan sistem pendidikan di sekolah umum, di pesantren juga diajarkan menulis huruf latin (keaksaraan). *Ketiga*, pesantren memenuhi keperluan pendidikan anak usia dini. *Keempat*, pesantren mampu memberikan bekal keterampilan hidup (*life skill*). *Kelima*, pesantren relatif murah dalam hal pembentukan. Secara umum pembentukan pendidikan di pesantren sudah terkenal murah dan relatif dapat dijangkau oleh kebanyakan masyarakat Indonesia. *Keenam*, pesantren merupakan kebutuhan masyarakat secara luas. *Ketujuh*, pesantren merupakan bagian dari pendidikan yang berkualitas dan menuju kepada kualitas.¹¹⁷

Faktor-faktor tersebut menyebabkan pondok pesantren tetap bertahan dan berkembang sebagai sebuah lembaga pendidikan Islam Indonesia serta tetap mampu bertahan dalam kewujudannya serta mampu memberikan kontribusi besar bagi ilmu pengetahuan khasnya ilmu pengetahuan Islam. Menurut pandangan pengkaji, sistem pendidikan pondok pesantren yang telah berakar umbi di bumi Indonesia sejak masuknya Islam di Indonesia mampu bertahan dan tetap berkembang kerana kesediaan pondok pesantren untuk menyesuai dan memodenkan sistem pendidikan yang

¹¹⁵Sadikun, *Pondok Pesantren dan Pembangunan*, 20.

¹¹⁶Usman Said, *Sumbangan Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Kepribadian Indonesia*, cet. ke-1 (Jakarta: Pustaka LP3S, 1999), 91.

¹¹⁷A. Rafiq Zainul Mun'im, "Peran Pesantren Dalam Education for All di Era Globalisasi," *Jurnal Pendidikan Islam*, vol. 1, no. 1 (2009), 12-13.

dikeluarkan sama ada masa penjajahan oleh Belanda maupun pemerintah Republik Indonesia itu sendiri dengan tidak meninggalkan tujuan asal pendidikan pesantren.

Pada seminar pondok pesantren seluruh Indonesia di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Yogyakarta pada tahun 1963, Ir. Sukarno Presiden pertama Indonesia dan H. M. Ansar Surjohadibroto yang menjawat jawatan sebagai Direktorat Pendidikan Agama di Depertemen Agama Republik Indonesia telah memberikan kritikan tajam terhadap dunia pesantren seperti yang dipetik oleh Marwan Saridjo et al. (1980) yang bertajuk “*Sejarah Pondok Pesantren Di Indonesia*”, dengan menyatakan supaya pondok pesantren bisa menerima alam luar (terbuka). Pada seminar ini juga timbul kesedaran dari dalam pesantren itu sendiri untuk memperbarui sistem pendidikan dan pengajaran.¹¹⁸ Pembaharuan sistem pendidikan di pondok pesantren ialah dengan memasukkan sistem madrasah ke dalam sistem pendidikan pondok pesantren.

Kini perkembangan pesantren tidak cukup didukung oleh sistem madrasah sahaja. Sehubungan itu, sebahagian pondok-pondok pesantren telah memasukkan sistem sekolah-sekolah umum seperti Sekolah Dasar (SD), Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP), Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA) dan Kolej serta Institut Pengajian Tinggi (IPTA) dalam sistemnya. Sistem pendidikan sejenis ini bertujuan membentuk generasi yang mempunyai kedalaman pengetahuan agama yang dalam dan luas pengetahuan umumnya.¹¹⁹ Malah di pondok pesantren pada zaman sekarang menurut Drs. Hazbullah (1999) telah mengadakan perubahan-perubahan termasuk mulai akrab dengan metodologi ilmiah moden, diverisifikasi program dan kegiatan di

¹¹⁸Marwan, *Sejarah Pondok Pesantren*, 59 - 62.

¹¹⁹Sukamto, *Kepemimpinan Kiai Dalam Pesantren* (Jakarta: Pustaka LP3ES, 1999), 44.

pondok pesantren makin terbuka dan luas, dan sudah dapat berfungsi sebagai pusat pengembangan masyarakat.¹²⁰

2.5 Pentadbiran Pondok Pesantren

Menurut Kamus Dewan, pentadbiran bererti perbuatan melaksanakan urusan mengelola atau menjalankan sesuatu pejabat, kerajaan dan lain-lain lagi.¹²¹ Pentadbiran adalah hal yang menjadi tonggak utama dalam mencapai keberhasilan baik perusahaan maupun pendidikan. Pentadbiran dalam bahasa Indonesia disebut dengan istilah kepemimpinan. Pentadbiran dalam bahasa Indonesia adalah administrasi yang bererti usaha dan kegiatan yang berkenaan dengan penyelenggaraan kebijaksanaan untuk mencapai tujuan.¹²²

Pentadbiran yang baik terletak kepada kepemimpinan yang baik. Masalah kepemimpinan merupakan pembahasan yang paling menarik karena ia adalah salah satu faktor penting yang mempengaruhi keberhasilan atau kegagalan suatu organisasi.¹²³ Untuk mencapai visi dan misinya, pondok pesantren membentuk struktur organisasi yang tersusun beserta dengan deskripsi kerja pada setiap bahagian. Pondok pesantren dipimpin oleh seorang kiai yang menjadi tonggak utama kemajuan sebuah pondok pesantren dengan dibantu oleh para ustaz, lurah pondok dan manajemen/tata usaha pondok pesantren. Untuk penjelasan yang lebih lanjut, berikut merupakan rajah organisasi pondok pesantren di Indonesia, secara umumnya dan bidang tugas bagi setiap kategori.


¹²⁰Hazbullah *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia: Lintasan Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan* (Jakarta: PT Grafidi Persada, 1999), 155.

¹²¹Kamus Dewan, 1565.

¹²²Kamus Besar Bahasa Indonesia (Jakarta: Depertemen Pendidikan Nasional dan Pusat Bahasa 2003), 6.

¹²³Sukamto, *Kepemimpinan Kiai*, 19.

Rajah 2.1: Organisasi Pondok Pesantren Secara Umum



2.5.1 Yayasan Pondok Pesantren

Yayasan pondok pesantren mempunyai tugas membentuk dewan tertinggi pondok pesantren dengan kiai sebagai pimpinan pondok pesantren yang bernaung di bawah yayasan serta pentadbiran yang menentukan anggaran perbelanjaan pondok pesantren. Keanggotaan pengurusan yayasan pondok pesantren diambil dari kalangan guru/ustaz. Kepemimpinan yayasan pondok pesantren yang dibentuk dipilih berdasarkan musyawarah dan Kiai kadangkala merangkap sebagai ketua yayasan. Terdapat juga yayasan pondok pesantren yang diketuai oleh orang yang bukan dari kalangan pondok pesantren tetapi yang mempunyai kekerabatan serta mempunyai keakraban yang kuat dengan pondok pesantren tersebut.

2.5.2 Kiai

Sistem kepemimpinan dalam pondok pesantren di Indonesia mengikuti aturan pondok pesantren sendiri. Pemimpin pondok pesantren dipanggil dengan pelbagai

gelaran iaitu Kiai bagi sebutan yang khas di Pulau Jawa, Mudir, Abuya, Abah Pengasuh dan sebagainya. Kiai di dalam pondok pesantren merupakan tonggak utama perjalanan sesebuah pondok pesantren. Kiai juga mempunyai kuasa besar di dalam hal ehwal berkaitan dengan pembelajaran (kurikulum) dan peraturan-peraturan di dalam pondok pesantren.

Sukamto (1999) menyatakan bahawa di dalam struktur organisasi pondok pesantren, kedudukan kiai lebih bersifat sebagai seorang menejer (*manager*) daripada seorang ahli agama.¹²⁴ Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Muhammad Mustari (2011), yang menyatakan bahawa kiai dan para pembantunya merupakan hierarki kekuasaan yang secara ekplisit diakui dalam lingkungan pesantren yang ditaati sepenuhnya.¹²⁵ Kiai yang dibantu oleh para ustaz dalam mengurus pondok pesantren sentiasa berhemah menjalankan pertadbirannya dan selalu memberikan arahan yang jelas kepada para ustaz sebagai tenaga pengajar dalam pondok pesantren.

2.5.3 Kaur dan Ustaz

Kaur atau wakil pimpinan diangkat dari ustaz yang membantu pimpinan sesuai dengan tugas masing-masing. Ustaz adalah istilah yang digunakan di Indonesia merujuk kepada orang yang dianggap ahli di dalam bidang ilmu agama. Ustaz sejajar dengan istilah buya, kyai, *da'i*, dan mubaligh. Di sesetengah pondok pesantren, pengasuh/pimpinan pondok pesantren disebut ustaz dan pada umumnya di lingkungan pondok pesantren ustaz lebih dikenal statusnya berada di bawah kiai. Ustaz di lingkungan pondok pesantren merupakan pembantu kiai dalam melaksanakan pendidikan sebagai guru dan pengurusan santri di pondok pesantren. Ustaz merupakan orang yang disegani oleh santri kebiasaannya mendapat gaji daripada kiai pada setiap

¹²⁴Sukamto, *Kepemimpinan Kiai*, 324.

¹²⁵Muhammad Mustari, *Peranan Pondok Pesantren*, 37.

bulan di samping bertindak sebagai tutor.¹²⁶ Ustaz bukan sahaja berperanan sebagai tenaga pengajar namun juga bertugas mengawasi interaksi sosial para santri, memantau perkembangan santri serta aktiviti sehari-hari.¹²⁷

Sistem pengambilan ustaz di pondok pesantren ditentukan oleh pondok pesantren itu sendiri yang tidak ada penentuan jangka waktu dan tiada penentuan tentang gaji. Namun ada beberapa dasar yang dipertimbangkan oleh pihak pondok pesantren sebagai berikut:

- a. Berdasarkan sistem kekeluargaan dan mempertimbangkan pada kemampuan ketrampilan khusus.
- b. Mengutamakan alumni santri dan berakhhlak mulia.¹²⁸
- c. Ustaz biasa juga didatangkan dari pondok pesantren dengan pengambilan berdasarkan kerjasama antara kiai pondok pesantren dengan pondok pesantren lainnya.

2.5.4 Santri/pelajar

Santri/pelajar merupakan objek sebagai penuntut yang harus dibina oleh kiai dan ustaz sebagai pembantu. Secara umumnya santri di Indonesia tinggal di dalam kawasan pesantren yang lebih dikenali dengan "*mondok*" atau "*Santri Mukim*" yang telah disediakan oleh pihak pondok pesantren. Terdapat sebahagian dan ada santri yang tinggal di rumah mereka sendiri atau di rumah-rumah penduduk sekitar pondok pesantren yang di sebut dengan "*Santri Kalong*". Santri sangat mematuhi peraturan-

¹²⁶*Ibid.*, h. 37.

¹²⁷Masrur, "Rekrumen Tenaga Pengajar pada Pondok Pesantren Miftul Huda, Jawa Tengah," *Jurnal Islamika, STAIN Kerinci*, vol.11, no. 1 (2011), 10.

¹²⁸*Ibid.*, 7.

peraturan yang dikeluarkan oleh pondok pesantren dan patuh pada arahan kiai dan ustaz.¹²⁹

Dalam pengambilan santri pihak pondok pesantren terlebih dahulu mengeluarkan pengumuman tentang penerimaan santri pada pondok tersebut pada tahun ajaran baru. Di pondok pesantren yang besar dan terkenal, maka ada pembatasan penerimaan santri dan dilakukan ujian dengan soalan ditentukan oleh pondok pesantren tersebut, kerana ramainya santri yang mendaftarkan diri. Manakala di pondok pesantren kecil yang masih berlumba mencari santri maka tiada pelaksanaan ujian bagi santri. Namun begitu terdapat persyaratan umum di pondok pesantren dalam penerimaan santri baru seperti berikut:

- a. Pandai membaca al-Qur'an dan membaca tulis Latin.¹³⁰
- b. Diantar orang tua/wali dan mengisi pernyataan izin dan kesanggupan orang tua/wali.¹³¹
- c. Sanggup bertempat tinggal di asrama yang telah disediakan.¹³²
- d. Sanggup mematuhi peraturan-peraturan di pondok pesantren tersebut.

2.5.5 Wali Santri/Orang Tua Santri

Wali santri/orang tua santri adalah ayah dan ibu daripada santri yang mempunyai ikatan persaudaraan yang kuat dengan pondok pesantren. Kebiasaannya orang tua santri merupakan anggota pengajian di pondok pesantren tersebut dengan kiai atau ustaz sebagai penceramah pengajian. Orang tua santri juga mempunyai

¹²⁹Lihat halaman 31 tentang ciri-ciri pondok pesantren secara sosial keagamaan.

¹³⁰"Informasi Pendaftaran Santri Baru pondok pesantren Daar El-Qalam Tanggerang Jawa Barat, Tahun Ajaran 2013/2014", laman sesawang dicapai 5 April 2013, <http://www.daarelqolam.ac.id/informasi/pendaftaran-santri-baru/#ixzz2PZepheON>.

¹³¹"Penerimaan santri baru di pondok pesantren Al-ukhuwah Suko Harjo Jawa Tengah tahun 2012-2013," laman sesawang dicapai 5 April 2013, <http://alukhuwah.com/index.php/component/content/article/74->.

¹³²"Penerimaan santri baru di Pondok Pesantren Modern Darussalam Gontor tahun ajaran 2012/2013," laman sesawang dicapai 5 April 2013, <http://www.kesantrian.com/2011/03/penerimaan-santri-baru-pondok-modern.html>.

kesinambungan terhadap hal-hal berkaitan pondok pesantren serta memantau perkembangan anak-anak mereka dalam mendapatkan pendidikan di pondok pesantren.

Sistem pentadbiran di pondok pesantren diharapkan mampu maju dan berkembang dalam melaksanakan kegiatan pendidikan secara terorganisasi dan sesuai dengan tuntutan zaman. Pentadbiran dalam pondok pesantren haruslah dilakukan dengan amanah, bertanggungjawab, efektif dan efisien agar tercapai apa yang diharapkan dan tujuan yang telah ditetapkan oleh pondok pesantren tersebut. Kemajuan dan perkembangan sebuah pondok pesantren terletak pada sistem pentadbiran dan organisasi yang mampu membawa kepada kebaikan kepada pesatren dan masyarakat. Dalam memastikan peningkatan dalam pentabiran pondok pesantren, Depertemen Agama Republik Indonesia sering mengadakan kursus bagi para ustaz dan pegawai dari pondok pesantren agar mereka mendapat latihan dan kursus yang wajar dalam usaha pengelolaan pondok pesantren secara lebih baik.

2.6 Sistem Pergantian Kepemimpinan di Pondok Pesantren

Muhammad Mustari (2011) mengambarkan bahawa pondok pesantren ibarat sebuah kerajaan kecil,¹³³ ini bererti sistem pergantian kepemimpinan yang ada di pesantren sama dengan yang terjadi pada sebuah kerajaan. Sistem kepemimpinan di pondok pesantren biasanya secara turun-temurun dari pengasas kepada anak, kepada menantu dan kepada cucu. Sekiranya anak dan menantu pimpinan kiai tidak mampu untuk mewarisi kepemimpinan, kemungkinan kepemimpinan akan diberikan kepada bekas santri senior.

¹³³Muhammad Mustari, *Peranan Pesantren*, 48.

Proses alih kepemimpinan pondok pesantren selama ini berlaku secara alami, tetapi menurut Drs. H. Abd. Halim Soebahar, "Proses peralihan kepemimpinan pondok pesantren tidaklah bisa secara alamiah pada zaman sekarang, kerana banyak para kiai yang tidak mempersiapkan anaknya menjadi kiai."¹³⁴ Jadi banyak kemungkinan kepimpinan akan kembali pada santri senior. Sistem pergantian ini tidak berlaku pada pondok pesantren yang dimiliki secara peribadi sahaja, tetapi berlaku juga pada pondok pesantren yang bersifat yayasan.

2.7 Metode dan Sistem Pendidikan di Pondok Pesantren

2.7.1 Metode Pendidikan Di Pondok Pesantren

Pada zaman awal perkembangan Islam di Indonesia pusat pendidikan Islam adalah di langgar masjid atau rumah sang guru di mana murid-murid duduk di atas lantai, belajar dalam keadaan bersila tanpa memakai bangku dan meja menghadap sang guru dan belajar mengaji.¹³⁵ Pada masa itu juga tidak ada sijil (surat tanda tamat sekolah) atau gelaran-gelaran Islamiah diberikan kepada orang yang menamatkan pelajaran sesudah ujian.¹³⁶ Pengajaran biasanya diadakan pada waktu malam agar tidak mengganggu pekerjaan orang tua sehari-hari.

Tempat-tempat pendidikan Islam non formal seperti inilah yang menjadi embrio terbentuknya sistem pendidikan pondok pesantren.¹³⁷ Ini bererti bahawa sistem pendidikan di pondok pesantren masih hampir sama seperti sistem pendidikan di langgar atau masjid, cuma ianya lebih bersifat intensif dan dalam jangka waktu yang lebih lama. Tempoh pengajian ini diberikan kepada para pelajar sampai tamat sebuah kitab tertentu dan sehingga para pelajar benar-benar diyakini oleh kiai telah mampu menguasai kitab yang telah diajarkan.

¹³⁴"Gerbang Ku Suka," laman sesawang, dicapai 16 April 2010, <http://www.uin-suka.info/ind/index>.

¹³⁵Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan*, 29.

¹³⁶Hasan Langgulung, *Pengenalan Tamadun Islam*, 123.

¹³⁷Zuhairini, *Sejarah Pendidikan Islam*, 212.

Pendidikan pesantren memiliki dua metode pengajaran asas iaitu metode *sorogan*, yang sering disebut sistem individual dan metode *bandongan* atau *wetonan* yang sering disebut kolektif. Selain metode *sorongan* dan metode *wetonan* dalam proses pembelajarannya pondok pesantren juga menggunakan metode hafalan dan metode musyawarah.¹³⁸ Pondok pesantren juga menggunakan metode-metode tambahan lainnya seperti metode pengajian, pasaran dan demonstrasi. Metode-metode tersebut akan dijelaskan seperti berikut:

2.7.1 (a) Metode Sorogan

Metode *sorogan* berasal dari bahasa Jawa iaitu *sorong* yang bererti menyadurkan. Ini bermaksud setiap santri menyadurkan kitabnya kepada seorang ustaz atau kiai. Metode *Sorongan* dalam sistem pendidikan pondok pesantren dilaksanakan dengan setiap murid mendapat kesempatan untuk belajar secara langsung dari Kiai atau pembantu kiai. Metode ini biasanya diberikan kepada murid-murid yang telah menguasai pembacaan al-Qur'an dan merupakan bahagian sistem pembelajaran yang paling sulit kerana sistem ini menuntut kesabaran, kerajinan, ketaatan dan disiplin peribadi murid. Murid seharusnya sudah memahami sebuah kitab dengan metode *sorogan* ini sebelum dapat mengikuti pendidikan selanjutnya di pesantren.¹³⁹ Metode *sorogan* kebiasaannya untuk pelajar (santri) baru yang memerlukan bantuan individu.

2.7.1 (b) Metode Bandongan Atau Wetonan

Metode *bandongan* atau *wetonan* merupakan metode yang lazim dipakai di pondok pesantren. Metode ini merujuk di mana sekelompok santri yang berjumlah 5 hingga 500 orang mendengarkan seorang ustaz membaca dan menerangkan sebuah kitab. Para santri akan memperhatikan bukunya/kitab masing-masing dan membuat

¹³⁸ Abdul Mukti Bisyri et al., *Pengembangan Metodologi Pembelajaran Salafiyah* (Jakarta: Bagian Proyek Peningkatan Wajar Diknas Pondok Pesantren Salafiyah Dirjen Kelembagaan Agama Islam Depag RI, 2002), 6.

¹³⁹ Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren*, 28.

catatan (samada maksud atau keterangan) tentang kata-kata atau buah fikiran yang sulit yang membaca, menterjemah dan menerangkan buku-buku Islam dalam bahasa Arab.¹⁴⁰

Kelompok kelas dari sistem *Bandongan* ini disebut *halaqah* yang bermaksud sekelompok siswa yang belajar di bawah bimbingan seorang guru.

2.7.1 (c) Metode *Musyawarah/Bahsul Masa'il*

Metode Musyawarah merupakan metode pembelajaran yang lebih mirip kepada metode diskusi atau seminar. Beberapa orang santri dengan jumlah tertentu membentuk akan *halaqah* yang dipimpin secara langsung oleh seorang ustaz atau santri senior bagi membahas atau mengkaji sesuatu perkara yang telah ditentukan sebelumnya. Dalam pelaksanaannya para santri bebas mengemukakan pertanyaan dan pendapat.

2.7.1 (d) Metode Pengajian Pasaran

Metode pengajian pasaran merujuk kepada kegiatan para santri melalui pengkajian materi (kitab) tertentu pada kiai atau ustaz yang dilakukan secara terus menerus selama batas waktu yang ditentukan. Metode ini pada umumnya dilakukan pada bulan Ramadhan selama setengah bulan atau kurang lebih dua puluh hari atau lebih bergantung pada keadaan kitab yang dikaji. Metode ini hampir sama dengan metode *bandongan*.

2.7.1 (e) Metode Hafalan (*muhibah*)

Dalam metode ini, para santri diberi tugas untuk menghafal ayat-ayat al-Qur'an dan hadith, dalil-dalil fatwa para ulama, serta pepatah-pepatah Arab dan sebagainya pada jangka waktu yang telah ditentukan. Apabila jangka waktu yang telah ditentukan tamat maka hafalan tersebut akan dievaluasi (diambil penilaian) oleh kiai/ustaz secara

¹⁴⁰Ibid., 28.

berkala. Titik letak metode ini ialah santri mampu mengucapkan, menghafalkan kalimat-kalimat secara perseorangan ataupun kelompok.¹⁴¹

2.7.1 (f) Metode Demonstrasni

Metode ini adalah cara pembelajaran yang dilakukan dengan memperagakan (*demonstrasi*) suatu keterampilan dalam hal pelaksanaan ibadah tertentu yang dilakukan secara perseorangan maupun kelompok di bawah bimbingan atau petunjuk seorang ustaz. Metode ini juga selaras boleh kita katakan sebagai metode simulasi atau praktik. Setelah selesai melakukan demonstrasi perkara yang telah dibimbing, santri diberi kesempatan menanyakan perkara-perkara yang diperkirakan perlu selama berlangsung kegiatan.¹⁴² Metode digunakan dalam bidang ilmu-ilmu tertentu yang berkaitan dengan amalan seperti shalat, penyelengaraan jenazah dan sebagainya.

2.8 Kesimpulan

Para sarjana telah mengemukakan pelbagai takrif tentang pengertian pondok pesantren dan hampir kesemuanya berpendapat bahawa pondok pesantren adalah lembaga pengajaran agama Islam dengan sistem asrama. Sejarah pondok pesantren di Indonesia bermula dengan masuknya agama Islam di Indonesia dan perkembangannya telah mengharungi pelbagai rintangan baik di zaman penjajahan Belanda maupun setelah kemerdekaan Indonesia. Secara umumnya, penulis berpendapat bahawa pondok pesantren tetap teguh dan berusaha memperkasakan sistem pendidikannya dengan mengaplikasikan pelbagai metode dalam sistem pendidikannya seperti metode *sorogan*, *bandongan* dan lain-lain bertujuan untuk terus berperanan dalam memberikan pendidikan Islam kepada masyarakat Islam di Indonesia.

¹⁴¹ Depertemen Agama Republik Indonesia, *Pola Penyelengaraan Pesantren Kilat* (Jakarta: Direktur Jendral Pendidikan Kelembagaan agama Islam, 2003), 28.

¹⁴² *Ibid.*, 29.

BAB III

SEJARAH PONDOK PESANTREN DI KERINCI JAMBI INDONESIA

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menguraikan sejarah, geografis pendidikan dan budaya lokasi penelitian. Selain itu, fokus akan diberikan kepada penghuraian secara detil tentang sejarah pondok pesantren di Kerinci, Jambi, Indonesia iaitu Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai, Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro dan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri. Antara perkara yang dibincangkan termasuk sarana, carta, guru (ustaz) sumber dana dan lain-lain di keempat-empat pondok pesantren tersebut.

3.2 Latar Belakang Negeri Jambi

Jambi merupakan sebuah provinsi (negeri) yang terletak di tengah-tengah Pulau Sumatera yang sebahagian wilayahnya dilintasi oleh garis Khatulistiwa. Ia terletak di antara $0,45^{\circ}$ Lintang Utara (LU), $2,45^{\circ}$ Lintang Selatan (LS) dan antara $101,10^{\circ}$ - $104,55^{\circ}$ Bujur Timur (BT). Provinsi Jambi mempunyai keluasan wilayah 53.435,72 Km²; daratan 51.000 Km², lautan 425,5 Km² dan panjang pantai 185 Km.¹⁴³

Jambi sebagai daerah otonom permulaannya pada tahun 1956 dengan ketetapan gubernor Sumatera No.103/1946 sebagai daerah otonomi di Negeri Sumatera Tenggah¹⁴⁴ yang pada ketika itu pulau Sumatera dibahagi dalam tiga bahagian keresidenan.¹⁴⁵

¹⁴³“Profil letak Wilayah Dalam Provinsi Jambi”, laman sesawang *Pemerintah Provinsi Jambi*, dicapai 4 April 2010, <http://www.jambiprov.go.id>.

¹⁴⁴Usman Meng Napak Tilas Liku-Liku Provinsi Jambi: Kerajaan Melayu Kuno dan Terbentuknya Provinsi Jambi (Jambi: Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Provinsi Jambi, 1994), 13.

¹⁴⁵Karesidenan adalah sebuah pembahagian administratif dalam sebuah provinsi pada masa penjajahan dan pemerintahan Hindia Belanda di Indonesia yang dipakai hingga tahun 1950-an dengan kepemimpinannya disebut dengan resident atau setarap dengan gobernator jenderal.

Provinsi Jambi pada mulanya merupakan daerah Keresidenan Sumatera Tengah.¹⁴⁶

Sempadan-sempadan Negeri Jambi adalah sebagai berikut :

- Sebelah Utara dengan Provinsi Riau
- Sebelah Selatan dengan Provinsi Sumatera Selatan dan negeri Bengkulu
- Sebelah Barat dengan Provinsi Sumatera Barat
- Sebelah Timur dengan Laut Cina Selatan dan Selat Berhala¹⁴⁷

Negeri Jambi terbentuk berdasarkan Surat Keputusan Gabenor Sumatera No. 103/1946 sebagai Daerah Otonom Kota Besar di Sumatera, yang kemudiannya disokong pula dengan Undang-Undang No.9/1956 dan dinyatakan sebagai Daerah Otonom Kota Besar dalam lingkungan Negeri Sumatera Tengah. Pada 16 Januari 1957, Jambi secara rasmi dijadikan sebuah Negeri Jambi dan Bandar Jambi merupakan pusat bandar dari Negeri Jambi. Sebelum tahun 2005 Jambi terdiri dari 6 Distrik dan 1 Kota Madya dan pada tahun 2008 Negeri Jambi terbahagi dalam 11 bahagian 9 Daerah dan 2 Kota Madya. Negeri Jambi terdiri dari beberapa bahagian daerah-daerah distrik seperti yang telah ditetapkan di dalam UU No. 25 Tahun 2008 kini Negeri Jambi terbahagi menjadi 9 distrik dan 2 kota madya iaitu :

1. Daerah Kerinci (Ibukota Sungai Penuh)
2. Daerah Sarolangun (Ibukota Sarolangun)
3. Daerah Merangin (Ibukota Bangko)
4. Kota Madya Jambi
5. Kota Madya Sungai Penuh (Sungai Penuh)
6. Daerah Muara Bungo (Ibukota Muara Bungo)
7. Daerah Tebo (Ibukota Muara Tebo)

¹⁴⁶H. Ahmad Yunus, *Sejarah Kemerdekaan Daerah Jambi* (Jakarta: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1986), 1.

¹⁴⁷Anas Majid, *Sejarah Revolusi Kemerdekaan Daerah Jambi* (Jambi: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1986), 1.

8. Daerah Batanghari (Ibukota Muara Bulian)
9. Daerah Muara Jambi (Ibukota Sengeti)
10. Daerah Tanjung Jabung Barat (Ibukota Kuala Tungkal)
11. Daerah Tanjung Jabung Timur (Ibukota Muara Sabak)

Dengan 128 bahagian cawangan (mukim) dan 1179 buah Desa dan 150 kelurahan¹⁴⁸, Negeri Jambi 1 m nmmm dipimpin oleh seorang gabenor atau menteri besar, dan setiap wilayah bahagian daerah dipimpin oleh seorang bupati¹⁴⁹ dan dua bahagian yang dipimpin oleh Wali Kota (Datuk Bandar).¹⁵⁰ Gabenor bertanggungjawab sebagai pemimpin politik dan pemerintahan wilayah negeri sedangkan bupati bertanggungjawab sebagai pemimpin politik dan pemerintahan daerah. Namun, seluruhnya tergantung atau berada dalam naungan Dewan Perwakilan Rakyat Negeri dan Dewan perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) sama seperti Dewan Undangan Negeri (DUN).

Untuk memperlancarkan sistem pentadbiran pemerintahan Negeri Jambi, Gabenor dibantu oleh beberapa bidang pentadbiran yang bernaung di bawah depertemen-depertemen yang terdapat di Indonesia yang berada di bawah depertemen-deperetemen pusat dan dibantu oleh parlimen rendah tingkat wilayah. Di daerah distrik setiap datuk bandar dibantu oleh beberapa bidang pentadbiran dan parlimen tingkat distrik yang turut membantu dalam pelaksanaan pembangunan daerah distrik. Pemerintahan distrik juga dibantu oleh beberapa bidang depertemen-depertemen yang terdapat di Indonesia yang berada di bawah depertemen-depertemen tingkat wilayah negeri.

¹⁴⁸Kelurahan merupakan kampung yang besar atau boleh juga dikatakan sebagai mukim yang kecil.

¹⁴⁹Merujuk daripada Kamus Besar Bahasa Indonesia, bupati ialah jabatan kepala tingkat daerah (distrik).

¹⁵⁰Monografi Wilayah Provinsi Jambi (2008), 7.

Menurut statistik daerah Negeri Jambi, jumlah penduduk Negeri Jambi pada tahun 2008 adalah seramai 26 788 269 (dua puluh enam juta tujuh ratus lapan puluh lapan ribu dua ratus enam puluh sembilan). Kadar pertumbuhan penduduk akan meningkat apabila berlaku perhijrahan penduduk dari daerah-daerah lain dan sebaliknya kadarnya akan berkurang bila ada urbanisasi.¹⁵¹ Berikut adalah jadual jumlah penduduk Wilayah Provinsi Jambi dari tahun 2000 hingga tahun 2012:

Jadual 3.1. Jumlah Penduduk Negeri Jambi dari tahun 2000-2012

No	Tahun	Jumlah	Peningkatan
1	2000	2 400 940	-
2	2001	2 439 644	38 704
3	2002	2 479 469	40 000
4	2003	2 568 598	89 129
5	2004	2 619 553	50 955
6	2005	2 657 536	37 983
7	2006	2 732 289	74 753
8	2007	2 752 196	19 907
9	2008	2 788 269	36 073
10	2009	2 829 034	40 765
11	2010	2 934 705	105 671
12	2011	3 043 963	109 258
13	2012	3168 637	124 674

Sumber: Data statistik Negeri Jambi dari tahun 2000-2012.

Secara umumnya mata pencarian penduduk Negeri Jambi adalah bertani, bermiaga, berkerja di pejabat swasta dan institusi kerajaan yang lazimnya disebut pegawai negeri sipil (PNS)¹⁵². Sekiranya dilihat dalam angka, sumber pencarian penduduk Wilayah Provinsi Jambi adalah seperti berikut yang berkerja pada sektor pertanian, perkebunan dan perikanan 46.88%, pada sektor perdagangan adalah sebanyak 21.58% dan 12.58% pada sektor pekerja kerajaan (Pegawai Negeri Sipil).¹⁵³ Jambi sangat masyhur dengan hasil perkebunan getah, tanahnya yang subur, lahan yang

¹⁵¹Badan Pusat Statistik Negeri Jambi (2009), 8.

¹⁵²PNS adalah pegawai Kerajaan.

¹⁵³Badan Pengawas Statistik Negeri Jambi Tahun, 2005, 8.

datar dan termasuk daerah dataran rendah. Wilayah Jambi juga pernah menjadi provinsi yang terbesar dalam bidang pengekspor getah di Pulau Sumatera pada tahun 1930.¹⁵⁴

Dari segi kebudayaan keluasan Negeri Jambi telah melahirkan kebudayaan yang beraneka ragam. Masyarakat Negeri Jambi merupakan masyarakat yang terdiri di atas berbagai-bagai unsur dan suku yang berbeza sifat atau berlainan jenis serta budaya yang beraneka ragam (*heterogen*). Adapun masyarakat yang paling dominan adalah masyarakat asli penduduk Jambi dan ramai lagi masyarakat pendatang yang berasal daripada Minangkabau, Batak, Jawa, Sunda, Cina dan India. Budaya yang paling menonjol ialah budaya Melayu Jambi yang bercorak Islam. Kebudayaan Jambi berdasarkan pada adat istiadat Jambi, yang mempunyai tuntunan adat, bahawa “*adat bersendikan syara’*” dan “*syara’ bersendikan Kitabullah*” atau “*Sara’ mengato adat memakai*”.¹⁵⁵ Kekuatan dan keunikian budaya yang terdapat di Jambi terletak pada kebudayaan tersendiri yang bersendikan Islam yang terdapat pada setiap daerah-daerah bahagian Negeri Jambi.

3.2.1 Sejarah Ringkas Asal Usul dan Pemerintahan Negeri Jambi

Berasaskan cerita rakyat, perkataan Jambi berasal dari pada kata *Jambe* yang bermaksud *Pinang Masak*. Ini berhubung kait dengan cerita *Puteri Selaras Pinang Masak* yang menceritakan bahawa pada zaman dahulu wujud berupa kerajaan Pagaruyung yang berperang dengan kerajaan Majapahit. Kerajaan Pagaruyung ketika itu berada di bawah pemerintahan Annangarman, putera dari Raja Adityawarman (1370 M). Akibat dari peperangan itu, kerajaan Pagaruyung telah berpecah menjadi dua

¹⁵⁴H. Ahmad Yunus, *Sejarah Kemerdekaan*, 67.

¹⁵⁵H Hasip Kalimuddin Syam, *Pokok-pokok Adat Pucuk Jambi Sembilan Lurah, Sejarah Adat Jambi*. jil. ke-1 (Jambi: Lembaga Adat Provinsi Jambi, 2001), 19. Erti kata-kata di atas adalah sebagai berikut, adat adalah tradisi, bersendikan adalah berdasarkan, *syara’* adalah agama dan *syara’ bersendikan Kitabullah* ialah agama berdasarkan Kitab Allah al-Qur'an, atau *Sara’ mengato adat memakai* bermaksud agama yang menentukan atau yang menyatakan adat yang melaksanakan.

bahagian iaitu *Luhak nan ba panghulu*¹⁵⁶ yang mendapat bahagian di daerah Sumatrera Barat dan *Alam nan Barajo* mendapat bahagian di Negeri Jambi. Perpecahan itu menyebabkan Raja Annangwarman mendapat kedudukan di Negeri Jambi, negeri tempat lahirnya iaitu Kerajaan Melayu Dharmasraya Jambi (1447).¹⁵⁷

Raja Annangwarman memiliki seorang puteri yang diberi gelaran Puteri Selaro pinang masak. Sekembalinya ke Negeri Jambi sang puteri tersebut sangat menyukai Pinang masak lalu puteri tersebut digelarkan oleh sang raja dengan gelaran Puteri Selaras Pinang Masak. Pinang masak dalam bahasa Jawa dahulunya disebut Jambe dan dari perkataan itulah muncul asal usul nama Jambi. Hingga kini juga di Negeri Jambi seperti Sengeti, Muara Bulian, Sarolangun dan Bangko masih terdapat banyak lagi pohon Pinang yang ditanam di ruas-ruas jalan utama. Nama Jambi telah digunakan secara rasmi semenjak terbahaginya Kerajaan Pagaruyung menjadi dua bahagian. Bahagian pertama adalah *Luhak nan bapanghulu* yang berkedudukan di Padang dan bahagian yang kedua adalah *Alam nan Barajo* yang berkedudukan di Jambi dipimpin oleh Putri Selaro Pinang Masak sekitar pada abad ke-15 M.¹⁵⁸ Ini bermakna bahawa di Pulau Sumatera, Negeri Jambi merupakan bekas wilayah kesultanan Islam Melayu Jambi.¹⁵⁹

Setiap sejarah mengalami masa kemasyhuran dan kemunduran baik dalam segi keagamaan mahupun secara keseluruhan. Berdasarkan petikan dari Elsbeth Locher-Schotan yang bertajuk "Kesultanan Sumatra dan Negara Kolonial: Hubungan Jambi-Batavia (1830-1907) dan Bangkitnya Imperialisme Belanda," beliau menyatakan

¹⁵⁶Merupakan kata adat atau gelaran bagi kerajaan yang disandang di daerah Minang Kabau dan Jambi, dengan deskripsi kata *luhak* sama dengan daerah, *nan* sama dengan yang, *panghulu* adalah pemimpin dan sering diertikan sebagai ketua adat, *luhak nan ba panghulu* adalah wilayah yang dipimpin oleh banyak pemimpin adat atau marga yang bergabung dalam satu kumpulan, adapun *Alam Nan Barajo* adalah juga merupakan sebuah wilayah yang dipimpin oleh seorang raja.

¹⁵⁷Usman Meng, *Napak Tilas Liku-Liku*, 6-7.

¹⁵⁸H. Hasip, *Pokok-pokok Adat*, 13.

¹⁵⁹"Jendela Informasi Anak Jambi," laman sesawang, dicapai 7 Mar 2011, <http://djambi-kohablogspot.com/2009/03/sejarah-jambi.html>.

bahawa tidak ketinggalan juga daerah Jambi pernah mengalami zaman kegemilangan iaitu pada abad ke- 16 M di mana Jambi muncul sebagai sebuah kuasa politik dan ekonomi yang baru di Selat Melaka.¹⁶⁰ Sebelumnya Jambi merupakan jajahan dan dijadikan kerajaan cawangan oleh kerajaan Johor. Namun satu pemberontakan telah berlaku di Jambi dan Jambi akhirnya memenangi pertempuran dengan kerajaan Johor, dan setelah peperangan itu Jambi berjaya menyaingi Johor dalam bidang perdagangan.

Fakta sejarah mencatatkan bahawa dari abad ke-16, kerajaan Jambi juga mengalami kemasyhuran dalam bidang perdagangan kerana kedudukannya sebagai tempat persinggahan bagi kapal-kapal dagang yang melalui Bandar Barus mahupun dari Nangroe Aceh Darussalam hingga berita kemasyhuran kerajaan Jambi sampai ke Tanah Jawa dan ramailah para pedagang datang berdagang di Kerajaan Melayu Jambi ini.¹⁶¹ Bermula abad ke-16 hingga awal abad yang ke-19, Jambi telah menjadi sebuah kerajaan Islam dipimpin oleh seorang Sultan, gelaran yang digunakan oleh kerajaan Islam. Tarikh ini bertepatan dengan kedatangan Belanda di Nusantara dan permulaan pemerintahan Belanda masuk ke Negeri Jambi adalah sekitar tahun 1615.¹⁶²

Pada zaman transisi kesultanan Melayu Jambi tahun 1615 dan permulaan masuknya Belanda ke daerah Jambi, pihak Belanda belum mencampuri urusan kesultanan Jambi. Namun, berpuluhan-puluhan tahun kemudian urusan kesultanan Jambi mula dicampuri oleh Belanda dan setelah itu kesultanan Jambi juga mula mengalami pergeseran. Hal ini disebabkan oleh usaha-usaha yang licik dan bertahap yang dilakukan oleh penjajahan Belanda, dimulai dari perjanjian-perjanjian dalam bidang perdagangan kecil seperti cengkih, kopi dan getah yang harus dijual kepada pedagang Belanda serta

¹⁶⁰“Kesultanan Jambi,” laman sesawang, dicapai 2 Mei 2013 http://id.wikipedia.org/wiki/Kesultanan_Jambi.

¹⁶¹H. Hasip, *Pokok-pokok Adat*, 8.

¹⁶² H. Ahmad Yunus, *Sejarah Kebangkitan Nasional Daerah Jambi* (Jakarta: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1985), 13.

para pedagang belanda tidak boleh diganggu oleh penduduk Jambi. Usaha Belanda mula berhasil adalah pada masa pemerintahan kesultanan kerajaan Jambi yang kedua iaitu pada masa Sultan Agung Abdul Jalil (1643-1670), Belanda mula membuat kontrak dagang dengan kerajaan Jambi yang pertama.¹⁶³

3.2.2 Sejarah Ringkas Kedatangan Islam Di Jambi

Dalam menguraikan sejarah permulaan Islam di Jambi maka tidak terlepas dengan sejarah Jambi itu sendiri. Pada abad ke-7 M Kerajaan Melayu Jambi mempunyai sebuah pelabuhan dikenali sebagai Zabaq yang terkenal di Nusantara bagi para pedagang dari Arab, Persia dan China.¹⁶⁴ Pelabuhan itu kini dikenali dengan nama Muaro Jambi. Pelabuhan ini merupakan media perhubungan perdagangan serta tempat persinggahan dari daerah Arab, Persia, India (Gujerat) mahupun Cina. Pelabuhan Zabaq bukan sahaja menjadi media perhubungan atau perdagangan akan tetapi merupakan akulturasi agama serta kebudayaan melalui para pedagang.¹⁶⁵ Pedagang yang ramai singgah di pelabuhan Zabaq terdiri dari pedagang Arab dan Persia yang bukan sekadar berdagang tetapi membawa misi besar untuk menyebarkan agama Islam.

Usman Said (1999) juga menyimpulkan bahawa hasil seminar tentang sumber-sumber sejarah Arab telah menegaskan bahawa di pelbagai bandar di Sumatera sejak abad ke-9 H sudah ramai pendatang Arab yang beragama Islam mendatangi bandar besar seperti Aceh, Kota Barus dan Jambi dengan ditandai oleh adanya kegiatan hubungan perdagangan dan boleh terjadi juga hubungan perkahwinan dengan penduduk setempat.¹⁶⁶ Sebagai contoh, Akhmad Salim yang merupakan pedagang dari Turki telah menikah dengan anak Raja Annangwarman. Akhmad Salim yang juga sering

¹⁶³Usman Meng, *Napak Tilas*, 10.

¹⁶⁴“Masuk dan Perkembangan Islam di Provinsi Jambi,” laman sesawang *Makalah Anggia*, dicapai 4 April 2012, <http://makalahanghia.blogspot.com/2012/09/masuk-dan-perkembangan-islam-di.html>.

¹⁶⁵ *Ibid.*

¹⁶⁶Usman Said, *Sumbangan Pendidikan Islam*, 35.

disebutkan dalam sejarah sebagai Akmad Barus II yang kemudian dikenali dengan gelaran Datuk Paduko Berhalo, kemudian barulah diisytiharkan sebagai awal bertapaknya kerajaan Melayu Islam di Jambi. Akhmad Salim merupakan penyebar agama Islam dan pendiri Kesultanan Jambi yang kemudian beliau diberi gelaran Datuk Paduko Berhalo.¹⁶⁷ Pada abad ke-16 M, Jambi sudah menjadi sebuah kerajaan Islam di bawah pimpinan seorang Raja bernama Rang Kayo Hitam, anak daripada Putri Selaro Pinang Masak dengan Akhmad Salim. Kemudian Ketika Tome Peres melakukan kunjungannya ke Sumatera di awal abad ke XVI itu, Raja Jambi disandang oleh Orang Kayo Hitam yang menurut Ngebi Suto Dilogo Priyayi Rajosari,¹⁶⁸ Orang Kayo Hitam yang telah mengislamkan rakyat Jambi.¹⁶⁹ .

Sejarah permulaan Islam secara jelas di Jambi bermula dengan terjadinya pertukaran gelaran bagi pimpinan kerajaan iaitu gelaran diraja diganti dengan gelaran kesultanan yang pada waktu itu kerajaan Jambi dipimpin oleh seorang raja yang diberi gelaran Orang Kayo Hitam, kemudian terjadi pergantian dengan anaknya Pangeran Hialang Diaek. Gelaran Raja belum melambangkan sebuah kerajaan Islam. Apabila anak Orang Kayo Hitam iaitu Pangeran Hilang Diaek (1615-1640) memangku kerajaan dengan gelaran Panembahan Rantau Kapas, gelaran raja telah bertukar menjadi gelaran sultan tetapi tidak begitu lazim dipanggil dengan sebutan Sultan. Pengunaan gelaran sultan yang lazim ke atas penguasa kerajaan Jambi mula dipakai pada masa Jambi dipimpin oleh Sultan Abdul Kahar pada tahun 1615.¹⁷⁰ Ini bererti daerah Jambi juga merupakan daerah yang mengalami kemasukan Islam di Indonesia setelah daerah Aceh Darussalam dan daerah Barus di Sumatera.

¹⁶⁷“Jejak-jejak Budaya di Situs Orang Kayo Hitam,” laman sesawang *Balai Pelestarian dan Peninggalan Purbakala (BP3) Jambi*, dicapai 4 April 2010, http://purbakalajambi.budpar.go.id/Dokumen/Relik%202008/Relik_0809.pdf.

¹⁶⁸Ngebi Suto Dilogo Priyayi Rajosari adalah seorang penulis buku tentang cerita-cerita rakyat Jambi dan silsilah raja-raja Jambi dalam bentuk cerita rakyat dan lebih bersifat hikayat yang ditulis dalam bahasa melayu.

¹⁶⁹Farida Bahar et al., *Sejarah Pendidikan Jambi* (Jambi: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan Daerah Jambi, 1981), 12.

¹⁷⁰Yushar Mahsud, *Perkembangan Islam di Jambi* (Jambi: IKIP Jambi, 1973), 23.

Sultan terakhir yang didaulat oleh rakyat Jambi sebagai Sultan adalah Sultan Thaha Saipudin yang hingga akhir hayatnya gugur di medan perang melawan penjajah Belanda di Betung Berdarah Daerah Tebo Negeri Jambi pada subuh 27 April 1904.¹⁷¹ Dan berakhirlah masa kerajaan Islam dengan bermula pemerintahan secara keresidenan oleh pemerintahan jajahan Belanda di Negeri Jambi.

3.3 Sejarah Ringkas Kerinci

3.3.1 Asal Usul dan Sejarah Kerinci

Perkataan Kerinci dikenali orang pada sekitar awal tahun masihi dan terdapat beberapa pendapat yang mengemukakan hujahan tentang asal usul nama Kerinci. Pendapat pertama mengatakan bahawa kata Kerinci berasal dari kata “Kunci” dengan mengkiaskan bahawa daerah ini merupakan daerah yang tertutup atau terkunci kerana daerah ini dikelilingi oleh gunung-gunung. Pendapat lain menerangkan bahawa kata Kerinci berasal dari kata “*Kering dan Cair*” di mana apabila musim kemarau menjadi kering yang menyebabkan dataran menjadi luas dan pada musim hujan menjadi cair mengakibatkan dataran tanah yang kering menjadi menyempit. Perkataan kering dan cair ini akhirnya berkembang menjadi suku kata “Kerinci”.¹⁷²

Menurut *Tambo Minang Kabau*,¹⁷³ Tanah Kerinci merupakan bahagian Minang Kabau dan Rantau Pesisir Alam Minangkabau meliputi wilayah-wilayah sepanjang Pesisir Barat Sumatera bahagian tengah, mulai dari Sikilang Air Bangis, Tiku, Pariaman, Padang, Bandar Sepuluh, Air Haji, Inderapura, Muko-muko dan Kerinci.

¹⁷¹Ibid., 40.

¹⁷²Idris Jakpar dan Indra Idris, *Menguak Tabir Prasejarah di Alam Kerinci* (Kerinci: Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Daerah Kerinci, 2001), 23.

¹⁷³Tambo Minangkabau adalah karya sastra sejarah yang merakam kisah-kisah legenda-legenda yang berkaitan dengan asal-usul suku bangsa, negeri dan tradisi dan alam Minangkabau. Tambo berasal dari bahasa Sanskerta, *tambay* yang bermaksud bermula. Lihat Dr. Edwar Djamaris, *Pengantar Sastra Rakyat Minang Kabau*. ed. ke-1 (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2002), 151. Merujuk kepada Kamus Besar Bahasa Indonesia, kata *tambo* atau *tarambo* dapat juga bermaksud sejarah, hikayat atau sering dikaitkan dengan dongeng. Tambo dalam tradisi masyarakat Minangkabau merupakan suatu warisan turun-temurun yang disampaikan secara lisan dan hampir di setiap daerah di Minangkabau mempunyai tambo yang ditulis dengan ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab yang berbentuk prosa.

Pada abad ke-14 hingga ke-18, Kerinci merupakan sebahagian dari Kerajaan Inderapura yang berpusat di Inderapura, Pesisir Selatan Sumatera Barat. Setelah runtuhnya Kerajaan Inderapura, Kerinci merupakan kawasan yang memiliki kekuasaan politik tersendiri.

Pada masa pemerintahan Hindia-Belanda, Kerinci masuk ke dalam Keresidenan (negeri) Jambi 1904-1921, kemudian berganti di bawah Karesidenan *Sumatra's Westkust* (Negeri Sumatera Barat) 1921-1942.¹⁷⁴ Pada masa itu, Kerinci digabungkan dengan kewedanaan¹⁷⁵ Indrapura dengan nama Kewedanaan Kerinci-Indrapura. Setelah kemerdekaan pada tahun 1946, status administratifnya dijadikan luhak (wilayah) dan dinamakan *Luhak Kerinci-Indrapura*. Sedangkan Kerinci sendiri, diberi status daerah administratif setingkat kewedanaan.¹⁷⁶ Terbentuknya Distrik Kerinci adalah berdasarkan Undang-Undang No. 61 Tahun 1958 dan pada tanggal 10 November 1958 Kerinci dijadikan Distrik Kerinci di bawah naungan Negeri Jambi.¹⁷⁷

3.3.2 Kedudukan Dan Keadaan Geografi

Secara pentadbirannya, Daerah Kerinci dibahagikan kepada 17 bahagian mukim dengan pelbagai perkembangan masing-masing, baik kerana potensi geografi, sumber alam, sumber manusia, mahupun kerana pembangunan pada wilayah masing-masing. Daerah Kerinci merupakan kawasan yang terjauh dari pusat Bandar Negeri Jambi dengan luas wilayah 4 200 km atau 7.8 % dari Negeri Jambi.¹⁷⁸ Kedudukan wilayah

¹⁷⁴Pemerintah Kabupaten Kerinci, *Sejarah Perjuangan Rakyat Kerinci Mempertahankan Kemerdekaan RI 1945-1949* (Jakarta: Pustaka Nasional, 2004), 149.

¹⁷⁵Kewedanan berasal dari bahasa Jawa yang merupakan wilayah administrasi kepemerintahan yang berada di bawah kabupaten (distrik) dan di atas kecamatan yang berlaku pada masa Hindia-Belanda dan beberapa tahun setelah kemerdekaan Indonesia yang dipakai di beberapa provinsi misalnya di Jawa Barat dan Jawa Timur.

¹⁷⁶Pemerintah Kabupaten Kerinci, *Sejarah*, 147.

¹⁷⁷H. Gazali Mansyur, *Perjuangan dan perlawanannya Rakyat Kerinci Pada Agresi Belanda ke II* (Jambi: Pemerintah Provinsi Jambi, 2002), 121.

¹⁷⁸H. Dasiba et al., *Sejarah Perjuangan Rakyat Kerinci Mempertahankan Kemerdekaan Republik Indonesia 1945-1949* (Kerinci: Pemerintah Kabupaten Kerinci Dinas Pariwisata dan Kebudayaan, 2004), 1.

Daerah Kerinci secara geografi adalah di antara $01^{\circ} 41'$ sampai $02^{\circ} 26'$ Lintang Selatan dan $101^{\circ} 08'$ sampai $101^{\circ} 40'$ Bujur Timur dengan ibu kota Sungai Penuh yang terletak 418 km dari Kota Jambi,¹⁷⁹ dengan batas-batas sebagai berikut :

- Sebelah Utara bersempadan dengan Daerah Solok Selatan Negeri Sumatera Barat.
- Sebelah Selatan bersempadan dengan Daerah Merangin.
- Sebelah Timur bersempadan dengan Daerah Bungo dan Daerah Merangin.
- Sebelah Barat bersempadan dengan Daerah Muko – Muko, Negeri Bengkulu dan Daerah Pesisir Selatan, Negeri Sumatera Barat.¹⁸⁰

Wilayah pentadbiran Daerah Kerinci terdiri daripada 6 (enam) Kelurahan (pemukiman kota) dan 278 (dua ratus tujuh puluh lapan) kampung, serta 12 (Dua belas) kecamatan pemukiman penduduk, sebagaimana jadual berikut:

Jadual 3.2. Pembahagian Kecamatan, Desa/Kelurahan di Daerah Kerinci

No	Kecamatan	Kelurahan	Desa
1.	Gunung Raya	1	15
2.	Batang Merangin	-	14
3.	Keliling Danau	-	20
4.	Danau kerinci	-	14
5.	Setinjau Laut	-	15
6.	Air Hangat	-	12
7.	Air Hangat Timur	-	16
8.	Depati Tujuh	-	14
9.	Gunung Kerinci	1	10
10.	Siulak	-	27
11.	Kayu Aro	-	29
12.	Gunung Tujuh	-	11

Sumber: Kantor Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci, 2012.

¹⁷⁹Pemerintah Kabupaten Kerinci, 1.

¹⁸⁰Ibid.

3.3.3 Luas Kawasan

Daerah Kerinci terbentang di atas wilayah seluas 420.000 Ha (hektar) dan merupakan daerah terkecil kedua di antara daerah/bandar yang ada di Wilayah Jambi (lebih kurang 7.86% dari jumlah Wilayah Jambi). Dari wilayah Kerinci keseluruhan, 52% merupakan kawasan Taman Nasional Kerinci Seblat (sebelah selatan), hanya sekitar 48% yang merupakan kawasan penanaman atau kurang dari 4% dari seluruh wilayah Negeri Jambi. Dari luas wilayah 205.000 Ha kawasan penanaman, seluas 41.620 Ha (20.56%) adalah kawasan bukan pertanian dan seluas 163.380 Ha untuk lahan pertanian.

Jadual 3.3. Luas kawasan Per-Kecamatan Daerah Kerinci Tahun 2012

No	Kecamatan	Luas Keseluruhan (Km ²)
1.	Gunung Raya	743,85
2.	Batang Merangin	566,10
3.	Keliling Danau	303,20
4.	Danau kerinci	297,30
5.	Setinjau Laut	39,50
6.	Air Hangat	222,21
7.	Air Hangat Timur	151,52
8.	Depati Tujuh	25,80
9.	Gunung Kerinci	444,76
10.	Siulak	590,20
11.	Kayu Aro	266,55
12.	Gunung Tujuh	162,50
Jumlah		4200,00

Sumber: Kerinci Dalam Angka, BPS 2012.

3.3.4 Sosial Budaya dan Masyarakat

Penduduk (masyarakat) Kerinci adalah merupakan penduduk asli, ertiya masyarakat Kerinci sejak nenek moyangnya telah lama menetap di daerah ini. Keadaan sosial budaya masyarakat Kerinci dicirikan dengan adanya Suku Kerinci, iaitu merupakan keturunan suku Melayu tua (Melayu Tinggi) yang telah menetap sejak zaman Mesolitik iaitu merupakan zaman peralihan antara Paleolitik (Batu Lama) dan

Neolitik (Batu Muda) serta mempunyai bahasa dan dialek spesifik (Bahasa Kerinci) dengan tulisan *Rencong Srik* atau menurut C.W. Watson bahawa orang-orang Kerinci menggunakan Bahasa Melayu Tinggi.¹⁸¹ Penduduk Daerah Kerinci dengan berbahasa Kerinci tetapi dialek dan gaya bahasa penyebutan setiap kampung mempunyai sedikit perbezaan.

3.3.4 (a) Sistem Pemerintahan

Daerah Kerinci dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pentadbiran untuk melaksanakan pembangunan fizikal mahupun bukan fizikal diketuai oleh seorang kepala daerah yang dinamakan Bupati (Datuk Bandar) dan dibantu oleh timbalan Bupati, setiausaha dan bahagian-bahagian lainnya. Dalam melaksanakan pembangunan pentadbiran, bupati diawasi oleh beberapa orang ahli parlimen Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) yang dipilih secara langsung oleh rakyat melalui pilihan raya umum. Setiap mukim dipimpin oleh seorang camat (kepala mukim) di bawah arahan Datuk Bandar yang akan membantu dan memudahkan urusan-urusan masyarakat.

Jadual berikut merupakan nama-nama datuk Bandar yang pernah menjawat jawatan Datuk Bandar di Daerah Kerinci dari awal ditubuhkan Kerinci hingga sekarang.

Jadual 3.4. Nama-Nama Datuk Bandar Kerinci

No	NAMA	TAHUN	KETERANGAN
1	Mohd Noeh (Saidi)	1958-1960	Pjs ¹⁸²
2	Yusuf Nazri	1960-1964	Bupati
3	Hj. Ali Hamzah	1964	Pjs
4	Drs. Z.M. Daeng Maguna	1964-1965	Pjs
5	Letkol. Yusuf Rusdi	1965-1966	Bupati
6	Syamsul Bahrun	1966-1968	Pjs
7	Kol. M. Koekoech	1968-1969	Bupati
8	M.A.A. Dt. Majoindo	1969	Pjs
9	Drs. Ahmad Daud	1969-1972	Bupati

¹⁸¹Watson, C.W. *Kinship Property and Inheritance in Kerinci, Central Sumatera* (United Kingdom: University of Kent Canterbury, 1992), 11.

¹⁸²Pjs merupakan kependekan dari pejabat sementara.

Jadual 3.4. Sambungan

10	Rusdi Sayuti. BA	1972-1977	Bupati
11	Jamaluddin Tambunan	1977-1978	Pjs
12	Letkol. Nazar Efendi	1978-1983	Bupati
13	Drs. H. Moh Awal	1983-1988	Bupati
14	Drs. Hasmi Mukhtar	1988-1993	Bupati
15	Kol. Hj. Bambang. S	1993-1998	Bupati
16	Hj. A. Jazid Idris. SH	1998-1999	PJS
17	H. Fauzi Si'in	1999-2008	Bupati
18	H. Murasman. MM	2008- sekarang	Bupati

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci 2012.

Masyarakat Kerinci secara amnya pentadbirannya tidak terlepas daripada kepemimpinan adat, pemimpin tertinggi diberi gelaran Depati ninik mamak, namun kepemimpinannya tidak boleh berjalan sendiri tanpa ada musyawarah dengan rakan-rakan lainnya. Kesemua mereka disebut orang dengan anggota 4 jenis terdiri dari:

1. Depati ninik mamak (Depati ninik mamak dibahagi dua iaitu depati ninik mamak sebagai kepala pemerintahan dan sebagai hakim).
2. Orang tua cerdik pandai (Orang tua cerdik pandai disebut badan legislatif/badan perundangan).
3. Alim ulama (Alim ulama disebut sebagai menteri agama).
4. Hulu balang (Hulu balang sebagai pertahanan dan keamanan).¹⁸³

3.3.4 (b) Pendidikan

Kemajuan di bidang pendidikan berkaitan rapat dengan kemudahan pendidikan yang disediakan. Pada tahun 2008, jumlah SD (Sekolah Darjah)/ MI (Madrasah Ibtida'iyah) ialah sebanyak 265 buah, SMP (Sekolah Menengah Pertama) / MTs (Madrasah Tsanawiyah) 65 buah, dan SMA (Sekolah Menengah Atas). SMK & MA (Sekolah Menengah Kejuruan & Madrasah Aliyah) sebanyak 24 dan 9 buah pondok pesantren. Bilangan sekolah sudah cukup banyak yang mengakibatkan terdapat

¹⁸³Iskandar Zakaria, *Tambo Sakti Alam Kerinci I* (Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1989), 37.

beberapa sekolah mengalami kekurangan pelajar, terutamanya untuk sekolah rendah (SD) dan SMP. Bahkan ada sekolah yang disatukan dan ditutup. Kemampuan membaca dan menulis penduduk Kerinci sudah cukup tinggi di mana kemampuan membaca dan menulis penduduk lelaki di Kabupaten Kerinci lebih tinggi berbanding dengan penduduk wanita iaitu 97.12 % manakala penduduk perempuan sebanyak 91.19 %.

Manakala nisbah guru terhadap murid cukup rendah iaitu untuk SD/MI, seorang guru secara purata mengajar 13 orang murid, bagi tingkat SLTP/MTs pula purata seorang guru mengajar 5 orang murid, dan untuk tingkat SLTA/MA seorang guru mengajar 12 orang murid.

3.4 Sejarah Pondok Pesantren di Negeri Jambi

Kedatangan Islam ke Daerah Jambi telah memberi pelbagai kesan kepada aspek kehidupan seperti pemerintahan, pendidikan dan cara hidup. Pendidikan Islam yang dibawa oleh Islam telah merubah pendidikan di Jambi kepada pendidikan yang memfokus kepada pengetahuan Islam dengan Langgar atau Surau dijadikan tempat menimba ilmu atau mendapat pendidikan dan pengajaran agama.¹⁸⁴

Pada zaman kerajaan Jambi yang dipimpin oleh Sultan (1516 -1904), pendidikan yang difokuskan adalah pendidikan yang berdasarkan pada pengetahuan Islam sehingga kepada Sultan yang terakhir iaitu Sultan Taha Saipuddin (1904). Setelah gugurnya Sultan Taha Saipuddin, para tokoh agama Islam Jambi merasa bahawa di Negeri Jambi kurang aman bagi mereka kerana mula diancam oleh Belanda. Kesannya, ramai para ulama dan tokoh agama berpindah ke Mekah untuk menghindari dari penjajahan Belanda di samping menambah ilmu pengetahuan agama. Di Mekah

¹⁸⁴Farida Bahar, *Sejarah Pendidikan Jambi*, 13.

para tokoh agama yang dari Jambi tetap bersatu dan saling berkomunikasi antara satu sama yang lain.

Ikatan Persaudaraan para ulama Negeri Jambi yang terjalin ketika berada di Mekah berterusan setelah mereka kembali ke daerah masing-masing. Untuk menjaga kelestarian ikatan di Mekah, mereka membentuk sebuah Forum Persaudaraan yang diberi nama dengan *Tsamaratul Ihsan* yang bergerak di bidang sosial keagamaan dan dakwah.¹⁸⁵ Penamaan ini menimbulkan kesan bahawa lembaga pendidikan ini tidak hanya berorientasi pada kehidupan di akhirat sahaja, malah kehidupan dunia tetap mendapatkan perhatian yang cukup di terhadap rakyat Jambi.

Forum inilah yang merupakan embrio bakal timbulnya idea untuk mendirikan Lembaga Pendidikan Keagamaan di daerah mereka masing-masing. Forum ini juga yang telah berperanan membentuk atau menubuhkan madrasah-madrasah di Negeri Jambi seperti berikut:

- a. Madrasah di Tanjung Johor dengan pimpinan H.A. Majid.
- b. Madrasah Nurul Islam di Tanjung Pasir dengan pimpinannya K. H. M. Saleh.
- c. Madrasah Nurul Iman di Jambi dipimpin oleh H Ibrahim bin H A majid.
- d. Madrasah Saadatul Daren di Jambi Seberang dipimpin oleh H. A. Syukur.
- e. Madrasah Al-Khairiyah di Sungai Asam Jambi dipimpin oleh H. Hasan Anang.¹⁸⁶

Forum *Tsaramatul Ihsan* mula membentuk sejarah pendidikan Islam di Negeri Jambi seperti yang dapat dilihat sehingga kini dengan kewujudan beberapa pondok pesantren yang terdapat di Negeri Jambi. Pondok-pondok pesantren yang ada di Negeri Jambi telah memasukan sistem madrasah di dalamnya bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan Islam demi kepentingan syari‘ah dan dakwah.

¹⁸⁵H. Ahmad Yunus, *Sejarah Kemerdekaan*, 67.

¹⁸⁶Ibid., 54.

Sebelum kemerdekaan Indonesia pada tahun 1943, pondok pesantren di Negeri Jambi tidak begitu menonjol kerana para tokoh agama seperti ulama dan para santri banyak yang berkecimpung dalam peperangan-peperangan dengan penjajahan dan dalam mempertahankan tanah air Indonesia, ulama dan pelajar pondok menjadi pengerak perjuangan di Negeri Jambi.¹⁸⁷ Mereka terpaksa meninggalkan sekolah-sekolah agama dan madrasah-madrasah, akibatnya pada waktu itu banyak sekolah-sekolah dan madrasah-madrasah ditutup.

Setelah kemerdekaan Republik Indonesia, pendidikan di Negeri Jambi mengalami perkembangan yang cukup pesat baik sekolah umum maupun sekolah agama seperti pondok pesantren. Malah, perbelanjaan pendidikan dari kerajaan pusat maupun pemerintahan daerah berjalan dengan baik.¹⁸⁸ Pada masa inilah sekolah-sekolah dan madrasah-madrasah yang dikenali dengan pondok pesantren didirikan di Distrik Kerinci Provinsi Jambi hingga mencapai 9 buah pondok pesantren dengan 2 daripadanya sudah tidak aktif lagi. Walaupun pendidikan di pondok pesantren melalui banyak halangan tetapi lembaga ini masih mampu bertahan dengan tradisinya. Memandang keluasan wilayah Daerah Kerinci yang cukup luas, maka penulis hanya memilih 4 buah pondok pesantren sebagai sampel. Pondok pesantren tersebut ialah Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah di Kampung Ambai, Pondok Pesantren Nurul Haq mukim Semurup, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Sako Duo di mukim Kayu Aro dan Pondok Pesantren Darunnajah bumbun Duri di mukim Gunung Tujuh, yang akan dijelaskan secara terperinci berikutnya.

¹⁸⁷Ibid., *Sejarah Kemerdekaan*, 113.

¹⁸⁸Farida Bahar, *Sejarah Pendidikan Jambi*, 110.

3.5 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai Kabupaten Kerinci (1968-2013)

Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai terletak di sebuah desa yang cukup padat penduduknya, dengan nama Desa Ambai. Desa ini terletak di pemukiman penduduk Sitinjau Laut Daerah Kerinci. Jarak di antara bandar Daerah Kerinci ini dengan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai adalah lebih kurang 12 km, manakala jarak dengan bandar Negeri Jambi sekitar 175 km, dengan menempuh perjalanan selama 10 jam perjalanan dengan menaiki bas antara bandar.

Pondok Pesantren Jamiatul Ikhlasaniyah Mukhatariyah Ambai telah ditubuhkan oleh Syekh H. Mukhtar bin Abdul Karim (1909-1977), yang merupakan ulama terkemuka di Distrik Kerinci. Ketika berumur 17 tahun iaitu pada tahun 1926, beliau merantau ke Malaysia ke Kampung Kerinci Kuala Lumpur. Sambil bekerja sebagai penoreh getah, beliau mempelajari ilmu agama dan tinggal selama 2 tahun di Kampung Kerinci. Pada tahun 1928 beliau kemudiannya melanjutkan pendidikan di Pondok Pesantren Pattani Kedah selama lebih kurang 4 tahun dan setelah itu pada tahun 1932 menyambung pendidikannya di Mekah selama 12 tahun. Sekembalinya ke Malaysia pada tahun 1944 beliau mendirikan sebuah surau sebagai tempat pengajian di Ulu Klang dan para jemaah beliau adalah para penduduk yang berdekatan dengan Ulu Klang seperti penduduk dari Lembah Keramat dan Lembah Klang. Sehingga kini nama dan jasa beliau diingati apabila wujudnya nama sebuah jalan bernama jalan Syekh H Mukhtar di Ulu klang Selangor Malaysia.

Setelah 10 tahun lamanya di Malaysia, Syekh H Muktar kembali ke kampung halamannya di Kerinci Negeri Jambi iaitu Kampung Ambai pada tahun 1952. Beliau membuka tempat pengajian membaca al-Qur'an dan pengajian tentang *Fiqh* bagi orang

dewasa di kediaman beliau sendiri. Lama kelamaan jumlah pelajar bertambah ramai bukan sahaja dari kalangan penduduk kampung Ambai tetapi juga dari penduduk kampung yang berhampiran. Berikutan terlalu ramai para jemaah yang mengikuti pengajian, beliau membuat giliran waktu bagi para jemaah memandangkan rumah beliau tidak mampu menampung para jemaah secara keseluruhan.

Lama kelamaan pengajian yang dipimpin oleh Syekh H. Mukhtar menjadi terkenal bukan sahaja di Daerah Kerinci bahkan hingga ke distrik-distrik lain seperti Daerah Bangko dan Daerah Sarolangun. Bilangan para jemaah yang datang dari luar adalah ramai menyebabkan beliau kemudiannya mendirikan tempat penginapan bagi jemaah tersebut dan juga bagi orang tua yang menumpang anaknya untuk belajar dengan beliau.

Pada tahun 1958 para jemaah menamakan tempat pengajian tersebut dengan nama Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai. Berikutan ramainya para jemaah orang tua yang menumpang anaknya untuk belajar dengan Syekh H. Mukhtar, beliau merasa tidak sanggup mengajar secara bersamaan, kemudian beliau membentuk pengajian secara berkelompok dengan dibantu oleh beberapa orang murid. Oleh kerana tempat pengajian di rumah beliau tidak mampu lagi untuk menampung para jemaah, beliau kemudiannya mendirikan sebuah bangunan dua tingkat yang agak besar dan bagi anak-anak yang belajar membaca al-Qur'an, beliau mendirikan bangunan dengan membuat bilik-bilik. Pembangunan ini didirikan dengan dana peribadi Syekh H Mukhtar di atas tanah beliau sendiri. Dalam membangunkan tempat pengajian ini, beliau dibantu oleh para jemaah pengajian dan penduduk sekitar secara bergotong royong dan pembiayaan sebahagiannya disumbangkan dalam bentuk infak, sedekah dan hibah.

Setelah pembangunan selesai maka para jemaah mengadakan musyawarah akbar untuk membentuk sebuah pesantren lalu terbentuklah Pondok Pesantren Jamiatul

Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai pada tahun 1968. Setelah memimpin pondok pesantren selama 9 tahun, Syekh H. Mukhtar telah meninggal dunia pada 5 Oktober 1977. Setelah kematianya, pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai diganti oleh anaknya iaitu H Ahmad Mukhtar dengan dibantu oleh para murid Syekh H Mukhtar hingga kini. Santri yang menuntut di pondok pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai terdiri dari santri setempat dan dari luar Daerah kerinci seperti dari Daerah Bangko dan Daerah Sarolangun.

Pada peringkat awal kepemimpinan H. Ahmad Mukhtar, beliau mendirikan gedung setingkat pondok pesantren dengan pembiayaan bantuan dari masyarakat berupa infak, sedekah dan bantuan dari Pemerintah Daerah Kerinci yang berukuran 26 x 6 m. H Ahmad Muktar meneruskan pimpinan pondok pesantren yang pada waktu itu sudah mencapai jemaah pengajian sekitar 18 000 orang terdiri dari orang tua, anak-anak dan remaja. Setelah kematian Syekh H. Mukhtar, Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai terdaftar sebagai pondok pesantren serta diakui oleh kerajaan Indonesia dengan surat keputusan Depertemen Agama Republik Indonesia No. I.e/3/1183/1977.¹⁸⁹

Di bawah kepemimpinan H. Ahmad Mukhtar, pondok pesantren ini dipertingkatkan baik pengajian bagi orang tua, anak dan remaja. Fasiliti di pondok pesantren dan pendidikan secara formal juga berkembang dengan baik, bangunan yang berupa gedung mahupun dalam bidang pendidikan berkembang dengan pesat sekali sehingga pendidikan di pondok pesantren ini dikenali oleh masyarakat di sekitar Daerah Distrik Kerinci dan daerah-daerah yang bersepadan dengan Daerah Kerinci.

Dari hasil pengamatan dan juga temu bual penulis dengan para ustaz, kebanyakan dari para tenaga pengajar didatangkan dari daerah lain seperti dari


¹⁸⁹Dokumentasi Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai, 1977-1980.

Palembang, Jambi dan Jawa. Di samping itu para tenaga pengajar umumnya berkelayakan ijazah dan merupakan alumni pondok pesantren yang terkenal di Indonesia. Pada tahun 2009, terdapat tiga orang ustaz dari Pondok Pesantren Daar El-Qalam Tenggerang Jawa Barat dan dua orang ustaz dari Pondok Pesantren Assalam Palembang Sumatera Selatan. Kini pondok pesantren ini juga telah mengambil tenaga pengajar dari negeri-negeri lain seperti dari daerah luar Negeri Jambi.

3.5.1 Carta Organisasi Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai

Secara umumnya, sistem pentadbiran Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai adalah bersifat sederhana dengan H. Ahmad Mukhtar sebagai pimpinan pondok pesantren dengan dibantu oleh 18 orang guru yang dapat dilihat melalui carta organisasi dan jadual majlis guru seperti berikut:

Rajah 3.1. Organisasi Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai 2012¹⁹⁰



¹⁹⁰Dokumentasi Carta Organisasi Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai tahun 2012.

Rajah di atas menunjukan pondok pesantren ini dipimpin oleh H. Ahmad Mukhtar dengan dibantu oleh wakil pimpinan Ustaz Abu Tolhah. Pentadbiran dilanjutkan oleh kepala sekolah Aliyah yang mengurus pesantren dan santri pada tingkat Aliyah, kemudian kepala sekolah tingkat Tsanawiyah yang merupakan pengurus pesantren dan santri pada tingkat Tsanawiyah dan kepala sekolah tingkat Ibtida'iyah. Di bawah kepala sekolah adalah majlis ustaz yang bertugas mengajar dan membimbing para santri dan diikuti oleh Persatuan Santri Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai. Terakhirnya adalah warga pesantren yang terdiri dari keluarga ustaz dan orang tua santri yang ikut memantau perkembangan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai terutama sekali adalah memberikan pengawasan terhadap santri.

Jadual 3.5. Data Jumlah Ustaz PP. Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai

No	Nama	Jabatan	Pendidikan Terakhir
1	H. Ahmad Mukhtar B.a	Pimpinan Pontren	Sarjana Muda
2	Abu Tolhah	Kepala Aliyah	Pontren Daar Al-Qalam Jabar
3	Drs. Idin Daud	Kepala Tsanawiyah	IAIN Imam Bonjol Padang
4	Drs. Muhammad Yasak	Sekretaris	FKIP Universitas Jambi
5	A. Sabri Mukhtar	Bendahara	Diploma IAIN
6	H. Masturo H.S.	Ketua Pembangunan	IAIN Imam Bonjol Padang
7	Drs Lukman Paduko	Guru	IAIN Sungai Penuh
8	H Abdul Mutholib Lc	Guru	Fak. Ush. Al-Azhar Cairo
9	Ibrohim Ahmad S. Pd	Guru	Fak. MTK Universiti Jambi
10	Dra Jamaliah	Guru	IAIN Sultan Taha Jambi
11	Amin S. Pd	Guru	FKIP Universiti Jambi
12	Imron Bakri	Guru	Pontren Assalam Palembang
13	Abdul Karim	Guru	Pontren Daar Al-Qur'an Jabar
14	Siti Aminah	Guru	Pontren Darussalam Lampung
15	Nur Junaidah S. Ag	Guru	IAIN Imam Bonjol
16	Siti Hajar S. Ag	Guru	IAIN STS Jambi
17	Muslim	Guru	Pontren Assalam Palembang
18	Rabi'ah	Guru	Pontren Darussalam Lampung
19	Idrawati S. Pd	Guru	FKIP Universiti Jambi
20	Iksaniyah S. Ag	Guru	IAIN STS Jambi
21	Fatimah	Guru	Pontren Daar Al-Qalam Jabar

Jadual 3.5. Sambungan

22	Aminullah	Guru	PGSD 2 Universiti Jambi
23	Hamka	Guru	Pontren Daar Al-Qur'an Jabar
24	Syukurman S. Pd.	Guru	FKIP Universiti Jambi
25	Dadang Suganda	Guru	Pontren Assalam Palembang
26	Rafli Akhiya	Guru	Pontren Assalam Palembang
27	Sapiah Mariatun	Guru	STKIP Kerinci
28	Iskandar S. PdI.	Guru	STAIN Kerinci
29	Nova Novrianti	Guru	STAIN Kerinci
30	Sijarni	Guru	STAIN Kerinci

Sumber: Dokumentasi PP. Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai Tahun 2012 M.

3.5.2 Prasarana Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah

Ambai

Prasarana yang terdapat di pondok pesantren ini adalah amat sederhana iaitu sebuah gedung dua tingkat, di mana tingkat atas dijadikan sebagai aula pengajian dan tempat salat berjemaah manakala tingkat bawah dijadikan ruang kelas untuk belajar. Disebabkan pondok pesantren ini tidak mempunyai masjid, maka para santri akan pergi ke Masjid Taqwa Kampung Ambai untuk mengerjakan sembahyang jumaat. Pondok pesantren ini juga belum mempunyai asrama yang khas untuk santri, maka santri umumnya menumpang di rumah penduduk sekitar pondok pesantren. Asrama yang berbilik dan khas hanya untuk orang tua jompo sahaja.¹⁹¹

Dalam segi bangunan, pondok pesantren ini belum mempunyai masjid sendiri seperti yang telah diterangkan tentang komponen pokok pondok pesantren yang dekemukakan oleh Depertemen Agama Republik Indonesia di dalam bab 2.¹⁹² Untuk

¹⁹¹Dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* orang tua jompo, jompo iaitu tua sekali dan sudah lemah fisiknya, tua renta, atau uzur (kurang upaya), 1200. Di pondok pesantren ini yang dimaksud dengan orang tua jompo adalah orang tua yang memang terlalu tua yang sengaja ditumpangkan keluarganya, dan di pondok pesantren ini memang ada sebahagian orang tua sengaja tinggal di pondok pesantren ini untuk belajar agama dan mempertebalkan iman. Mereka tinggal di pondok pesantren atas kemahuan sendiri dan terus memperkuatkan amalan tanpa ada terpengaruh dengan keadaan keluarga dan dunia luar.

¹⁹²Lihat kembali bab 2 tentang ciri-ciri fizikal pondok pesantren menurut Depertemen Agama Republik Indonesia, h. 30.

kompleksitas pengajian dan sholat berjemaah para santri, terdapat sebuah auditorium yang berukuran 12 m x 36 m di tingkat dua bangunan pondok pesantren. Dalam hal ini komponen yang ada dalam Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai memang belum mencukupi dan masih sangat sederhana. Secara lanjutnya tentang sarana dan prasarana yang ada di pondok pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai ini dapat diperhatikan dalam jadual berikut:

Jadual 3.6. Sarana dan Prasarana di Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai Tahun 2009

No	Nama	Jumlah
1.	Gedung belajar	8
2.	Kantor pimpinan pondok pesantren	1
3.	Ruang ustaz	1
4.	Asrama santri	5
5.	Asrama orang tua jompo	2
6.	Aula pondok pesantren	1
7.	Ruang tandas ustaz	1
8.	Ruang tandas santri	1
9.	Perpustakaan	1
10.	Ruangan komputer	1

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai 2008-2012.

3.5.3 Sumber Dana dan Usaha Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai

Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat setempat berdasarkan kerjasama dalam kegiatan sosial dan bimbingan agama yang diberikan. Bahkan masyarakat setempat telah memberi sokongan moral dan kewangan dalam membantu pondok ini dalam bentuk zakat, sedekah dan infak. Selain bantuan dari masyarakat pondok pesantren ini juga mempunyai usaha tersendiri dalam mendapatkan sumber kewangan seperti mengerjakan perladangan di tanah sekitar pondok pesantren yang dijadikan perkebunan sayuran. Kebun ini dikelola oleh pondok pesantren sendiri dengan bantuan 5 orang

pekerja. Biasanya pengusahaan ladang ini turut dibantu oleh kelompok Majlis Ta'lim,¹⁹³ dan hasilnya adalah bagi keperluan bagi pondok pesantren.

Selain peladangan, Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai juga mengusahakan peternakan lembu sebagai sumber dana. Menurut H Ahmad Mukhtar, peternakan lembu telah bermula sejak 2 tahun yang lalu dan kini terdapat 23 ekor lembu peliharaan. Hasil dari peternakan lembu digunakan untuk pembiayaan pondok pesantren.¹⁹⁴ Seterusnya Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah turut mempunyai koperasi sendiri di samping mendapat bantuan dari pemerintah dan Bantuan Operasional Sekolah (BOS). Pembelajaan bagi orang tua jompo (orang tua yang ditumpangkan) juga diurus oleh pondok pesantren ini dengan mendapat bantuan pembiayaan dari kerajaan di bawah Depertement Sosial Republik Indonesia.

3.6 Sejarah Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup (1982-2012)

Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup terletak di Kampung Semurup berhampiran dengan pusat bandar Daerah Kerinci. Ia merupakan institusi pendidikan agama yang bernaung di bawah Yayasan Pembinaan Pendidikan Islam. Rancangan pembinaannya dilakukan oleh H. Abdul Karim beserta anak-anak dan keluarga besarnya dengan nama Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Mukim Air Hangat. Namun, H. Abdul Karim meninggal dunia pada tahun 1981 sebelum sempat pondok pesantren tersebut ditubuhkan. Menurut Drs. H. Darul Ulum, pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup mengatakan bahawa H. Abdul Karim sebelum meninggal dunia beliau meninggalkan amanah kepada anak kandungnya yang berjumlah tiga orang iaitu Hj.

¹⁹³Pengertian majlis ta'lim merujuk kepada Kamus Besar Bahasa Indonesia adalah pertemuan atau perkumpulan orang banyak atau bangunan tempat orang berkumpul bagi pengajaran agama. Lihat pada bab 4 tentang pengertian majlis ta'lim.

¹⁹⁴H. Ahmad Mukhtar (Pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai), dalam temu bual dengan penulis, 14/03/2010.

Rofi'ah Karim, Dra. Hj. Ruqiyah Karim dan Dra. Hj. Khadijah Marisa seperti berikut, “Setelah saya meninggal dunia tolong dirikan sekolah agama di mukim Semurup.”¹⁹⁵

Berdasarkan amanah di atas, anak-anak H. Abdul Karim yang merupakan tamatan dari pendidikan agama Diniyah di Padang Panjang, merasa terpanggil dan bertanggungjawab untuk mendirikan lembaga pendidikan agama Islam yang merupakan tempat pembinaan dan pengembangan bakat dan jiwa anak di Kampung Semurup Mukim Air Hangat.

Maka di awal tahun 1982, diadakan musyawarah secara kekeluargaan yang bertempat di rumah Hj. Roffi'ah Karim untuk mendirikan sekolah agama. Hal ini bertujuan untuk melaksanakan amanah al-marhum ayahanda beliau H. Abdul Karim. Hasil keputusan musyawarah menyaksikan bermulanya usaha menubuhkan sebuah sekolah agama di Semurup Kecamatan Air Hangat. Hasil musyawarah keluarga ini juga membawa kepada pembentukan sebuah yayasan yang akan berjuang untuk menubuhkan sebuah pondok pesantren dengan anggotanya terdiri dari keluarga besar H. Abdul Karim, yang susunan pengurusannya adalah sebagai berikut:

1. Ketua : Dra. Hj. Ruqiyah Karim
2. Sekretaris : Dr. Nasrun Kadir
3. Bendahara : Dra. Hj. Khadijah Maris Karim
4. Anggota :
 - Drs. H.Taher Ahmad
 - Hj. Rofiah karim.BA
 - H.M.Dinar
 - H.M Jarulis.¹⁹⁶

Setelah terbentuknya pengurus yayasan tersebut, maka barulah dihadapkan ke Departemen Agama Pusat memohon dikeluarkan surat keputusan berdirinya pondok

¹⁹⁵Drs. H Darul Ulum (Pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, di Asrama Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup), dalam temu bual dengan penulis, 23/06/2012.

¹⁹⁶Dokumentasi Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tahun 2002.

pesantren Nurul Haq Semurup. Kemudian keluarlah surat keputusan tersebut dari Departemen Agama No:49/P/E/W/PP.1982 yang menyatakan berdirinya sekolah Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Kecamatan Air Hangat yang diakui oleh pemerintah Indonesia. Dengan status madrasahnya yang masih dalam status swasta, pimpinan pondok pesantren yang pertama sekali sejak ditubuhkan adalah Drs. H. Taher Ahmad yang menjawat dari tahun 1982 sehingga tahun 1985. Kemudian diganti oleh H. Hizbulullah Malik dari tahun 1986-1996 dan dari tahun 1997 hingga sekarang dipimpin oleh Drs. H. Darul Ulum.

Pada awal penubuhannya Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup merupakan sebuah bangunan gedung dua tingkat yang berlokasi di hadapan rumah Hj. Rofiah Karim, BA. Bangunan tersebut terdiri dari empat buah kelas, dua di tingkat dua dan dua di tingkat satu di tanah milik persendirian H. Abdul Karim. Tingkat satu digunakan sebagai ruang belajar manakala tingkat dua sebagai ruang keterampilan. Pada peringkat awalnya, santri-santri berasal dari anak-anak di Semurup yang tidak menghabiskan sekolah di Semurup dan dari kampung-kampung lain yang telah tamat sekolah dasar (Sekolah Darjah) atau Madrasah Ibtid'iyyah yang tidak melanjutkan ke sekolah menengah pertama. Jumlah kesemuanya ialah 46 orang, 25 orang laki-laki dan 21 orang perempuan.

Oleh kerana status Pondok Pesantren Nuru Haq Semurup adalah swasta maka pada tahun 1985 buat pertama kali bagi mengikuti Ujian Akhir Nasional (UAN), santri Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup harus mengikutinya di sekolah tingkatan di Kampung Kemantan. Bagi santri yang ingin mengambil Nilai Ebtanas Murni (NEM), mereka harus mengikuti Evaluasi Belajar Tahap Akhir Nasional (EBTANAS) untuk pengambilan ijazah yang diiktiraf oleh kerajaan Indonesia, mereka harus mengikuti ujian di Sekolah Menengah Atas (SMA) 4 Semurup untuk tingkatan Madrasah Aliyah

dan untuk Madrasah Tsanawiyah mengikuti ujian di Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri I Air Hangat. Namun semenjak tahun 1995, para santri Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup sudah berdiri sendiri sehingga EBTANAS sudah dapat dilaksanakan secara langsung di sekolah tersebut hingga kini.

3.6.1 Struktur Organisasi Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup

Dalam melancarkan kegiatan yang telah direncanakan, sesuatu organisasi memerlukan suatu kepengurusan pentadbiran atau kepemimpinan yang dapat menjalankan tugasnya sesuai dengan fungsinya atau jabatan yang diberi kepercayaan kepadanya.

Demikian pula halnya dalam suatu lembaga pendidikan yang dipimpin oleh suatu kepala sekolah/madrasah sebagai pimpinan tertinggi (*supervisor*). Untuk menjayakan pelaksanaan pendidikan pada setiap sekolah, pimpinan pondok pesantren dibantu oleh beberapa orang bawahannya yang dilantik oleh pimpinan pondok pesantren itu sendiri sesuai dengan tugas dan kemampuan masing-masing.

Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Kecamatan Air Hangat dipimpin oleh seorang buya dan dibantu oleh kepala sekolah tingkat Aliyah dan kepala sekolah tingkat Tsanawiyah. Setiap kepala sekolah pula dibantu oleh beberapa orang di bawahnya yakni wakil kepala madrasah terdiri dari wakil kepala sekolah bidang kurikulum, wakil kepala sekolah bidang kesiswaan dan wakil kepala sekolah bidang sarana dan prasarana. Selain di atas, terdapat juga bendahari, tata usaha (pegawai am), wali kelas dan dewan sekolah/madrasah yang diangkat dari orang tua santri. Struktur organisasi di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup secara jelasnya dapat dilihat dalam rajah selanjutnya.

3.6.2 Jumlah Guru, Tata Usaha dan Santri

3.6.2 (a) Jumlah Guru

Tenaga pengajar atau guru (ustaz) yang terdapat di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Mukim Air Hangat berasal dari Daerah Kerinci. Dari tahun ke tahun jumlah guru dan siswa di pondok pesantren ini sering kali mengalami perubahan, kadang-kadang meningkat dan kadang-kadang menurun. Berikut ini penulis perincikan jumlah ustaz atau guru pada sekolah tingkatan Tsanawiyah di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Mukim Air Hangat bermula dari tahun penubuhannya hingga kini dalam jadual 3.7 dan 3.8 seperti berikut:

Jadual 3.7. Data Pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup dari Tahun ditubuhkan (1982 -2012)

No	Tahun	Pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup	Jumlah Guru	
			Guru Tetap	Guru Tidak Tetap
1	1982/1986	Drs. H. Taher Ahmad	5	13
2	1986/1996	Dr. H. Hizbullah Malik	6	17
3	1966/Sekarang	Abuya Drs. Darul Ulum	7	27

Sumber : Data Statistik Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup 2012.

Jadual 3.8. Tenaga Guru Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tahun 2011-2012

NO	NAMA	PENDIDIKAN TERAKHIR	BIDANG STUDI YANG DIAJAR	KET.
1	Dra.Hj. Nirwarti, M.Pd I	IAIN (S II)	-	Guru Tetap ¹⁹⁷
2	Nespiarlen,S.PdI	STIT (S.I)	Qur'an Hadits	Guru Tetap
3	Irdyalis,S.Pd	STKIP (S.I)	Bahasa Inggris	Guru Tetap
4	Syafaruddin,S.H	UNJA (S.I)	PPKN	Honorer ¹⁹⁸
5	M.Rasyid,S.PdI	STAIN (S.I)	Akidah Akhlak	Guru Tetap
6	Nurdin,S.Ag	STAIN (S.I)	Fiqih	Honorer
7	Drs.Timbang	UNJA (S.I)	Bahasa Indonesia	Honorer
8	Wismarti,S.Pd	UNJA (S.I)	Matematika	Honorer
9	Desmiri,S.Hum	IAIN IB (S.I)	IPS	Guru Tetap

¹⁹⁷Guru tetap adalah guru yang diangkat oleh Yayasan manakala guru negeri (PNS) ialah guru yang diangkat dan digaji oleh pemerintah.


¹⁹⁸Honorer adalah merupakan guru tidak tetap dan diberi sekadar upah dari Yayasan atau pemerintah.

Jadual 3.8. Sambungan

10	Nina Rianti,S.P	IAIN (S II)	Biologi	GuruTetap
11	Alex sander,S.PdI	STIT (S.I)	PPKN	Honorer
12	Ibet efrindawati,S.Ag	STKIP (S.I)	MULOK	Honorer
13	Wirdodo,S.PdI	UNJA (S.I)	Akidah Akhlak	Honorer
14	Jon Hermi,S.Sos	STAIN (S.I)	IPS	Honorer
15	Maya Tristi,S.Pt	STAIN (S.I)	Fisika	Honorer
16	Yestika wati	UNJA (S.I)	Bahasa Arab	Honorer
17	Yenti Triana	UNJA (S.I)	Bahasa Arab	Honorer
18	Yoki Irawan	IAIN IB (S.I)	TIK	Honorer
19	Rika Diana Putri	UNJA (S.I)	Biologi	Honorer
20	Oki Mitra	STAIN (S.I)	Akidah Akhlak	Honorer
21	Afnijal,S.Pd	STIT (S.I)	Matematika	Honorer
22	Fadhl eriza,S.Pd	STAIN (S.I)	Biologi	Honorer
23	Deni Maryani,A.Md	UNP (S.I)	Matematika	Honorer
24	Boris Antonius	UNAND (S.I)	Penjaskes	Honorer
25	Reza pahlevi	STAIN (S.I)	Penjaskes	Honorer
26	Desi Ratna Sari	STAIN (S.I)	SKI	Honorer

Sumber : Dokumentasi Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup 2012.

Rajah 3.2. Struktur Organisasi Pondok pesantren Nurul Haq Semurup tahun 2010 - 2012¹⁹⁹



¹⁹⁹Sumber : Dokumentasi Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, 21 September 2011.

Untuk mencapai tujuan yang diharapkan dalam proses belajar mengajar, maka para ustaz dituntut menjalankan tugasnya dengan sebaik mungkin. Menurut Pimpinan Pondok Pesantren Abuya Drs Darul Ulum, “para ustaz juga dituntut benar-benar menguasai materi pelajaran yang disajikan, jadi ustaz yang bersangkutan harus sesuai dengan jawatan dan keahliannya”.²⁰⁰

Demi memastikan kelancaran proses belajar mengajar di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, selain memberi tugas kepada ustaz, juga wali kelas yang mempunyai kuasa dan tanggung jawab terhadap tugas dan kelas binaannya juga dibentuk. Peranan guru adalah sebagai wali kelas dan mengajar santri, wali kelas juga diharapkan dapat memotivasi siswanya untuk meningkatkan kelas binaannya. Secara terperinci mengenai wali kelas tersebut dapat dilihat dari jadual berikut :

Jadual 3.9. Senarai Wali Kelas Di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun Pelajaran 2011-2012

NO.	KELAS	NAMA WALI KELAS	KETERANGAN
1	VII	Yestika	Kelas VII A
		Drs. Timbang Desi	Kelas VII B
2	VIII	Ratna Sari	Kelas VII C
		Boris Antonius	Kelas VII D
3	IX	Fadli Ereza,S.Pd	Kelas VIII A
		Yenti Triana, S.Pd.I	Kelas VIII B

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup 2012.

Selain tenaga pengajar sekolah/madrasah ini juga memiliki tata usaha bagi menguruskan pentadbiran di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup seperti berikut:

²⁰⁰ Drs. Darul Ulum, dalam temu bual dengan penulis, 17/05/2012.

Jadual 3.10. Tata Usaha Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun 2009-2012

NO.	NAMA	GOLONGAN	JABATAN
1	Dra Hj Niswarti, M.Pd I	Pembina IV/A	Kepala
2	Syafaruddi,S.H	-	Tata Usaha
3	Rika Diana putri,S.Pd	-	Bendahara
4	Fadhli Eriza,S.Pd	-	Staf
5	Yoki Irawan	-	Staf

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup 2012.

3.6.2 (b) Jumlah Santri

Santri dan santriwati Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup berasal dari beberapa desa yang terdapat di Distrik Kerinci dan jumlah santri santriwati pada tahun 2011-2012 adalah sebagai berikut :

1. Kelas VII Berjumlah 132 orang santri
2. Kelas VIII Berjumlah 78 orang santri
3. Kelas IX Berjumlah 83 orang santri²⁰¹

Untuk lebih jelasnya, perincian keadaan pelajar Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup sebagaimana rincian dalam jadual 3.11 berikut :

Jadual 3.11. Jumlah Pelajar Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tingkat Tsanawiyah Tahun Pelajaran 2010-2012

KELAS	LOKAL	LAKI-LAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
I	A	29	21	50
	B	48	34	82
II	A	25	14	39
	B	24	15	39
III	A	21	20	41
	B	19	23	42
Jumlah Keseluruhan		166	127	293

Sumber: Dokumentasi Madrasah Tsanawiyah Nurul Haq Semurup 2012.

²⁰¹Syafaruddin SE (Kepala Tata Usaha Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup), dalam temu bual dengan penulis, 21/09/ 2010.

Jadual 3.12. Jumlah Pelajar Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tingkat Aliyah Tahun Pelajaran 2010-2012

KELAS	LOKAL	LAKI-LAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
I	A	17	23	40
	B	14	21	35
II	A	17	20	37
	B	16	19	35
III	A	12	23	35
	B	13	21	34
Jumlah Keseluruhan		89	127	216

Sumber: Dokumentasi Madrasah Aliyah Nurul Haq Semurup 2012.

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah santri Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup pada tahun 2012 ialah 509 secara keseluruhannya. Tingkatan Tsanawiyah mempunyai 293 santri jumlah santri laki-laki seramai 166 orang manakala di sekolah tingkatan Aliyah jumlah santri ialah 216 orang dan kebanyakannya adalah dari kalangan santri perempuan berjumlah 127 orang.

3.6.3 Sarana dan Prasarana

Sarana dan prasarana yang lengkap merupakan faktor yang terpenting dalam menunjang pendidikan bagi anak didik dalam suatu lembaga pendidikan, kerana fasiliti yang lengkap tersedia pada suatu lembaga pendidikan akan menambah tarikan bagi anak untuk mengikuti pendidikan di sekolah tersebut. Fasilitas yang kurang memadai akan mengurangi daya tarikan bagi peserta didik untuk mengikuti proses belajar mengajar.

Dalam usaha melancarkan pelaksanaan pendidikan pada suatu lembaga pendidikan, maka diperlukan sarana dan prasarana iaitu segala yang diperlukan dalam pelaksanaan pendidikan dan pengajaran begitu pula dengan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup. Sarana dan prasarana dalam menunjang pendidikan di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup adalah seperti berikut:

Jadual 3.13: Sarana dan Prasarana Pondok Pesantren Nurul Haq
Semurup Tahun 2009 – 2012

No	Nama	Jumlah
1	Ruang Belajar	12 Lokal
2	Ruang Kantor	1 Ruangan
3	Ruang Guru	1 Ruangan
4	Ruang Tata Usaha	1 Ruangan
5	Papan Struktur Organisasi	1 Buah
6	Papan Statistik	1 Buah
7	Papan Pengumuman	1 Buah
8	Papan Tulis	8 Buah
9	Lemari Arsip	6 Buah
10	Komputer	2 Unit
11	Jam Dinding	10 Buah
12	Meja dan Kursi Belajar	143 Pasang
13	Meja dan Kursi Guru	19 Pasang
14	Meja dan Kursi Pegawai	4 Pasang
15	Wc	3 Ruangan
16	Laboratorium	1 Ruangan
17	Musholla	1 Ruangan
18	Lapangan Basket	1 Lapangan
19	Lapangan Voli	1 Lapangan
20	Lapangan Bola Kaki	1 Lapangan
21	Lapangan takrau	1 Lapangan
22	Lapangan Tenis Meja	1 Lapangan
23	Perpustakaan	1 Ruangan

Sumber: Dokumentasi Tata Usaha Pondok Pesantren Nurul Haq
Semurup 2012.

3.7 Sejarah Pondok Pesantren Raudlatul Ulum (1993 -2012)

Pondok Pesantren Raudlatul Ulum terletak sekitar 37 km dari pusat bandar Daerah Kerinci. Jarak Pondok Pesantren Raudlatul Ulum dari bandar Daerah Kerinci menempuh sekitar kurang lebih selama 2 jam perjalanan. Pondok pesantren ini terletak tidak jauh dari jalan raya Negeri Jambi yang menghubungkan Negeri Jambi dengan Negeri Sumatera Barat. Pondok ini terletak di tengah-tengah Kampung Sako Duo yang terdiri dari pelbagai suku. Ramainya penduduk dari beberapa suku ini adalah disebabkan bahawa Kampung Sako Duo ini adalah perkampungan transmigran Mukim Kayu Aro. Kayu Aro adalah sebuah mukim yang terletak di sempadan Negeri Jambi dengan Negeri Sumatera Barat dan merupakan tempat wisata/pelancongan dengan

perkebunan teh di lembah Gunung Kerinci yang tertinggi di Sumatera dan terkenal di Indonesia dengan Taman Nasional Kerinci Seblat (TNKS).

Rancangan Penubuhan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum bermula apabila masyarakat Kayu Aro yang terdiri dari tokoh agama, tokoh masyarakat dan tokoh pemuda berkumpul di rumah seorang ulama yang bernama Sugiman di Kampung Sako Duo, mukim Kayu Aro pada tanggal 3 Ogos 1993. Agenda pertemuan ialah untuk menubuhkan sebuah institusi pendidikan di mukim Kayu Aro. Anggota yang menghadiri pertemuan tersebut adalah seramai 23 orang.

Dalam pertemuan tersebut disepakati untuk menubuhkan sebuah lembaga pendidikan Islam iaitu sebuah pondok pesantren yang langsung diberi nama Pondok Pesantren Raudlatul Ulum dan Ustaz Drs Sunarto dilantik sebagai pimpinan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum. Setelah itu terbentuklah sebuah yayasan sebagai lembaga penanggung jawab terhadap seluruh aktiviti diketuai oleh Ustaz Suparman S.Ag dan diberi nama Yayasan Pendidikan Islam Raudlatul Ulum pada tanggal 3 Ogos 1993 dengan akta notaris Nomor 8 dengan notaris Irwan Damhuri SH. Selama kepemimpinan Ustaz Sunarto dengan dibantu oleh para ustaz Pondok Pesantren Raudlatul Ulum mengalami perkembangan baik dari segi pembangunan fizik mahupun dalam segi pendidikan.

Pada peringkat awalnya pondok pesantren ini merupakan bangunan sekolah darjah yang tidak digunakan lagi dan hanya mempunyai sebuah bangunan dengan 4 buah bilik atau kelas yang dijadikan tempat bagi santri belajar dan satu ruangan dijadikan ruangan ustaz. Gedung ini dimanfaatkan dan direhabilitasi oleh ustaz dengan kerjasama masyarakat. Gedung ini dipakai selama kurang 3 tahun dan atas persetujuan pemerintah gedung ini akhirnya menjadi hak milik pondok pesantren. Pada tahun 1998

pembangunan tambahan gedung baru bagi santri dilakukan hasil bantuan pemerintah melalui Depertemen Agama Republik Indonesia yang terdiri dari 2 blok menjadikan jumlah ruangan kesemuannya 8 ruangan. Manakala atas bantuan para orang tua santri pondok pesantren dapat membeli tanah di sekitar pondok pesantren seluas 6 400 m.

Dari segi pendidikan para siswa yang pertama belajar di pondok pesantren ini terbahagi dalam dua bahagian iaitu santri Madrasah Aliyah pada sesi pagi dan Madrasah Awaliyah (setingkat sekolah darjah) pada sesi petang. Pembahagian ini berlaku dari tahun 1993 sehingga tahun 1998. Pada tahun 1998 Pondok Pesantren Raudlatul Ulum berkerjasama dengan Madrasah Tsanawiyah milik syarikat perkilangan teh PTPTN VI Kayu Aro dalam bidang pembangunan fizik mahupun dalam bidang pendidikan. Sehingga sekarang perkembangan pondok pesantren ini semakin menampakkan perkembangannya.

3.7.1 Prasarana Pondok Pesantren Raudlatul Ulum

Untuk mencapai suatu tujuan keberhasilan pendidikan atau pengajaran, maka harus terdapat tempat atau gedung serta fasiliti yang memadai serta guru yang berketerampilan. Hal ini sesuai dengan undang-undang sistem pendidikan nasional pasal 1 Bab XII yang berbunyi seperti berikut: *Setiap satuan pendidikan formal dan nonformal menyediakan sarana dan prasarana yang memenuhi keperluan pendidikan sesuai dengan pertumbuhan dan perkembangan potensi fisik, kecerdasan intelektual, sosial, emosional, dan kejiwaan peserta didik.*²⁰² Adapun sarana yang terdapat di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum kini:

1. Gedung belajar, gedung belajar yang terdiri dari 2 buah bangunan terdiri dari 5 ruangan kelas.

²⁰²Undang-undang Sistem Pendidikan Nasional Republik Indonesia, No. 20 Tahun 2003 Bab XII Pasal 45 Ayat 1.

2. Kantor pimpinan pondok dan para Ustaz.
3. Koperasi pesantren.
4. Perpustakaan.
5. Bangunan Surau.

Walaupun Pondok Pesantren Raudlatul Ulum mempunyai gedung tempat berlangsungnya proses pendidikan tetapi menurut Ustaz Suparman, sarana dan prasarana yang ada di pondok pesantren Raudlatul Ulum masih tidak mencukupi, tiada asrama buat penginapan santri dan kelas untuk proses pendidikan pun masih terasa kurang dengan jumlah santri yang melebihi dari 300 orang.²⁰³ Sehubungan itu ramai para santri yang menyewa perumahan penduduk kerana di pondok pesantren ini hanya mempunyai asrama bagi para ustaz.


3.7.2 Pentadbiran Pondok Pesantren Raudlatul Ulum

Pelaksanaan proses kegiatan pada suatu lembaga sama ada lembaga perusahaan mahupun suatu institusi pendidikan memerlukan pentadbiran yang sesuai bagi lembaga tersebut. Begitu juga dengan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum yang mempunyai pengurusan yang tersusun baik. Ia merupakan suatu pentadbiran dalam melancarkan proses kegiatan dan mengatur semua kegiatan agar terurus dengan baik untuk jangka waktu yang pendek mahupun jangka waktu yang panjang seperti pembangunan, hubungan masyarakat dan lain-lain.

Pentadbiran pondok pesantren Raudlatul Ulum dipimpin oleh Ustaz Drs Sunarto dengan dibantu beberapa ustaz yang mempunyai bahagian-bahagian tertentu dengan rajah sebagai seperti berikut:

²⁰³Ustaz Suparman S.Ag, (ustaz dan Ketua Pengurus Yayasan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum), dalam temu bual dengan penulis 13/05/2012.


Rajah 3.3. Struktur Pengurusan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro Tahun 2009-2012²⁰⁴



Carta di atas menunjukkan sistem pentadbiran di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum di mana Drs. H. Sunarto sebagai pimpinan dengan dibantu oleh beberapa staf/kaur bahagian kaur kurikulum, kaur santri, kaur hubungan masyarakat kemudian dibantu oleh majlis guru. Adapun sebagai penunjang dan pengawas agar aktiviti pondok pesantren ini berjalan dengan lancar, pondok pesantren ini membentuk sebuah yayasan yang dinamakan Yayasan Pendidikan Islam Raudlatul Ulum dengan rajah organisasinya sebagai berikut:

²⁰⁴Dokumentasi Struktur Organisasi Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro 2012.

Rajah 3.4. Pengurusan Yayasan Pendidikan Islam Raudlatul Ulum Kayu Aro tahun 2012²⁰⁵



3.7.3 Sumber Dana dan Usaha Pondok Pesantren Raudlatul Ulum

Dalam melaksanakan proses pendidikan dan beroperasinya pondok pesantren, pendanaan adalah termasuk modal utama. Sama seperti pondok pesantren lain, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum mempunyai pendanaan secara tersendiri. Bangunan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum didirikan di atas tanah milik kerajaan Indonesia yang telah di hibahkan kepada pondok pesantren Raudlatul Ulum dan tanah tambahan yang di infakkan oleh PTPTN 6 Kayu Aro seluas 2 hk. Menurut Ketua Yayasan Pendidikan Islam Raudlatul Ulum iaitu Suparman S.Ag, “Untuk pembangunan gedung baru atau rehabilitasi bangunan yang lama, maka dapat dikatakan mustahil hanya dengan bergantung kepada sumbar keuangan dari para santri, penyumbang dan orang-orang

²⁰⁵Dokumentasi Struktur Organisasi Pondok Pesantren Raudlatul Ulum tahun 2012.

yang simpati lainnya walaupun jumlah itu tidak sedikit, tetapi harus ada sumber pendanaan yang berterusan terjamin.”²⁰⁶

Pada peringkat awal penubuhan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum, pengasas memakai gedung sekolah darjah milik kerajaan yang sudah tidak aktif lagi sebagai tempat proses pendidikan. Kemudian dibeli sebidang tanah dan 2 ha tanah infak dari PTN (Pabrik Teh Nasional) Kayu Aro yang dijadikan perkebunan sayur untuk tambahan pendapatan perbelanjaan pondok pesantren. Walaupun usaha tidak dikelola secara langsung oleh pondok pesantren namun pihak pondok menjadikan tanah-tanah dikerjakan oleh masyarakat dengan sistem perkongsian untung.²⁰⁷

Selain pendanaan di atas, bantuan yang sama penting datangnya dari Kerajaan Republik Indonesia melalui Bantuan Operasional Sekolah (BOS). Bantuan ini sangat membantu pembiayaan operasi Pondok Pesantren Raudlatul Ulum seperti pembayaran honorarium tenaga pengajar, bil elektrik, telefon dan rehabiliti bangunan. Selain itu pondok pesantren Raudlatul Ulum juga membuat usaha mendapatkan sumber kewangan melalui kegiatan ekonomi yang dikelola secara langsung oleh pengurus pondok seperti berikut:²⁰⁸

- a. Membuat pemasaran hasil tani masyarakat yang dikelola oleh Pondok Pesantren Raudlatul Ulum
- b. Industri *Bioetanol*
- c. Koperasi pelajar, yang menjual alat-alat keperluan para santri seperti buku, pena dan lain-lain.
- d. Industri Saos Cabe dan Saos Tomat (sos cili dan sos tomato)
- e. Berternak sapi pedaging
- f. Pertanian Organik.

²⁰⁶Suparman S.Ag, dalam temu bual dengan penulis, 16 Mac 2012.

²⁰⁷*Ibid.*

²⁰⁸Dokumentasi Pondok Pesantren Raudlatul Ulum tentang usaha-usaha pondok pesantren tahun 2012.

3.7.4 Tenaga Pengajar Dan Jumlah Santri

Tenaga pengajar (ustaz) dan santri yang terdapat di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro sebagaimana jadual berikut:

Jadual 3.14. Data Tenaga Pengajar Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro tahun 2012

No.	Nama	Pendidikan Terakhir	Keterangan
1	Drs. H. Masturo	S 1	Guru Tetap
2	Nanang Suhendy S.Pd	S 1	Guru Tetap
3	Dedi Sucipto, A.Md, S.Pd	S 1	Guru Tetap
4	Edy Litiyanto, S.T	S 1	Honorer
5	Nanang Suyitno, S.Pd	S 1	Honorer
6	Ibrahimysah	MA	Honorer
7	Suparman, SAg	S 1	Guru Tetap
8	Qoribun Mujib S.Pd	S.1	Guru Tetap
9	Edi Sutiono S.Pd	S 1	Honorer
10	Sapariyah, S.S	S 1	Honorer
11	Pananto S.PdI	S 1	Honorer
12	Rafika Nita S. Si	SLTA	Honorer
13	Andri Kurniawan	S 1	Honorer
14	Robi Wijaya S.Pd	S 1	Honorer
15	Murtini S. PdI	S 1	Honorer
16	Ngatno S.E	S 1	Guru Tetap
17	Satria Purnama S.PdI	S 1	Honorer
18	Benny Setiawan S.PdI	SLTA	Honorer
19	Nurya Ningsih	SLTA	Honorer
20	Imam Muhyidin	SLTA	Honorer
21	Angel Novita	S 1	Honorer
22	Yusak Yulman Jaya S.Pd	S 1	Honorer

Sumber: Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Tahun 2012.

Jadual 3.15. Data Jumlah Pelajar Pondok Pesantren Raudlatul Ulum 2012

No.	Tingkat Sekolah	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Jumlah
1	Wustha/MTs/SMP	64	82	146
2	Ulya/MA/SMA	90	109	199
	Jumlah	154	191	345

Sumber: Dokumentasi Jumlah Pelajar Pondok Pesantren Raudlatul Ulum 2012.

3.8 Sejarah Pondok Pesantren Darunnajah (1991-2012)

Pondok Pesantren Darunnajah terletak di Desa Bumbun Duri Kecamatan Gunung Tujuh. Desa ini terletak di sempadan antara Daerah Kerinci dengan Negeri Sumatera Barat. Jarak antara pondok pesantren dengan Ibu Kota pusat bandar Daerah Kerinci sekitar 30 km yang memerlukan sekitar satu jam tiga puluh minit.

Pondok Pesantren Darunnajah yang bersifat terpadu dan moden ditubuhkan pada tahun 1991 di Kampung Tumbuh Duri Mukim Gunung Tujuh oleh seorang pedagang sayur yang bernama H. Jamaris di atas tanah 1 Ha milik persendirian. Pada mulanya pondok pesantren ini merupakan tempat pengajian salafiah dengan anggota pengajian ini terdiri dari anak-anak dan remaja yang belajar Al- Qur'an dan membaca bahasa Arab dengan tulisanya bermula dari waktu zohor dan berakhir hingga waktu Isyak. Jumlah para anggota pengajian pada waktu itu adalah 20 orang dan sebahagiannya menginap di tempat pengajian.

Tujuan H. Jamaris menubuhkan pondok pesantren ini ialah supaya anak-anak kampung mendapat pengetahuan agama yang lebih mantap dan ini menyebabkan beliau terfikir untuk mengambil tenaga pengajar dari luar. Tenaga pengajar pada mulanya didatangkan dari luar daerah kerinci iaitu dari daerah Jawa, Mojokerto Kediri seramai 4 orang ustaz dan 2 ustazah. Namun pengajian ini hanya berlangsung sekitar setahun setengah kerana pengasas pondok iaitu H. Jamaris mengalami kemuflisan dalam perdagangan sayur menyebabkan gaji serta keperluan tenaga pengajar tidak mampu untuk ditanggung. Kesannya para pengajar tersebut memohon untuk pulang ke kampung dan pondok pesantren ini selama setahun tidak lagi mempunyai santri dan tidak aktif.

Pada tahun 1993, H. Jamris berusaha terus menerus mencari jalan keluar dan mencari ustaz baru untuk meneruskan pondok pesantren ini. Beliau memilih seorang ustaz muda yang baru menamatkan pengajian dari pondok pesantren di Jawa iaitu Ustaz Suyono yang berasal dari daerah Mukim Gunung Tujuh dari Kampung Kersik Tuo iaitu sekitar 12 km dari lokasi pondok pesantren. Pada tanggal 16 April 1993, Usataz Suyono diberi jawatan pimpinan dan penerus Pondok Pesantren Darunnajah Tumbuh Duri.

Ketika pertama kali beliau pindah ke lokasi pesantren keadaan pesantren tidak ada sesiapa selain beliau, isteri dan anaknya.²⁰⁹ Setelah tinggal di pesantren ini, beliau mula membuka pengajian al-Qur'an pada sebelah petang kerana pada sebelah paginya para santri pengajian al-Qu'ran mengikuti sekolah umum di sekolah kebangsaan. Lima bulan berikutnya, beliau telah mula membuka pengajian secara klasikal dengan bantuan Ustaz Sunaryo dan kesannya Pondok Pesantren Darunnajah beransur-ansur dibuka kembali. Pada tahun 1994, bagi mengaktifkan kembali Pondok Pesantren Darunnajah, Ustaz Suyono dan Ustaz Mayarto beserta dengan 4 orang ustazah mula membuka kegiatan pendidikan Islam tingkat kanak-kanak di bawah umur 6 tahun dengan mempunyai santri seramai 25 orang dan juga membuka Madrasah Ibtida'iyah dengan jumlah santri seramai 11 orang.


Pada tahun 1995 jumlah santri semakin bertambah ramai dan tenaga ustaz juga bertambah begitu juga dengan bangunan meskipun hanya bangunan yang berdinding kayu. Pada tahun itu juga dibuka Madrasah Tsanawiyah yang mendapat santri seramai 16 orang dan para santri tingkat tsanawiyah sudah mula menginap di asrama pondok. Hingga kini pondok pesantren ini sudah mempunyai santri seramai 356 orang yang berasal dari dua mukim iaitu dari Mukim Kayu Aro dan Mukim Gunung Tujuh.

²⁰⁹Ustaz Suyono SPdI, (pimpinan Pondok Pesantren Darunnajah), dalam temu bual dengan penulis, 12/07/2012.

3.8.1 Sistem Pentadbiran Pondok Pesantren Darunnajah

Pelaksanaan pondok pesantren Darunnajah tersusun baik dengan segala aktiviti yang berstruktur tercapai mengikut rancangan. Ini kerana kewujudan kepengurusan dan tenaga guru pondok pesantren Darunnajah yang berkredibiliti tinggi dan berdisiplin yang tinggi. Pentadbiran Pondok Pesentren Darunnajah boleh dilihat seperti di bawah.

Rajah 3.5. Organisasi Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri



3.8.2 Jumlah Guru dan Santri

Jadual 3.16. Daftar Tenaga Pengajar Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri tahun 1433 H/2012 M

No.	Nama	Jabatan	Mula Bertugas	Pendidikan
1	Ustaz Suyono SpdI	Pimpinan Pontren	1991	Musthofawiyah Purba
2	Ustaz Mayarto	Kelas II Ulya Pa/Pi	1991	IAIN Imam Bonjol
3	Jalaluddin	Kelas I Ulya Pa/Pi	1981	Pengajian Surau
4	Masturo Hs	Guru	1994	IAIN STS Jambi
5	Sibirin	Guru B	1994	STKIP Kerinci
6	Mohammad Amin	Kelas I Ulya P	1990	UNJA Jambi
7	Hamidi Ali	Kelas III Wustha	1991	Pontren JIMA'
8	Abdur Rahim Sudi	Pa	1993	IAIN Jambi

Jadual 3.16. sambungan

9	Junaidi S	Kelas III Wustha P	1993	UNJA Jambi
10	Siti Zahrom	Kelas III Wustha P	1996	Pontren Assalam
11	Siti Assiyah	Kelas I Awaliyah	1996	STAIN Kerinci
12	Abd Rahim	Kelas III Wustha Pa	1995	STAIN Kerinci
13	Ustz M Isa	Pa	1999	Al Ma'had Bogor
14	Syukurman	Kelas II Wustha Pa	2001	Pontren Nurul Yakin
15	Hasanah	Guru	2001	Darussalam Aceh
16	Arif Hidayat SPd	Guru	2005	FKIP Universiti Jambi
17	Afrizal SPd I	Guru AAM	2003	IAIN STS Jambi
18	Ustz Mukhsin	Guru	2007	Assalam Pelembang
19	Joko Pardiansyah	Guru	2008	STKIP Kerinci

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Darunnajah Tahun 1433/2012.

Jadual 3.17. Data Jumlah Santri Pondok Pesantren Darunnajah Kayu Aro Tahun 1433 H/2012 M

KELAS	IBTIDA'IYAH		TSANAWIYAH		ALIYAH		JUMLAH
	L	P	L	P	L	P	
1	16	11	36	48	18	22	151
2	12	8	23	41	21	14	119
3	12	10	48	24	28	30	152
4	19	22	-	-	-	-	41
5	47	13	-	-	-	-	60
6	51	36	-	-	-	-	87
JUMLAH	157	100	107	113	67	66	
JUMLAH TOTAL							610

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Darunnajah Tahun 1433 H / 2012 M.
Petunjuk: L = lelaki, P = Perempuan.

3.8.3 Sarana dan Prasarana di Pondok Pesantren Darunnajah

Bagi tujuan menghasilkan santri yang berkualiti, prasarana menjadi perkara asas dalam proses pendidikan dan pengajaran. Tuntutan bagi sebuah percapaian ilmu sangat erat kaitannya dengan tersedianya sarana dan prasarana yang memadai dan mencukupi dalam melancarkan kegiatan proses belajar mengajar. Dalam hal ini upaya pondok pesantren Darunnajah telah dilaksanakan sebaik mungkin dengan biaya yang tersedia dan berpatutan dengan melakukan penataan, pelestarian dan pengembangan dalam bidang sarana dan prasa rana yang dibangun dengan swadaya pengasuh dan wali santri

serta sebahagiannya bantuan dari pemerintah. Adapun fasilitas atau sarana yang telah disediakan oleh Pondok Darunnajah adalah sekarang seperti berikut:

1. Gedung belajar, gedung belajar yang terdiri dari 3 blok.
2. Aula pertemuan
3. Kantor pimpinan pondok pesantren dan tata usaha
4. Perpustakaan
5. Majlis guru
6. Asrama santri perempuan 1 tingkat
7. Asrama santri lelaki merupakan sebuah rumah kayu (rumah kampung) sekitar 5 buah rumah.
8. Koperasi pesantren

Sarana dan parasarana pondok pesantren Darunnajah masih belum mencukupi sebagaimana dengan ciri-ciri dalam segi bangunan pondok-pondok pesantren yang ada di Indonesia. Pondok pesantren ini belum mempunyai masjid dan masih belum mencukupi dengan unsur-unsur pondok pesantren sebagaimana yang telah diungkapkan oleh Departemen Agama Republik Indonesia.

3.8.4 Sumber Dana dan Usaha

Sumber dana yang diperolehi oleh pondok pesantren Darunnajah sama seperti pondok-pondok lainnya iaitu bermula dengan dana peribadi pengasas pondok itu sendiri di mana tanah tempat ditubuhkan Pondok Pesantren Darunnajah adalah milik H. Jamaris. Selain itu dana juga diperoleh seperti berikut :

1. Dari H. Jamaris dari hasil syarikat dagangan sayur yang telah diserahkan kepada pondok pesantren untuk pengelolaan.
2. Tambak ikan sebanyak 3 buah milik pondok dengan pengelolaan dibantu masyarakat dengan sistem bagi hasil.

3. Koperasi pondok pesantren
4. Sumbangan masyarakat berupa sedekah, infak, dan derma.
5. Bas sekolah yang disewakan pada santri yang tinggal di rumah sendiri dan juga disewakan pada masyarakat untuk pesiaran sebanyak 6 buah bas.

Selain sumber dana di atas, dana juga diperoleh dari hasil bantuan dari kerajaan atau bantuan dari pemerintah daerah seperti dana operasional sekolah (BOS). Pondok pesantren Darunnajah ini sama seperti sekolah madarashah lainnya juga mendapat bantuan dana operasional sekolah dari kerajaan Indonesia dari tingkatan Ibtida'yah hingga ke tingkat Tsanawiyah. Dana ini digunakan sebagai penunjang alat-alat pembelajaran seperti buku-buku dan kitab-kitab pelajaran dan lain sebagainya.

Pondok pesantren ini juga mendapat bantuan rehabilitasi bangunan dari kerajaan Indonesia agar kerosakan bangunan yang terdapat di pondok pesantren Darunnajah dapat diperbaiki. Adapun pendidikan ketaramilan bagi santri yang terdapat di pondok pesantren Darunnajah pelaksanaan pengajaran berkerja sama dengan Dinas Depertemen Sosial Daerah Distrik Kerinci.

3.9 Kesimpulan

Sejarah pendidikan Islam di Jambi bermula selaras dengan masuknya agama Islam di Jambi dan kesannya, pendidikan agama mula dikembangkan pada zaman kesultanan Jambi (1516 -1904). Selepas itu tumbuh beberapa buah madrasah dan pondok pesantren yang dipelopori oleh sebuah forum persaudaraan “*Tsamaratul Ihsan*” dan sehingga kini pendidikan Islam di Jambi terus mengalami perkembangan. Manakala sejarah pondok pesantren di Kerinci mula dikembangkan setelah Indonesia merdeka dengan pondok pesantren yang pertama ditubuhkan adalah pondok pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai dan diikuti oleh beberapa pondok pesantren lainnya

seperti pondok pesantren Nurul Haq Semurup dan lain-lain. Kesimpulannya, dapat dinyatakan bahwa keempat-empat buah Pondok Pesantren yang menjadi sampel kajian ini mempunyai sistem pentadbiran dan pendidikan yang teratur termasuk berkemampuan mewujudkan sumber pencarian untuk mengumpul dana bagi memastikan kelangsungan pondok pesantren.

BAB IV

KURIKULUM PONDOK PESANTREN DI KERINCI JAMBI INDONESIA

4.1 Pendahuluan

Kurikulum pendidikan pondok pesantren di Indonesia secara umumnya telah mengalami banyak perubahan terutamanya setelah sistem madrasah dimasukkan ke dalam pendidikan pondok pesantren. Kesannya, kurikulum-kurikulum yang dilaksanakan oleh pondok pesantren di Kerinci turut mengalami perkara yang sama. Dalam bab ini penulis akan menganalisis kurikulum pondok pesantren keempat-empat pondok pesantren iaitu Pondok Pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhtariyah Ambai, Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro dan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri. Kurikulum tersebut merangkumi kurikulum pendidikan umum, kurikulum pendidikan Islam dan kokukrikulum yang akan dibahaskan secara terperinci di subtajuk berikutnya. Pembahasan bab ini akan dimulai dengan definisi kurikulum pendidikan Islam, sejarah perkembangan kurikulum pendidikan Islam di Indonesia secara umumnya dan terakhirnya analisis tentang kurikulum pendidikan pondok pesantren di Kerinci.

4.2 Definisi Kurikulum Pendidikan Islam

Kurikulum pada dasarnya merupakan bahagian daripada perencanaan dan media untuk melaksanakan tujuan lembaga pendidikan dalam usaha mewujudkan lembaga pendidikan yang dikehendaki. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, kurikulum bermaksud skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah dan lain-lain, atau senarai kesemua mata pelajaran (kursus pengajian) di sekolah dan lain-lain.²¹⁰ Menurut S. Nasution (2008) kurikulum adalah suatu rencana yang disusun untuk melancarkan

²¹⁰Kamus Dewan, 856.

proses belajar-mengajar di bawah bimbingan dan tanggungjawab sekolah atau lembaga pendidikan beserta staf pengajarnya.²¹¹

Di dalam Undang-undang Sistem Pendidikan Nasional Republik Indonesia pasal 1 butir 19 UU No. 20 Tahun 2003 tentang sistem pendidikan nasional menyatakan bahawa kurikulum adalah seperangkat rencana dan pengaturan mengenai tujuan, isi dan bahan pelajaran serta cara yang digunakan sebagai pedoman penyelenggaraan kegiatan pembelajaran untuk mencapai tujuan pendidikan tertentu.²¹²

Selain itu, kurikulum tidak sekadar meliputi bahan pelajaran, tetapi seluruh kehidupan ketika berjalan sesuai dengan tuntutan agama. S. Nasution (2008) menyatakan bahawa ada beberapa penafsiran tentang kurikulum, *yang pertama*, kurikulum adalah sebagai sebuah produk untuk menghasilkan pelajar yang lebih baik, *kedua*, kurikulum adalah sebagai program dan alat yang dilakukan sekolah untuk mencapai sebuah tujuan, *ketiga*, Kurikulum sebagai hal-hal yang diharapkan akan di pelajari oleh siswa (sikap, keterampilan tertentu) dan *keempat*, kurikulum dipandang sebagai pengalaman siswa.²¹³ Pada sebuah institusi pendidikan, kurikulum merupakan salah satu komponen utama yang digunakan sebagai panduan untuk menentukan isi pengajaran dan mengarahkan mekanisme pendidikan.²¹⁴

Secara umum pengertian dan maksud kurikulum pendidikan di dalam Islam sama dengan pengertian kurikulum di dalam pendidikan umumnya, akan tetapi tujuan dan isi daripada kurikulumnya sahaja yang berbeza. Kurikulum di dalam pendidikan Islam adalah berkaitan pengetahuan agama Islam agar tercapai maksud dan tujuan

²¹¹S. Nasution, *Kurikulum dan Pengajaran* (Jakarta: Bumi Aksara, 2008), 13.

²¹²Depertemen pendidikan Nasional Republik Indonesia, *Undang-undang Tentang Sistem Pendidikan Nasional* (Bandung: Citra Umbara, 2003).

²¹³Armai Arief, *Pengantar Ilmu dan Metode Pendidikan Islam* (Jakarta: Ciputat Pers, 2002), 30.

²¹⁴Chabib Thoha, *Pengembangan Kurikulum PAI Untuk Pembentukan Masyarakat Madani* (Semarang: Fak. Tarbiyah IAIN Wali Songo, 1999), 1.

pendidikan Islam itu sendiri. Kurikulum dalam pendidikan Islam dikenal dengan istilah ‘*manhaj*’ yang bererti panduan atau jalan yang dapat membantu kita memahami sesuatu konsep serta menguasai ilmu pengetahuan.²¹⁵

Selain itu kurikulum juga merupakan suatu program pendidikan yang direncanakan dan dilaksanakan untuk mencapai tujuan pendidikan. Dalam pendidikan Islam agar tujuan tercapai secara maksimal, maka kurikulum pendidikan Islam haruslah diawasi supaya ia meliputi ilmu-ilmu bahasa dan agama, ilmu-ilmu tentang alam semula jadi (*natural*), dan sebahagian ilmu-ilmu yang membantu ilmu-ilmu itu seperti sejarah, geografi, sastera, syair, nahu, balaghah, falsafah dan logik.²¹⁶ Kurikulum pendidikan Islam juga harus menyentuh serta mencapai tujuan yang diharapkan kepada peserta didik. Prof. Dr. H. Muhammin menyatakan bahawa, “kurikulum Islam harus bisa membawa peserta didik agar mempunyai keyakinan, pemahaman, penghayatan, dan pengalaman ajaran Islam ke dalam kehidupan sehari-hari.”²¹⁷

Seiring dengan perkembangan semasa, kurikulum pendidikan Islam mestilah diubah dan diperkembangkan agar sesuai dengan perubahan yang berlaku kini.²¹⁸ Bagi menyusun kurikulum pendidikan Islam khasnya, pondok pesantren harus mempunyai prinsip-prinsip umum untuk dijadikan dasar kurikulum agar pendidikan pondok pesantren tidak tertinggal dan setara dengan pendidikan umum. Menurut Abdul Majid dan Rian Andayani yang memetik dari ‘Abdurrahman An-Nahlawi, menjelaskan bahawa kurikulum pendidikan Islam harus mempunyai ketentuan seperti berikut.²¹⁹

²¹⁵Zawawi Hj. Ahmad, *Sains Dalam Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 26.

²¹⁶Hasan Langgulung, *Asas-Asas Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka, 1986), 127.

²¹⁷H. Muhammin, *Pengembangan Kurikulum Pendidikan Agama Islam* (Jakarta: PT. Raja Grafindo, 2005), 11-12.

²¹⁸Zawawi, *Sains dalam Pendidikan*, 77.

²¹⁹Abdul Majid dan Dian Andayani, *Pendidikan Agama Islam Berbasis Kompetensi* (Bandung: Remaja Rosdakarya, 2005), 78.

Pertama, memiliki sistem pengajaran dan materi yang selaras dengan fitrah manusia. Bererti bahawa kurikulum harus bisa mencegah daripada penyimpangan dan kerosakan alam dan diri sendiri.

Kedua, kurikulum mempunyai tujuan taat dan beribadat hanya kepada Allah S.W.T. kurikulum pendidikan Islam yang disusun harus menjadi dasar kebangkitan Islam dan mempunyai tujuan bahawa hanya Allah yang patut disembah dan hanya kepadaNya kita beribadat.

Ketiga, harus sesuai dengan tingkatan pendidikan. Kurikulum pendidikan Islam harus lebih dahulu menilai pemahaman, kareteristik, dan jenis kelamin agar tujuan pendidikan Islam dapat tercapai.

Keempat, kurikulum pendidikan Islam harus melihat fakta masyarakat. Setiap kurikulum pendidikan Islam sesuai pada tempat yang sesuai, seperti pada sebuah pelajaran harus diterapkan pada masa-masa yang sesuai dan juga hal lain yang harus menjadi perhatian adalah tentang kesihatan, keamanan dan kebudayaan atau aspek-aspek lain.

Kelima, kurikulum harus sesuai dengan konsep Islam. Ertinya bahawa kurikulum pendidikan Islam tidak bertentangan dengan Al-Qur'an dan Hadith serta dasar-dasar hukum dalam Islam.

Keenam, realistik. Kurikulum pendidikan Islam harus sesuai dengan kesanggupan dan dapat diterapkan oleh negara dan sesuai dengan keadaan negara itu sendiri.

Ketujuh, memilih metode yang sesuai. Metode haruslah sesuai dan mudah dipahami agar dapat diterapkan kedalam berbagai kondisi, lingkungan dan keadaan serta sesuai dengan individu-individu.

Kedelapan, efektif. Kurikulum pendidikan Islam harus dapat memberikan hasil pendidikan yang bersifat membangun dan tidak meninggalkan dampak-dampak negatif dalam diri pelajar. Pada dasarnya kurikulum pendidikan Islam memiliki kelebihan berupa metode pendidikan yang sahih dan berdampak positif serta memiliki berbagai kegiatan Islam yang berhasil.

Kesembilan, kurikulum harus sesuai dengan tingkatan pelajar agar tujuan pendidikan dapat tercapai.

Kesepuluh, kurikulum harus memperhatikan prilaku pelajar yang bersifat aktiviti langsung seperti dakwah, lingkungan sekolah.

Kesimpulannya dalam sistem pendidikan pesantren, kurikulum merupakan alat untuk mencapai tujuan pendidikan agama Islam. Pembentukan kurikulum yang tepat selaras dengan ajaran Islam sangat penting dalam membawa pelajar mengenal Allah dan menunaikan hal-hal Allah dan inilah tujuan utama pendidikan Islam.

4.3 Sejarah Perkembangan Kurikulum Pondok Pesantren di Indonesia

Pada peringkat awal, pondok pesantren tidak mengenal tingkatan kurikulum tetapi usaha untuk mengikuti dan ukuran peningkatan peserta pelajar membuatkan pendidikan pesantren turut serta dalam sistem kurikulum. Perlembagaan kurikulum di pondok pesantren Indonesia dapat dibagikan kepada dua tahap. Tahap pertama iaitu zaman tradisional di mana pondok pesantren di Indonesia hanya menerapkan kurikulum yang berisi pengajaran kitab-kitab kuning (kitab-kitab Islam klasik) sahaja yang

merupakan pengajaran formal yang diberikan dalam lingkungan pesantren.²²⁰ Sistem pendidikan pesantren tradisional sering disebut sistem *salafi* iaitu sistem yang tetap mempertahankan pengajaran kitab-kitab Islam klasik yang sering disebut dengan kitab kuning berbahasa Arab yang merupakan asas pendidikan di pondok pesantren. Semua kitab klasik yang dipelajari di Indonesia adalah dalam bahasa Arab dan sebahagian besar ditulis oleh ulama-ulama dari Arab sebelum Islam tersebar di Indonesia.²²¹

Pengajaran kitab klasik ini adalah program utama pondok pesantren pada zaman awal dan disusun mengikut tingkat kemampuan dan minat para santri serta lebih diorientasikan kepada kemampuan membaca kitab kuning tersebut. Kitab kuning yang dipelajari di pondok pesantren tidak ditulis di Indonesia tetapi ditulis di Mekah atau Madinah walaupun pengarangnya merupakan orang Indonesia.²²² Pengajian menggunakan kitab kuning meliputi pelbagai bidang iaitu fiqh, ‘aqidah, akhlaq, nahu, hadith, tafsir dan ‘ulum al-Qur’ān. Sebagai contoh, kitab fiqh yang digunakan ialah kitab *Fathul Qorib syarah matan Taqrib* oleh Ibnu Qossim al-Ghazi (1512 M), kemudian *Fathul Mu’in syarh Qurrutul ian* oleh Zainuddin al-Maliba (1574 M), *Minhajut Talibin* oleh An Nawawi (1277 M), *Hasyiyatul Fathur Qorib* oleh Ibrahim al-Bajuri (1891), *al-Iqna* oleh Syaibin (1569 M), *Fathul Wahab* dan dilanjutkan dengan *Tuhfah* oleh Ibnu Hajar (1891 M) dan *Nihayah* oleh Romli (1550 M).²²³

Tahap kedua ialah selepas kemerdekaan Republik Indonesia dan penyerahan kedaulatan, terutama sejak awal orde baru tahun 1966 dan pertumbuhan ekonomi yang pesat, pendidikan pondok pesantren menjadi lebih terstruktur dan kurikulum pondok pesantren menjadi lebih mantap dan tetap. Ia berikutan pengajuran seminar nasional tentang pondok pesantren yang memutuskan beberapa perkara dan termasuk di

²²⁰Zamakhsyari, *Tradisi Pesantren*, 50.

²²¹Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning, Pesantren Dan Tarekat*, 7.

²²²*Ibid.*, 8.

²²³ H Kafrawi, *Pembaharuan Sistem*, 17.

dalamnya tentang kurikulum. Berdasarkan keputusan seminar pondok pesantren di seluruh Indonesia 1965 yang berkaitan dengan kurikulum, diputuskan bahawa adalah perlu diwujudkan pendidikan dan pengajaran berketerampilan pada pondok pesantren seperti pertukangan, pertanian, perternakan.²²⁴

Tujuannya supaya lulusan pondok pesantren dapat berdikari ketika berada di tengah-tengah masyarakat. Dan pada tahun 1966 seminar pondok pesantren dilaksanakan kembali dengan memutuskan tentang kurikulum secara umumnya. Berdasarkan keputusan seminar pondok pesantren tahun 1966 tersebut yang menyangkut masalah implementasi kurikulum pondok pesantren sebagaimana kutipan oleh Marwan Saridjo et al. (1980):²²⁵

1. Mempertahankan sistem pendidikan pondok pesantren dalam melaksanakan pendidikan.
2. Menganjurkan kepada pondok pesantren yang belum mewujudkan sistem pendidikan madrasah, supaya melaksanakan pendidikan sistem madrasah, yang dilengkapi dengan perpustakaan.
3. Mengadakan pendidikan-pendidikan kejuruan/keahlian.²²⁶
4. Menetapkan kurikulum bagi madrasah-madrasah²²⁷ yang berada di dalam lingkungan pondok dengan rinciannya sebagai berikut:
 - i. Pengetahuan umum sesuai dengan kurikulum yang ditetapkan oleh Direktorat Pendidikan Agama.
 - ii. Pengetahuan agama sebagaimana terlampir, bagi kurikulum pengajian pondok pesantren dengan bahagian-bahagiannya seperti berikut:

²²⁴Marwan Saridjo, *Sejarah Pondok*, 64.

²²⁵Ibid., 65 - 67.

²²⁶Pendidikan/keahlian merujuk kepada pendidikan yang bersifat kemahiran dalam keterampilan seperti pendidikan pertukangan, menjahit, pertanian, penternakan, seni ukir dan lain sebagainya.

²²⁷Kamuzzaman Bustaman-Ahmad et al., ed., *Islamic Studies And Islamic Education In Contemporary Southeast Asia* (Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan 2011), 94. Di dalam buku ini Norhadi, menyatakan bahawa, “In Indonesia the term madrasah refers to Islamic primary and secondary schools that adopt a modern system of education in which Islamic subjects are taught alongside general subjects.”

Jadual 4.1. Kurikulum Pondok Pesantren Ibtida'iyah (Sekolah Darjah)

No	Mata Pelajaran	Untuk Madrasah	Untuk Pengajian
1.	<i>Al-Qur'anul Karim Wa tajwid</i>	<i>Al Jawahirul Kala</i>	<i>Tijaanduuurar</i>
2.	<i>Al-Hadits</i>		
3.	<i>Al-Taukhid</i>		
4.	<i>Al-Fiqh</i>	<i>Al Fiqhul Waddih</i>	<i>Safinatun</i>
5.	<i>Al-Akhlaq</i>	<i>Durrusul Akhlaq</i>	<i>Najaat</i>
6.	<i>Allughotul Arobiyah</i> a. <i>An Nahwu</i> b. <i>As Shorf</i> c. <i>Al Qiraatul wal Muthola'ah</i> d. <i>Al Imla' wal khat</i> e. <i>Al mahfudhat</i> f. <i>Al insyai'</i>	<i>Amahwul Wadlih</i>	<i>Sulamuttaufiq</i> <i>Matnul Ajrumiyah</i>
7.	<i>Tarikhul Islam</i>	<i>Khula shotul nurul yaqin</i>	

Sumber: Petikan dari keputusan Seminar Pondok pesantren seluruh Indonesia di Yogyakarta Tahun 1963, untuk kurikulum tingkatan I.

Jadual 4.2. Kurikulum Pondok Pesantren Tingkatan Tsanawiyah II (Sekolah Tingkatan 1, 2 dan 3)

No	Mata Pelajaran	Untuk Madrasah	Untuk Pengajian
1.	<i>Tafsir Qur'anul Karim</i>	<i>Tafsirul Aiaatil Mukhtarah</i>	<i>Tafsir Jalalain</i>
2.	<i>Ilmu Tafsir</i>	<i>Al Araba'iin</i>	<i>Al baiquniyyah</i>
3.	<i>Al-Hadits</i>	<i>Nukbatul Fikrar Al Hulafaturrabi'ah</i>	<i>Fathulqarib</i>
4.	<i>Musthalahul Hadits</i>		
5.	<i>Al-Fiqh</i>	<i>Al Mabdaul</i>	<i>Al Wararaqaat</i>
6.	<i>Ushulul Fiqh</i>	<i>Awwaliyyatul ushulul fiqhil ustaadzi Mahmud Yunus</i>	
7.	<i>Qowaa'dul Fiqh</i>		
8.	<i>At-tauhid</i>	<i>Al Faraadul bahiyyah</i>	
9.	<i>Al-Akhlaq</i>	<i>Al hushnuul Hamidiyah</i>	<i>Kifayatul 'Awam</i>
10.	<i>Tarikhul Islam</i>	<i>Al Abdabasy'iyyah</i>	<i>Al Bidaayah</i>
11.	<i>Allughotul Arobiyah</i> a. <i>Annahwu</i> b. <i>As Shorf</i> c. <i>Al-Qiraatul wal Mutholaah</i> d. <i>Al-Mahfudhaat Khot</i> e. <i>Al-Mahfudhaat</i> f. <i>Al-Insya'</i> g. <i>Al-Balaghah</i>	<i>Attariihul Islamiyah</i> <i>An nakhwul waadlih</i> <i>Qowaa'idulllghaatul' Arobiyah</i> <i>Al-Isi'aarah</i>	<i>Mutammimah</i> <i>Alfiyyah</i>

Sumber: Petikan dari keputusan Seminar Pondok pesantren seluruh Indonesia di Yogyakarta Tahun 1963, kurikulum pendidikan pondok pesantren untuk tingkatan II.

Jadual 4.3. Kurikulum Pondok Pesantren Tingkatan Aliyah (Tingkatan SPM)

No	Mata Pelajaran	Untuk Madrasah	Untuk Pengajian
1	<i>Tsirul Qur'anul karim</i>	<i>Tafsirul Ayaati</i>	<i>Tafsir Jalalain</i>
2	<i>Ilmu Tafsir</i>	<i>Mukhtarah</i>	<i>Al Ittaqaan</i>
3	<i>Al Hadits</i>	<i>Bulughul Maraam</i>	<i>Shahihul Bukhari</i>
4	<i>Ilmu Hadits</i>		<i>wa Muslim</i>
5	<i>Attauhid</i>	<i>Al Hushunul Hamadiyyah</i>	<i>Assanuusi-Umul baraa-hiin</i>
6	<i>Al-Fiqh</i>		
7	<i>Ushulul Fiqh</i>	<i>Kifaayatul Akhayar Al Bayaan-Alluma'</i>	<i>Fatkul-mu'in Jam'ul Jawami'</i>
8	<i>Qowaa'idul Fiqh</i>	<i>Al faraaidul bahiyyah</i>	
9	<i>Al Ahlaaq</i>	<i>Al Adababusshar'iyyah</i>	<i>Al Asybaah wa Nadhair Min haajul'Abidin</i>
10	<i>Tarikhul Tasryi' Islam</i>	<i>Attakhul Islamiyyili Muhyidin</i>	<i>Ihyaa' Ulumuddin</i>
11	<i>Tairkhul Tasryi' Islamiyah</i>	<i>Annahdhamul Islamiyyah</i>	<i>Al Hikmah</i>
12	<i>Allughatul a. ArobiyahAnnahwu b. Ashsharfu c. Al qirratu wal Munthalaah d.Al mahfuudhat fiqismit tashif e. Al insya' f. Al Balaghah g. Al aruud walqowafi</i>	<i>Taakhuttasryihil Hudlari Nahwul Wadlih Littsanawiyyi Tatdzubul adtaulih Daruuttashriif Al Balghatul wadlikah Nizaannudsssaahab Al Mantiq Al Hadits</i>	<i>Mughnil laibbait Al Jauhar al Maknum Quudul Jumaan Sulamut MunaauraqArrah biyyah</i>
14	<i>Al Manthiiq</i>		
15	<i>Al Maquulat</i>		

Sumber: Kutipan dari keputusan Seminar Pondok pesantren seluruh Indonesia di Yogyakarta Tahun 1963 kurikulum pendidikan pondok pesantren untuk tingkatan III.

Berdasarkan hasil seminar di atas pendidikan pondok pesantren dianjurkan melaksanakan sistem madrasah yang menggabungkan kurikulum umum dan kurikulum agama di dalamnya bertujuan agar santri pondok pesantren boleh bersaing dengan sekolah umum. Kurikulum yang telah ditetapkan oleh seminar pondok pesantren di atas pondok pesantren kini cenderung untuk menyesuaikan diri dengan keadaan terhadap pengaruh organisasi, terutama modernisasi di dalam bidang pendidikan. Sehubungan itu, pondok pesantren di Kerinci telah memasukkan sistem madrasah ke dalam pondok pesantren yang tidak hanya terfokus pada pendidikan agama sahaja tetapi mempelajari ilmu umum yang diajarkan di sekolah umum yang ada di Indonesia. Dualisme sistem

dan pola pendidikan inilah yang seterunya mewarnai pendidikan Islam di semua negara dan masyarakat Islam pada zaman moden ini.²²⁸

Tujuan proses modernisasi pondok pesantren adalah usaha untuk menyempurnakan sistem pendidikan Islam yang ada di pesantren. Akhir-akhir ini pondok pesantren mempunyai kecenderungan-kecenderungan baru dalam rangka renovasi terhadap sistem yang selama ini dipergunakan. Perubahan-perubahan yang boleh dilihat di pesantren moden merangkumi metodologi ilmiah moden terbuka atas perkembangan di luar dirinya, diversifikasi program dan kegiatan di pesantren makin terbuka dan luas, dan pondok pesantren sudah dapat berfungsi sebagai pusat pengembangan masyarakat.²²⁹

Walaupun kurikulum di atas merupakan hasil keputusan seminar dari pondok pesantren di seluruh Indonesia secara umumnya tetapi kebiasaannya pondok pesantren mempunyai kurikulum tersendiri. Malah, penyusunan kurikulum tersendiri ini disesuaikan dengan keadaan dan kemampuan setiap jenjang pendidikan serta sesuai dengan aliran agama Islam dalam penyelenggaraan pendidikan tersebut.

Bagi pondok pesantren yang telah memasukkan sistem madrasah di dalamnya maka sistem kurikulum yang dipakai oleh banyak pondok pesantren adalah sistem kurikulum madrasah yang diterbitkan oleh Depertemen Agama Republik Indonesia. Di pondok pesantren sistem madrasah hanya dipakai untuk pelajaran umum sahaja, sedangkan pelajaran agama masih mengikuti kurikulum pondok pesantren itu sendiri. Sehingga kini pondok pesantren telah membuat perancangan yang sebaik mungkin sehingga bimbingan pembelajaran bukan hanya dari aspek kemudahan dalam

²²⁸Zuhairini, *Sejarah Pendidikan Islam*, 125.

²²⁹Hizbulah, *Sejarah Pendidikan*, 76.

menjalankan hasil dari pengajaran (*practical religion*) yang diutamakan, tetapi juga bagaimana memahaminya daripada pembelajaran itu sendiri (*Theoretical*).

4.4 Kurikulum Pendidikan Pondok Pesantren di Kerinci Jambi

4.4.1 Kurikulum Pendidikan Umum di Pondok Pesantren di Kerinci

Pondok pesantren di Kerinci merupakan salah satu lembaga pendidikan yang menerapkan pendidikan agama Islam. Pondok pesantren di Kerinci juga menggunakan kurikulum yang mengacu kepada ilmu-ilmu pengetahuan Islam yang terdahulu dan juga yang berkembang kini. Model pembelajaran pondok pesantren di Kerinci adalah seiring dengan pembelajaran pendidikan umum. Secara umumnya bentuk pengajian dan kurikulum yang dilaksanakan oleh pondok pesantren di Kerinci Jambi adalah secara madrasah dengan sistem klasikal (formal) serta termasuk dalam tingkatan dan jenis pondok pesantren moden. Pondok pesantren di Kerinci yang mengikuti perkembangan kemajuan pendidikan telah memasukkan sistem pendidikan madrasah sesuai dengan keputusan seminar pondok pesantren No. 1 tahun 1966 yang berbunyi pengetahuan umum di pondok pesantren di sesuai dengan kurikulum yang ditetapkan oleh Direktorat Pendidikan Agama yang setaraf dengan pendidikan umum dan disahkan oleh pemerintah Republik Indonesia.²³⁰ Penerapan kurikulum umum di dalam pesantren menuntut adanya penyetaraan pengetahuan dan ijazah agar pelajar boleh melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau untuk bekerja.²³¹

Sistem pendidikan madrasah adalah sistem pendidikan Islam dan lebih mengarah kepada pendidikan umum dan pendidikan agama dengan mata pelajaran agama sebagai salah satu mata pelajaran penting. Namun, dalam pendidikan umum dan pendidikan madrasah, mata pelajaran yang wajib dan mempengaruhi kenaikan kelas ada empat

²³⁰ Marwan Saridjo, *Sejarah Pondok*, 63.

²³¹ Muhammad Mustari, *Peranan*, 106.

mata pelajaran iaitu Bahasa Indonesia, PPKN (Pendidikan Pancasila dan Kewarga Negaraan), Matematik dan IPA (Ilmu Pengetahuan Alam iaitu Biologi, Fizika, dan Kimia), sedangkan pelajaran pendidikan agama di sekolah umum hanya berstatus fakultatif (tidak mempengaruhi kenaikan kelas).²³² Kurikulum pendidikan umum yang dimasukkan dalam pendidikan pondok pesantren di Kerinci dapat diperhatikan seperti berikut:

Jadual 4.4. Analisis Kurikulum Pendidikan Umum di Pondok Pesantren di Kerinci

No.	Nama Mata Pelajaran	PP. Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai	PP. Nurul Haq Semurup	PP. Raudlatul Ulum Kayu Aro	PP. Darunnajah Bumbun Duri
1	B. Indonesia	✓	✓	✓	✓
2	Matematik	✓	✓	✓	✓
3	Fizik	✓	✓	✓	✓
4	Kimia	✓	✓	✓	✓
5	Biologi	✓	✓	✓	✓
6	PPKN ²³³	✓	✓	✓	✓
7	Ekonomi	✓	✓	✓	✓
8	Geografi	✓	✓	✓	✓
9	Sosiologi	✓	✓		
10	Sejarah Nasional	✓	✓	✓	✓
11	TIK ²³⁴	✓			
12	Seni Budaya	✓		✓	
13	Pendidikan Jasmani	✓	✓	✓	✓
14	B. Inggeris	✓	✓	✓	✓

Sumber: Rangkuman kurikulum umum pondok pesantren di Kerinci

Jadual di atas menunjukan bahawa keempat-empat pondok pesantren melaksanakan pendidikan umum di pondok pesantren masing-masing dengan tujuan agar santri mampu bersaing dengan para pelajar dari pendidikan umum. Hampir semua mata pelajaran pendidikan nasional digunakan dalam kurikulum pendidikan pondok pesantren di Kerinci. Empat mata pelajaran yang diwajibkan dan merupakan prioritas

²³² Usman Said, *Sumbangan Pendidikan*, 84.

²³³ PPKN adalah kependekan dari pendidikan Pancasila dan kewarganegaraan.

²³⁴ TIK adalah kependekan dari teknologi dan informatika dan computer.

penentuan kenaikan kelas dan merupakan prioritas bahagian ujian akhir secara nasional EBTANAS (Evaluasi Belajar Tahap Akhir Nasional) merupakan pelajaran yang wajib dilaksanakan di pondok pesantren di Kerinci dengan menempatkan pelajaran tersebut pada jam pelajaran yang lebih banyak dibandingkan dengan pendidikan mata pelajaran lainnya yang hanya sebatas penilaian dan tetapi juga mempengaruhi kenaikan ke peringkat selanjutnya.

Sebahagian pondok pesantren di kerinci masih membatasi pengajaran sebahagian kurikulum umum yang dilaksanakan dengan cara mengurangi jam mata pelajaran seperti pendidikan mata pelajaran sosiologi, seni dan budaya, pendidikan jasmani dan pelajaran TIK (Teknologi Informatika Komputer) yang dilaksanakan dalam satu minggu dengan 1 jam pelajaran sahaja. Menurut ustaz Lukman Paduko, “pengurangan jam subjek umum bertujuan agar subjek pondok mempunyai kelebihan jam pelajaran namun mata pelajaran yang wajib di negara ini tetap kamikekalkan seperti yang diterapkan di sekolah-sekolah umum.”²³⁵ Manakala Pelajaran Bahasa Indonesia, Pendidikan Pancasila dan kewarga negaraan (PPKN), Matematik dan mata pelajaran IPA, yang telah ditetapkan oleh pemerintah Indonesia mengikuti aturan madrasah yang ditetapkan oleh Depertemen Agama Republik Indonesia dengan jam pembelajaran selama 4 - 5 jam dalam satu minggu.

Selain itu, terdapat sesetengah pelajaran atau subjek yang tidak diajar di setiap pesantren seperti pelajaran sosiologi hanya diajarkan oleh Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai dan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup. Manakala mata pelajaran seni dan budaya pula hanya diajarkan oleh Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai dan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro. Mata pelajaran TIK hanya digunakan oleh Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah

²³⁵Lukman Paduko, (Ustaz dan Ketua Pembangunan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai), dalam temu bual dengan penulis, 23/07/2012.

Mukhtariyah Ambai. Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tidak melaksanakan subjek Seni Budaya dan TIK (Teknologi Informatika Komputer) kerana kekurangan sarana dan tenaga pengajar. Begitu juga dengan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum dan Pondok Pesantren Darunnajah tidak mengajar subjek TIK dan Sosiologi. Manakala Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai melaksanakan semua subjek dalam jadual di atas. Ketiadaan sesebuah subjek di pondok pesantren tertentu di Kerinci adalah disebabkan ketiadaan subjek-subjek tersebut adalah adalah kerana ketiadaan tenaga pengajar (guru) dan kekurangan sarana seperti subjek TIK yang tidak diajarkan di tiga buah pondok Pesantren kerana kekurangan sarana komputer dan tenaga pengajar.

4.4.2 Kurikulum Pendidikan Umum di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai

Pondok pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai merupakan pondok pesantren yang bersifat moden dan sempurna yang turut menerapkan kurikulum umum di dalam pengajarannya di samping kurikulum pendidikan Islam dan kokurikulum yang dapat dilihat di dalam jadual berikut:

Jadual 4.5. Kurikulum Pendidikan Umum Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai

No.	Nama Subjek Pelajaran	Kelas
1	Bahasa Indonesia	1,2,3 Tsanawiyah dan 1,2,3 Aliyah
2	Matematik	1,2,3 Tsanawiyah dan 1,2,3 Aliyah
3	Fizik	1,2,3 Tsanawiyah dan 1,2,3 Aliyah
4	Kimia	1,2,3 Aliyah
5	Biologi	1,2,3 Tsanawiyah dan 1,2,3 Aliyah
6	PPKN	1,2,3 Tsanawiyah dan 1,2,3 Aliyah
7	Ekonomi	1,2,3 Aliyah
8	Geografi	1,2,3 Tsanawiyah dan 1,2,3 Aliyah
9	Sosiologi	2,3 Aliyah
10	Sejarah Nasional	1,2,3 Tsanawiyah
11	TIK	2 dan 3 Aliyah
12	Seni Budaya	3 Tsanawiyah
13	Pendidikan Jasmani	1 dan 2 Tsanawiyah
14	Bahasa Inggeris	1,2,3 Tsanawiyah dan 1,2,3 Aliyah

Sumber: Dokumentasi pondok pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai tentang kurikulum pondok pesantren tahun 2012.

Berdasarkan jadual di atas subjek-subjek yang wajib dan mempengaruhi kenaikan kelas seperti Bahasa Indonesia, PPKN, Matematika, Fizik, Biologi dan termasuk subjek Bahasa Inggeris (walaupun tidak termasuk dalam pelajaran wajib di Indonesia) juga diajarkan dari tingkatan Tsanawiyah dan tidak ada pengurangan waktu sebagaimana sekolah umum lainnya.

Manakala pelajaran yang lainnya diajarkan menurut kesesuaian daripada pelajar seperti subjek Kimia, TIK, Sosiologi dan sebagainya hanya diajarkan pada tingkatan Aliyah. Di dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan umum, pondok pesantren mencampurkan waktu dengan kurikulum pendidikan pondok pesantren itu sendiri dengan catatan mengurangi jam pelajaran umum dan melebihkan jam kurikulum pondok pesantren. Berdasarkan pengamatan dan temu bual dengan ustaz pondok pesantren, subjek-subjek diajarkan pada pondok pesantren memang harus mensesuaikan dengan tingkatan daya fikir daripada pelajar dan agar kurikulum boleh tercapai serta agar kurikulum pendidikan pondok pesantren mempunyai waktu yang banyak.

Jadual di atas juga menunjukkan bahawa Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai mengurangi waktu dengan menerapkan kurikulum pada kelas-kelas tertentu seperti seni dan budaya hanya diajarkan pada kelas 3 tsanawiyah dan TIK (teknologi informatika dan komputer) hanya diajarkan pada kelas 2 dan 3 aliyah dan lain sebagainya. Waktu yang digunakan dalam melaksanakan kurikulum umum di Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai sebanyak 34 % daripada 18 jam waktu pondok pesantren setiap harinya.

4.4.3 Kurikulum Pendidikan Umum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup

Kurikulum di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup mengandungi kurikulum umum dan kurikulum agama bagi meningkatkan kualiti para pelajar. Antara usaha awal yang dilakukan oleh Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup ialah menggabungkan sistem pendidikan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup yang berbentuk klasik dengan sistem pendidikan moden iaitu memasukkan sistem madrasah di dalamnya dengan pengajaran secara klasikal. Kurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup berhadapan dengan banyak tantangan termasuk di dalam modenisasi pendidikan Islam. Dalam beberapa hal, selain sistem dan kelembagaannya yang bersifat moden, kurikulum pondok pesantren Nurul Haq Semurup pun telah dimodenisasi serta disesuaikan dengan tuntutan pembangunan terutama dalam bidang-bidang tertentu sehingga secara automatik akan mempengaruhi ketetapan kurikulum.

Kemasukan sistem madarash yang berdasarkan kurikulum umum yang ditetapkan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia dalam proses pembelajaran dan pengajaran adalah bertujuan agar santri mendapat persamaan status dan ijazah, yang diiktiraf oleh pemerintah. Ini membolehkan mereka mendapat peluang melanjutkan pendidikan di perguruan tinggi sama seperti pelajar yang tamat dari sekolah umum. Dalam semua tingkat pendidikan formal yang terdapat di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, sebahagian kurikulumnya memakai kurikulum umum yang *diakomodasikan* dengan kurikulum pondok pesantren itu sendiri. Antara kurikulum umum pendidikan yang diterapkan oleh pondok pesantren Nurul Haq Semurup adalah seperti berikut:

Jadual 4.6. Kurikulum Pendidikan Umum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun 2012

No.	Nama Subjek Pelajaran	Kelas
1	Bahasa Indonesia	1, 2, 3 Tsanawiyah dan Aliyah
2	Matematika	1, 2, 3 Tsanawiyah dan Aliyah
3	Fizik	1, 2, 3 Tsanawiyah dan Aliyah
4	Kimia	1, 2, 3 Aliyah
5	Biologi	1, 2, 3 Tsanawiyah dan Aliyah
6	PPKN	1, 2, 3 Tsanawiyah dan Aliyah
7	Ekonomi	1, 2, 3 Tsanawiyah dan Aliyah
8	Geografi	1, 2, 3 Tsanawiyah dan Aliyah
9	Sosiologi	3 Aliyah
10	Sejarah Nasional	1, 2, 3 Tsanawiyah dan Aliyah
11	Seni Budaya	1, 2, 3 Tsanawiyah
12	Pendidikan Jasmani	1, 2, 3 Tsanawiyah dan Aliyah
13	Bahasa Inggeris	1, 2, 3 Tsanawiyah dan Aliyah

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tentang kurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tahun 2012.

Jadual di atas menunjukkan bahawa Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup memasukkan pendidikan umum dalam sistem pelajarannya yang dilaksanakan di sebelah pagi seperti sekolah umum lainnya dan pendidikan pesantren pada sebelah petang. Berbeza dengan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhlasiyah Mukhtariyah Ambai yang mengabungkan semua kurikulum, Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup membatasi waktu bagi pendidikan umum sehingga waktu menjelang solat Zohor dan kurikulum pendidikan akhlak dan sejarah Islam digabungkan dalam pendidikan umum. Selepas Zohor hanya digunakan bagi aktiviti kurikulum pondok pesantren dan kokurikulum sehingga ke malam hari.

Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup melaksanakan kurikulum umum dan meletakan subjek-subjek sesuai dengan tingkatan kelas. Subjek-subjek pelajaran umum yang wajib dilaksanakan seperti Bahasa Indonesia, PPKN, Matematik dan IPA diterapkan dari tingkatan Tsanawiyah kelas 1 sehingga ke kelas 3 Aliyah. Subjek kimia dan sosiologi tidak diajarkan di tingkat Tsanawiyah sesuai dengan peraturan umum

Pendidikan Nasional Indonesia bahawa subjek tersebut hanya diajarkan pada tingkat aliyah atau pada sekolah umum adalah pada tingkat sekolah menengah umum (SMU) dan juga disesuaikan dengan ketentuan pondok pesantren tersebut. Subjek yang lainnya diterapkan menurut kehendak Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup dengan adanya pengurangan waktu yang tidak sama dengan waktu pada sekolah umum biasanya dan tetap disesuaikan dengan aturan-aturan daripada sekolah umum serta disesuaikan dengan tingkatan kelas. Hal ini bagi mencapai daripada tujuan utama pondok pesantren iaitu menjadikan pendidikan Islam sebagai pendidikan utama.

4.4.4 Kurikulum Pendidikan Umum di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum

Pondok Pesantren Raudlatul Ulum menggunakan kurikulum yang sama dengan kurikulum di madrasah atau sekolah-sekolah umum lainnya iaitu kurikulum yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kementerian Agama dan Jabatan Kementerian Pendidikan Nasional Indonesia. Pondok pesantren Raudlatul Ulum telah menyelenggarakan pendidikan umum sejak awal penubuhannya sehingga sekarang dan kurikulum pendidikan pondok pesantren yang ditetapkan sendiri oleh pondok pesantren tersebut. Menurut Ustaz Drs Sunarto, “....bahawa yang paling ditonjolkan dalam kurikulum Pondok Pesantren Raudlatul Ulum adalah tetap pembelajaran yang berbasis agama, ini dilakukan untuk menstabilkan identitas bahawa pendidikan pondok pesantren Raudlatul Ulum adalah pendidikan yang mengutamakan pendidikan Islam dan mengutamakan tujuan daripada pondok pesantren itu sendiri”.²³⁶

Walaupun kurikulum yang paling ditekankan oleh Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro adalah pengetahuan-pengetahuan agama, namun kurikulum umum yang dikeluarkan oleh Kerajaan Indonesia untuk madrasah menjadi kurikulum wajib dijalankan oleh pondok pesantren Raudlatul Ulum. Untuk lebih jelasnya dapat kita lihat

²³⁶Drs. Sunarto, dalam temu bual dengan penulis, 19/05/2012.

jadual kurikulum pendidikan umum di pondok pesantren Raudlatul Ulum sebagai berikut:

Jadual 4.7. Kurikulum Pendidikan Umum Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro Tahun 2012

No.	Nama Mata Pelajaran	Kelas
1	Matematika	1, 2, 3 Tsanwiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
2	B. Indonesia	1, 2, 3 Tsanwiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
3	PPKN	1, 2, 3 Tsanwiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
4	Fizik	Aliyah
5	Kimia	Aliyah
6	Biologi	1, 2, 3 Tsanwiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
7	Ekonomi	1, 2, 3 Tsanwiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
8	Geografi	1, 2, 3 Tsanwiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
9	Sejarah Nasional	1, 2, 3 Tsanwiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
10	Sosiologi	2 dan 3 Aliyah
11	Pendidikan jasmani	1, 2, 3 Tsanwiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
12	Seni Budaya	1, 2, 3 Tsanwiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
13	TIK	Aliyah

Sumber : Dokumentasi Pondok Pesantren Raudlatul Ulum tentang Kurikulum Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Tahun 2012.

Jadual di atas menunjukkan bahawa Pondok Pesantren Raudlatul Ulum juga menerapkan kurikulum umum di dalam pendidikannya sama seperti Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai dan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup. Pondok pesantren ini juga membatasi jam pengajaran bagi subjek-subjek pelajaran tertentu seperti seni budaya dalam pendidikan umum diajar 3 jam pelajaran namun di pondok pesantren ini hanya mengajar pendidikan seni budaya dalam 1 jam pelajaran dalam satu minggu. Namun, kurikulum umum yang mengikuti aturan pendidikan umum adalah pelajaran penting seperti Matematik, bahasa Indonesia, PPKN, dan IPA, tidak dikurangi jam pembelajaran. Pondok pesantren tetap pada tujuan dasar sebagai sekolah yang prioritinya adalah pendidikan agama tetapi menerapkan kurikulum umum. Menurut ustaz Sunarto, "...diterapkan kurikulum umum pada pondok pesantren ini bertujuan agar santri mendapat persamaan status dan ijazah, yang diiktiraf oleh

pemerintah untuk mendapat persamaan status yang sah setaraf dengan pelajar umum serta diakui oleh pemerintah dan membolehkan para santri melanjutkan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi.”²³⁷

4.4.5 Kurikulum Pendidikan Umum di Pondok Pesantren Darunnajah

Bumbun Duri

Kurikulum di Pondok Pesantren Darunnajah telah mengalami banyak perubahan sejak ditubuhkan kerana pondok pesantren ini selalu merealisasikan ke arah yang lebih baik dan tidak meninggalkan tujuan daripada pendidikan pondok pesantren yang berbasis pendidikan Islam. Pondok pesantren ini merupakan sebuah pondok pesantren tradisional sejak awal penubuhannya. Kemudian pondok pesantren ini mengikuti perkembangan dengan memasukkan sistem pendidikan madrasah dan secara otomatis (*automatic*) sistem kurikulum pun berubah. Kurikulum yang diterapkan dalam Pondok Pesantren Darunnajah mencakup pelajaran agama dan pelajaran umum yang terintegrasi sama seperti kurikulum pondok pesantren lainnya yang terdapat di Daerah Kerinci yang mempunyai kurikulum sendiri di samping kurikulum pendidikan umum yang ditetapkan oleh Depertemen Agama Republik Indonesia.

Pondok pesantren Darunnajah sempurna menerapkan kurikulum pendidikan umum dalam pelajarannya iaitu dengan menyatukan waktu pendidikan umum dengan pendidikan pondok pesantren itu sendiri yang dilaksanakan secara bersamaan. Setiap hari santri mendapatkan pelajaran secara formal selama 7 jam pelajaran dalam 1 hari, setiap 1 jam pelajaran disamakan dengan 45 minit dan 25 minit istirahat, yang bermula dari pukul 8 pagi sehingga pukul 4 petang. Di luar jam formal tersebut, santri juga mendapatkan pengajaran kokurikulum dan kursus-kursus yang boleh diikuti sesuai

²³⁷ *Ibid.*, Drs. Sunarto, temubual dengan penulis, 19/05/2012.

dengan minat dan kemampuan santri itu sendiri. Berikut merupakan kurikulum pendidikan umum di Pondok Pesantren Darunnajah Bumbum Duri:

Jadual 4.8. Kurikulum Pendidikan Umum Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri Tahun 2012

No.	Subjek Pelajaran	Kelas
1	Matematika	Tsanawiyah dan Aliyah
2	Bahasa Indonesia	Tsanawiyah dan Aliyah
3	PPKN	Tsanawiyah dan Aliyah
4	Ekonomi	Aliyah
5	Kimia	Aliyah
6	Biologi	Tsanawiyah dan Aliyah
7	Fizik	Tsanawiyah dan Aliyah
8	Geografi	Tsanawiyah dan Aliyah
9	Sejarah Nasional	Tsanawiyah dan Aliyah
10	TIK	Aliyah
11	Sosiologi	Aliyah
12	Pendidikan jasmani	Tsanawiyah dan Aliyah
13	Seni Budaya	Tsanawiyah dan Aliyah

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri Tentang Kurikulum Pendidikan Umum Tahun 2012.

Jadual di atas juga menunjukkan bahawa Pondok Pesantren Darunnajah Bumbum Duri tidak menerapkan kurikulum kimia, TIK dan sosiologi di tingkatan Tsanawiyah melainkan hanya diterapkan pada tingkat Aliyah sahaja. Subjek-subjek tersebut selain dengan peraturan umum yang digunakan dalam pendidikan umum dan juga disesuaikan dengan keinginan pondok seperti subjek ekonomi yang diterapkan oleh sekolah umum pada tingkat sekolah menengah pertama yang setingkat dengan Tsanawiayah tetapi tidak diterapkan di Pondok Pesantren Darunnajah Bumbum Duri bertujuan mengurangi pendidikan umum dan dapat lebih memfokus pada pendidikan pondok pesantren.

4.5 Kurikulum Pendidikan Islam di Pondok Pesantren di Distrik Kerinci

Sebelum ini penulis telah bincangkan tentang kurikulum pendidikan umum di Kerinci Jambi yang perlu diterapkan di dalam kurikulum pondok pesantren. Bagi

kurikulum pendidikan Islam di pondok pesantren pula, kurikulum yang digunakan adalah kurikulum pendidikan umum dan kurikulum yang disusun sendiri oleh pondok pesantren. Pada umumnya pendidikan dalam pondok pesantren di Kerinci diwujudkan dalam bentuk penentuan kitab-kitab yang digunakan dan disesuaikan dengan tingkat ilmu pengetahuan santri serta ustaz yang mengajarkannya. Kitab-kitab diberikan kepada pelajar pondok pesantren adalah jenis-jenis kitab tertentu dan santri akan berusaha untuk menyelesaikan dalam satu tahun pelajaran dengan ukuran waktu dan wajib menguasai topik-topik yang telah diajarkan sebelum tahun pelajaran berikutnya. Abdurrahman Wahid menyatakan, "...bahawa pondok pesantren berkesempatan menyusun kurikulumnya sendiri sepenuhnya atau sebahagian sesuai dengan kebutuhan dan kemampuannya, bahkan pada pesantren yang telah memasukkan pendidikan umum."²³⁸

Berdasarkan dapatan kajian dan observasi yang penulis lakukan di keempat-empat pondok pesantren di distrik kerinci, dapatlah disimpulkan bahawa kurikulum pendidikan Islam di pondok pesantren di Kerinci mempunyai kurikulum yang sama sebagaimana dengan hasil keputusan seminar pondok pesantren pada tahun 1966. Adapun kurikulum tersebut adalah seperti yang akan diterangkan di halaman seterusnya.

Jadual di bawah jelas menunjukan bahawa secara umumnya pondok pesantren di Distrik Kerinci Jambi melaksanakan atau menggunakan kurikulum pondok pesantren yang diputuskan dalam seminar pondok pesantren pada tahun 1966.²³⁹ Walaupun begitu, penentuan kurikulum, kitab-kitab dan batas-batas penyelesaian kajian adalah mengikuti aturan sendiri yang ditentukan oleh penyelenggara pondok pesantren.

²³⁸ Abdurrahman Wahid, *Menggerakkan Tradisi Esai-esai Pesantren* (Yogyakarta : LKis, 2001), 109.

²³⁹ Lihat kembali halaman 115 tentang kurikulum pondok pesantren secara umumnya.

Adapun subjek-subjek yang tidak terdapat di pondok pesantren di Kerinci adalah al-insya'i, al-Mantiq dan al-Maqulat.

Jadual 4.9. Analisis Kurikulum Pendidikan Islam di Pondok Pesantren di Daerah Kerinci

No.	Mata Pelajaran	PP. Jamiatul Ikhaniyah Mukhtariyah Ambai	PP. Nurul Haq Semurup	PP. Raudlatul Ulum Kayu Aro	PP. Darunnajah Bumbun Duri
1	<i>Allughatul a. Arobiyah Annahwu b. Ashsharfu c. Al qirratu wal Munthalaah</i>	✓	✓	✓	✓
2	<i>Ilmu tafsir</i>	✓	✓	✓	✓
3	<i>Hadith</i>	✓	✓	✓	✓
4	<i>Aqidah</i>	✓	✓	✓	✓
5	<i>Al Ahlaaq</i>	✓	✓	✓	✓
6	<i>Ushulul Fiqh</i>	✓	✓	✓	✓
7	<i>Attauhid</i>	✓	✓	✓	✓
8	<i>Tarikhul Islam</i>	✓	✓	✓	✓
9	<i>Al-Fiqh</i>	✓	✓	✓	✓
10	<i>Pengajian diri</i>			✓	
11	<i>mahfuzot</i>	✓	✓	✓	✓
12	<i>Fiqh ushuluddin</i>	✓	✓		
13	<i>Al Imla'</i>	✓	✓		
14	<i>Khat</i>	✓	✓	✓	✓
15	<i>Al-Qur'an</i>	✓	✓	✓	✓
16	<i>Balaghah</i>	✓			
17	<i>Naghom</i>			✓	
18	<i>Tasawuf</i>	-	-	✓	
19	<i>Rohani Islam</i>	✓			✓

Sumber : Rangkuman kurikulum pendidikan Islam di pondok pesantren di Kerinci.

Berdasarkan jadual di atas, terdapat sebahagian kurikulum atau mata pelajaran yang ditambah atau digugurkan oleh pondok pesantren di Kerinci. Sebagai contoh di pondok pesantren Jamiatul Ikhaniyah Mukhtariyah Ambai tidak terdapat kurikulum pengajian diri, naghom dan tasauf, manakala Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tidak terdapat mata pelajaran balaghah, pengajian diri, rohani Islam dan tasauf. Pondok pesantren Raudlatul Ulum pula tidak menerapkan kurikulum fiqh usuluddin, imlak, dan rohani Islam dan Pondok Pesantren Darunnajah tidak menerapkan kurikulum

pendidikan fiqh, usuluddin, naghom,²⁴⁰ pengajian diri,²⁴¹ imlak, dan tasauf. Penerapan kurikulum ini bergantung kepada pondok pesantren masing-masing dengan menyesuaikan keadaan santri, tenaga ustaz dan waktu yang ada.

Berdasarkan pengamatan dan dapatan kajian dalam pelaksanaan pendidikan dan penerapan kurikulum pondok pesantren terdapat perbezaan waktu pembelajaran serta kitab-kitab yang dipakai dalam pelajaran-pelajaran tertentu, antara satu pondok pesantren dengan pondok pesantren lainnya. Sebagai contoh mata pelajaran bahasa Arab dilaksanakan sebanyak 12 jam dalam satu minggu pelajaran di Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai sedangkan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup hanya melaksanakan 10 jam sahaja. Manakala jumlah kitab dan bidang yang akan diajarkan dalam satu masa bergantung pada penyelenggara pondok pesantren dan guru sepenuhnya pada pondok pesantren masing-masing.

4.5.1 Kurikulum Pendidikan Islam di Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai

Kurikulum pondok pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai mengikuti kurikulum pendidikan yang sesuai dengan keputusan seminar pondok pesantren di Indonesia pada tahun 1966. Kurikulum Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai di dalam penerapannya menyatukan waktu dengan kurikulum pendidikan umum yang dilaksanakan bermula pada pukul 8 pagi dan berakhir pada pukul 4 petang dengan beberapa kali waktu yang diluangkan untuk istirahat. Setiap satu pelajaran diperhitungkan sama dengan 45 minit, dan setiap pelajaran ada yang menggunakan waktu 3 jam pelajaran dan ada yang hanya 1 jam pelajaran sahaja, namun fokus pelajarannya adalah kurikulum pendidikan agama.

²⁴⁰Pelajaran Naghom adalah mata pelajaran tilawah al-Qur'an.

²⁴¹Mata pelajaran pengajaran diri ialah ilmu tentang kerohanian mengenal diri sebagai makhluk Allah dengan menguatkan kesadaran pelajar akan penciptannya.

Kurikulum agama yang dilaksanakan oleh pondok pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai adalah sebagai berikut:

Jadual 4.10. Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai

No.	Subjek Pelajaran	Diajarkan di Kelas
1.	Bahasa Arab : a. Nahu b. Soraf c. Mutalaah	1, 2, 3 Tsanawiyah dan 1, 2,3, Aliyah
2.	Ilmu Tafsir	1, 2, 3 Tsanawiyah dan 1, 2,3, Aliyah
3.	Al-Qur'an	1, 2, 3 Tsanawiyah dan 1, 2,3, Aliyah
4.	Ulumul Al-Qur'an	1, 2, 3 Aliyah
5.	Hadith	1, 2, 3 Tsanawiyah dan 1, 2,3, Aliyah
6.	Ulumul Hadith	1, 2, 3 Aliyah
7.	Fiqh	1, 2, 3 Tsanawiyah dan 1, 2,3, Aliyah
8.	Ushul Fiqh	1, 2, 3 Aliyah
9.	Tauhid	1, 2,3, Aliyah
10.	Aqidah	1, 2, 3 Tsanawiyah dan 1, 2,3, Aliyah
11.	Mahfuzot	1, 2, 3 Tsanawiyah dan 1, 2,3, Aliyah
12.	Imla'	3 Tsanawiyah dan 1, 2,3 Aliyah
13.	Khot	1, 2, 3 Tsanawiyah dan 1, 2,3, Aliyah
14.	Balagah	1, 2,3, Aliyah
15.	Rohani Islam	1, 2,3, Aliyah
16.	Tarikh Islam	1, 2, 3 Tsanawiyah dan 1, 2,3, Aliyah
17.	Akhlik	1, 2, 3 Tsanawiyah dan 1, 2,3, Aliyah

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai tentang kurikulum pondok pesantren tahun 2012.

Jadual di atas merupakan kurikulum pendidikan Islam yang diterapkan di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtraiyah Ambai. Penerapan subjek-subjek banyak dilaksanakan di tingkatan Aliyah manakala tingkatan Tsanawiyah hanya diberikan subjek-subjek ilmu dasar sahaja. Kurikulum pendidikan Islam yang diterapkan pada tingkatan Aliyah ialah subjek 'ulumul al-Qur'an, 'ulumul hadith, ushul fiqh, tauhid, balagah dan rohani Islam yang tidak diajarkan pada tingkatan Tsanawiyah. Menurut Syukurman SPd, "...bahawa tingkatan aliyah waktu pelajaran lebih dipadatkan dan bahkan ada kelas tambahan satu tahun agar pelajar benar-benar menguasai

pengetahuan agama, kelas tambahan ini tidak diwajibkan tergantung kepada santri untuk mengikutinya.”²⁴²

Berdasarkan pemerhatian penulis, pondok pesantren ini masih menjadikan kitab kuning sebagai kitab yang dipelajari, tetapi kitab kuning dipelajari pada waktu malam dan pada malam-malam tertentu dengan metode *bendongan*²⁴³ di sebuah aula pondok pesantren. Juga dalam sebahagian kitab-kitab panduan bagi setengah ustaz masih menjadikan kitab kuning sebagai bahan rujukan pada saat melaksanakan pengajaran di kelas-kelas tertentu dan pada pelajaran tertentu pula. Pondok pesantren ini juga lebih banyak mengadopsi (mengambil secara sah) kurikulum pondok-pondok besar di Pulau Jawa sebagai rujukan dan panduan.

4.5.2 Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup

Kurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup seperti juga kurikulum pondok pesantren lainnya yang menjadikan fokus pendidikannya adalah pemahaman tentang agama Islam. Dalam penerapan kurikulum, para ustaz Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup sebahagiannya masih mengekalkan kitab kuning sebagai kitab rujukan iaitu dengan mengabungkan kitab-kitab kuning dengan kitab-kitab yang diterbitkan pada zaman sekarang dengan metode pengajaran mengikuti metode moden. Selain itu pondok pesantren ini mengadakan pengajian kitab kuning pada malam hari dengan subjek-subjek yang sesuai dengan kurikulum di atas.

Pendidikan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup melaksanakan kurikulum pondok pesantren pada sebelah petang iaitu selepas solat zohor dengan tambahan pada

²⁴²Sukurman SPd (Kaur Kurikulum Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai), dalam temu bual dengan penulis, 12 April 2012.

²⁴³Lihat kembali metode pembelajaran pondok pesantren pada bab II.

waktu malam hari dengan pembelajaran kitab kuning yang sesuai dengan subjek kajian pondok pesantren. Adapun kurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup dapat diperhatikan dalam jadual di bawah ini seperti berikut:

Jadual 4.11. Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup

No.	Subjek Pelajaran	kelas
1.	Bahasa Arab : a. Nahu b. Soraf c. Mutalaah	Tsanawiyah dan Aliyah
2.	Tafsir	Aliyah
3.	Al-Qur'an	Tsanawiyah dan Aliyah
4.	Aqidah	Aliyah
5.	Hadith	Tsanawiyah dan Aliyah
6.	Usul Fiqh	Aliyah
7.	Fiqh	Tsanawiyah dan Aliyah
8.	Tauhid	Tsanawiyah dan Aliyah
9.	Akhlaak	Tsanawiyah dan Aliyah
10.	Imla'	Tsanawiyah dan Aliyah
11.	Tarikh Islam	Tsanawiyah dan Aliyah
12.	Khat	Tsanawiyah dan Aliyah
13.	Mahfuzot	Tsanawiyah dan Aliyah

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, tentang kurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup 2012.

Jadual di atas menunjukan bahawa dalam penerapan kurikulum pendidikan Islam di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup banyak diterapkan dan difokuskan kepada santri tingkatan Aliyah dan yang menjadi tambahan pada tingkatan Aliyah adalah subjek tafsir, ‘aqidah dan ushul fiqh. Manakala subjek yang terdapat di dalam jadual di atas telah diajarkan dari tingkat Tsanawiyah. Kurikulum di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup disesuaikan dengan tingkatan santri serta waktu pembelajaran. Pada tingkatan Aliyah subjek yang diajarkan berdasarkan kitab-kitab yang dalam pengajiannya sedangkan pada tingkatan Tsanawiyah pembelajaran dan kitab yang dijadikan rujukan adalah kitab-kitab pembelajaran dasar sahaja dan belum terdapat pengajian yang mendalam.

4.5.3 Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Raudlatul Ulum

Sebagai sebuah pondok pesantren dengan keutamaan dan tujuan asas adalah pendidikan agama Islam Pondok Pesantren Raudlatul Ulum mempunyai kurikulum pendidikan agama Islam tersendiri dan menjadikan kurikulum agama sebagai pelajaran penting dalam pondok pesantren tersebut. Jadi kurikulum pendidikan Islam di pondok Pesantren Raudlatul Ulum merupakan alat untuk mendidik para pelajar agar tercapai tujuan pendidikan yang berasas pendidikan agama Islam. Pondok Pesantren Raudlatul Ulum tidak berbeza dengan pondok pesantren yang ada di distrik Kerinci khasnya dan pondok-pondok pesantren lainnya yang ada di Indonesia seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.12. Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Raudlatul Kayu Aro

No.	Subjek Pelajaran	Kelas
1	Bahasa Arab : a. Nahu b. Soraf c. Mutalaah	Tsanawiyah dan Aliyah
2	Tafsir	Aliyah
3	Al-Qur'an	Tsanawiyah dan Aliyah
4	Aqidah	Tsanawiyah dan Aliyah
5	Hadith	Tsanawiyah dan Aliyah
6	Usul Fiqh	Aliyah
7	Fiqh	Tsanawiyah dan Aliyah
8	Tauhid	Tsanawiyah dan Aliyah
9	Akhlik	Tsanawiyah dan Aliyah
10	Pengajian Diri	Aliyah
11	Tasauf	Aliyah
12	Naghom	Tsanawiyah dan Aliyah
13	Tarikh Islam	Tsanawiyah dan Aliyah
14	Mahfuzot	Tsanawiyah dan Aliyah
15	Khat	Tsanawiyah dan Aliyah

Sumber : Dokumentasi Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Tentang Kurikulum Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro 2012.

Sebagaimana pondok-pondok pesantren yang terdapat di Distrik Kerinci, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro juga sempurna mengikuti kurikulum yang dikeluarkan oleh keputusan seminar pondok pesantren pada tahun 1966. Namun, terdapat perbezaan di antara Pondok Pesantren Raudlatul Ulum dengan kurikulum

pondok pesantren lainnya kerana pondok pesantren ini lebih mengutamakan penghayatan rohani Islam dengan menambahkan beberapa kurikulum yang tidak terdapat pada pondok pesantren lainnya seperti subjek tasawuf, naghom dan pengajian diri. Adapun jadual di atas menunjukkan bahawa pondok pesantren ini menerapkan subjek tafsir, usul fiqh, pengajian diri dan tasauf pada tingkatan Aliyah. Subjek-subjek lainnya diterapkan sejak tingkatan Tsanawiyah sehingga ke tingkat Aliyah.

Dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum menyatukan waktu pelaksanaan kurikulum pendidikan umum dengan kurikulum pendidikan Islam yang dilaksanakan pada pukul 8 pagi sehingga 4 petang. Seperti pondok pesantren yang telah dibincangkan sebelum ini, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum juga mengurangi jam kegiatan bagi beberapa subjek pembelajaran umum yang tidak begitu penting seperti seni budaya, pendidikan sejarah nasional, pendidikan jasmani dan geografi.

4.5.4 Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri

Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri merupakan pondok pesantren moden, maka dari awal penubuhannya pondok pesantren ini tidak menggunakan kitab-kitab kuning sebagai buku panduan sebagaimana pondok-pondok pesantren lainnya yang ada di Daerah Kerinci. Pondok pesantren ini lebih mengarah pada kurikulum pendidikan dengan kitab-kitab moden kini. Sejak awal penubuhannya Pondok Pesantren Darunnajah menggunakan kitab rujukan dalam mengajarkan santrinya adalah kitab-kitab yang diterbitkan pada zaman sekarang. Kurikulum yang dilaksanakan oleh Pondok Pesantren Darunnajah sama dengan kurikulum yang digunakan oleh pondok pesantren lainnya yang terdapat di Kerinci, adapun kurikulum yang dilaksanakan Pondok Pesantren Darunnajah seperti berikut:

Jadual 4.13. Kurikulum Pendidikan Islam Pondok Pesantren Darunnajah Tumbuh Duri

No.	Subjek Pelajaran	Kelas
1	Bahasa Arab : <ul style="list-style-type: none"> a. Nahu b. Soraf c. Mutalaah 	Tsanawiyah dan Aliyah
2	Tafsir	Aliyah
3	Al-Qur'an	Tsanawiyah dan Aliyah
4	Aqidah	Tsanawiyah dan Aliyah
5	Hadith	Tsanawiyah dan Aliyah
6	Usul Fiqh	Aliyah
7	Fiqh	Tsanawiyah dan Aliyah
8	Tauhid	Tsanawiyah dan Aliyah
9	Akhlaak	Tsanawiyah dan Aliyah
11	Tarikh Islam	Tsanawiyah dan Aliyah
12	Mahfuzot	Tsanawiyah dan Aliyah
13	Khat	Tsanawiyah dan Aliyah
14	Rohani Islam	Aliyah

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri tentang kurikulum Pondok Pesantren Darunnajah.

Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri dalam menerapkan kurikulumnya memfokus kepada santri tingkatan Aliyah. Berdasarkan jadual di atas Pondok Pesantren Darunnajah Tumbuh Duri sempurna melaksanakan kurikulum yang dikeluarkan pada seminar pondok pesantren di Indonesia pada tahun 1966. Dalam penerapan kurikulum, semua kurikulum diajar kepada pelajar dengan kitab yang digunakan disesuaikan dengan tingkat atau kelas santri. Ada beberapa kurikulum yang hanya diajar pada tingkatan Aliyah sahaja seperti kurikulum tafsir, usul fiqh dan rohani Islam. Mayarto menyatakan bahawa, "kurikulum yang hanya digunakan pada tingkatan Aliyah ini kerana memandang pelajar pada tingkatan ini harus lebih menguasai kurikulum yang telah diajarkan dan ditambah dengan beberapa kurikulum kerana mereka akan meninggal pondok pesantren ini."²⁴⁴

²⁴⁴Ustaz Mayarto (Wakil Pimpinan Bahagian Sastri Pondok Pesantren Darunnajah), dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2012.

4.6 Kokurikulum di Pondok Pesantren Daerah Kerinci

Kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum asas, kegiatan atau aktiviti selain mata pelajaran pokok yang diajarkan.²⁴⁵ Kokurikulum juga disebut dengan sekolah non-formal dalam undang-undang pendidikan Nasional Republik Indonesia dalam sistem pendidikan nasional tentang pendidikan non-formal, dalam fasil 26, ayat 1-3 yang jelas dinyatakan tentang pendidikan non formal seperti berikut:

1. Pendidikan nonformal diselenggarakan bagi warga masyarakat yang memerlukan layanan pendidikan yang berfungsi sebagai penganti, penambah, dan/pelengkap pendidikan formal dalam rangka mendukung pendidikan sepanjang hayat.
2. Pendidikan nonformal berfungsi mengembangkan potensi peserta didik dengan penekanan pada penguasaan pengetahuan dan keterampilan fungsional serta pengembangan sikap dan kepribadian professional.
3. Pendidikan nonformal meliputi pendidikan kecakapan hidup, pendidikan anak usia dini, pendidikan kepemudaan, pendidikan pemberdayaan perempuan, pendidikan keaksaraan, pendidikan keterampilan dan pelatihan kerja, pendidikan kesetaraan, serta pendidikan lain yang ditujukan untuk mengembangkan kemampuan peserta didik.²⁴⁶

Dalam perkara ini, pondok pesantren di Kerinci telah berusaha melakukan pengelolaan pendidikan dengan baik dalam usaha meningkatkan kualiti santri pondok pesantren tersebut dengan mengabungkan pendidikan umum dan pendidikan Islam di mana pendidikan yang bersifat klasik masih dipertahankan dalam pendidikan pondok pesantren di Kerinci. Selain daripada kurikulum umum dan kurikulum pendidikan Islam, pondok pesantren di Kerinci turut memberikan pelajaran kokurikulum. Maksud dari kokurikulum ini menurut Abdurrahman Wahid adalah sebagai sarana memperoleh keterampilan yang diperlukan untuk hidup atas kaki sendiri dalam kehidupan setelah keluar dari pesantren.²⁴⁷ Pondok pesantren di Kerinci telah membuka ruang bagi pelajar untuk membekalkan diri dengan keterampilan-keterampilan yang diajarkan oleh pondok

²⁴⁵*Kamus Dewan*, 804.

²⁴⁶Departemen Pendidikan Nasional Republik Indonesia, *Undang-undang Tentang Sistem Pendidikan Nasional* (Bandung: Citra Umbara, 2003).

²⁴⁷Abdurrahman, *Mengerakkan Tradisi*, 115.

pesantren. Setiap pelajar diharapkan mengambil beberapa kokurikulum yang bersifat keterampilan dan kesukanan yang sangat bererti bagi pelajar pondok pesantren di Kerinci bertujuan agar pelajar dapat berdikari setelah menamatkan pengajian di pondok pesantren. Kokurikulum yang dilaksanakan oleh pondok pesantren di Daerah Kerinci adalah sebagai berikut :

Jadual 4.14 . Analisis Kokurikulum Pondok Pesantren di Daerah Kerinci

No.	Mata Pelajaran	PP. Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai	PP. Nurul Haq Semurup	PP. Raudlatul Ulum Kayu Aro	PP. Darunnajah Tumbuh Duri
1.	<i>Home Industry</i>	✓	✓	✓	✓
2.	Kursus Memasak				✓
3.	Pertanian	✓	✓	✓	✓
4.	Perikanan		✓		
5.	Pertukangan	✓	✓	✓	
6.	peternakan	✓		✓	✓
7.	<i>Welding</i> dan <i>Montir</i>	✓	✓	✓	
8.	Menjahit	✓	✓	✓	✓
9.	Kursus B. Ingeris	✓	✓	✓	✓
10.	Kursus B. Arab	✓	✓	✓	✓
11.	Kursus Kumputer	✓	✓	✓	✓
12.	Tajwid	✓	✓	✓	✓
13.	Hifzil Al-Qur'an	✓			
14.	Pidato	✓	✓	✓	✓
15.	Ceramah	✓	✓	✓	✓
16.	Olah Raga	✓	✓	✓	✓
17.	Karate	✓			
18.	Silat	✓		✓	
19.	Kepramukaan ²⁴⁸	✓	✓	✓	✓
20.	Kelompok Santri	✓	✓	✓	✓

Sumber: Rangkuman kokurikulum pondok pesantren di Kerinci 2012.

Jadual di atas merupakan data tentang kokurikulum yang menjadi subjek kajian ini. Terdapat 20 subjek kokurikulum yang dilaksanakan di pondok pesantren di kerinci dan hampir kesemua subjek diajarkan kepada pelajar di keempat-empat pondok pesantren. Namun, terdapat beberapa subjek yang tidak diajar di pondok pesantren tertentu seperti subjek memasak hanya diajar di Pondok Pesantren Darunnajah, subjek

²⁴⁸ Kepramukaan (*Boy Scouts*) adalah kegiatan bagi anak muda dalam membina kepercayaan diri, keberanian dan ketangguhan diri.

perikanan di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup kerana pondok pesantren tersebut mempunyai lokasi untuk pembiakan ikan, Hifzil al-Qur'an dan silat hanya diajarkan di Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai. Adapun kurikulum yang diwajibkan untuk diikuti bagi pelajar adalah kursus bahasa Arab, bahasa Inggeris, dan komputer. Bagi kurikulum yang bersifat kemahiran atau keterampilan, para pelajar disyorkan untuk mengikuti subjek kurikulum dalam 2 - 4 buah subjek yang dipilih sendiri oleh pelajar.

Kurikulum pendidikan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris merupakan kurikulum utama dalam pondok pesantren di kerinci, namun begitu kedua-dua subjek ini tetap dimasukkan ke dalam kurikulum. Tujuannya ialah supaya pelajar lebih menguasai bahasa Arab dan bahasa Inggeris kerana bahasa adalah merupakan sumber ilmu pengetahuan.²⁴⁹ Berdasarkan pengamatan dan temu bual, kursus bahasa Arab dan bahasa Inggeris dilaksanakan sebanyak 3 kali seminggu di luar waktu pembelajaran pendidikan umum dan pendidikan pondok pesantren.

Walaupun kurikulum ini sifatnya ialah subjek pelajaran tambahan, pimpinan Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai, H. Ahmad Mukhtar Ba, menyatakan bahawa, "pendidikan kurikulum ini selalu kami pantau agar pelajar benar-benar mengikuti dan meluangkan kesempatan untuk mendapatkan perhatian dari kegiatan ini agar berguna bagi mereka nanti setelah keluar dari pondok ini (pondok pesantren Jamiyatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai)." ²⁵⁰

²⁴⁹ Ustaz Abdul Qadir, dalam temu bual dengan penulis, 13 Jun 2012

²⁵⁰ H. Ahmad Mukhtar, dalam temu bual dengan penulis, 14 Mar 2010.

4.6.1 Kokurikulum Pondok Pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhtariyah

Ambai

Pondok Pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhtariyah Ambai turut melaksanakan kurikulum bagi pelajar sebagai pelajaran tambahan yang lebih difokuskan kepada pendidikan keterampilan. Adapun kurikulum yang terdapat di Pondok Pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhtariyah Ambai semuanya dikelola oleh Organisasi Pelajar Pondok Pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhtariyah Ambai (OPPJIMA) dengan dibimbing oleh ustaz dan tenaga pengajar dari jabatan tertentu. Kurikulum yang terdapat di Pondok Pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhtariyah Ambai adalah seperti berikut:

Jadual 4.15. Kokurikulum Pondok Pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhtariyah Ambai

No.	Nama Subjek Kokurikulum	Kelas
1.	<i>Home Industry</i>	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
2.	Pertanian	1, 2, 3 Aliyah
3.	Pertukangan	1, 2, 3 Aliyah
4.	Peternakan	1, 2, 3 Aliyah
5.	<i>Welding</i>	1, 2, 3 Aliyah
6.	Menjahit	1, 2, 3 Aliyah
7.	Kursus Bahasa Arab	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
8.	Kursus Bahasa Ingeris	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
9.	Kursus Kumputer	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
10.	Tajwid	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
11.	Hifzil Al-Qur'an	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
12.	Latihan Pidato	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
13.	Latihan Ceramah	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
14.	Karate	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
15.	Silat	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
16.	Kelompok Santri	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
17.	Kepramukaan	1, 2, 3 Tsyawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhtariyah Ambai tentang kurikulum pondok pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhtariyah Ambai.

Dalam pelaksanaan pendidikan kurikulum ini, terdapat 17 kurikulum yang diterapkan oleh Pondok Pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhtariyah Ambai. Dalam melaksanakan kurikulum, pihak pondok pesantren ini bekerjasama dengan jabatan

yang ada di Kerinci. Bagi subjek seperti *home industry*, *welding*, pertukangan dan menjahit, pondok pesantren ini bekerjasama dengan Depertemen Sosial Daerah Kabupaten Kerinci yang datang seminggu sekali ke Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai dengan pelaksanaan pendidikan pada hari cuti sekolah iaitu pada hari Jumaat di sebelah pagi. Bagi kurikulum pertanian dan penternakan, pihak pondok pesantren mengadakan kerjasama dengan Dinas Pertanian dan Penternakan Daerah Kabupaten Kerinci yang akan memberikan bimbingan terhadap pelajar tentang pertanian dan peternakan. Dari 17 kurikulum di dalam jadual di atas, 5 di antaranya adalah kurikulum yang dikhaskan bagi tingkatan Aliyah yang dianggap oleh pondok pesantren sesuai untuk menerapkan pada tingkatan Aliyah sahaja.

Berdasarkan pemerhatian penulis dan hasil temu bual, dalam kurikulum pertanian setiap santri pondok pesantren mempunyai 5m persegi kebun untuk diusahakan sendiri dengan dipantau oleh ustaz. Pondok pesantren ini juga mempunyai kebun dan ternakan beberapa ekor lembu iaitu 23 ekor kesemuanya. Sedangkan kurikulum ceramah dan pidato dilaksanakan pada malam-malam tertentu selepas Isyak. Kurikulum silat dan karate pula dijadikan sebuah olah raga yang kebiasaannya diadakan menjelang magrib dan ustaz juga menentukan kelas-kelas tertentu dengan hari-hari yang telah dijadualkan.

4.6.2 Kurikulum Pendidikan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup

Kurikulum pondok pesantren Nurul Haq Semurup banyak bekerjasama dengan pihak Dinas Sosial Daerah dan Dinas Pertanian serta Peternakan Daerah Kabupaten Kerinci dalam menjayakan kegiatan kurikulum. Kurikulum di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup secara lebih jelas adalah seperti di dalam jadual berikut:

Jadual 4.16. Kokurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun 2012

No.	Subjek Kokurikulum	Kelas
1.	<i>Home Industry</i>	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
2.	Pertanian	Aliyah
3.	Perikanan	Aliyah
4.	Pertukangan	Aliyah
5.	<i>Welding</i> dan montir	Aliyah
6.	Menjahit	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
7.	Kursus Bahasa Ingeris	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
8.	Kursus Bahasa Arab	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
9	Pidato	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
10.	Ceramah	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
11.	Karate	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
12.	Olah Raga	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
13.	Kepramukaan	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
14.	Kelompok Santri	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah
15.	Kursus Kumputer	1, 2, 3 Tsyanawiyah dan 1, 2, 3 Aliyah

Sumber : Dokumentasi pondok pesantren Nurul Haq Semurup, tentang Kokurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tahun 2012.

Jadual di atas menyenaraikan 15 kegiatan kokurikulum yang terdapat di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup. Daripada jumlah keseluruhan, 11 kegiatan kokurikulum paling banyak dilaksanakan dan sesuai dengan semua tingkatan kelas iaitu *home industry*, menjahit, kursus bahasa Arab, pidato, ceramah, karate, olah raga, kepramukaan, kelompok santri dan kursus kumputer. Kokurikulum tersebut diajarkan kepada kelas 1, 2 dan 3 Tsanawiyah dan 1, 2 dan 3 Aliyah. Ini menunjukkan bahawa 11 subjek kokurikulum di atas merupakan subjek penting dan sesuai bagi tiap-tiap kelas sedangkan 4 daripadanya iaitu pertanian, perikanan, pertukangan serta welding dan montir (mekanik) hanya diterapkan pada tingkatan Aliyah sahaja kerana subjek kokurikulum ini merupakan subjek yang memerlukan kerja berat dan pemahaman yang sesuai bagi tingkatan aliyah.

Jadual di atas juga menunjukkan bahawa Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tidak menerapkan kegiatan perkebunan seperti Pondok Pesantren lain di Kerinci kerana berdasarkan pengamatan penulis pondok pesantren ini tidak mempunyai tanah untuk

berkebun serta tempat untuk penternakan. Walau bagaimanapun pondok pesantren ini melaksanakan kokurikulum perikanan kerana lokasinya yang merupakan dataran rendah dan hampir dengan perumahan penduduk serta pada sebelah barat bersempadan dengan sawah rakyat. Dalam kokurikulum perikanan, pondok pesantren memberikan tambakan ikan kepada pelajar berdasarkan pada kelas masing-masing, setiap kelas mempunyai sebuah kolam ikan yang diusahakan. Keseluruhannya, pondok pesantren ini mempunyai 8 kolam ikan yang berukuran kira-kira 12 M persegi dengan 2 kolam diusahakan oleh koperasi pondok pesantren.

4.6.3 Kokurikulum Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro

Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro mengambil satu langkah yang tepat dalam hal kurikulum yang diterapkan di pondok pesantren dengan menerapkan kurikulum umum dan kurikulum pendidikan Islam pondok pesantren serta kokurikulum. Dalam hal kokurikulum, langkah yang diambil oleh Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro adalah penerapan materi-materi keterampilan. Menurut ustaz Drs. Sunarto, “.....pelajar pondok pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro, di samping menguasai ilmu agama para pelajarpun bisa menguasai berbagai macam keterampilan”.²⁵¹

Setiap pendidikan di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro yang berhubungan dengan keterampilan dimasukkan ke dalam kategori kokurikulum. Dalam hal ini para pelajar wajib mengikuti dan berdasarkan hasil observasi dan temu bual tidak ada pelajar yang tidak mengikuti kokurikulum ini walaupun merupakan kurikulum tambahan. Adapun kokurikulum yang di berikan oleh Pondok Pesantren Raudlatul Kayu Aro adalah sebagai berikut:

²⁵¹Sunarto, temu bual dengan penulis, 19 Mei 2012.

Jadual 4.17. Kokurikulum Pondok Pesantren Raudlatul Ulum

No.	Subjek Pelajaran	Kelas
1.	<i>Home Industry</i>	Tsanawiyah dan Aliyah
2.	Pertanian	Tsanawiyah dan Aliyah
3.	las dan montir	Aliyah
4.	Menjahit	Tsanawiyah dan Aliyah
5.	Kursus Bahasa Ingeris	Tsanawiyah dan Aliyah
6.	Kursus Bahasa Arab	Tsanawiyah dan Aliyah
7.	Kursus Kumputer	Tsanawiyah dan Aliyah
8.	Ceramah	Tsanawiyah dan Aliyah
9.	Pidato	Tsanawiyah dan Aliyah
10.	Kepramukaan	Tsanawiyah dan Aliyah
11.	Kelompok Santri	Tsanawiyah dan Aliyah
12.	Karate	Tsanawiyah dan Aliyah
13.	Olah Raga	Tsanawiyah dan Aliyah

Sumber : Dokumentasi Pondok Pesantren Raudlatul Ulum tentang Kokurikulum di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro

Berdasarkan jadual di atas terdapat 13 kokurikulum yang dilaksanakan oleh Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro yang diajarkan pada semua tingkatan kelas. Jumlah kokurikulum yang dilaksanakan di pondok pesantren di Kerinci ditentukan oleh pondok pesantren itu sendiri dengan mensesuaikan lokasi, tenaga pengajar serta sarana yang ada di pondok tersebut. Pondok pesantren ini tidak banyak melaksanakan kokurikulum berbanding 17 kokurikulum bagi Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai dan 15 bagi Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup. Dalam senarai kokurikulum Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro, satu subjek kokurikulum hanya dikhaskan bagi pelajar tingkatan Aliyah sahaja iaitu las (*welding*) dan montir (mekanik) yang dianggap sesuai dengan tingkatan dan umur pelajar. Pondok Pesantren Raudlatul Ulum juga tidak menerapkan kokurikulum perikanan seperti Pondok Pesantren Nurul Haq semurup kerana kedudukan pondok pesantren ini terletak di dataran tinggi yang bersempadan dengan kampung dan perkebunan penduduk.

Di Kayu Aro yang penduduknya dengan majoriti mata pencarian adalah perkebunan, maka sudah jelas pondok pesantren ini mensosialisasikan apa yang terdapat di daerah sekitarnya. Dalam bidang *home industry*, berdasarkan dokumentasi dan observasi penulis, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro telah mengeluarkan beberapa produk yang dihasilkan daripada keterampilan-keterampilan santri seperti kerepek kentang, kerepek nangka, kerepek ubi kayu, kerepek keladi, dan kerepek pisang. Manakala dalam bidang perkebunan pondok pesantren ini melaksanakan pertanian sayuran dan pertanian cendawan. Hasil-hasil tersebut merupakan salah satu punca pendapatan bagi Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro.

Dalam bidang kokurikulum lainnya, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro tetap melaksanakannya pada pelajar bertujuan agar pelajar pondok pesantren mempunyai pengetahuan keterampilan lainnya. Di dalam pelaksanaan kokurikulum, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum dalam bidang-bidang keterampilan bekerjasama dengan Jabatan Kementerian Sosial Daerah Distrik Kerinci yang selalu memberikan kerjasama kepada sekolah-sekolah yang menginginkan atau menerapkan keterampilan di sekolahnya.

4.6.4 Kokurikulum Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri

Kegiatan kokurikulum pondok pesantren Darunnajah Bumbun Duri adalah proses belajar mengajar yang dilakukan dalam bentuk *off class session*, tetapi juga melibatkan ustaz pondok pesantren ataupun pelatih. Kokurikulum di pondok pesantren Darunnajah ini menurut ustaz Mayarto, wakil pimpinan Pondok Pesantren Darunnajah Tumbuh Duri, “.... kokurikulum bertujuan untuk menyalurkan dan mengembangkan minat dan bakat santri dalam berbagai-bagai bidang dan para santri boleh memilih kegiatan kokurikulum mereka dengan tidak mengetepikan tugas utama sebagai pelajar

agama.”²⁵² Ustaz juga membantu menentukan memilih kurikulum yang sesuai dalam bidang keterampilan dengan melihat minat dan bakat pelajar tersebut. Kegiatan kurikulum ini dipraktikkan dalam Organisasi Pelajar Pesantren Darunnajah (OPPD) dengan rutin dan terorganisir dan di bawah bimbingan ustaz Pondok Pesantren Darunnajah. Adapun pendidikan kurikulum yang diterapkan oleh pondok pesantren Darunnajah Bumbun Duri adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.18. Kokurikulum Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri Tahun 2012

No.	Subjek	Kelas
1.	<i>Home Industry</i>	Tsanawiyah dan Aliyah
2.	Pertanian	Tsanawiyah dan Aliyah
3.	Pertukangan	Aliyah
4.	Menjahit	Aliyah
5.	Kursus Bahasa Inggeris	Tsanawiyah dan Aliyah
6.	Kursus Bahasa Arab	Tsanawiyah dan Aliyah
7.	Kursus Kumputer	Tsanawiyah dan Aliyah
8.	Ceramah	Tsanawiyah dan Aliyah
9.	Pidato	Tsanawiyah dan Aliyah
10.	Kepramukaan (boy scouts)	Tsanawiyah dan Aliyah
11.	Kelompok Santri	Tsanawiyah dan Aliyah
12.	Karate	Tsanawiyah dan Aliyah
13.	Olah Raga	Tsanawiyah dan Aliyah

Sumber: Dokumentasi Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri Tentang kurikulum tahun 2012.

Jadual di atas menunjukkan 13 senarai kurikulum di Pondok Pesantren Darunnajah Tumbuh Duri. Senarai kurikulum di atas mempunyai banyak persamaan dengan pondok-pondok pesantren lainnya di Kerinci, 2 dari 13 kurikulum hanya diajarkan kepada pelajar tingkatan Aliyah sahaja kerana pelajar tingkat Aliyah lebih boleh memahami dan mampu untuk mendapatkan pelajaran daripada menjahit dan pertukangan. Pondok pesantren ini juga menerapkan kurikulumnya dengan memasukkan keterampilan memasak yang tidak diterapkan di ketiga-tiga pondok pesantren yang telah dijelaskan sebelum ini. Dalam keterampilan memasak pondok


²⁵²Mayarto, dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2012.

pesantren mempunyai usaha rumah makan (kantin) yang diusahakan oleh koperasi pondok pesantren Darunnajah. Dalam kurikulum lainnya Pondok Pesantren Darunnajah tetap melaksanakannya dalam pendidikan sebagaimana pondok pesantren lainnya. Tetapi yang membezakannya dengan pondok pesantren lain adalah pondok pesantren ini tidak melaksanakan keterampilan *welding*/montir dan perikanan dalam pendidikannya, kerana pondok pesantren ini tidak mempunyai sarana, tenaga pengajar dan lokasi untuk menerapkan kurikulum tersebut.

4.7 Pembahagian Waktu Aktiviti Pondok Pesantren di Kerinci

Berdasarkan pada ketiga-tiga kurikulum di atas iaitu kurikulum pendidikan umum, kurikulum pendidikan Islam pondok pesantren dan kurikulum maka dilihat bahawa pembahagian waktu sebanyak 17 dan 18 jam kegiatan di pondok pesantren Distrik Kerinci setiap hari dengan berbagai aktiviti pendidikan yang dilaksanakan bermula dari waktu Subuh sampai waktu selepas solat Isyak. Untuk lebih jelas waktu yang digunakan oleh pondok pesantren di Daerah Kerinci dapat dilihat seperti pada carta berikut:

Rajah 4.1. Pembahagian waktu aktiviti di Pondok Pesantren Daerah Kerinci



Warna biru menunjukkan pelaksanaan kurikulum pendidikan umum yang mengambil waktu 35 % dalam waktu 18 jam kegiatan pondok pesantren di Kerinci dalam satu hari. Warna merah pula menunjukkan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam di mana pondok pesantren mengambil waktu dalam 42 % setiap hari manakala kokurikulum mengambil waktu 23%. Dalam pembahagian waktu di atas penulis menganggarkan waktu rehat termasuk dalam ketiga-tiga waktu di atas dan waktu solat berjemaah. Kesimpulannya, walaupun kurikulum pendidikan Islam pondok pesantren diberikan penekanan dalam pondok pesantren di Kerinci, namun pendidikan umum dan kokurikulum tetap diperuntukan supaya pelajar mendapat pembelajaran yang seimbang secara fizikal dan mental serta rohani.

4.8 Kesimpulan

Kurikulum pendidikan Islam khususnya kurikulum pendidikan pondok pesantren di Indonesia telah mengalami perubahan seiring dengan perbaian zaman. Pada peringkat awal, pondok pesantren tidak mengenali tingkat kurikulum tetapi setelah kemerdekaan Indonesia awal orde baru tahun 1966, kurikulum pendidikan pondok pesantren menjadi lebih terstruktur dan mantap. Beberapa seminar telah diadakan untuk memantapkan sistem pendidikan di pondok pesantren seperti pada tahun 1963 diadakan seminar pondok pesantren seluruh Indonesia di Yogyakarta yang membahas tentang penetapan kurikulum pendidikan pondok pesantren. Secara umumnya, kurikulum pendidikan pondok pesantren di Kerinci telah mengikuti kurikulum yang telah ditetapkan pada hasil seminar tahun 1963 walaupun terdapat beberapa buah kurikulum belum diterapkan dalam sistem pendidikannya. Pondok pesantren di Kerinci juga memasukkan sistem madrasah ke dalam sistem pendidikannya iaitu menggabungkan kurikulum pendidikan umum dan kurikulum pendidikan Islam sesuai dengan kehendak pasaran.

BAB V

PERANAN PONDOK PESANTREN DI KERINCI JAMBI DALAM PENDIDIKAN ISLAM

5.1 Pendahuluan

Dalam bab yang kelima ini penulis akan menganalisis peranan pondok pesantren di Kerinci dalam pendidikan Islam melalui pendidikan formal dan non-formal. Peranan formal ialah seperti pembelajaran al-Qur'an, hadith dan bahasa Arab dan pendidikan non-formal melibatkan aktiviti-aktiviti pondok pesantren di tengah-tengah masyarakat di mana pondok pesantren ditubuhkan, seperti dalam kegiatan remaja masjid, gotong royong dan pengajian masyarakat. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa pondok pesantren memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam di Indonesia, termasuklah pondok pesantren di Kerinci.

Di peringkat awal penubuhan pondok pesantren di Kerinci, kegiatannya sangat sederhana bermula dari pengajian yang diselenggarakan di dalam masjid dan di rumah seorang buya atau ustaz (panggilan yang lazim di Kerinci) yang bertindak sebagai guru dengan beberapa orang santri sebagai murid. Kini, pondok pesantren di Kerinci telah mengalami banyak perubahan dalam sukatanya dan banyak pondok pesantren sekarang yang telah mengikuti sukatan yang telah ditetapkan oleh Depertemen Agama Republik Indonesia termasuk pondok pesantren yang terdapat di Daerah Kerinci dengan tetap menjadikan pelajaran dan kurikulumnya yang paling utama ialah kurikulum pendidikan agama Islam.

Pondok pesantren yang wujud di tengah masyarakat Kerinci memberikan kontribusi dalam mendidik dan memproduksi para remaja yang beriman dan berilmu pengetahuan. Bahkan kehadiran pondok pesantren di Daerah Kerinci dengan jumlah

santri yang ramai dari pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza budaya, kaum, suku dan adat bersatu dalam kesatuan sebagai santri pondok, maka terjadilah kontak budaya antara para santri yang berlainan suku dan kaum dengan masyarakat sekitar. Adalah merupakan tugas utama pondok pesantren yang akan menjadi institusi pertama yang menyatukan dan menyalurkan sebuah tujuan iaitu ilmu pengetahuan Islam kepada pelajar-pelajar pondok pesantren.

Secara positif, kehadiran pondok pesantren di Kerinci jelas membawa kemajuan dalam pendidikan terutama sekali pendidikan Islam kerana ia memberikan pendidikan formal dan pendidikan non-formal, di mana para santri dididik untuk memiliki skil, keterampilan dan pengembangan bakat dalam kehidupan, serta menjadi insan yang sempurna menuju kebaikan dan pencapaian kesempurnaan hidup baik dalam hubungan Al-Khaliq, dengan sesama manusia dan dengan alam.²⁵³ Dengan kata lain santri tetap memegang prinsip *Hablu Minallah wa Hablu Minannas* serta prinsip kesederhanaan yang selalu dikembangkan di dalam institusi pendidikan pondok pesantren pada umumnya.

Kesan daripada peranan yang dimainkan pondok pesantren di Kerinci, ramai pelajar dari pondok pesantren yang telah melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Kebanyakan daripada mereka terlibat aktif dalam bidang pendidikan, dakwah, pengurus masjid di samping ada yang memilih untuk bekerja dalam bidang sosial lainnya. Antaranya Dr. Haryadi, alumni dari Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup adalah seorang doktor di klinik Kampung Siulak dan Ustaz Mayarto yang merupakan tenaga pengajar di Pondok Pesantren Darunnajah Kayu Aro sebagai ADUN dari Daerah Kerinci. Walau apa jua kerjaya dipilih mereka tetap mempertahankan pendidikan pondok pesantren yang berasaskan pengetahuan Islam dan telah tumbuh di

²⁵³A Syafii Maarif, *Pendidikan Islam*, 8.

dalam diri mereka sebagai dasar utama untuk meluruskan dan meneruskan kehidupan. Malah hasil daripada kajian dan pengamatan penulis menunjukan bahawa masyarakat Kerinci masih bergantung harap kepada pondok pesantren dalam mengendalikan urusan agama.

Kesimpulannya, pondok pesantren di Kerinci memikul tanggungjawab besar terhadap masyarakat sebagai agen sosialisasi dan penyebar budaya ilmu pengetahuan agama yang membawa perkembangan dan kemajuan pondok pesantren dan masyarakatnya. Peranan sesebuah pondok pesantren ialah untuk memberi peluang kepada manusia khasnya generasi muda, untuk menguasai berbagai-bagi ilmu pengetahuan agama dan kemahiran yang difikirkan sesuai untuk meneruskan perkembangan masyarakat atau komunitinya. Dengan demikian, pesantren tidak boleh lagi dianggap semata-mata sebagai sebuah lembaga keagamaan murni, tetapi juga (seharusnya) menjadi lembaga sosial yang hidup yang terus menerima bermacam-macam persoalan masyarakat di sekitarnya.²⁵⁴

5.2 Peranan Pondok Pesantren Di Kerinci dalam Pendidikan Formal

Dalam bab ini penulis cuba mengungkapkan peranan yang telah dimainkan oleh pondok pesantren di Kerinci melalui pendidikan formal mahupun non-formal seperti kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh pondok pesantren terhadap masyarakat setempat. Peranan pondok pesantren di Kerinci melibatkan empat buah pondok pesantren iaitu Pondok Pesantren Jamiatul Ikhlasaniyah Mukhtraiyah Ambai, Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro dan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri. Berikut merupakan analisis peranan pondok-pondok pesantren tersebut:

²⁵⁴ HS. Mastuki et al., *Intelektualisme Pesantren* (Jakarta: Diva Pustaka, 2006), 1.

Jadual 5.1. Peranan Pondok Pesantren di Daerah Kerinci dalam Pendidikan Formal

No	Bidang Peranan	Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai	Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup	Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro	Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri
1.	Mengajar baca Al Qur'an	✓	✓	✓	✓
2.	Mengajar bahasa Arab	✓	✓	✓	✓
3.	Tafsir dan Al-Hadith.	✓	✓	✓	✓
4.	Mengajarkan seni Kaligrafi	✓	✓	✓	✓
5.	Kitab-kitab Kuning	✓	✓	✓	Tiada
6.	Melahirkan para Da'i	✓	✓	✓	✓
7.	Melahirkan pemimpin Masyarakat	✓	✓	✓	✓

Sumber: Rangkuman peranan pondok pesantren di Kerinci dalam Pendidikan Islam

Jadual di atas menunjukkan peranan-peranan pondok pesantren di Kerinci dalam pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, keempat-empat pondok pesantren mempunyai peranan yang sama dalam pendidikan Islam seperti peranan dalam mengajarkan membaca al-Qur'an, bahasa Arab, tafsir dan sebagainya. Peranan-peranan di atas merupakan subjek utama pendidikan Islam. Jadual di atas juga menunjukkan bahawa Pondok Pesantren Darunnajah tidak berperanan dalam mengajar kitab kuning kerana pondok pesantren ini tidak mempunyai ustaz yang ahli dalam mengajarkan kitab kuning dan dari penubuhannya lebih mengutamakan kurikulumnya yang bersifat moden serta pimpinan pondok pesantren dan tenaga pengajar lainnya tersebut adalah ustaz muda, walau bagaimanapun sebelum disahkan sebagai pondok pesantren, ia merupakan sebuah pengajian yang mengajarkan membaca al-Qur'an dan kitab kuning. Berikut merupakan huraian secara lanjut mengenai setiap peranan di atas.

5.2.1 Peranan Dalam Mengajar Membaca al-Qur' an

Peranan mengajarkan membaca al-Qur'an dilaksanakan oleh semua pondok pesantren di Kerinci dan mempunyai persamaan peranan kepada santri masing-masing kerana al-Qur'an merupakan asas pendidikan Islam. Pendidikan membaca al-Qur'an merupakan asas penubuhan sebuah pondok pesantren dan sejarah memperlihatkan bahawa pada umumnya tertubuhnya sebuah pondok pesantren adalah didasari oleh pengajaran membaca al-Qur'an di sebuah surau atau di rumah seorang tok guru seperti Pondok Pesantren Jamiatul Ikhlasniyah Mukhtariyah Ambai dan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri. Pengajaran didasari oleh solat berjemaah pada suatu surau kecil sambil mendengar tazkirah dan tauiyah yang dipimpin oleh seorang kiai atau ustaz. Namun apabila anggotanya bertambah ramai dan terdapat keinginan untuk memperbesarkan pengajian maka terbentuklah sebuah pondok pesantren.

Pendidikan al-Qur'an merupakan kurikulum terpenting dalam kurikulum pendidikan di pondok pesantren. Pendidikan al-Qur'an bertujuan membimbing santri menghafal al-Qur'an serta mendalami ilmu-ilmunya tajwid dan materi bacaan tilawahnya agar memiliki moralitas dan akhlaq Qur'ani dan sekaligus diharapkan dapat mengamalkan ajaran-ajaran al-Qur'an dalam kehidupannya. Seorang santri dengan kecerdasan biasa secara umumnya mampu menghafal al-Qur'an sebanyak 3 juzuk al-Qur'an dalam satu semester.

Pondok pesantren berperanan dalam melahirkan para hafizul Qur'an dan peserta tilawah al-Qur'an seperti ustazah Saadiyah dari Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup yang merupakan johan qari'ah terbaik pada tahun 2008 setingkat Negeri Jambi. Manakala Ahmad Zukri, merupakan tenaga pengajar di sekolah asrama tahfiz al-Qur'an iaitu di sekolah tahfiz al-Qur'an Ampang Selangor Malaysia dari tahun 2010-2012. Beliau merupakan alumni Pondok Pesantren Jamiatul Ikhlasniyah Mukhtariyah Ambai.

Ahmad Zukri menyatakan bahawa beliau mula menghafal al-Qur'an pada peringkat awal bersekolah di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai. Menurutnya, "...kami diberikan tugas menghafal Al-Qur'an 3 - 4 muka surat dalam satu minggu, tugas ini merupakan tugas wajib dari ustaz dan penghafalan kami lakukan pada malam hari menjelang tidur dan dipantau oleh ustaz."²⁵⁵

Selain itu, di masjid-masjid di Kerinci, imam, khatib dan bilal umumnya diambil dari alumni pondok pesantren yang terdapat di Daerah Kerinci kerana kelancaran dalam membaca al-Qur'an dengan jelas dan bagus. Di Masjid Taqwa Ambai contohnya imam masjid yang digelar imam negeri dari tahun 2009 sehingga sekarang adalah alumni Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai pada tahun 1982-1988 iaitu Ustaz Ahmad Sabri Mukhtar. Beliau merupakan adik kepada pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai.

Berdasarkan hasil temubual dan pengamatan penulis masjid-masjid di Bandar Sungai Penuh yang merupakan pusat bandar Kerinci, penjaga masjid banyak diambil dari alumni pondok pesantren yang ada di Kerinci yang sedang melanjutkan pendidikan mereka di peringkat sekolah tinggi. Menurut ketua Majlis Ulama Indonesia Cabang Pemukiman Danau Kerinci iaitu Abuya H Rasul Abidin, "para pelajar yang menuntut pada peringkat universiti mereka adalah para alumni pondok pesantren kebanyakan lebih mudah untuk mencari tempat tinggal, mereka selalu diterima di tempat penginapan di masjid-masjid sebagai penjaga masjid dan guru mengajar al-Qur'an bagi anak-anak sekitar masjid, dan kalau imam masjid berhalangan mereka selalu siap sedia sebagai penganti imam solat."²⁵⁶

²⁵⁵ Ahmad Zukri (Alumni Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai pada tahun 1999 hingga 2005), dalam temu bual dengan penulis, 26 Ogos 2012.

²⁵⁶ H. Rasul Abidin (ketua Majlis Ulama Indonesia Cawangan Danau Kerinci, Daerah Kerinci), dalam temu bual dengan penulis, 18 Mei 2012.

5.2.2 Peranan Dalam Mengajarkan Bahasa Arab

Pendidikan di dalam pesantren bertujuan untuk mendalami pengetahuan tentang al-Qur'an dan Sunnah Rasul serta mempelajari hal-hal yang bersangkutan dengannya. Pondok pesantren biasanya lebih memfokuskan bahan pelajarannya terhadap pelajaran yang berkaitan dengan agama seperti bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Qur'an. Sehubungan itu, bahasa Arab di pondok pesantren merupakan ciri khas daripada sekolah pondok pesantren itu sendiri. Bahasa Arab dan kaedah tata bahasa Arab merupakan salah satu materi yang diajarkan di pondok pesantren. Dalam bidang pengajaran bahasa Arab di Indonesia, peranan pondok pesantren dalam subjek bahasa Arab dapat dikatakan bahawa pondok pesantrenlah yang banyak memberikan pengajaran dan mengembangkan bahasa Arab di Indonesia. Masyarakat Indonesia yang boleh berbahasa Arab kebanyakannya adalah terdiri dari para alumni yang berasal dari sekolah pondok pesantren.

Pondok pesantren di Kerinci sama seperti pondok pesantren lainnya di Indonesia mengajar ilmu keagamaan termasuk kurikulum bahasa Arab ke dalam pendidikannya seperti ilmu nahu, soraf, imla' dan mahfuzat. Berdasarkan pengamatan penulis di empat buah pondok pesantren tersebut, pembelajaran bahasa Arab lebih diberi penekanan terhadap pelajar agar setiap pelajar pondok pesantren boleh berbahasa Arab.

Dalam merealisasikan tujuan tersebut berbagai-bagai cara dilakukan oleh pondok pesantren selain belajar bahasa Arab di dalam kelas dan pada waktu kursus tertentu. Contohnya di Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhlasaniyah Mukhtariyah Ambai, Raudlatul Ulum dan Darunnajah diadakan penambahan aktiviti dalam mengajarkan bahasa Arab kepada santrinya iaitu sebelum masuk ke kelas formal para santri dikumpulkan di tanah lapang di halaman pondok untuk berdoa bersama, ustaz kemudiannya menunggu di muka pintu dan mempersilakan santri masuk dengan

beberapa soalan berbahasa Arab dan santri menjawab dengan bahasa Arab juga. Ustaz juga kadangkala menyebutkan tentang sesuatu benda dan santri pula mesti memberikan maksud daripada kata tersebut dengan bahasa Arab. Pelajar senior pula wajib melakukan percakapan bahasa Arab bukan sekadar menyatakan satu kata atau dua kata tetapi juga mampu berbual tentang sesuatu perkara dan ini dilakukan setiap pagi hari.

Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup pula berbeza dengan pondok yang lainya dalam mengembangkan bahasa Arab. Selain daripada mengajarkan pada jam pelajaran yang telah ditentukan, setiap kelas ketika bermula kegiatan belajar mengajar di waktu pagi telah diberikan kata pada hari sebelumnya seperti kata ruang kelas. Maka setiap santri harus berfikir untuk mempunyai apa sahaja perkatan yang ada di dalam ruangan kelas seperti papan tulis, meja dan sebagainya kemudian kata ini harus diterjemahkan ke dalam bahasa Arab pada esok pagi ketika proses belajar mengajar bermula, dan perkara ini mengambil waktu sekitar 15 minit.

Di Kerinci pelajar yang pandai berbahasa Arab adalah pelajar dari pondok pesantren walaupun ada pelajar umum yang mengambil jurusan bahasa Arab pada sekolah tinggi tetapi asasnya mereka mendapat pendidikan di pondok pesantren semasa di tingkatan tsanawiyah atau darjah ertinya mereka sudah pernah masuk ke pondok pesantren. Pondok pesantren di Kerinci berperanan dalam bidang bahasa Arab dengan melahirkan para alumni yang pada umumnya pandai berbahasa Arab dan bahkan ramai para alumni yang melanjutkan sekolahnya ke peringkat ijazah yang mengambil jurusan bahasa Arab. Sebagai contohnya Indra Widodo, merupakan mahasiswa calon sarjana sastera Arab di Jabatan bahasa Arab di IAIN (Institut Agama Islam Negeri) Imam Bonjol Padang, dan merupakan alumni Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai. Indra Widodo menyatakan bahawa, "...pendidikan bahasa Arab yang pertama dan sangat berperanan dalam mendidik saya berbahasa Arab adalah di

Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai.”²⁵⁷ Malah ketika beliau mengambil degree di STAIN Kerinci, beliau menyatakan bahawa, “mahasiswa STAIN yang mengambil degree pun dalam jurusan bahasa Arab kebanyakan dari alumni pondok pesantren.”²⁵⁸

Contoh yang lain ialah Hafizul, mahasiswa STAIN Kerinci yang merupakan alumni Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup yang mengambil Jurusan Tarbiyah di STAIN Kerinci. Berdasarkan pengamatan dan temubual secara rawak dengan mahasiswa jurusan tarbiyah semester 5, mereka menyatakan bahawa “... bagi subjek bahasa Arab kalau pensyarah kami berhalangan, kelas tetap diadakan dengan Hafizul dipercayakan untuk menjadi penganti beliau.”²⁵⁹ Ini menunjukkan bahawa alumni pondok pesantren memang diberi kepercayaan dalam mengendalikan bahasa Arab hasil pengajaran yang diterima dari pondok pesantren.

Selain itu, temu bual dengan beberapa pensyarah bahasa Arab dan pengamatan penulis di STAIN Kerinci, jelas menunjukkan bahawa mahasiswa yang paling menguasai materi pelajaran dalam jurusan bahasa Arab ialah mahasiswa yang mempunyai asas pendidikan dari pondok pesantren. Menurut Dra. Rosmiah MPd, pensyarah STAIN Kerinci di Jabatan Bahasa Arab, “mahasiswa jurusan bahasa Arab di STAIN Kerinci banyak dari alumni pondok-pesantren di Kerinci ini kalau dibandingkan dengan mahasiswa pendidikan umum yang mengambil jurusan bahasa Arab ini adalah 40 % adalah mahasiswa alumni dari pondok pesantren dan selebihnya adalah dari pendidikan madrsah dan sekolah umum baik dari sekolah kejuruan maupun sekolah umum lainnya.”²⁶⁰ Kesimpulannya pondok pesantren di Kerinci memang telah berperanan

²⁵⁷Indra Widodo SPdI (Alumni Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai), dalam temu bual dengan penulis, 17 Jun 2012.

²⁵⁸*Ibid.*

²⁵⁹Zaidil Azkia et al., (Mahasiswa STAIN Kerinci), dalam temu bual dengan penulis, 17 Julai 2012.

²⁶⁰Dra. Rosmiah MPd (Pensyarah STAIN Kerinci), dalam temu bual dengan penulis, 17 Julai 2012.

dalam mengembangkan bahasa Arab di Kerinci sejak dari awal penubuhannya. Bahkan di dalam sebahagian pondok pesantren di Kerinci para santri diwajibkan untuk menggunakan bahasa Arab dan berbahasa Inggeris pada tingkatan-tingkatan santri yang tertentu.

5.2.3 Berperanan Dalam Mengajarkan Ilmu Tafsir dan al-Hadith

Selain berperanan dalam pengajaran bahasa Arab, pondok pesantren juga berperanan dalam pengajaran ilmu tafsir. Dalam pengajaran ilmu tafsir, hadith dan asbabul nuzul, al-Qur'an dijadikan kurikulum yang diutamakan di dalam pembelajaran pondok pesantren. Pada umumnya ramai para lulusan pondok pesantren yang mampu memahami penafsiran beberapa ayat, mampu mengetahui sebab-sebab turunnya ayat al-Qur'an, yang tahu dan hafal tentang hadith Nabi serta hafal tentang sanad serta deretan perawi daripada sebuah hadith tersebut yang dilaksanakan dengan metode hafalan. Begitu juga halnya para alumni dan pelajar pondok pesantren di Kerinci yang mampu menguasai tafsir dan hadith sahih.

Dalam bidang tafsir institusi pendidikan pondok pesantren di Kerinci telah menampakkan peranan yang cukup besar sekali. Ini dapat dengan jumlah peserta yang ramai sebagai wakil dari Kerinci dalam pertandingan Tafsir Tingkat Provinsi Jambi. Kebanyakan peserta diambil dari para alumni dan pelajar pondok pesantren dan juga ustaz pondok pesantren seperti yang terjadi pada Musabaqah Tilawatil Qur'an (MTQ) tingkat Negeri Jambi pada tahun 2005 di Kota Madya Jambi dan pada tahun 2010.

Pada tahun 2005 beberapa orang peserta diambil daripada Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai dan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup iaitu Abu Tolhah (ustaz Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhatriyah Ambai), Eli Mawaddah SHI (alumni Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah

Ambai), Hazmi Septiawan (pelajar Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup) dan Pitriyani (pelajar Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai) dari Distrik kerinci. Pertandingan tafsir ini dilaksanakan secara berkelompok dan kelompok dari Kerinci mendapat peringkat naib johan peringkat Negeri Jambi.

Pada tahun 2010, MTQ tingkat negeri Jambi untuk bidang Tafsir, wakil dari Kerinci dan Bandar Sungai Penuh masih diisi oleh pelajar dan alumni-alumni pondok pesantren yang terdapat di Kerinci. Sebelum disahkan untuk menjadi peserta ke peringkat negeri, pejabat tingkat Daerah Kerinci mengadakan seleksi pertandingan pada peringkat permukiman terlebih dahulu. Menurut Drs Yarmalis, mantan Kepala Depertemen Agama Daerah Kerinci, “.... setiap tahun dalam Musabaqah Tilawatil Qur'an (MTQ) setingkat negeri, setiap utusan dari Kerinci di seleksi terlebih dahulu dan peserta-peserta seleksi berdasarkan penglihatan kami, mayoriti peserta adalah santri-santri pondok pesantren.²⁶¹ Berdasarkan penjelasan di atas, pondok pesantren di Daerah Kerinci telah menampakkan peranannya dalam bidang tafsir al-Qur'an dan peranan ini diakui oleh masyarakat Kerinci.

Selain berperanan dalam pengajian tafsir, pondok pesantren telah membentuk para santri sebagai penghafal hadith juga pepatah Arab. Ramai para santri alumni pondok pesantren Daerah Kerinci mampu menghafal hadith-hadith Nabi beserta dengan riwayat perawinya berserta dengan sanad-sanadnya. Ilmu hadith juga merupakan mata pelajaran wajib di pondok pesantren di Kerinci dengan metode hafalan dan pemahaman yang di berikan oleh ustaz.

²⁶¹Drs Yarmalis (mantan kepala Depertemen Agama Daerah Kerinci), dalam temu bual dengan penulis, 27 Julai 2012.

5.2.4 Berperanan Dalam Mengajarkan Seni Kaligrafi

Kaligrafi berasal dari bahasa Yunani iaitu *kallos* iaitu indah dan *grapheini* yang bermaksud indah.²⁶² Kaligrafi dalam bahasa Indonesia sering dihubungkan terhadap tulisan Arab, maka kaligrafi dipersempit lingkupnya menjadi kaligrafi Islam. Kaligrafi Islam lebih dikenali dengan tulisan khat atau seni menulis huruf Arab dengan indah, merangkai susunan huruf-huruf tunggal, letak-letaknya dan cara-cara merangkai menjadi sebuah kalimat tersusun dan indah dipandangan mata, yang isinya mengenai ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith. Keunikan kaligrafi yang lebih dikenali dengan khat ini tidaklah sekadar sebuah kata-kata, khat juga boleh menyampaikan dakwah.²⁶³

Di dalam pendidikan pondok pesantren para santri bukan hanya diajarkan pengajaran agama bahkan juga diajarkan berbahasa Arab dan belajar menulis dalam tulisan Arab. Para santri dibimbing untuk menulis huruf-huruf tulisan Arab yang betul serta membuat tulisan tersebut mempunyai nilai-nilai seni yang tinggi dikenali sebagai khat agar bidang khat ini mampu dijadikan suatu pekerjaan bagi para pelajar lulusan pondok pesantren.

Kaligrafi merupakan sebuah mata pelajaran di pondok-pondok pesantren dan sebahagian pondok pesantren menjadikan mata pelajaran kaligrafi sebagai mata pelajaran tambahan sahaja (pendidikan kokurikulum). Pondok pesantren di distrik Kerinci yang meletakkan kaligrafi sebagai sebuah mata pelajaran yang wajib diikuti oleh santri telah menunjukkan bahawa terdapat para pelajar dan alumni pondok pesantren yang telah menghasilkan kaligrafi. Malah, menulis kaligrafi dijadikan sebuah pekerjaan, sebagai contoh Umardani yang merupakan alumni Pondok Pesantren Nurul

²⁶²Elib.unikom.oc.id/filles/disk1/457/jbptunikomp.p-gdl-aguanyuwan-22808, laman sesawang dicapai 9 Mei 2013 dan "Defenisi Kaligrafi Menurut Bahasa dan Istilah", laman sesawang, dicapai 9 Mei 2013 mouzena.blogspot.com /2013 /01 /definisi-kaligrafi-menurut-bahasa-dan.html.

²⁶³Metro Harian, Disember 30, 2012:18 "Pengiat Kaligrafi Muda."

Haq Semurup telah melukis khat di tiga buah masjid iaitu di Semurup di dinding-dinding bahagian dalam masjid tersebut. Selain beliau, Ustaz Gifron yang merupakan alumni Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai juga turut melukis khat di Masjid Akbar Sungai Penuh, Kerinci. Adalah menjadi kebiasaan bagi masjid-masjid di distrik Kerinci meletakan tulisan kaligrafi di dinding dalamnya adalah dikelilingi dengan tulisan-tulisan kaligrafi seperti ayat-ayat al-Qur'an dan hadith.

5.2.5 Berperanan Dalam Mengajarkan Kitab-kitab Kuning

Kitab-kitab kuning di Kerinci dikenali dengan nama kitab gundul.²⁶⁴ Sebenarnya kitab kuning itu hanya istilah budaya. Kitab kuning banyak dijadikan bahan rujukan asas oleh para ulama ataupun kiai di pesantren-pesantren dalam mengajarkan ilmu-ilmu tentang agama Islam bahkan kitab kuning di pesantren sudah dijadikan pelajaran wajib untuk para santri. Ramai pelajar pada peringkat awal yang masuk ke sekolah pondok pesantren merasa takut melihat huruf-huruf yang kelihatan tidak berbaris dalam kitab-kitab kuning. Tetapi mengikut peredaran masa mereka semakin terbiasa dengan pelajaran kitab kuning. Kitab kuning yang berwarna kuning sekarang kertasnya sudah putih semua.

Di pondok pesantren Daerah Kerinci, kitab kuning masih dijadikan kitab rujukan utama dalam beberapa buah mata pelajaran seperti fiqh, nahu, soraf, dan sebagainya. Pondok pesantren kebiasaannya mengajar terlebih dahulu Nahu dan Sorafnya berdasarkan kitab *Mitnul Ajrumiyah*, *Imrithi*, *Mutammimah*, dan *Alfiah* dan *Kitab Matnul Bina'yah* yang dijadikan buku panduan pada tingkatan satu dan tingkatan dua bagi memudahkan santri membaca kitab kuning pada kelas berikutnya. *Al-Jarrumiyyah* adalah sebuah kitab karya Abu Abdillah Muhammad bin Muhammad bin Dawud Al-

²⁶⁴Kitab kuning dalam bahasa Kerinci dikenali dengan kitab *gundoun* (gundul/botak) kerana melihat kitab kuning tidak mempunyai baris seperti kitab-kitab yang bertuliskan Arab.

Shanhaji (lebih dikenal dengan sebutan Ibnu Ajurrum). Kitab ini telah terkenal di seluruh dunia sebagai pelajaran dasar di dalam ilmu Nahwu. Banyak pondok pesantren yang memasukkan kitab ini ke dalam kurikulum pembelajaran termasuk pondok pesantren di Daerah Kerinci.

Kitab kuning dalam bidang fiqh misalnya merupakan kitab yang dikarang oleh para ulama dari hasil ijtihad mereka untuk mencari suatu hukum yang tidak dijelaskan al-Qur'an dan hadith. Dalam bidang sains misalnya kitab kuning merupakan sumber ilmu pengetahuan yang berharga bagi umat manusia, ramai tokoh muslim yang menulis karya-karyanya dalam bentuk kitab kuning seperti Ibnu Al-Haitham, seorang ahli fizik terkemuka dan sangat berjasa di bidang optik. Karya Al-Haitham menunjukkan kemajuan yang pesat dalam penggunaan metode-metode percubaan. Karya utamanya, *Kitab Al-Manazir* (optik) merupakan deskripsi ilmiah tentang mata yang bertuliskan dalam bentuk kitab kuning.²⁶⁵

Kitab kuning di pondok pesantren di Kerinci mula diajarkan kepada pelajarnya pada tingkatan tiga tsawiyah sehingga pada tingkatan enam. Pengajaran kitab kuning ini dilaksanakan pada malam hari. Ramai para pelajar-pelajar pondok pesantren yang mampu membaca dan menterjemahkan langsung kitab kuning tersebut. Para santri alumni dari pondok pesantren di Kerinci umumnya ramai yang mampu membaca dengan memahami kitab kuning sebagai dasar dan buku panduan dalam belajar agama Islam. Kitab kuning sangat penting untuk dipelajari kerana ia merupakan kitab karangan ulama-ulama terdahulu dan masih murni yang banyak menerangkan tentang hukum, sejarah Nabi, sejarah perkembangan agama Islam dan sebagainya.

²⁶⁵Bugene A. Myers, *Zaman Keemasan Islam, Para Ilmuwan Muslim dan Pengaruhnya Terhadap Dunia Bara*, terj. M. Maufur el-Khoiry (Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru, 2003), 35.

5.2.6 Peranan dalam Bidang Melahirkan Para Da'i

Pondok pesantren di Kerinci dengan sistemnya yang bersifat sederhana ternyata telah berjaya melahirkan para penceramah yang berperanan penting dalam membina dan memimpin masyarakat Kerinci. Kepala Depertemen Agama di Kerinci menyatakan bahawa pondok pesantren di Kerinci berperanan dan berpotensi untuk melahirkan para pendakwah yang bakal menjadikan Kerinci sebagai pusat ulama dan pendakwah.²⁶⁶

Sebagaimana peranan-peranan pondok pesantren yang lainnya di Indonesia, pondok pesantren di Kerinci tidak ketinggalan dalam melahirkan ulama dan penceramah yang berwibawa dalam menegakkan kebenaran syiar Islam dan menyebarkan ilmu pengetahuan tentang Islam kepada masyarakat. Antaranya ialah Dr. Haryadi, seorang ahli perubatan di pusat kesihatan masyarakat di Mukim Siulak yang sering diundang untuk berceramah di masjid-masjid di Daerah Kerinci. Menurut beliau, “ceramah adalah panggilan agama dan membagikan ilmu pengetahuan agama kepada masyarakat dan kewajiban bagi kita untuk memberikan pengetahuan pada orang lain walaupun saya seorang dokter tetapi saya juga tetap berdakwah.”²⁶⁷

Selain itu Ustaz Abu Tolhah, tenaga pengajar dan alumni Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai sering memberikan dakwah pada masjid-masjid mukim Sitinjau Laut. Kepala Desa Hiang Karya menyatakan bahawa pada setiap malam Jumaat Masjid Mujahidin Hiang Karya akan mengundang penceramah untuk memberikan tauiliyah dan tazkirah dan selalunya yang diundang ialah ustaz Abu Tolhah dari Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai.²⁶⁸ Contoh ketiga ialah saudara Ikshanudin dari kampung Sungai Abu dan saudara Abdurrahman

²⁶⁶Drs. H. Suardin S.Ag., (Kepala Depertemen Agama Daerah Kerinci), dalam temu bual dengan penulis, 25 Mei 2012.

²⁶⁷Dr Haryadi (Alumni Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup dan ahli perubatan bahagian umum dan seorang abuya yang terkenal di daerah mukim Siulak, mukim Kayu Aro dan mukim Semurup), dalam temubual dengan penulis, 27 Julai 2012.

²⁶⁸Hamidi (Ketua Kampung Hiang Karya), dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2012.

juga merupakan alumni Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai yang merupakan penceramah muda di Kerinci yang selalu diundang memberikan dakwah ke masjid-masjid atau tempat-tempat terntu. Manakala dari Pondok Pesantren Raudlatul Ulum terdapat ustaz Suhel Ahmad dan Helmi Rizal yang merupakan penceramah muda yang selalu dikenali di sekitar mukim Kayu Aro dan Gunung Tujuh.

Pondok-pondok pesantren di Kerinci telah melahirkan ramai tenaga pengajar yang berpengetahuan agama di pondok pesantren itu sendiri, bahkan ada yang menjadi tenaga pengajar di sekolah umum. Para pengajar yang mempunyai dasar pendidikan pondok pesantren mengajar membaca al-Qur'an pada waktu malam kepada masyarakat sekitar tempat tinggal mereka serta sekali sekala memberikan tauliyah dan tazkirah kepada penduduk. Contohnya ustaz Qorib SPdI, seorang guru di Sekolah Kebangsaan Kayu Aro merupakan alumni Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro yang mengajar kanak-kanak mengaji di rumahnya di sebelah petang dan pada waktu malam jumaat beliau juga memberikan tazkirah dan tauliyah pada penduduk kampung. Secara umunya, alumni-alumni pondok pesantren di kerinci telah mendapat tempat dan pengaruh yang tinggi dan bahkan dianggap satu-satunya jalan menyelesaikan masalah masyarakat tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan agama.

5.2.7 Peranan Dalam Memimpin Masyarakat

Pada abad ke-21 kini sebagaimana disebut orang abad milenium, peranan pondok pesantren bukan saja sebagai lembaga pendidikan tetapi juga sebagai lembaga keagamaan dan lembaga sosial. Pondok pesantren merupakan tempat bagi proses pengajaran dan pembelajaran antara santri sebagai penuntut dengan ustaz sebagai tenaga pengajar. Seorang lulusan pesantren diharapkan akan memberikan khidmat kepada masyarakat. Ini menuntut mereka bergaul di tengah-tengah masyarakat menjadi contoh kepada mereka terutama sekali setelah para pelajar kembali kepada keluarga dan

masyarakat seperti menjadi imam di waktu solat berjemaah dan memimpin doa ketika ada acara-acara masyarakat.

Bahkan ada juga alumni pondok pesantren yang dilantik sebagai kepala kampung dan ketua-ketua sebuah organisasi. Begitu juga di Daerah Kerinci di mana para alumni pondok pesantren mendapat tempat di tengah-tengah masyarakat dan sebagai tauladan dan yang diamanahkan sebagai pemimpin dalam urusan agama maupun dalam urusan sosial. Contohnya di Kampung Siulak Lubuk Nagodang pada tahun 2002 -2007, Eka Erfahmi SH yang merupakan alumni Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tamatan tahun 1997 dilantik sebagai kepala kampung. Seterusnya ialah Ustaz Sukurman, yang merupakan wakil pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai bahagian kurikulum, di samping bertugas sebagai ustaz di pondok pesantren ia juga seorang staf kepala Desa Ambai Bawah dari tahun 2008 sehingga kini.

5.3 Peranan Pondok Pesantren dalam Pendidikan Non-Formal Kepada Masyarakat

Sebelum ini iaitu di bahagian 5.2, penulis telah membincangkan secara terperinci peranan pondok pesantren di Kerinci dalam pendidikan formal yang banyak berkisar tentang aktiviti di dalam pondok pesantren. Selain pendidikan formal, pondok pesantren di Kerinci telah memainkan peranan utama dalam menyalurkan pengetahuan agama Islam kepada santri dan masyarakat sekitarnya melalui pendidikan non-formal iaitu aktiviti-aktiviti berkaitan masyarakat. Berdasarkan pemerhatian penulis hubungan antara pondok pesantren dan masyarakat adalah begitu rapat dan mesra serta saling memerlukan dalam usaha meningkatkan pengetahuan pendidikan agama Islam kepada masyarakat serta mempereratkan ikatan persaudaraan sesama muslim. Sehubungan itu pondok pesantren di Kerinci melaksanakan berbagai-bagai aktiviti kepada masyarakat.

Bagi mencapai hasrat di atas berikut merupakan analisis bagi peranan pondok pesantren dalam pendidikan non-formal:

Jadual 5.2. Analisis Peranan Pondok Pesantren Dalam Pendidikan Non-Formal (Aktiviti Pondok Pesantren Terhadap Masyarakat di Kerinci)

No	Bidang Aktiviti	PP. Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai	PP. Nurul Haq Semurup	PP. Raudlatul Ulum Kayu Aro	PP. Darunnajah Bumbun Duri
1.	Pengajian di masjid-masjid sekitar pondok pesantren	✓	✓	✓	✓
2.	Pengajian di rumah pimpinan pondok pesantren (Kiai)	✓	✓	Tiada	Tiada
3.	Majlis ta'lim	✓	✓	✓	✓
4.	Gotong royong dengan masyarakat	✓	✓	✓	✓
5.	Pondok pesantren jompo	✓	Tiada	Tiada	Tiada

Sumber: Rangkuman aktiviti pondok pesantren di Kerinci terhadap masyarakat.

Jadual di atas menyenaraikan aktiviti pondok pesantren terhadap masyarakat di Kerinci iaitu pengajian di masjid, pengajian di rumah pimpinan pondok pesantren, majlis ta'lim, gotong royong dan pondok pesantren jompo. Secara umumnya, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dalam aktiviti pondok pesantren terhadap masyarakat Kerinci. Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai merupakan satu-satunya pondok pesantren yang melaksanakan semua aktiviti yang dinyatakan di atas kerana mempunyai sarana dan prasarana.

Sebagaimana sejarah Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai yang mempunyai jemaah pengajian dari luar daerah yang langsung menginap di tempat pengajian, maka sehingga kini tradisi itu masih berlaku sehingga kini yang disebut orang tua jompo. Pondok Pesantren ini mempunyai asrama yang khas untuk menampung orang tua jompo yang bekerja sama dengan Jabatan Sosial Daerah Kerinci.

Manakala pondok pesantren lainnya iaitu di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup melaksanakan semua aktiviti kecuali pondok pesantren Jompo. Manakala Pondok Pesantren Raudlatul Ulum dan Pondok Pesantren Darunnajah, menjalankan semua aktiviti kecuali pengajian di rumah pimpinan pondok pesantren dan pondok pesantren Jompo. Untuk lebih jelasnya huraian tentang aktiviti-aktiviti pondok pesantren di Kerinci terhadap masyarakat penulis akan jelaskan pada halaman selanjutnya.

Kesimpulannya, pondok pesantren di Kerinci selain melaksanakan pendidikan secara formal juga bertanggung jawab terhadap masyarakat terutama sekali tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pengetahuan agama. Pondok pesantren ini terus mengembangkan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan agama kepada masyarakat agar tiada pemisah antara masyarakat dengan pondok pesantren dan supaya masyarakat semakin meyakini kepentingan pondok pesantren dalam membawa kebaikan kepada masyarakat. Penjelasan lebih lanjut mengenai aktiviti-aktiviti pondok pesantren di Kerinci kepada masyarakat sekitar adalah seperti di bawah ini:

5.3.1 Mengadakan Pengajian di Masjid Sekitar Pondok Pesantren

Acara pengajian rutin yang dilaksanakan oleh pondok pesantren di Kerinci ialah pengajian di masjid-masjid sebanyak sekali seminggu. Ia dilakukan selepas sembahyang Isyak dan diadakan di masjid yang terdekat. Anggota pengajian ini merupakan masyarakat kampung sedangkan acara-acara dan persiapan pelaksanaan pengajian disusun oleh pengurus masjid bekerjasama dengan para remaja tempatan serta para santri pondok pesantren. Penceramah atau pengisi pengajian adalah para pengajar (ustaz) dari pondok pesantren. Ahli jemaah terdiri daripada masyarakat yang majoritinya para ibu dan jemaah lelaki. Adapun pendanaan dalam kegiatan diberikan

oleh pengurus masjid serta daripada anggota pengajian berupa yuran wajib dan dari hasil sumbangan ikhlas masyarakat.

Pengajian di masjid meliputi pengajian tentang aqidah, syariah dan muamalat. Contoh kitab yang digunakan adalah *Al-Um* karangan Imam Shafi'i bagi bidang fiqh atau kitab fiqh karangan KH Sulaiman Rasyid. Dan bagi pengajaran aqidah kitab yang digunakan ialah *Maqalat Al-Islamiyyah* karangan Abu Hasan al-Azhari. Metode yang digunakan dalam pengajaran adalah metode ceramah, keteladanan dan pada sesi akhir diadakan soal jawab kepada penceramah.

Menurut Kepala kantor urusan agama mukim Sitinjau Laut iaitu Drs Mahri, kebiasaannya seminggu sekali pengajian selalu diadakan di mana-mana masjid yang dekat dengan pondok pesantren dan pengajiannya diisi oleh pimpinan pondok (kiyai) dan oleh para pengajar pondok pesantren yang dijadualkan terlebih dahulu.²⁶⁹ Perkara ini terjadi di keempat-empat buah pondok pesantren di Kerinci. Menurut H. Abdul Qadir, ustaz Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, “.... banyaknya waktu dan jadual pengajian yang dilaksanakan oleh pimpinan pondok pesantren (Abuya H Darul Ulum) kepada masyarakat sekitar membuatkan beliau tidak mampu untuk mengisi setiap pengajian, dan kami semua ustaz mendapat jadual dalam mengisi pengajian pada masjid sekitar.”²⁷⁰ Ustaz yang diberikan jadual sebagai penganti pimpinan pondok adalah ustaz yang diyakini mampu dan dipandang oleh masyarakat untuk memberikan saranan tauiliyah dan tazkirahnya.

Selain daripada aktiviti di masjid berdekatan pondok pesantren di Daerah Kerinci juga berusaha memperkenalkan pondok pesantren di masjid-masjid di sejumlah

²⁶⁹Drs. Mahri (Kepala Kantor Urusan Agama Mukim Sitinjau Laut), dalam temu bual dengan penulis, 18 Mac 2010.

²⁷⁰H. Abdul Qadir (Ustaz Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup), dalam temu bual dengan penulis, 13 Jun 2012.

mukim-mukim terdekat terutama mukim di mana pondok pesantren itu ditubuhkan. Sosialisasi yang dilakukan juga merupakan kegiatan pengajian di masjid dengan tujuan agar perkembangan pendidikan di dalam pondok pesantren Kerinci ini semakin mengalami peningkatan dengan sokongan dan kerjasama dengan masyarakat sekitar.

5.3.2 Pengajian Rutin di Rumah Pimpinan Pondok Pesantren

Pengajian di rumah pimpinan pondok pesantren merupakan permintaan daripada masyarakat dan ini merupakan tradisi di mana rumah seorang ustaz (abuya) di Kerinci akan diadakan pengajian dan tradisi ini kekal sehingga kini. Pengajian ini selalu diberikan oleh Abuya (pimpinan pondok pesantren) sendiri di samping penceramah yang diundang atau didatangkan dari luar agar para jemaah pengajian tidak merasa bosan dengan pengajar yang sama serta dapat mencari perbezaan pandangan terhadap materi yang dianggap masih meragukan. Biasanya pengajian di rumah pimpinan pondok pesantren (Abuya) atau di auditorium pondok pesantren dilakukan pada setiap pagi jumaat dan petang ahad. Pengajian ini diadakan bagi masyarakat sekitar mahupun para jemaah yang datang dari mukim lain, majoritinya berasal dari mukim terletaknya pondok pesantren.

5.3.2 (a) Pengajian di Rumah Pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai

Kegiatan pengajian dilaksanakan di rumah pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai yang bersangkut paut dengan perkara-perkara fiqh secara umumnya. Pengajian ini disambut baik oleh kalangan masyarakat berdasarkan jumlah kehadiran jemaah yang ramai. Pada tahun 2009 jumlah anggota pengajian adalah sekitar 120 orang dengan kehadiran purata setiap pengajian melebihi 70 % daripada keseluruhan jemaah. Waktu pengajian diadakan sekali dalam seminggu pada pagi jumaat bermula pada pukul 10 pagi dan berakhir pada pukul 12 tengah hari sebelum

bermula solat jumaat. Kebanyakan anggota pengajian adalah kaum lelaki dengan jumlah anggotanya kurang lebih sekitar 80 - 90 orang dengan jemaah perempuan sekitar 40 orang. Kepengurusan pengajian ini tidak terstruktur dan kurikulum juga bersifat bebas. Di dalam pengajian ini kebiasaannya para abuya memberikan tazkirah yang berkaitan dengan fiqh, akidah, akhlak dan tauhid, namun yang paling diberikan keutamaan ialah fiqh dan akidah. Di samping itu, para jemaah pengajian diberikan kesempatan bertanya dan berdiskusi.

Berdasarkan hasil pengamatan penulis di dalam pengajian ini, para jemaah tidaklah terfokus kepada pengajian fiqh sahaja tetapi juga pengajian secara umum yang bersangkut paut dengan perkara-perkara kajian pada hari tersebut. Kebanyakan jemaah pengajian ini adalah orang-orang yang telah mempunyai asas tentang pengetahuan agama Islam. Anggota jemaah pengajian ini terdiri dari warga tempatan yang berdekatan dengan lokasi pondok pesantren ini iaitu masyarakat dari kampung Ambai dan kampung-kampung sepadan. Pengajian ini adalah mengkaji secara detail permasalahan yang wujud di zaman sekarang dan H. Ahmad Mukhtar berperanan sebagai moderator dan akan memutuskan keputusan akhir sebuah masalah. Sekiranya masalah agak rumit maka keputusan akan ditunda dan akan diperdebatkan pada kiai yang lebih pakar dan diharapkan permasalahan itu akan selesai.

Peranan Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhshaniyah Mukhtariyah dalam pendidikan Islam secara umumnya bergantung kepada pimpinan pondok pesantren iaitu H. Ahmad Mukhtar yang sangat berperanan dalam memberikan pengetahuan dan menganjurkan aktiviti keagamaan di kalangan masyarakat. Beliau yang dipanggil Kiai dalam kelaziman di daerah Jawa mempunyai pengaruh yang sangat tinggi pada masyarakat.²⁷¹ Dalam kepengurusan pengajian di rumah pimpinan Pondok Pesantren Jamiyatul

²⁷¹Zamakhsyari, *Tradisi Pesantren*, 56.

Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai sifatnya sederhana sahaja iaitu seorang ketua, setiausaha dan bendahari dengan rincian pengurusan sebagai berikut:

Ketua : H Lukman Paduko.

Sekretaris : Buya H Rasul.

Bendahari : Buya Fahrul Rozi.

Kegiatan ini berdasarkan wawancara dengan Buya Abdurrahman imam masjid Baitul Wahid kampung Koto Sekilan Ambai dan tokoh masyarakat Koto Sekilan yang menyatakan bahawa, “pengajian ini tidak pernah menempuh pasang surut, pengajian ini berjalan setiap tahun sejak dimulainya pada tahun 1995 sampai sekarang tidak pernah berhenti dan pengajian ini juga turut serta dalam mengembangkan pondok pesantren.”²⁷² Kegiatan ini akan mempunyai pengaruh penting di dalam kalangan masyarakat Ambai terhadap pengetahuan agama Islam. Pengajian ini tidak diadakan pada saat bulan Ramadan dan akan kembali bermula selepas Hari Raya Idul Fitri. Selain itu, anggota pengajian ini juga terdiri daripada para jemaah dari luar desa Ambai serta sebahagian jemaah pengajian ada yang mendiami asrama pondok pesantren yang dikenali dengan orang tua jompo.

5.3.2 (b) Pengajian Di Rumah Pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup

Pengajian di rumah pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup berbeza dengan pengajian di rumah pimpinan Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai. Di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup pengajian didominasi oleh kaum ibu-ibu dan sedikit sekali kaum lelaki. Dengan perincian bahawa anggota pengajian perempuan melebihi jumlah lelaki dengan jumlah jemaah lelaki 1/3 dari

²⁷²Buya Abdurrahman (tokoh masyarakat dan Imam Masjid Baitul Wahid Kampung Koto Sekilan), dalam temu bual dengan penulis, 12 Ogos 2011.

jemaah perempuan manakala pengajian di rumah pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai adalah didominasi oleh lelaki.

Sistem dan kajian yang dibahas juga mempunyai perbezaan dengan pengajian di rumah pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai. Di rumah Abuya Darul Ulum (pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup) dalam pengajian sifatnya hanya memberikan ceramah dan tidak terdapat diskusi seperti di rumah Abuya H. Ahmad Mukhtar. Abuya Darul Ulum hanya memberikan ceramah dengan memperincikan tentang sesuatu kajian pada hari tersebut dan pada sesi akhir para jemaah juga diberikan kesempatan memberi soalan kepada abuya.

Pengajian di rumah Abuya Darul Ulum juga tidak terstruktur secara kurikulum, tajuk dan kajian yang akan didedahkan kepada jemaah semuanya ditentukan oleh abuya. Tajuk yang selalu didedahkan adalah berkaitan fiqh, aqidah dan akhlak. Dalam sistem pengurusannya, pengajian ini juga tidak terstruktur secara formal. Pengurusan hanya mempunyai pengurus atau ketua pengajian yang mengurus keseluruhan tentang hal-hal yang berkaitan dengan pengajian. Pengurus mengenakan yuran kepada anggota pengajian sebanyak Rp 10.000 (RM 3.00) setiap satu orang pada setiap bulannya. Pengurus juga bertugas menetapkan bagi anggota pengajian perempuan untuk membawa makanan kecil pada hari pengajian, dalam sekali pengajian terdapat lima anggota pengajian yang membawa makanan ringan dan air minuman.

5.3.3 Majlis Ta’lim

Dalam Kamus Bahasa Indonesia pengertian majlis adalah pertemuan atau perkumpulan orang banyak atau bangunan tempat orang berkumpul.²⁷³ Manakala ta’lim bererti pengajaran agama.²⁷⁴ Adapun pengertian secara istilah tentang majlis ta’lim,

²⁷³Kamus Besar Bahasa Indonesia, 615.

²⁷⁴Ibid., 1038.

sebagaimana yang dipetik oleh Nurul Huda pada musyawarah Majlis Ta'lim di Daerah Keistimewaan Jakarta tahun 1980 menyatakan bahawa majlis ta'lim adalah lembaga pendidikan non-formal Islam diselenggarakan secara berkala dan teratur, yang diikuti oleh jamaah yang relatif banyak, dan bertujuan untuk membina dan mengembangkan hubungan yang santun dan serasi antara manusia dengan Allah S.W.T. antara manusia dengan sesamanya dan antara manusia dengan lingkungannya, dalam rangka membina masyarakat yang bertaqwa kepada Allah S.W.T.²⁷⁵

Pondok pesantren bukan sekadar mengadakan pengajian rutin di rumah pimpinan pondok pesantren tetapi juga mempunyai sebuah organisasi pengajian majlis ta'lim yang turut mengambil bahagian dan memberikan sumbangan dalam perkembangan pondok pesantren. Majlis ta'lim adalah suatu organisasi keagamaan yang besar di kerinci yang dianggoti oleh keluarga besar pondok pesantren seperti orang tua santri dan para ustaz.

Sebelum majlis ta'lim ini ditubuhkan, ianya merupakan pengajian-pengajian biasa sahaja dan belum terorganisasi seperti sekarang. Sebagaimana ditubuhkannya pondok pesantren begitu juga dengan majlis ta'lim. Bermula dari pengajian biasa yang dilaksanakan di rumah seorang abuya oleh penduduk Kerinci berjumlah kira-kira 10 - 20 orang sahaja dan dilaksanakan seminggu sekali pada malam jumaat. Setelah para peserta bertambah ramai dan berdasarkan keputusan musyawarah bersama dengan anggota pengajian maka terbentuklah suatu kumpulan majlis ta'lim dan pada saat itu juga pengajian ditukar kepada siang hari iaitu pada sebelah petang khamis dan tempatnya dialihkan ke masjid.

²⁷⁵Nurul Huda, et al., *Pedoman Majelis Ta'lim* (Jakarta: Proyek Penerangan Bimbingan Dakwah Khotbah Agama Islam Pusat, 1984), 5.

Di pondok pesantren Kerinci, majlis ta’lim terorganisasi dengan baik dengan para anggotanya majoriti perempuan yang terdiri daripada para ustazah dan isteri para ustaz, penduduk terdekat dengan pondok pesantren dan persatuan para orang tua santri pondok pesantren. Setiap pondok pesantren mempunyai anggota majlis ta’lim dan terorganisasi dengan baik dan sekurang-kurangnya setiap pondok pesantren mempunyai anggotanya sekitar 300 dan 400 orang.

Tujuan utama majlis ta’lim ini adalah memberi pengajian berkaitan agama Islam di samping mempereratkan rasa persaudaraan antara ibu bapa santri dengan para ustaz dan ustazah serta santri dengan santri pondok pesantren. Menurut Abuya Drs Darul Ulum, yang merupakan pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup menyatakan bahawa dengan adanya majlis ta’lim ini para santri yang belajar dan akan merasa terciptanya hubungan akrab serta pembelajaran akan terjadi dengan sangat intens dan kekeluargaan”.²⁷⁶

Dari tahun tertubuhnya majlis ta’lim yang ada di bawah naungan pondok pesantren hingga sekarang pada umumnya majlis ta’lim ini melaksanakan kegiatannya pada setiap hari khamis di sebelah petang. Walau bagaimanapun majlis ta’lim Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup dilaksanakan pada hari sabtu dan kegiatan majlis ta’lim pondok pesantren lainnya mengikuti waktu yang tepat bagi masyarakat setempat. Menurut Ustazah Hajjah Hasanah, bendahari Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, pada hari sabtu penduduk daerah Mukim Air Hangat, mereka bercuti pada hari sabtu karena adanya pasar borong atau pasar rakyat, iaitu para penduduk yang petani ladang menjual hasil ladangnya dan para ibu biasa pergi ke pasar borong yang terjadi setiap sabtu, pada petang hari para ibu-ibu bisa ikut majlis ta’lim, sehingga pada sebelah

²⁷⁶Drs. Darul Ulum, dalam temu bual dengan penulis, 23/05/2012.

petang mereka menyempatkan diri mengikuti majlis ta’lim yang dilaksanakan di Masjid Akbar Semurup.”²⁷⁷

Majlis ta’lim bermula selepas solat zohor iaitu pada pukul 2.30 petang dan disambung setelah solat asar hingga pukul 6 petang. Majlis ta’lim yang ditubuhkan oleh Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup dianggotai oleh ibu-ibu rumahtangga yang sama seperti majlis ta’lim lainnya. Para ibu datang ke Masjid Akbar Semurup dan ada juga anggota majlis taklim yang datang dari desa sekitar pondok pesantren. Menurut Siti Zahrom di Mukim air Hangat,terkadang Masjid Akbar Semurup ini tidak mampu menampung para anggota majlis taklim, kerana anggotanya datang dari empat desa yang berdekatan dengan pondok pesantren ini.”²⁷⁸ Pengamatan penulis sendiri ketika berada di pondok pesantren tersebut dan mengikuti majlis ta’lim, memang Masjid Akbar Semurup dipenuhi oleh anggota majlis ta’lim ibu-ibu, sedangkan para bapa hanya beberapa orang sahaja iaitu bapa perangkat desa seperti kepala desa dan lain-lain. Pada majlis ta’lim tersebut penulis menganggarkan kehadiran adalah seramai 250 orang anggota perempuan dari jumlah keseluruhan 430 orang anggota majlis ta’lim Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup.²⁷⁹

Penceramah pada majlis ta’lim tersebut ialah Ustaz Sapuan Mag, penceramah yang diundang dari bandar Sungai Penuh dengan tajuknya ialah Ahklak seorang mukmin.” Untuk lebih jelasnya tentang majlis ta’lim Nurul Haq di Masjid Akbar Semurup dapat dilihat dari daftar acara majlis ta’lim Nurul Haq Semurup pada 14/03/2010 seperti berikut:

1. Pembukaan

²⁷⁷Hajjah Hasanah (Bendahari dan Ketua Pengurus Majlis Taklim Kampung Semurup), dalam temu bual dengan penulis, 13 Jun 2012.

²⁷⁸Siti Zahrom (Anggota Majlis Ta’lim Nurul Haq di Semurup), dalam temu bual dengan penulis, 13 Jun 2012.

²⁷⁹Dokumentasi Majlis Ta’lim Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tahun 2009/2010.

2. Kata sambutan dari perangkat desa
3. Pembacaan Al -Qur' an
4. Pembacaan shalawat secara serentak oleh anggota Majlis Taklim
5. Ceramah agama
6. Pembacaan doa dan acara penutup.²⁸⁰

Di samping itu, para anggota membuat tabungan secara individu yang bermula selepas lebaran dilaksanakan selama satu tahun berakhir menjelang awal bulan Ramdhan. Majlis ta'lim di Daerah Kerinci ini bukan sahaja mengadakan pengajian, bahkan turut memberikan implementasi yang positif dalam memajukan pondok pesantren serta berperanan dalam mensosialisasikan pondok pesantren di mata masyarakat luas.

Aturcara yang sama dapat dilihat di majlis ta'lim Pondok Pesantren Darunnajah, yang bermula dengan acara membaca salawat bersama-sama, berzanji dan zikir. Setelah itu para anggota akan mendengar ustaz memberikan tauiyah dan tazkirah diikuti dengan sesi terakhir pada kegiatan majlis ta'lim ini iaitu soal jawab kepada ustaz tentang permasalahan berkaitan agama. Untuk acara ramah tamah, santapan ringan akan disajikan yang dibawa oleh anggota majlis ta'lim secara perseorangan atau yang sudah ditentukan oleh pengurus, di samping ada tambahan makanan dari dana majlis ta'lim.

Pada tahun 2010 anggota majlis ta'lim di Pondok Pesantren Darunnajah berjumlah kurang lebih 440 orang, dengan majoriti adalah perempuan. Berdasarkan pengamatan penulis di Masjid Nurul Hasanah Kampung Bumbun Duri Mukim Gunung Tujuh, anggota yang hadir pada majlis ta'lim itu lebih kurang 170 orang dan penceramahnya adalah ustaz H Ahmad Kamaruddin pada acara majlis ta'lim Mukim Gunung Tujuh pada 27/05/2012 yang juga diadakan pada sebelah petang.

²⁸⁰Dokumentasi Majlis Ta'lim Nurul Haq di Masjid Akbar Semurup Mukim Air Hangat Tahun 2009/2010.

Manakala bagi Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhatariyah Ambai, majlis ta'lim ditubuhkan pada tahun 1992. Sebelum menjadi sebuah majlis ta'lim ia hanya sebuah kelompok pengajian yang tidak mempunyai struktur kepengurusan dan jumlah jemaah pun tidak didokumentasikan. Setelah penubuhannya diberi nama Majlis Ta'lim Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah sekitar tahun 1992. Majlis ta'lim ini mempunyai struktur kepengurusan seperti mana-mana majlis ta'lim di Indonesia. Struktur kepengurusan majlis ta'lim Jamiatul ikhsaniyah Muktariyah dari tahun 2007 hingga sekarang adalah seperti berikut:

Pembina : H. Ahmad Mukhtar

Ketua : Hajjah Suwaibah

Sekretaris : Siti Aisah

Bendahari : Siti Hawa²⁸¹

Majlis ta'lim Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai merupakan majlis ta'lim terbesar berbanding dengan majlis ta'lim tiga buah pondok pesantren terpilih. Adapun jumlah anggota majlis ta'lim Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah berjumlah lebih kurang 960 orang pada tahun 2010 yang terdiri daripada beberapa buah desa di kabupaten Kerinci.

Pengajian majlis ta'lim mempunyai beberapa bahagian jadual, iaitu pada pagi Khamis, malam Sabtu dan malam Isnin. Pada pagi Khamis, majlis ta'lim dikhaskan bagi para jemaah atau anggota majlis ta'lim yang dari desa lain, manakala malam Sabtu dan malam Isnin bagi para jemaah dan anggota majlis ta'lim dari Desa Ambai. Program yang dilaksanakan dalam majlis ta'lim bermula pembukaan dan pembacaan ayat suci al-Qur'an dan dilanjutkan dengan salawat secara beramai-ramai sebelum para jemaah

²⁸¹Dokumentasi Pontren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhatariyah Ambai Tahun 2008.

mendengarkan tazkirah dan tauiyah yang disampaikan oleh seorang ustaz yang lazimnya disampaikan oleh Abuya H. Ahmad Mukhtar Ba.

Majlis ta'lim Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah bukan sekadar mengadakan pengajian secara rutin di aula pondok pesantren Jamiatul Iksaniyah Mukhatariyah Ambai, tetapi turut mengadakan lawatan pengajian ke desa lain seminggu sekali dalam usaha membantu mencari dana bagi pondok pesantren Jamitul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai. semasa lawatan tersebut, kot buatan santri pondok pesantren, poster dan kalender bergambarkan pondok pesantren dan gambar Kiai pengasas Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai iaitu Syekh H. Mukhtar dijual dengan bantuan tenaga pengajar. Penjualan ini dilaksanakan setiap bulan Januari atau awal tahun dan daripada pengamatan penulis adalah pada bulan Januari 2011.

Selain mempunyai sebuah kelompok majlis ta'lim untuk masyarakat, Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsniyah Mukhatariyah Ambai juga mempunyai sebuah lagi kelompok pengajian yang khas bagi keluarga Syekh H. Mukhtar bin H. Abdul Karim. Acara yang diadakan di majlis ta'lim ini adalah sama dengan majlis ta'lim yang biasa dilaksanakan di aula Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniayah Mukhtariyah Ambai. Perbezaannya ialah kelompok majlis ta'lim ini diadakan secara bergiliran di rumah-rumah orang yang mempunyai pertalian dengan Syekh H. Mukhatar sahaja, dan penceramah atau pemberi tauiyah dan tazkirah disampaikan oleh ustaz pondok dan ustaz sekali sekala didatangkan dari desa lain.

Majlis ta'lim ini bermula semenjak 8 tahun lepas dan mempunyai jemaah lebih kurang 130 orang yang terdiri dari keturunan Syekh H. Mukhtar seperti anak-anak beliau, cucu dan anak buah beliau dan seterusnya. Majlis ta'lim ini diadakan di sebelah petang Khamis bermula pukul 2 petang, di tempat-tempat berbeza setiap minggu.

Menurut H. Abdul Muthallib, “Majlis Ta’lim ini adalah untuk mempereratkan persaudaraan keluarga kami, silahturrahmi terhadap saudara mara serta menambah pengetahuan tentang agama.”²⁸² Menurut Lukman Paduko, anak buah dari Syekh H. Mukhtar dan juga Kepala Madrasah Aliyah Pondok Pesantren Jamiatul Ikhnsaniyah Mukhtariyah Ambai, “... ditubuhkan majlis ta’lim ini kerana ramainya anak buah Syekh H. Mukhtar yang ingin pengajian ini dan dengan majlis ta’lim ini maka persatuan keluarga kami semakin erat dan pondok pesantren ini akan maju kerana persatuan kami.”²⁸³

Adapun struktur kepengurusan majlis ta’lim ini tidaklah diiktirafkan secara rasmi. Berdasarkan dapatan penulis baik melalui wawancara mahupun dari hasil observasi dan dokumentasi, Majlis Ta’lim ini tidak memiliki struktur kepengurusan sebaliknya hanya mempunyai satu ketua sahaja, iaitu Siti Qomariyah juga memegang jawatan bendahari, sebagai kelompok pembina majlis ta’lim ini adalah dari keluarga besar Syekh H. Mukhtar secara keseluruhannya.

5.3.4 Remaja Masjid

Pembinaan remaja bermaksud agar anak dan remaja menjadi anak yang berguna kepada agama, nusa dan bangsa, berbudi pekerti luhur serta berakhhlak mulia. Program remaja masjid ini dimaksudkan mendidik para remaja yang terdapat di sekitar pondok pesantren agar lebih mengerti tentang pengetahuan agama Islam dan mempunyai keterampilan serta terlatih mental yang tinggi. Maka untuk menjadikan remaja seperti ini maka perlu diwujudkan sebuah tempat untuk mendidiknya, salah satunya adalah perkumpulan remaja masjid. Remaja masjid adalah sebuah kelompok para remaja bagi mengadakan sebuah aktiviti yang berkaitan dengan agama Islam yang dilaksanakan di

²⁸²H Abdul Mutallib (keluarga Syekh H. Mukhtar), dalam temu bual dengan penulis, 23 Julai 2011.

²⁸³Lukman Paduko, dalam temu bual dengan penulis, 23 Julai 2011.

masjid. Kelompok ini dianggotai oleh para remaja desa baik yang masih sekolah maupun remaja yang tidak meneruskan sekolah dan kebanyakan anggota remaja masjid berasal dari para remaja yang bersekolah umum. Para anggotanya terdiri para remaja yang masih kecil yang berumur 10 tahun hingga 20 tahun. Di pondok pesantren Kerinci program pembinaan remaja dilaksanakan melalui program remaja masjid di masjid-masjid yang berdekatan dengan pondok pesantren. Berdasarkan perkiraan penulis dari hasil pengamatan dan temu bual, jumlah anggota remaja masjid bagi setiap satu masjid adalah lebih kurang sekitar 70 dan 80 orang.

Program remaja masjid dilaksanakan hanya sekali seminggu dan acaranya digubal oleh pondok pesantren. Pelaksana program ini adalah para remaja desa dan juga santri-santri pondok pesantren. Berdasarkan hasil pengamatan penulis, dalam melaksanakan aktiviti remaja masjid ini keperluan sarana dan prasarana selalu disediakan seperti ruang utama masjid dijadikan tempat melaksanakan aktiviti muhadaroh, aktiviti belajar al-Qur'an dilaksanakan di ruang beranda masjid, pembesar suara, al-Qur'an, pen, dan tikar sebagai tempat duduk. Perpustakaan masjid disatukan dengan perpustakaan Remaja Masjid bagi ruang remaja untuk membaca buku tentang agama.

Dilihat dari program acara dalam kegiatan ini, ternyata di samping memberikan pengetahuan dasar tentang Islam kepada anak-anak dan remaja, acara ini juga menambah mental dan spiritual kerana program remaja masjid ini dilaksanakan dengan menampilkan para remaja atau anak-anak untuk masa yang akan datang. Untuk lebih jelasnya dapat kita lihat susunan acara muhadaroh kelompok remaja masjid di Masjid Taqwa Ambai di Kampung Ambai Mukim Sitinjau Laut dan seperti kelompok remaja masjid lain dalam melaksanakan muhadaroh umumnya di Daerah Kerinci seperti berikut:

Acara Muhadaroh Remaja Masjid²⁸⁴

1. Pembukaan (dengan membaca Al-fatihah dilakukan oleh moderator)
2. Pembacaan Al Qur'an dan terjemahan (dibacakan oleh anggota remaja Masjid)
3. Pembacaan dari niat wuduk hingga salam diakhir sholat dibacakan setiap satu bacaan dibaca oleh satu orang anak dengan tampil kedepan. (setiap satu sesi dibacakan oleh satu orang anak)
4. Pidato dalam 3 bahasa, ini juga ditampilkan oleh anggota remaja masjid, secara bergiliran.
5. Syarhil Al-Qur'an (dilakukan oleh 3 anggota remaja masjid)
6. Hapalan doa (dibacakan oleh anak-anak dengan tampil kedepan, setiap satu doa, dibacakan oleh satu orang, seperti doa sebelum makan dan sebagainya)
7. Hapalan surrah Juzz Amma (Dibaca oleh para remaja dan anak setiap satu kali kegiatan 15 surah sahaja)
8. Cerdas cermat (cerdas cermat khusus bagi anak sekolah darjah dan tingkatan dengan dibagi beberapa kelompok, dengan soalan yang bersangkut kait dengan agama dan pengetahuan umum)
9. Santapan Rohani (santapan rohani memberikan tazkirah dan tauiliyah yang di sampaikan oleh pembina remaja)
10. Penutup dan Doa (doa dibacakan oleh para remaja senior dan berasal dari pondok pesantren.

Pada umumnya, acara muhadaroh ini dilaksanakan pada malam ahad kerana malam tersebut merupakan malam cuti sekolah bagi para remaja dan dilaksanakan

²⁸⁴Rangkuman dokumentasi program kegiatan remaja masjid Taqwa Ambai di Kampung Ambai Mukim Sitinjau Laut tahun 2009.

sesudah waktu sembahyang Isyak dan berakhir pada pukul 12 malam. Selain kegiatan di atas, remaja masjid juga turut terlibat dalam aktiviti bergotong royong dalam memelihara kebersihan masjid, kebersihan persekitaran mukim dan kampung-kampung. Di samping itu, Remaja Masjid ini juga sebagai panitia pelaksana kegiatan hari-hari kebesaran Islam seperti Isra' Mi'raj, Maulidur Rasul, Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidul Adha yang berkerja sama dengan pejabat kampung dan pengurus masjid. Adapun pendanaan dalam aktiviti remaja masjid adalah dana anak dan remaja yang diberikan oleh kerajaan pusat kepada setiap kampung serta sumbangan dari masyarakat baik berupa infak, sedekah dan derma. Selain itu setiap anggota remaja masjid dikenaka yuran sebanyak Rp.1000 (RM 0.30 sen sahaja) kepada anggota setiap seminggu sekali.

5.3.5 Gotong Royong Bersama Masyarakat

Gotong royong bermaksud bersama-sama mengerjakan atau membuat sesuatu.²⁸⁵

Ia merupakan suatu istilah asli Indonesia yang bererti bekerja bersama-sama untuk mencapai suatu hasil yang didambakan²⁸⁶ serta merupakan nilai sosio ekonomi kebangsaan, untuk membentuk masyarakat yang kondusif. Gotong royong juga merupakan monumen penting bagi masyarakat Indonesia, samada sebelum kemerdekaan ataupun setelah kemerdekaan Republik Indonesia. Gotong royong merupakan tradisi yang dilakukan di Indonesia semenjak nenek moyang dahulu, di samping menyelesaikan pekerjaan secara bersama juga mempunyai rasa persatuan yang kukuh tanpa mengira kaum dan agama. Tradisi ini juga masih dipakai oleh pondok pesantren di Kerinci sehingga kini.

Di Kerinci gotong royong bersama masih selalu dilaksanakan oleh masyarakat, baik dalam satu kampung atau satu mukim. Pondok pesantren di Daerah Kerinci cukup mengambil perhatian terhadap desa sekitar. Pondok pesantrenlah yang selalu

²⁸⁵ Kamus Besar Bahasa Indonesia, 302.

²⁸⁶ "Ekslopedia bebas", dicapai 14 Oktober 2011, http://id.wikipedia.org/wiki/Gotong_royong.

melaksanakan gotong royong bersama masyarakat sekitar dalam membangun pondok mahupun dalam rangka pembersihan kompleks pondok dan pembersihan desa sekitar pondok pesantren. Malah gotong royong juga dijadikan program dan aktiviti penting pondok pesantren di Daerah Kerinci tersebut. Setiap kali gotong royong diadakan di desa sekitar pondok, warga pondok pesantren dan masyarakat sekitar bersama-sama bergotong royong dan aktiviti sekolah dibatalkan untuk mengikuti gotong royong bersama.

Gotong royong bersama ini memberikan pengetahuan kepada santri secara tidak langsung mendidik santri bersatu dalam panji Islam tanpa adanya perkauman. Menurut H Fatoni, “.... di samping melakukan kerjaan bersama juga menambahkan ikatan silahturrahmi antara warga desa dengan warga pondok pesantren, dan keakraban itu akan terjalin secara intim”.²⁸⁷ Di samping itu, gotong royong dapat menanam kesedaran betapa pentingnya kebersihan dalam pandangan Islam dan betapa tingginya persatuan bagi umat Islam secara umumnya.

Bergotong royong dengan masyarakat dalam membersihkan kawasan persekitaran pondok pesantren dan kawasan masyarakat sangatlah digalakkan terutama bagi pondok pesantren untuk memberikan tauladan, pengetahuan dan kesedaran masyarakat betapa pentingnya kebersihan dan konservasi alam. Menurut KH. Deden A. Jauhari pimpinan Pondok Pesantren At-Tanwiriyah, Cianjur sebagaimana yang dipetik oleh Fahrudin Majeri Mangunjaya mengatakan bahawa “*involving santri and ulema in natural conservation and plant growing is very good and should be supported by all the ulema in Indonesia: ‘Many verses in the Qur’ān explain about natural conservation.*

²⁸⁷H. Fatoni (Tokoh Masyarakat Kerinci), dalam temu bual dengan penulis, 25 Mei 2012.

*One of the verses of al-Rūm mentions that “damage on land and sea is caused by human acts”.*²⁸⁸

Dalam bergotong royong bersama masyarakat peranan pondok pesantren sangat berpengaruh terutama peranan Kiai. Kiai dan pondok pesantren itu sendiri menjadi tauladan bagi masyarakat setempat, dan dalam hal bergotong bersama para tokoh masyarakat selalu meminta pertimbangan atau legitimasi pada seorang Kiai pondok Pesantren. Salah satu pondok pesantren yang terlibat dalam gotong royong ialah Pondok pesantren Ikhlasaniyah Mukhtariyah Ambai.

Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhlasaniyah Mukhtariyah Ambai dalam berhubungan dengan masyarakat sekitar sangatlah erat sekali dan begitu saling ketergantungan antara warga pondok dan masyarakat sekitar di mana 100% masyarakat yang tinggal di kawasan pondok pesantren adalah muslim. Dalam mempereratkan hubungan dan kerja sama pondok pesantren ini telah membuat suatu jadual tahunan iaitu gotong royong bersama antara warga pondok pesantren dengan masyarakat sekitar untuk membantu pembersihan pondok, pembangunannya dan juga akan diadakan gotong royong secara rukun tetangga (RT) untuk membantu pembangunan pondok pesantren kerana pondok pesantren ini sedang dalam pembinaan bangunan. Setiap satu Rukun Tetangga mendapat tempat gotong royong satu minggu sekali.

Menurut keterangan H Ahmad Mukhtar tentang bantuan yang telah diberikan pondok pesantren pada desa, “Bahawa tahun yang lepas pondok pesantren telah membantu gotong royong pembangunan Masjid Takwa Ambai, setiap waktu gotong royong mengerjakan masjid, pondok pesantren sengaja dicutikkan dalam proses belajar mengajar untuk ikut dalam bergotong royong, pondok pesantren Jamiyatul Ikhlasaniyah

²⁸⁸Fahrudin Majeri Mangunjaya, “Developing an Inveromental Awareness and Conservation Through Islamic Teaching,” *Oxford Journal of Islamic Studies*, vol. 22, isu 1 (2003), 36-49.

Mukhtariyah Ambai juga sebagai fasilitator bahagian pengadaan makanan dan minuman bagi peserta gotong royong.”²⁸⁹ Ini menunjukkan bahawa hubungan di antara warga desa dengan warga pondok pesantren adalah erat dan bagaimana pondok pesantren berperanan dalam mengeratkan hubungan dengan masyarakat sekitar melalui aktiviti gotong royong.

Pondok pesantren lainnya di Kerinci juga mempunyai aktiviti gotong royong yang sama seperti pondok pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai. Pada tahun 2009 institusi pondok pesantren di Kerinci turut berpartisipasi dalam menanam pokok pelindung di ruas-ruas jalan utama Distrik Kerinci bersama sekolah-sekolah umum dan masyarakat serta pembersihan dranaser-dranaser (longkang) yang melalui dan menelusuri jalan-jalan di Kerinci.

5.3.6 Pondok Pesantren Jompo

Kegiatan yang cukup menarik yang dilakukan oleh pondok pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai adalah menyelenggarakan pengajian *sepuh* (untuk pengajian orang tua yang lanjut usia yang lazim dilaksanakan di pondok pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai disebut santri sepuh atau pengajian orang tua yang telah lanjut usia). Mereka pada umumnya terdiri dari para santri *freelance*, sebahagian dari santri ini tinggal di dalam asrama sebagai orang tua tumpangan dan mengikuti pengajian agama yang difokuskan kepada pengetahuan tentang fiqh dan ilmu tasawuf.

Pondok pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai juga menerima orang tua jompo pada bulan Ramadan untuk mengikuti pengajian atau amalan rohaniah selama 40 hari yang bermula menjelang bulan Ramadhan. Para santri formal sepenuh

²⁸⁹ H Ahmad Mukhtar, dalam temu bual dengan penulis, 14 Mei 2010.

masa akan bercuti sekolah pada bulan Ramadan hingga selesai Hari Raya Aidil Fitri. Pengajian ini lebih diutamakan pada pengetahuan tasawuf dan fiqh, adapun bagi pengajian tasawuf kitab yang dipakai ialah *Minhajul 'Abidin* dan *Hidayatus Salikin* dan bagi ilmu fiqh pula ialah *Mathlaul Badrain*. Selain itu, para santri sepuh ini diberikan suatu kerja seperti bersalawat 10 000 kali dalam masa 40 hari, berzikir 10 000 kali, tasbih dan tahmid serta surah al-Fatihah, Annas, al-Falaq dan surah al-Ahad yang kesemuannya berjumlah 10 000 kali dalam masa 40 hari.

Para santri sepuh menjalani ibadah puasa sepenuh masa di pondok pesantren dan pada 27 hari bulan Ramadan mereka mengadakan kenduri bersama-sama dengan ustaz dan kebiasaannya masyarakat Jambi ramai yang mengadakan tradisi kenduri malam 27 ini terutama sekali masyarakat Daerah Kerinci. H Akmad Mukhtar menjelaskan bahawa dengan menjadi santri diharapkan para orang tua yang lanjut usia ini boleh menciptakan kebiasaan baru dalam beribadah secara baik dan banyak berzikir. Mereka yang menjadi santri adalah orang-orang tua jompo yang memang dititipkan pada pondok pesantren ini bertahun-tahun dan ada yang hanya mondok untuk mengikuti pesantren ini sahaja.²⁹⁰

Dalam melaksanakan kegiatan pondok pesantren jompo ini, Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai berkerjasama dengan Depertemen Sosial Kabupaten Kerinci sama ada dalam bahagian pendanaan ataupun dalam bahagian pengawalan kesihatan orang tua jompo. Pondok pesantren jompo ini hampir sama dengan rumah tumpangan bagi orang tua, tetapi di daerah Jambi tidak ada anak yang menumpangkan orang tua di rumah tumpangan, sebaliknya orang tua itu sendiri yang ingin beribadat secara mendalam dan khusyuk. Setiap tahun pondok pesantren menerima santri sepuh ini kira-kira 50 hingga 60 orang dan aktiviti ini telah bermula sebelum pondok pesantren ini ditubuhkan meskipun pada masa tersebut jumlahnya

²⁹⁰Ibid., 12/03/2010.

paling ramai kira-kira 30 orang sahaja. Manakala pada tahun 1999 jumlah santri sepuh seramai 47 orang sahaja.²⁹¹

Pondok Pesantren Jompo atau rumah tumpangan bagi santri sepuh yang menginap ini tidak dipungut yuran penginapan manakala untuk belanja makan dan keperluan barang lainnya ditanggung oleh santri sepuh.²⁹² Para santri sepuh adalah ramai dari kalangan duda dan janda dan disediakan pondok yang sama seperti pondok santri lelaki sepenuh masa termasuk santri sepuh perempuan juga mendapatkan penginapan pondok.

5.4 Kesimpulan

Pondok pesantren merupakan akar kepada perkembangan pendidikan Islam di Indonesia dengan peranannya dalam mengembangkan Islam dan memberikan pendidikan Islam kepada masyarakat Indonesia. Pondok pesantren di Kerinci juga telah berkembang dan mempunyai peranan yang besar kepada masyarakat Islam. Peranan utama yang terserlah kepada masyarakat ialah peranan dalam bidang mengajarkan ilmu al-Qur'an, mengajarkan bahasa Arab, tafsir, hadith, seni kaligrafi, kitab-kitab kuning, melahirkan para dai'i dan berperanan dalam memimpin masyarakat. Selain itu, pondok pesantren di Kerinci juga memainkan peranan dalam melalui aktiviti tidak formal seperti mengadakan pengajian di masjid yang terdapat di sekitar pondok, pengajian rutin masyarakat sekitar di rumah ustaz pimpinan pondok pesantren, majlis ta'lim yang dibina oleh pondok pesantren pesantren jompo dan aktiviti bergotong royong bersama masyarakat sekitar. Berdasarkan peranan-peranan pondok pesantren di atas, tidak dapat dinafikan bahawa pondok pesantren telah memainkan peranan utama dalam pendidikan Islam di Kerinci dari awal penubuhannya sehingga kini.

²⁹¹Ibrahim S.Ag (Ustaz Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai), dalam temubual dengan penulis, 13 Mei 2010.

²⁹²*Ibid.*

BAB VI

KESIMPULAN

6.1 Kesimpulan

Pondok pesantren merupakan wadah tempat mempelajari pengetahuan agama Islam yang utama di Indonesia, dengan kewujudannya di tengah-tengah masyarakat Indonesia yang majoritinya beragama Islam. Kehadiran pondok pesantren berlaku sejak masuknya Islam di Indonesia tetapi tarikh yang tepat tentang bermulanya pendidikan pesantren ini tidak diketahui. Dalam kehidupan sehari-harinya, pondok pesantren diterima di tengah-tengah masyarakat secara umumnya di mana wujud kerjasama dengan masyarakat dan pondok pesantren menjadi panutan masyarakat terutamanya personaliti seorang Kiai pondok pesantren yang menjadi ligitimasi masyarakat setempat.

Dalam pelaksanaan pendidikan pondok pesantren pada umumnya, kurikulum yang dilaksanakan adalah kurikulum tersendiri iaitu pembelajaran kitab-kitab kuning sebelum kemasukan sistem madrasah ke dalam pondok pesantren. Setelah memasukkan sistem madrasah ke pondok pesantren, maka kurikulum yang dilaksanakan adalah berdasarkan kurikulum pendidikan yang ditetapkan oleh Departemen Agama Republik Indonesia. Walau bagaimanapun sebahagian pondok pesantren yang terdapat di Indonesia masih mempertahankan kurikulum-kurikulum pondok pesantren yang klasik (kurikulum kitab kuning) di samping melaksanakan kurikulum madrasah yang dikeluarkan oleh kerajaan Indonesia begitu juga dengan pondok pesantren di Kerinci Jambi Indonesia yang telah menerapkan kurikulum ke dalam sistem pendidikan pondok pesantren.

Pondok pesantren sangat memainkan peranan penting dalam menyebarkan pengetahuan agama Islam di Indonesia pada umumnya dan khasnya di Kerinci, Negeri

Jambi terutama kepada santri dan masyarakat di mana pondok pesantren itu ditubuhkan. Di dalam sejarah kemerdekaan Republik Indonesia, pesantren tidak terlepas berperanan dalam berjuang bersama dengan masyarakat umum untuk melepaskan diri dari penjajahan. Bahkan kebanyakan pemberontakan untuk berjuang melawan penjajahan berasal dari pondok pesantren di mana Kiai menjadi penggerak utama dalam perjuangan untuk melawan penjajahan.

Setelah kemerdekaan Republik Indonesia pondok pesantren tetap berperanan mengembangkan pengetahuan Islam dan juga dalam pembangunan kerajaan Republik Indonesia, samada dalam segi sosial maupun politik. Dalam peranan sosialnya pada masyarakat sekitar, pondok pesantren aktif dalam membangun desa seperti bergotong royong bersama dan kiai menjadi tempat meminta pandangan dalam membangun sesuatu pada sebuah desa. Dalam segi politik walaupun pondok pesantren itu kurang berkecimpung dalam politik tapi tolak ukur pondok pesantren tetap dijadikan pandangan oleh masyarakat setempat.

Di Kerinci Jambi pondok pesantren tidak begitu berkembang dibandingkan dengan pondok pesantren yang ada di Pulau Jawa, namun peranannya tetap dirasakan oleh masyarakat terutama dalam membangun masyarakat di bidang pengetahuan agama dan ikut berpartisipasi dalam bidang sosial. Dengan memperhatikan huraian sebelumnya termasuk jumlah pondok pesantren dan santri serta potensi yang dimiliki oleh pondok pesantren di Kerinci, maka dapat dikemukakan kesimpulan bahawa pondok pesantren harus memainkan peranan sebagai institusi pendidikan agama Islam di Kerinci.

Pondok pesantren di Kerinci Jambi juga mampu memberikan dorongan semangat kepada penduduk yang bersumber dari nilai-nilai ajaran agama dan masalah-masalah yang sulit untuk diputuskan penduduk tentang perkara agama dapat

diselesaikan dengan adanya kehadiran pondok pesantren. Ini bererti bahawa pondok pesantren jelas berperanan sebagai sebuah *altrenatif ideal*,²⁹³ sedia mensosialisasikan santri dan penduduk Kerinci dengan pengetahuan pendidikan agama Islam. Perkara ini telah nampak jelas terutama sekali kepada para santri pondok pesantren di Kerinci seperti peranan dalam mengembangkan bahasa Arab, mengeluarkan hafizul Qur'an, penafsir al-Qur'an, pemimpin masyarakat dan melahirkan para pendakwah. Pada masyarakat pula pondok pesantren di Kerinci telah mengembangkan pengetahuan Islam dan tauladan Islami dengan mengadakan berbagai-bagai aktiviti seperti majlis ta'lim, pengajian-pengajian, pembinaan remaja dan sebaginya.

Peranan dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh pondok pesantren di Kerinci dapat dirasai oleh alumni-alumni pondok pesantren serta penduduk sekitar pondok pesantren dari segi manfaatnya. Hasil wawancara dengan alumni pondok pesantren serta penduduk-penduduk sekitar pondok menyatakan bahawa tertubuhnya pondok pesantren di Kerinci dapat meningkatkan pengetahuan agama bagi masyarakat pada umumnya, khasnya para santri.

Daripada kajian yang dilakukan penulis terhadap 4 buah pondok pesantren di Kerinci daripada 9 buah keseluruhannya dalam penelitian terhadap sejarah perkembangan, kurikulum, sistem dan peranannya dalam pendidikan Islam, maka beberapa rumusan dapat disimpulkan iaitu:

1. Pondok pesantren di Kerinci telah berkembang pada pertengahan abad ke-19 dan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhtariyah Ambai adalah pondok pesantren yang pertama ditubuhkan di Kerinci.

²⁹³Lihat bab II di halaman 31.

2. Kiai pondok pesantren di Kerinci dipandang tinggi oleh masyarakat dan dijadikan legitimasi kepemimpinan dalam masyarakat Kerinci pada umumnya.
3. Kurikulum pondok pesantren di Kerinci menggunakan kurikulum madrasah yang dikeluarkan oleh Departemen Agama Republik Indonesia di samping mengekalkan kurikulum pondok pesantren masing-masing. Sebahagian besar dari kurikulum pondok pesantren masih menggunakan kitab kuning sebagai kitab utama sebagai kitab rujukan utama.
4. Pondok pesantren Kerinci kini telah memasukkan sistem madrasah ke dalam sistem pendidikan pondok pesantren bagi mengekalkan ijazah agar diterima dan setaraf dengan ijazah sekolah-sekolah umum di Indonesia.
5. Sistem yang digunakan di pondok pesantren di Kerinci adalah sistem formal (klasikal) dan sebahagian masih ada yang mempertahankan sistem dan metode pengajaran wetongan dan bendungan pada subjek tertentu. Sistem ini juga digunakan dalam kurikulum pendidikan Islam pondok pesantren.
6. Pondok pesantren di Kerinci telah ramai melahirkan tokoh-tokoh dakwah, ulama-ulama, para penafsir, dan hafizul-hafizul Qur'an.
7. Di bidang pendidikan Non-Formal pondok pesantren di Kerinci membuat aktiviti-aktiviti kepada masyarakat terdekat seperti majlis ta'lim, pengajian masyarakat dirumah pimpinan pondok, pembinaan remaja masjid dan sebagainya.

6.2 Saranan-saranan

Peranan yang telah dimainkan oleh pondok pesantren di Kerinci dalam pendidikan agama Islam kepada pelajarnya dan masyarakat mampu mempercepatkan kelajuan pengetahuan agama Islam di Kerinci. Pondok pesantren di Kerinci diharapkan

lebih aktif meningkatkan kurikulum pendidikan dan bentuk-bentuk aktiviti pada masyarakat agar proses pemberdayaan pengetahuan agama pada santri dan penduduk di sekitar lebih pantas dalam perubahan sosial mengikut norma-norma agama. Pondok pesantren di Kerinci patut memperhatikan bahawa pengembangkan pengetahuan agama kepada masyarakat perlu melibatkan pejabat-pejabat kerajaan tingkat perbandaran. Maka untuk itu penulis menyarankan beberapa saranan sebagai berikut:

6.2.1 Saran Bagi Pejabat Kerajaan Perbandaran Kerinci

1. Diusulkan kepada pejabat-pejabat perbandaran Kerinci agar memperhatikan serta amat dialu-alukan memberi sokongan moral dan spiritual terhadap pondok pesantren di Kerinci sebagai institusi pendidikan agama sekaligus sebagai pendidik pengetahuan pada masyarakat Kerinci khasnya masarakat kampung sekitar pondok pesantren.
2. Pihak pejabat perbandaran Kerinci juga disarankan meningkatkan kerjasama dengan pondok pesantren untuk mensosialisasikan pondok pesantren kepada masyarakat agar institusi ini lebih diterima oleh masyarakat dengan memaparkan lokasi dan tujuan berserta program pondok pesantren yang ada di Kerinci agar masyarakat lebih mudah mengetahui serta akan berminat untuk menyekolahkan anak mereka di pondok pesantren.
3. Pihak Depertemen Agama Republik Indonesia Daerah Kerinci diharapkan mengurus serta memantau perkembangan pendidikan Islam khasnya departemen bidang Pontren (pondok pesantren) agar selalu memberikan motivasi dan bantuan kursus-kursus dalam bidang-bidang tertentu bagi ustaz pondok pesantren. Ini diharapkan pondok pesantren akan lebih diterima di tengah-tengah masyarakat walaupun status kepemilikan adalah milik persendirian bukan kebangsaan.

4. Pihak pejabat Kerinci perlu menaikkan dana khas untuk tujuan meningkatkan perkembangan pondok pesantren supaya mampu bersaing dengan sekolah umum, dan menjadikan pendidikan pondok pesantren sebagai tujuan utama sumber ilmu pengetahuan dengan menyeimbangi pengetahuan agama dengan pengetahuan umum, serta agar pondok pesantren terus meningkatkan kualitinya dan lebih giat dengan perkembangannya.

6.2.2 Saran Bagi Pondok Pesantren di Kerinci

1. Pondok pesantren amat perlu meningkatkan peranannya di masa hadapan kepada masyarakat dan khasnya terhadap pelajar itu sendiri sebagai pewaris para ulama, pendakwah dan penerus para ustaz dengan meningkatkan kualiti kurikulum pendidikan Islam serta memperbanyak aktiviti-aktiviti yang bersifat keagamaan kepada masyarakat.

2. Pondok pesantren di Kerinci perlu menyedari bahawa ia adalah pusat peradaban muslim Indonesia khasnya di Kerinci. Oleh itu, identifikasi potensi dan integrasi diperlukan untuk melihat kedudukan suatu pondok pesantren kini dan mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang menghambat proses menuju perkembangan ke arah pondok pesantren ideal.

3. Pondok pesantren di Kerinci harus mempertahankan keunggulan jaringan antara pondok pesantren agar terbentuk saling membesarakan antara pondok pesantren satu dengan yang lainnya serta berdiskusi untuk menuju kemajuan.

4. Pondok Pesantren di Kerinci perlu melaksanakan *Study Tour* ke pondok-pondok pesantren besar yang telah maju dan berkembang di daerah lain agar mendapat idea dan saran dalam mengembang dan mempertingkat pendidikan pondok pesantren.

5. Pondok pesantren di Kerinci perlu meningkatkan peranan serta pembinaan berterusan dan berkelanjutan untuk memperbesar potensi di masa yang akan datang terutama sekali kepada pelajar-pelajar pondok pesantren dan masyarakat sekitar.

6. Pemimpin pondok pesantren di Kerinci beserta dengan para ustaz harus mempunyai suatu perkumpulan bersama, di samping mempereratkan silaturahim antara pondok pesantren juga menjadi tempat berdiskusi agar lebih maju dan berkembang dengan sekolah-sekolah umum lainnya.

7. Pondok pesantren di Kerinci harus memperhatikan pengelolaan ekonomi pondok pesantren baik tentang pendapatan maupun tentang bajet yang telah dikeluarkan kerana perkembangan sesuatu pondok pesantren bergantung kepada sumber usaha (bajet) yang ada.

6.3 Penutup

Analisa data dari penelitian sejarah dan peranan pondok pesantren dalam pendidikan Islam di pondok pesantren di Daerah Kerinci, Negeri Jambi menunjukkan bahawa pondok pesantren di Kerinci telah memainkan peranan utama dalam mengembangkan pendidikan agama Islam melalui pendidikan dan pengetahuan kepada pelajar-pelajar pondok pesantren terutamanya dan juga masyarakat Islam. Bahkan telah memotivasi masyarakat dalam menjalankan ibadah kepada Allah S.W.T. melalui pelaksanaan pendidikan di pondok pesantren dengan keunggulan kurikulum yang berasaskan pendidikan Islam.

Kesimpulannya, adalah jelas bahawa pondok pesantren telah memainkan peranannya dalam pendidikan Islam di Kerinci dengan statusnya sebagai sebuah institusi pendidikan Islam dimiliki secara persendirian dengan bantuan oleh pihak

kerajaan sesuai dengan undang-undang pendidikan nasional yang dikeluarkan oleh kerajaan Indonesia. Sewajarnya pondok pesantren di Daerah Kerinci berusaha mengikuti perkembangan pendidikan kini tanpa meninggalkan sistem pendidikan tradisional agar pondok pesantren tidak dipandang sebelah mata atau rendah dan mampu bersaing dengan institusi pendidikan lainnya di Indonesia.

Berdasarkan kepada peranan tradisional pondok pesantren di Indonesia pada tahap bermulanya pendidikan Islam di Indonesia dengan mengambil kira semasa yang pesat dengan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pondok pesantren serta peranan yang lebih pada masa hadapan, maka adalah diharapkan pondok pesantren di Kerinci dapat terus berfungsi dan memainkan peranannya sebagai sebuah pusat perkembangan tamadun Islam dan sebagai sebuah institusi pendidikan Islam yang akan melahirkan kader-kader generasi muda yang berpengetahuan Islam, berjiwa dan berohanai Islami.

BIBLIOGRAFI

DOKUMENTASI

Badan Pusat Statistik Provinsi Jambi Tahun 2009.

Badan Pengawas Statistik Wilayah Provinsi Jambi Tahun 2005.

Badan Statistik Kabupaten Kerinci 2009, tentang nama-nama Datuk Bandar Kerinci.

Daftar Tenaga Guru di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Tahun 2008/2009.

Data Jumlah Guru Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai Tahun 2009-2011.

Data Jumlah Santri Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun 2008/2009.

Data Statistik Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, 20 Desember 2011.

Data Statistik Wilayah Provinsi Jambi dari Tahun 2000-2008.

Jumlah dan keadaan guru pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tahun 21 Desember 2010.

Jumlah Santri Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai Tahun 2009.

Jumlah Santri Pondok Pesantren Raudlatul Ulum 2012.

Kantor Pusat Statistik Kabupaten Kerinci, 2008, tentang Jumlah Penduduk Distrik Kerinci perkecamatan.

Kantor Pusat Statistik Kabupaten Kerinci, 2008, tentang pembahagian Distrik Kerinci dalam permukim.

Keterampilan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Tahun 2012.

Keadaan Tata Usaha Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun 2009-2012.

Kurikulum Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai Tahun 2010.

Kurikulum Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Tahun 2012.

Kokurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup 2012.

Kurikulum Pondok Pesantren Darunnajah 2012.

Kokurikulum Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai 2010.

Kokurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup 2012.

Kokurikulum Pondok Pesantren Darrunajah 2012.

Majlis Ta`lim Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhatariyah Ambai Tahun 2010.

Majlis Taklim Nurul Haq di Masjid Akbar Durian Semurup Tahun 2009/2010.

Pengajian, Majlis Ta`lim, dan Remaja Masjid Pondok Pesantren Darunnajah Tahun 2011.

Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhatariyah Ambai tentang Sejarah Penubuhan Pondok Pesantren tahun 2008.

Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai tahun 2009 tentang daftar nama tenaga pengajar pondok pesantren

Pondok pesantren Jamiatul ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai tentang pentadbiran dan pengurusan pondok pesantren Tahun 2012.

Pondok pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai tentang sarana dan prasarana tahun 2008-2012.

Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai tentang Jadual Guru Dalam Mengajar tahun 2008-2012

Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai tentang sejarah ditubuhnya pondok pesantren tahun 1977-1980.

Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tentang sejarah penubuhan pondok pesantren Nurul Haq semurup tahun 2011.

Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tentang kurikulum Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup Tahun 2011-2012.

Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tentang struktur organisasi dan pentadbiran tahun 2010.

Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tentang organisasi Majlis Ta`lim dan Remaja masjid binaan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tahun 2010-2012.

Pondok Pesantren Raudlatul Ulum tahun 1430 H / 2009 tentang sejarah Pondok Pesantren Raudlatul ulum

Pondok Pesantren Raudlatul Ulum tentang Kurikulum Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Tahun 2010-2012.

Pondok Pesantren Raudlatul Ulum tentang organisasi pengajian tahun 2009/2010.

Pondok Pesantren Raudlatul Ulum tentang pembangunan dan usaha tahun 2004/2005.

Pondok Pesantren Raudlatul Ulum tentang sarana dan prasarana tahun 2011.

Pondok Pesantren Darunnajah Mukim Tumbuh Duri tentang sejarah penubuhan tahun 2011/2012.

Pondok Pesantren Darunnajah tentang keadaan siswa tahun 2011-2012.

Pondok Pesantren Darunnajah tentang tenaga pengajar dan struktur organisasi tahun 2011-2012.

Program Kegiatan Remaja Masjid di Kampung Ambai Mukim Sitinjau Laut tahun 2009.

Remaja Masjid Pondok Persantren Raudlatul Ulum tahun 2011/2012.

Tata Usaha Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, 21 September 2010.

RUJUKAN BUKU

Abd. Halim El-Muhammady. *Pendidikan Islam Perananannya Dalam Pembangunan Ummah*. Selanggor Darul Ehsan: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1994.

Abdul Halim Hj. Mat Diah. *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Cet. ke-1. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1989.

Abdul Halim Soebahar. *Wawasan Baru Pendidikan Islam*. Jakarta: Kalam Mulia, 2002.

Abdul Majid dan Dian Andayani. *Pendidikan Agama Islam Berbasis Kompetensi*. Bandung: Remaja Rosdakarya, 2005.

Abdul Mukti Bisyri et al. *Pengembangan Metodologi Pembelajaran Salafiyah*. Jakarta: Bagian Proyek Peningkatan Wajar Diknas Pondok Pesantren Salafiyah Dirjen Kelembagaan Agama Islam Depag RI, 2002.

Abdullah Muhammad Zin. *Pendidikan Islam Di Malaysia: Dari Pondok Ke Universiti*. Cet. ke-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Abdurrahman Wahid. *Mengerakkan Tradisi Esai-esai Pesantren*. Cet. ke-1, Yokyakarta : LKiS, 2001.

A. Halim et al. *Manejemen Pesantren*. Cet. ke-1, Yokyakarta: LKiS Pelangi Aksara, 2005.

A. Salaby. *Sejarah Kebudayaan Islam*, terj. Mukhtar Yahya. Surabaya: Percetakan Salim Nahban. 1957.

A. Syafii Maarif et al. *Pendidikan Islam di Indonesia*. Yokyakarta: PT. Tiara Wacana, 1991.

A. Syafii Maarif, *Islam dan Politik: Teori Belah Bambu, Masa Demokrasi Terpimpin 1959-1996*. Jakarta: Gema Insani, 1996.

Anas Majid. *Sejarah Revolusi Kemerdekaan Daerah Jambi*. Jambi: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1986.

- Aqib Suminto. *Politik Islam Hindia Belanda*. Jakarta: LP3ES. 1985.
- Armai Arief. *Pengantar Ilmu Pendidikan Islam*. Ciputat: Pers. 2002.
- Azyumardi Azra, MA. *Pendidikan Islam: Tradisi dan Modernisasi Menuju Milinium Baru*. Cet. ke-4. Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2002.
- _____. “Surau: Pendidikan Islam Tradisional Dalam Transisi dan Modernisasi.” cet.ke-1. Jakarta : Logos Wacana Ilmu, 2003.
- Bachtiar. *Metodologi Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Gramadia, 1984.
- Benda, Harry J. *The Crescent and The Rising Sun*. The Hague and Bandung : Van Houven, 1985.
- Bruinessen, Martin Van. *Kitab Kuning, Pesantren Dan Tarekat : Tradisi-tradisi Islam Di Indonesia*. Cet. ke-1. Bandung: Mizan, 1995.
- Bugene, A. Myers. *Zaman Keemasan Islam, Para Ilmuwan Muslim dan Pengaruhnya Terhadap Dunia Barat*. Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru, 2003.
- Chabib Thoha. *Pengembangan Kurikulum PAI Untuk Pembentukan Masyarakat Madani*. Semarang: Fak. Tarbiyah IAIN Wali Songo, 1999.
- Depertemen Agama Republik Indonesia. *Pembinaan Kelembagaan Agama Islam: Pedoman Penyelengaraan Unit Keterampilan pondok Pesantren*. Jakarta: CV Forum, 1985.
- _____. “Al Qur'an dan Terjemahannya.” Jakarta: Proyek Pengadaan Kitab Suci Al Qur'an, 1989.
- _____. “Pola Pembelajaran di Pondok Pesantren.” Jakarta: Direktorat Jenderal Kelembagaan Agama Islam. 2003.
- _____. “Pola Penyelengaraan Pesantren Kilat.” Jakarta: Direktur Jendral Pendidikan Kelembagaan Agama Islam, 2003.
- Depertemen Pendidikan Nasional dan Pusat Bahasa. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Depertemen Pendidikan Nasional, 2003.
- Depertemen Pendidikan Nasional Republik Indonesia. *Undang-undang Tentang Sistem Pendidikan Nasional*. Bandung: Citra Umbara, 2003.
- Edwar Djamaris, *Pengantar Sastra Rakyat Minang Kabau*. Ed. ke-1. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2002.
- Fadzlullah Hj. Shuib. *Kecemerlangan Ilmu Dalam Sejarah dan Tamadun Islam*. Cet. ke-1. Selanggor: Institut Teknologi Mara, 1995.
- Farida Bahar et al. *Sejarah Pendidikan Jambi*. Jambi: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan Daerah Jambi, 1981.

Gottschalk, Louis. *Mengerti Sejarah: Peengantar Metode Sejarah*, terj. Nugroho Natosusanto. Cet. ke-1. Ed. ke-2. Jakarta: Yasarasan Penerbit Universitas Indonesia, 1975.

Hanun Asrohah. *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*. Jakarta: Logos, 1999.

Hajjah Nur Uhbiyati. *Ilmu Pendidikan Islam*. Cet. ke-2. Bandung : Pustaka Setia, 1995.

Hasan Langgulung. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Cet. ke-1. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka, 1986.

_____, *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan Islam*. Cet. ke-1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

Hasip Kalimuddin Syam. *Pokok-pokok Adat Pucuk Jambi Sembilan Lurah, Sejarah Adat Jambi*. Jilid. ke-1. Cet. ke-1. Jambi: Lembaga Adat Provinsi Jambi, 2001.

Hazbullah. *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia: Lintasan Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan*. Jakarta: PT Grafidi Persada, 1999.

H. Ahmad Yunus. *Sejarah Kebangkitan Nasional Daerah Jambi*. Jakarta: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1985.

_____, *Sejarah Kemerdekaan Daerah Jambi*. Jakarta: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1986.

H. Dasiba et al. *Sejarah Perjuangan Rakyat Kerinci Mempertahankan Kemerdekaan Republik Indonesia 1945-1949*. c. 1. Kerinci: Pemerintah Kabupaten Kerinci Dinas Pariwisata dan Kebudayaan, 2004.

H. Gazali Mansyur. *Perjuangan dan Perlawanannya Rakyat Kerinci Pada Agresi Belanda ke II*. Jambi: Pemerintah Provinsi Jambi, 2002.

H. Kafrawi. *Pembaharuan Sistem Pendidikan Pesantren*. Jakarta: Cemara Indah, 1978.

H. Muhammin. *Pengembangan Kurikulum Pendidikan Agama Islam*. Jakarta: PT. Raja Grafindo, 2005.

HS. Mastuki, El-sha, M. Ishom. *Intelektualisme Pesantren*. Jakarta: Diva Pustaka, 2006.

H. Sugih Waras. *Pondok Pesantren dan Pembangunan Pedesaan*. Jakarta: Dharma Bakti, 1980.

Idris Awang. *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Petaling Jaya: Intel Multimedia dan Akademi Pengajian Islam, 2001.

Idris Jakpar & Indra Idris. *Menguak Tabir Prasejarah di Alam Kerinci*. Kerinci: Dinas Kebudayaan Kerinci, 2001.

Imam Barnadib. *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Yokyakarta: Yayasan Penerbit FIB-IKIP, 1982.

- Iskandar Zakaria. *Tambo Sakti Alam Kerinci I*. Jakarta: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1989.
- Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad & Jorry, Patrick, ed. *Islamic Studies And Islamic Education: In Contemporary Southeast Asia*. Selangor: Yayasan Ilmuwan, 2011.
- Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Kamus Perwira Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris*. Ed. ke-1. Selangor: Penerbitan Daya Sdn. Bhd., 1998.
- Koentjaraningrat. *Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Gramedia, 1977.
- Mahmud Yunus. *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Hidakarya Agung, 1993.
- Marwan Saridjo et al. *Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia*. Jakarta : Darma Bakhti, 1980.
- M. Arifin. *Kapita Selekta Pendidikan (Umum dan Islam)*. Jakarta: Bumi Akasara, 1995
- M. Dawam Rahardjo. *Pesantren dan Pembaharuan*. Jakarta: LP3ES, 1974.
- _____. *Pergulatan Dunia Pesantren*. Jakarta: P3M, 1985.
- _____. “The Kyai, the Pesantren and the Village: A Preliminary Sketch” dalam Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique & Yasmin Hussain (eds.) *Readings on Islam in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1985.
- M. Yakub. *Pondok Pesantren dan Pembangunan Masyarakat Desa*, Bandung: Angkasa, 1993.
- Mustafa Abu-Sway. *Al-Ghazzaliyy: A Study in Islamic Epistemology*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Muhammad Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Muhammad Mustari, Ph.D. *Peranan Pesantren Dalam Pembangunan Pendidikan Masyarakat Desa*. Cet. ke-2. Yogyakarta : Multi Press, 2011.
- Nana Sujana & Ibrahim. *Penelitian dan Penilaian Pendidikan*. Bandung: Sinar Baru, 1989.
- Nourouzzaman Shiddiqie. *Pengantar Sejarah Muslim*. Yogyakarta: Nurcahaya, 1983.
- Nugroho Natosusanto. *Norma-norma Dasar Penelitian dan Penelitian Sejarah*. Jakarta: Pusat Sejarah ABRI, 1971.
- Nurcholis Madjid. *Kaki Langit Peradaban*. Jakarta: Paramadina, 1997.

- Nurul Huda et al. *Pedoman Majelis Ta'lim*. Jakarta: Proyek Penerangan Bimbingan Dakwah Khotbah Agama Islam Pusat, 1984.
- Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009.
- Pemerintah Kabupaten Kerinci. *Sejarah Perjuangan Rakyat Kerinci Mempertahankan Kemerdekaan RI 1945-1949*. Jakarta: Pustaka Nasional, 2004.
- Raihani. *Curriculum Construction in the Indonesian Pesantren: Comparative Case Study of Curriculum Development in Two Pesantrens in South Kalimantan*. Germany: Lambert Academic Publishing, 2009.
- Rosenthal. Franz. *Keagungan Ilmu*. terj. Syed Muhammad Dawilah Syed Abdullah. Cet. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997.
- Sadikun Sugih Waras. *Pondok Pesantren dan Pembangunan Pedesaan*. Jakarta: Dharma Bhakti, 1979.
- Sahal Mahfudz. *Pesantren Mancari Makna*. Jakarta: Pustaka Ciganjur, 1999.
- Saipudin Azwan. *Metode Penelitian*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1985.
- Sitatul Nur Aisyah. *Pesantren Mahasiswa; Pesantren Masa Depan dalam Menggagas Pesantren Masa Depan*. Yogyakarta: Qirtas, 2003.
- S. Nasution, M. A. *Kurikulum dan Pengajaran*. Jakarta: Bumi Aksara, 2008.
- Steinbrink, Karel A. *Pesantren, Madrsah, Sekolah*. Jakarta: LP3S, 1974.
- Sudjoko Prasodjo et al. *Profil Pesantren*, Jakarta: LP3ES, 1982.
- Sukamto. *Kepemimpinan Kiai Dalam Pesantren*. Cet. 1. Jakarta: Pustaka LP3ES, 1999.
- Sutrisno Hadi. *Metodologi Research*. Cet. ke-1. Yogyakarta: UGM, Fakultas Psikologi, 1984.
- Syed Muhammad Dawilah Al-'Edrus. *Islam Epistemology: An Introduction to the Theory of Knowledge in al-Qur'an*. Cambridge: The Islamic Academy, 1992.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of The Fundamental Elements of The Worldview of Islam*. Cet. ke-1. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought And Civilization (ISTAC), 1995.
-
- _____, *The Concept of Education In Islam: A Framework For An Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: Youth Movement of Islam Malaysia (ABIM), 1980.
- Tatang M Amrin. *Menyusun Rencana Penelitian*. Cet. ke-2. Jakarta: CV Raja Wali, 1986.

Usman Meng. *Napak Tilas Liku-Liku Provinsi Jambi: Kerajaan Melayu Kuno dan Terbentuknya Provinsi Jambi*. Cet. ke-1. Jambi: Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Provinsi Jambi, 1994.

Usman Said. *Sumbangan Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Kepribadian Indonesia*. Cet. ke-1. Jakarta: Pustaka LP3S, 1999.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Cet. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

_____. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al Atas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Cet. ke-1. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005.

Watson, C.W. *Kinship, Property and Inheritance in Kerinci, Central Sumatera*. United Kingdom : University of Kent, 1992.

Wijanarko Putut. *Islam dan Kemiskinan*. Bandung: Pustaka Salman Institut Teknologi Bandung, 1988.

Winarno Surachmad. *Dasar dan Teknik Reseach Pengantar Metodologi Ilmiah*. Bandung: C.V Tarsito, 1970.

Yushar Mahsud. *Perkembangan Islam di Jambi*. Jambi: IKIP Jambi, 1973.

Yunus Mahmud. *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*. Jakarta: Hidakarya Agung, 1993.

Zakmaksyari Dhofier. *Tradisi Pesantren, Study Tentang Pandangan Hidup Kiai*. Jakarta: LP3ES, 1983.

Zawawi Hj. Ahmad. *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Zuhairini et al. *Sejarah Pendidikan Islam*. Ed. ke-1, Cet. ke-7. Jakarta: Bumi Aksara. 2004.

RUJUKAN JURNAL

Abdurrahman Kasdi, “Rintisan Munawir Sjadjali dan International Studies: Menembus Kebekuan Pendidikan Islam,” *Jurnal Inovasi Perguruan Tinggi*, Vol. 6. No. 2 (2003): 1-11.

Ahmad Zaki Ibrahim & Norhayati Haji Hamzah, “Sorotan Gerakan Penterjemahan dan Penerbitan Buku-buku Dalam Dawlah ‘Abbasiyyah di Baghdad: Satu Analisa Iktibar Dari Sudut Institusi Penerbitan Semasa,” *Jurnal Al-Tamaddun* 3 (2008): 1-26.

Arief Efendi, “Peran Strategis Lembaga Pendidikan Berbasis Islam di Indonesia,” *Jurnal El-Tarawwi (Jurnal Pendidikan Islam)*, Vol. 1. No. 1 (2008): 1-11.

- A. Rafiq Zainul Mun'im, "Peran Pesantren Dalam Education for All di Era Globalisasi," *Jurnal Pendidikan Islam*, Vol. 1. No.1 (2009): 9-14.
- Bambang Winarko, "Content, Benefits and Development of Pesantren Online in Indonesia," *Journal of Library & Information Science*, Vol. 12. No. 2 (2007): 57-75.
- Bruinessen, M. Van, "Kitab Kuning: Books In Arabic Script Used In The Pesantren Milieu," *Journal KITVL*, Vol. 146. No. 2/3 (1990): 226-269.
- Castle. Lance, "Notes on The Islamic School at Gontor," *Jurnal Indonesia*, No. 1 (1966): 30-45.
- Elok Nur Afidah, "Kiai dan Pembaharuan Pendidikan Pondok Pesantren: Studi Kasus di Pondok Pesantren Darul Ulum Jombang," *Jurnal Antologi*, Vol. 15. No. 1 (2010): 187-196.
- Fahrudin Majeri Mangunjaya, "Developing an Environmental Awareness and Conservation Through Islamic Teaching," *Oxford Journal of Islamic Studies*, Vol. 22. Isu. 1(2003): 36-49.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, "Pondok Pesantren: Change and its Future," *Jurnal of Islamic and Arabic Education*, 2 (2) (2010): 45-52.
- George Makdisi, "Muslim Institutions of Learning in Eleventh- Century Baghdad," *Bulletin of the School of Oriental and African Studies, University of London*, Vol. 24. No. 1 (1991): 1 -56.
- Hasan Langgulung, "Pendidikan Menghadapi Abad Kedua Puluh Satu," *Jurnal Pendidikan Malaysia* (1987): 1-5.
- Hujair A. H. Sanaky, "Pendidikan Islam di Indonesia, Suatu Kajian Upaya Pemberdayaan," *Jurnal Pemikiran Alternatif Pendidikan*, Vol. 13. No. 1(2008): 15-24.
- Idham, "Menyingkap pemikiran Hukum Progresif Umar Bin Khattab," *Jurnal Varia Bina Civika*, No. 75 (2009): 1-13.
- Jones, W. Gavin, "Religion and Education In Indonesia," *Jurnal Indonesia*, No. 22 (1976): 19-56.
- Masrur, "Rekrumen Tenaga Pengajar pada pondok Pesantren Miftul Huda, Jawa Tengah," *Jurnal Islamika*, STAIN Kerinci, Vol. 11. No. 1(2011): 1-11.
- M. Bashori Muchsin, "Upaya Pondok Pesantren Dalam Pemberdayaan Masyarakat Sekitar Hutan," *Jurnal Wacana* Vol. 12. No. 2 (2009): 376-400.
- Murdan, "Pondok Pesantren Dalam Lintasan Sejarah, "Ittihad, *Jurnal Kopertais Wilayah XI Kalimantan*," Vol. 2. No.1 (2004): 33-45.

Nur Alia, "Pembaruan Pendidikan Islam Di Islamic Girls Boarding School (IGBS) Darul Marhamah Al-Irsyad Al-Islamiyah, Cileungsi, Bogor," *Jurnal Penamas*, Vol. 23. No. 2 (2010): 177-205.

Pam Nilam, "The Spirit of Education In Indonesia Pesantren", *Journal Sociology of Education, University of Newcastle*, Vol. 30. Isu. 2 (2009): 219-232.

Raihani, "Report on Multicultural Education In Pesantren", *Journal of Comparative and International Education*, Vol. 42. Isu. 4 (2012): 586-605.

Sri Haningsih, "Peran Strategis Pesantren, Madrasah dan sekolah Islam di Indonesia," *Jurnal El-Tarawwi Jurnal Pendidikan Islam*, Vol. 1. No. 1 (2008): 27-39.

Unang Sobandi, "Pengelolaan Pondok Pesantren, Strategi Belajar mengajar, dan Prestasi Belajar," *Jurnal Media Pendidikan*, Vol. 24. No. 1 (2009): 89-99.

KERTAS KERJA, DISERTASI DAN TESIS

Abdullah Ahmad. "Peranan Majlis Ta'lim Pondok Pesantren Jamiatul Ikhlasniyah Mukhtariyah Ambai terhadap Pengetahuan Agama Pada Masyarakat Ambai." Kertas Projek, Jurusan Ushuluddin, IAIN Sultan Taha Saifudin Jambi, 1996.

Efi Brata Madya. "Peran Pondok Pesantren Dalam Pengembangan Wilayah." Disertasi Program Pasca Sarjana, Universiti Sumatera Utara, 2003).

Imam Munajad. "Peranan Pondok Pesantren Dalam Pembangunan Pedesaan: Studi kasus Pondok Pesantren Maslakhul Huda." Disertasi, Institut Pertanian Bogor, 1998).

Md. Ramly Mahmood. "Peranan Pondok Dalam Pendidikan Islam Di Kelantan: Suatu Kajian Di Pasir Mas Kelantan." Disertasi, Universiti Malaya, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, 2005.

Muhammad Faishal. "Pondok Pesantren Wakaf Al-Mukhlisin: Sejarah dan Peranannya Terhadap Pendidikan Islam di Batu Bara (1997-2010) Sumatera Utara Indonesia." Disertasi, Universiti Malaya, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, 2012).

Nurul Mufidah. "Peran Pendidikan Pesantren Dalam Pembentukkan Kepribadian Santri (Studi di Asrama Pelajar Pesantren Darut Tauhid Bangil)." Disertasi Program Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, 2010).

Sameli. "Pondok Pesantren Salafiyah Sebagai Provider Pendidikan Luar Sekolah (Studi Kasus, Pengeleloan Lembaga Pondok Pesantren Pendidikan dan Perguruan Agama Islam Ketapang Kepanjen Malang)." Disertasi, Universiti Malaya, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, 2008.

Sukurman Spd. "Implimentasi Kurikulum Pendidikan Matematika di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhlasniyah Mukhtariyah Ambai." Kertas Projek, Universiti Jambi, 2007.

Laman Web dan Rujukan Akbar

Ekslopedia bebas, http://id.wikipedia.org/wiki/Gotong_royong.

[Elib.unikom.oc.id/filles/disk1/457/jbptunikomp.p-gdl-aguanyuwani-22808,laman_sesawang](http://elib.unikom.oc.id/filles/disk1/457/jbptunikomp.p-gdl-aguanyuwani-22808,laman_sesawang) dicapai 9 Mei 2013 dan “Defenisi Kaligarafi Menurut Bahasa dan Istilah”, mouzena. blogspot. Com /2013 /01 /definisi-kaligrafi-menurut-bahasa-dan.html., laman sesawang dicapai 9 Mei 2013.

Gerbang Ku Suka, <http://www.uin-suka.info/ind/index>, 16 April 2010.

http://www.Pondok_Modern_Darussalam_Gontor#Kurikulum_dan_Pelajaran.

Informasi Pendaftaran Santri Baru pondok pesantren Daar El-Qalam Tanggerang Jawa Barat, Tahun Ajaran 2013/2014 <http://www.Daarelqolam.ac.id/informasi/pendaftaran-santri-baru/#ixzz2PZepheON> dicapai 5/4/2013.

Jambi Ensiklopedia Bebas berbahasa melayu, <http://id.wikipidia.org/wki/Jambi>.

Jejak-jejak Budaya di Situs Orang Kayo Hitam, Balai Pelestarian dan Peninggalan, http://purbakalajambi.budpar.go.id/Dokumen/Relik%202008/Relik_0809.pdf. 4 April 2010.

Jendela Informasi Anak Jambi, <http://djambi-koha.blogspot.com/2009/03/sejarah-jambi.html>. 07 Mar 2011.

Kesultanan Jambi. http://id.wikipedia.org/wiki.Kesultanan_Jambi. 2 Mei 2013.

Letak Geografis Provinsi Jambi, <http://Jambicrew.blogspot.com/2007/09-29.html> dan Jambi Ensiklopedia Bebas, <http://id.wikipidia.org/wki/Jambi>.

Masuk dan Perkembangan Islam di Provinsi Jambi, <http://makalahanghia.blogspot.com/2012/09/masuk-dan-perkembangan-islam-di.html>. 4 April 2012.

Penerimaan santri baru di pondok pesantren Al-ukhuwah Sukoharjo Jawa Tengah tahun 2012-2013, <http://alukhuwah.com/index.php/component/content/article/74-penerimaan-santri-baru-pesantren-al-ukhuwah> sukoharjo solo tahun ajaran 1433/1434 2012/2013 pada 5/4/2013.

Penerimaan santri baru di Pondok Pesantren Modern Darussalam Gontor tahun ajaran 2012/2013, <http://www.kesantrian.com/2011/03/penerimaan-santri-baru-pondok-modern.html> dari sumber: www.kesantrian.com. Pada 5/4/2013.

Pengiat Kaligrafi Muda” *Metro Harian*, 30 Disember, 2012,18.

Pondok Pesantren Darussalam Gontor, <http://gontor.ac.id/>, Pada 23 February 2011.

Profil letak Wilayah Dalam Provinsi Jambi, <http://www.jambiprov.go.id>, 4 April 2010.

Sejarah Pondok Pesantren Tebuireng Wikipedia bebas, http://id.wikipidia.org/wiki/pondok_pesantren_tebuireng, 23 February 2011.

Sejarah, Peran dan Perkembangan Pesantren, <http://taimullah.Wordpress.com/2010/02/13>, April 2011.

Sejarah Jambi, http://sejarahbangsaindonesia.co.cc/1_6_Sejarah-Jambi.htm.


UU Sistem Pendidikan Nasional, <http://www.gudangmateri.com/2010/04/uu-sistem-pendidikan-nasional.html>.

Senarai Informen/Temu bual

No.	Nama	Jabatan	Tempat dan Tarikh Temubual
1	H. Ahmad Mukhtar	Pimpinan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai	Di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai, pada 14/03/2010.
2	Drs. H Darul Ulum	Pimpinan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup.	Di Asrama Santri Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, pada, 23/05/2012, 13/06/2012 dan 23/06/2012.
3	Ustaz Zulfahmi SpdI.	Kepala Bidang Hubungan Masyarakat Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup.	Di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, pada 13/06/2012.
4	Syafaruddin SE.	Kepala Tata Usaha Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup	Di rumah kediaman, Kampung Belui, pada 21/09/2012.
5	Drs. Sunarto	Pimpinan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum.	Di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum Kayu Aro, pada 19/04/2012.
6	Muhammad Qorib	Kepala Bidang Hubungan Masyarakat Pondok Pesantren Raudlatul Ulum.	Di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum, pada 17/04/2012.
7	Ustaz Suparman Sag.	Ustaz dan Ketua yayasan Pondok Pesantren Raudlatul Ulum.	Di Pondok Pesantren Raudlatul Ulum pada 13/05/2012.
8	Ustadz Suryono	Pimpinan Pondok Pesantren Darunnajah	Di Pondok Pesantren Darunnajah, pada 12/07/2012.
9	Ahmad Zukri	Alumni Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai 1999-2005.	Di Malaysia, pada 26/08/2012.
10	H. Rasul Abidin	Ketua Majlis Ulama Indonesia cabang Distrik Kerinci	Di Pejabat Cabang MUI di Kerinci, pada 18/05/2012.
11	Indra Widodo	Mahasiswa pasca sarjana IAIN Imam Bonjol Padang, Alumni Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai Tahun 2005.	Kerinci, pada 17/07/2012.
12	Drs Yarmalis	Mantan Kepala Depertemen Agama Daerah Kerinci.	Di Siulak pada, 27/7/2012.

13	Ustaz Afrizal SPdI,	Kepala Bahagian Penjaga Masjid Akbar Kota Sungai Penuh.	Di Masjid Raya Sungai Penuh pada, 27/7/2012.
14	Drs. H. Suardin	Kepala Depertemen Agama Daerah Kerinci.	Di Pejabat Depertemen Agama Daerah Kerinci pada 25/05/2012.
15	Dr. Haryadi	Alumni Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup dan ahli perubatan Mukim Gunung Kerinci.	Di Siulak Kerici, pada 27/7/2012.
16	Hamidi	Ketua kampung Hiang Karya	Hiang Karya, pada 23/06/2012.
17	Drs. Mahri	Kepala Kantor Urusan Agama Mukim Sitinjau Laut.	Sitinjau Laut Kerinci, pada 18/03/ 2010.
18	H. Abdul Qadir	Ustaz Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup.	Di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup pada 13/06/2012
19	Buya Abdurrahman	Imam Masjid Baitul Wahid Kampong Koto Sekilan Ambai.	Kampung Koto Sekilan Ambai Kerinci, 12/08/ 2011.
20	Hajjah Hasanah	Bendahari dan Ketua pengurus Majlis Taklim Kampung Semurup.	Di Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup pada 13/06/2012.
21	Siti Zahrom	Anggota Majlis Ta'lim Nurul Haq.	Di Semurup, 13/06/2012.
22	H. Abdul Mutallib.	Keluarga H. Mukhtar.	Di Ambai, 23/07/2011.
23	Lukman Paduko.	Kepala Madrasah Aliyah Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai.	Di Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai, 23/07/2011.
24	H. Fatoni	Tokoh Masyarakat Kerinci.	Sungai Penuh, 25/05/2012.
25	H Masturo HS	Ustaz Pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai.	Di pondok Pesantren Jamiatul Ikhsaniyah Mukhtariyah Ambai, 13/03/2010.
26	Dra. Rosmiah MPd	Pensyarah STAIN Kerinci Fakulti Tarbiyah Jabatan Bahasa Arab.	STAIN Kerinci 17/05/2012.
27	Albahri	Tokoh Masyarakat Mukim Gunung Kerinci	Di Siulak, pada 27/7/2012.

Lampiran 2 : Peta Kabupaten Kerinci, Provinsi Jambi, Indonesia



Lampiran 3 : Gambar-gambar yang berkenaan dengan Pondok Pesantren Jamiatul Ikhaniyah Mukhtariyah Ambai



Gambar 1: Gedung bertingkat 2 Pondok Pesantren Jamiatul Ikhaniyah Mukhtariyah Ambai pada tingkat atas merupakan ruang utama sebagai tempat solat berjemaah dan ruang tempat pengajian.



Gambar 2: Ruang Belajar Pondok Pesantren Jamiatul Ikhaniyah Mukhtariyah Ambai Tingkat Aliyah, lokasi di belakang merupakan perkebunan rakyat.



Gambar 3: Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhatriyah Ambai Ruang Kelas Tingkat Tsanawiyah.



Gambar 4: Pelajar Pondok Pesantren Jamiyatul Ikhsaniyah Mukhtariyah tingkat Tsanawiyah dalam proses belajar dan mengajar.



Gambar 5: Pelajar Pondok Pesantren Jamiatul Ikhshaniyah Mukhatriyah Ambai dalam ujian pendidikan pondok pesantren kelas 3 Aliyah dalam satu ruangan.



Gambar 6: Majlis ta'lim keluarga Syekh H Mukhtar dengan pengajian sebagai penceramah adalah Ustaz Lukman Paduko



Gamabar 7: Anggota majlis ta'lim pada acara majlis ta'lim yang ceramahnya diberikan oleh Ustaz Lukman Paduko.

Lampiran 4 : Gambar-gambar yang berkenaan dengan Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup



Gambar 1: Lokasi Pondok Pesantren Nurul Haq Semuru di lihat dari gerbang pintu masuk pondok pesantren.



Gambar 2: Taman dan lapangan bola sepak Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup yang dikelilingi oleh gedung kelas dan asrama santri.



Gambar 3: Asrama bersama untuk pelajar putri Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, setiap ruangan berisi sekitar 10 dan 12 orang pelajar.



Gambar 4: Asrama bersama untuk pelajar putra Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup, setiap ruangan berisi sekitar 10 dan 12 orang pelajar.



Gambar 5: Ruang Belajar Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup tingkat Aliyah.



Gambar 6: Ruang belajar tingkat Tsanawiyah Pondok Pesantren Nurul Haq Semurup

**Lampiran 5 : Gambar-gambar yang berkenaan dengan Pondok Pesantren
Raudlatul Ulum Kayu Aro**



Gambar 1: Nama yang menunjukkan letak Pondok Pesantren Raudlatul Ulum yang terletak disisi jalan Lintas Provinsi Jambi yang menghela ke Provinsi Sumatera Barat.



Gambar 2: Ruang belajar Pondok Pesantren Raudlatul Ulum yang terletak di sisi bukit perkebunan rakyat.



Gambar 3: Ruang belajar Pondok Pesantren Raudlatul Ulum bagi tingkat Aliyah.



Gamabr 4: Koperasi Pondok Pesantren Nurul Raudlatul Ulum yang bersebelahan dengan kantin milik Koperasi Pondok Pesantren Raudlatul Ulum

Lampiran 6 : Gambar-gambar yang berkenaan dengan Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri



Gambar 1: Ruang kelas Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri.



Gambar 2: Ruang kelas Tsanawiyah Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri.



Gambar 3: Ruang majlis guru Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri.



Gambar 4: Pondok Pesantren Darunnajah Bumbun Duri dilihat dari luar tepi jalan usaha tani rakyat

